

[DOKUMEN INI BELUM DISEMAK]

## PARLIMEN KESEBELAS

### PENGGAL PERTAMA MESYUARAT PERTAMA

---

<b>Bil. 17</b>	<b>Isnin</b>	<b>14 Jun 2004</b>
----------------	--------------	--------------------

---

## K A N D U N G A N

### RANG UNDANG-UNDANG:

- |  |              |
|--|--------------|
| Rang Undang-undang Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia 2004 | (Halaman 2)  |
| Rang Undang-undang Perlindungan Varieti Baru Tumbuhan 2004     | (Halaman 84) |

### USUL-USUL:

- |  |              |
|--|--------------|
| Menangguhkan Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga Rang Undang-undang  | (Halaman 1)  |
| Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat | (Halaman 51) |

### USUL-USUL MENTERI KEWANGAN:

Akta Kastam 1967 –

- (i) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.6) 2003  
- (P.U.(A) 369 bertarikh 25.9.2003)
- (ii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.7) 2003  
- (P.U. (A) 456 bertarikh 18.12.2003)
- (iii) Perintah Duti Kastam (Barang-Barang Berasal Dari Negeri-Negeri ASEAN) (Tarif Keutamaan Sama Rata) (Pindaan) (No.2) 2003  
- (P.U. (A) 457 bertarikh 18.12.2003 )

- (iv) Perintah Duti Kastam (Barang-Barang Berasal Dari Negeri-Negeri ASEAN) (Tarif Keutamaan Sama Rata) (Pindaan) (No.3) 2003
  - (P.U. (A) 471 bertarikh 30.12.2003)
- (v) Perintah Duti Kastam (Pindaan) 2004
  - (P.U. (A) 3 bertarikh 1.1.2004)
- (vi) Perintah Duti Kastam (Barang-Barang Berasal Dari Negeri-Negeri ASEAN) (Tatanama Tarif Berharmonis ASEAN Dan Tarif Keutamaan Sama Rata) 2004
  - (P.U. (A) 1 bertarikh 1.1.2004) (Halaman 131)

Akta Eksais 1976 –

- (i) Perintah Duti Eksais 2004 (ST.80)
  - (P.U. (A) 5 bertarikh 1 Januari 2004)
- (ii) Perintah Duti Eksais (Kenderaan Bermotor) (Bayaran) 2004 (ST.81)
  - (P.U. (A) 6 bertarikh 1 Januari 2004)
- (iii) Perintah Duti Eksais (Pindaan) 2004 (ST.114)
  - (P.U. (A) 92 bertarikh 1 Mac 2004) (Halaman 141)

**USUL DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 44(8):**

- Kenyataan Mengenai Angkat Sumpah Oleh Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor di Dewan Rakyat pada 17 Mei 2004
- Pertimbangan Dirujuk kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan. (Halaman 145)

**MALAYSIA**

**DEWAN RAKYAT**

**Isnin, 14 Jun 2004**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]  
*mempengerusikan Mesyuarat*]

---

**USUL**

**MENANGGUHKAN BACAAN BAGI KALI YANG KEDUA DAN KETIGA  
RANG UNDANG-UNDANG**

- i. Rang Undang-undang Fi (Taman Laut Malaysia) (Pengesahan) 2004**
- ii. Rang Undang-undang Racun Makhluk Perosak (Pindaan) 2004**

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani [Datuk Paduka Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 62 Rang Undang-undang Fi (Taman Laut Malaysia) (Pengesahan) 2004 dan Rang Undang-undang Racun Makhluk Perosak (Pindaan) 2004 yang dijadualkan dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini sebagai No. 3 dan No. 4 ditangguhkan bacaan bagi kali yang kedua dan ketiga dan dibawa ke mesyuarat akan datang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baik.

**RANG UNDANG-UNDANG****RANG UNDANG-UNDANG AGENSI  
PENGUATKUASAAN MARITIM MALAYSIA 2004****Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga****10.04 pagi**

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia 2004 dibaca bagi kali yang kedua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baiklah.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, Pengisytiharan Zon Ekonomi Eksklusif (ZEE) sejauh 200 batu nautika dari garis pangkal pada tahun 1980 telah memperluaskan tugas dan tanggungjawab negara ke atas zon ini. Di ZEE terdapat sumber kekayaan negara yang begitu banyak seperti sumber marin, minyak mentah, gas asli dan lain-lain lagi yang perlu dilindungi daripada sebarang pencerobohan. Selat Melaka yang sentiasa sibuk merupakan laluan perkapalan yang strategik perlu dikawal rapi bagi menentukan ianya sentiasa selamat. Kejadian rompakan yang melibatkan beberapa buah kapal asing dan sebilangan nelayan tempatan sungguhpun terkawal perlu dipatahkan. Pembolosan pantai negara oleh pendatang tanpa izin dan penyeludupan masih berlaku dan ianya perlu dibendung.

Keselamatan Selat Melaka sesungguhnya amat penting. Jika ianya tidak dikawal dengan rapi nescaya akan mendorong kuasa-kuasa asing untuk melibatkan diri dalam pengurusannya. Justeru kedaulatan negara akan tergugat. Pengisytiharan ZEE telah memperluaskan tugas agensi yang dipertanggungjawabkan mengawal dan mengurus hal-hal maritim. Penguatkuasaan undang-undang maritim negara pada masa ini diuruskan secara *sectoral* oleh 11 jabatan dan agensi kerajaan. Ianya melibatkan hampir 5,000 anggota dan lebih 400 buah kapal dan bot.

Dalam hubungan ini agensi-agensi yang berkaitan telah mengambil langkah bersendirian untuk mengembangkan organisasi dan menambahkan aset agensi

masing-masing sejajar dengan tanggungjawab yang diberikan. Meskipun pendekatan ini dalam konteks jabatan masing-masing ada keberkesanannya namun dalam konteks negara dengan begitu banyaknya agensi yang terlibat dalam aspek penguatkuasaan ianya telah menyebabkan pertindihan fungsi dan bidang kuasa, pertindihan kawasan operasi serta persaingan perolehan aset.

Pengurusan secara ini bukanlah merupakan pengurusan maritim yang efisien dan penggunaan aset yang optimum. Memandangkan keadaan ini dan komitmen kerajaan bagi menentukan keselamatan dan keamanan perairan negara sentiasa terpelihara, kerajaan telah menubuhkan satu kumpulan kajian yang diketuai oleh Bahagian Keselamatan Negara bagi meneliti cara dan pendekatan pengurusan maritim yang terbaik untuk negara bagi mengatasi masalah yang disebutkan tadi.

Berasaskan kajian dan perbincangan dengan semua pihak terutamanya agensi-agensi penguatkuasaan di laut serta syor kumpulan kajian, maka kerajaan berpendapat bahawa masanya sudah tiba untuk negara kita mengubah pendekatan penguatkuasaan maritim secara *sectoral* pada cara penguatkuasaan melalui satu agensi yang *singular* dan *dedicated* bagi menguatkuasakan segala undang-undang persekutuan di laut.

Justeru, kerajaan pada 21 Ogos 2002 memutuskan untuk menubuhkan sebuah agensi baru yang dinamakan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM). Penubuhannya akan dibuat melalui penggabungan aset-aset agensi maritim sedia ada terutama daripada Polis Diraja Malaysia, Cawangan Marin, Tentera Laut Diraja Malaysia, Jabatan Kastam Diraja Malaysia dan Jabatan Laut. Keputusan yang diambil kerajaan ini juga merupakan trend di kebanyakan negara berpantai yang lebih cenderung ke arah sebuah agensi yang khusus yang lebih dikenali sebagai *Coast Guard*.

Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi tujuan kerajaan dengan penubuhan agensi ini, ianya akan dapat melaksanakan fungsi-fungsi penguatkuasaan dengan lebih berkesan dan efisien bagi memastikan kesejahteraan dan keselamatan zon maritim Malaysia agar kepentingan maritim dan kepentingan lain negara dalam zon itu sentiasa terpelihara. Dengan itu agensi baru ini diberi fungsi-fungsi berikut:-

- (i) penguatkuasaan semua undang-undang persekutuan di laut;
- (ii) mengawal, mencegah dan menghapuskan kegiatan jenayah;
- (iii) mencari dan menyelamatkan ataupun *search and rescue (SAR)*;

- (iv) pengawasan kawasan maritim;
- (v) memberi bantuan pengangkutan agensi-agensi yang memerlukan; dan
- (vi) semasa darurat, krisis khas atau perang diletakkan di bawah perintah dan kawalan Angkatan Tentera Malaysia untuk membantu dalam pertahanan.

Fungsi dan kuasa agensi-agensi maritim yang lain yang ada kaitan dengan penggubalan dasar, kuasa kawal selia termasuk pelesenan, penyelidikan dan pembangunan, pemuliharaan sumber dan tugas-tugas lain yang tidak ada kaitan dengan penguatkuasaan dan mencari dan menyelamatkan masih dikekalkan dalam agensi berkenaan.

Bagi menentukan dan mengawasi hala tuju strategik, dasar-dasar dan proses pewujudan agensi baru ini, satu Jawatankuasa Pemandu Kebangsaan ditubuhkan yang dipengerusikan oleh Timbalan Perdana Menteri.

Selain daripada itu, empat kumpulan kerja ditubuhkan iaitu Kumpulan Kerja Pembangunan Organisasi, Kumpulan Kerja Semakan dan Penggubalan Undang-undang, Kumpulan Kerja Kewangan dan Aset serta Kumpulan Kerja Latihan dan Piawaian. Bagi melaksanakan keputusan jawatankuasa pemandu dan menyelaras serta merumuskan syor-syor kumpulan kerja, sebuah *team nucleus* telah diwujudkan.

Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia yang akan ditubuhkan ini merupakan sebuah agensi separa tentera – para military beruniform. Ianya mempunyai akta dan skim perkhidmatan tersendiri di samping akan juga mempunyai suruhanjaya perkhidmatannya sendiri. Bagaimanapun, di peringkat awal ini, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam dipertanggungjawabkan dahulu bagi menguruskan hal-hal pelantikan dan disiplin anggota-anggota agensi.

Di waktu aman, agensi ini merupakan sebuah agensi penguatkuasaan undang-undang, manakala di waktu perang ianya merupakan sebuah pasukan tentera yang akan diiktiraf sebagai *combatant* mengikut *Convention Geneva*. Sebagai sebuah angkatan separa tentera, anggotanya perlu mempunyai keberanian, disiplin dan profesionalisme yang tinggi. Perintah dan kawalan (*command and control*) yang efektif dan jitu sangat mustahak bagi menentukan agensi ini dapat memainkan peranannya dengan berkesan. Agensi ini akan mempunyai pangkalan-pangkalan di seluruh negara bagi menentukan penjagaan dan pemeliharaan keamanan dan keselamatan perairan negara dapat dilaksanakan dengan cepat dan berkesan. Agensi

ini dilengkapi dengan bot, kapal dan pesawat terbangnya sendiri dan mampu beroperasi 24 jam siang dan malam.

Kawasan tanggungjawab Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia adalah meliputi perairan dalaman, laut wilayah, pelantar benua, zon ekonomi eksklusif dan perairan perikanan dan termasuklah ruang udara di atas zon ini. Keluasan zon maritim negara meliputi 614,000 kilometer persegi iaitu dua kali ganda keluasan darat Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sedar bahawa untuk menentukan agensi ini dapat melaksanakan semua tugasnya dengan efektif dan efisien akan mengambil masa yang lama dan melibatkan kewangan yang tinggi. Justeru buat permulaan, kerajaan telah memutuskan untuk mengambil berperingkat-peringkat aset-aset daripada agensi yang sedia ada yang sekarang ini digunakan bagi tugas penguatkuasaan untuk diserahkan kepada agensi baru ini.

Buat permulaan agensi ini akan dilengkapi dengan 82 buah bot kecil dan sederhana. Selain daripada penyerahan aset-aset, anggota-anggota daripada agensi maritim sedia ada juga digalakkan untuk menyertai Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia.

Pendekatan ini diambil supaya tidak terdapat kelompangan dalam penguatkuasaan secara mendadak terutama di peringkat transisi. Dalam masa yang sama ianya memberi cukup masa kepada agensi ini untuk membangun dan berkembang secara kecil-kecilan dahulu sehingga ianya bersedia untuk melaksanakan tugas yang lebih besar dan lebih mencabar.

Bagi menentukan keselamatan dan keamanan negara sentiasa terpelihara, semua agensi keselamatan perlu bekerjasama di antara satu sama lain. Dalam konteks ini, agensi-agensi utama seperti Polis Diraja Malaysia, Tentera Laut Diraja Malaysia, Tentera Udara Diraja Malaysia dan Kastam akan bekerjasama dengan agensi ini dalam tugas penguatkuasaan dan menjaga ketenteraman di zon maritim negara. Dalam pada itu, peralatan-peralatan yang dimiliki nanti oleh agensi ini serta prosedur-prosedur akan menitikberatkan kemampuan untuk beroperasi secara bersama iaitu *inter-operability*. Agensi ini akan menggunakan prasarana-prasarana yang terdapat pada agensi sedia seperti kemudahan jeti dan premis.

Adalah menjadi tujuan kerajaan untuk melihat agensi ini memulakan operasinya pada bulan Mac tahun hadapan. Masa ini diperlukan bagi menentukan segala

persiapan logistik dan latihan dapat berjalan dengan sempurna dan lancar. Kerajaan yakin bahawa dengan tertubuhnya agensi baru ini, pentadbiran lautan ataupun *ocean governance* akan menjadi lebih efektif dan teratur dengan penggunaan sumber-sumber secara lebih optimum. Segala pembangunan dalam aspek penguatkuasaan, pemeliharaan sumber dan mencari dan menyelamatkan di laut akan dapat ditumpukan kepada sebuah agensi tunggal dengan tidak ada pertindihan fungsi. Adalah menjadi harapan kerajaan dengan tertubuhnya agensi baru ini, selain daripada meningkatkan kawalan perairan negara, ia juga akan menambah pendapatan negara melalui peningkatan hasil tangkapan ikan, pelancongan dan perkapalan.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menentukan agensi ini dapat memainkan peranannya dalam melaksanakan tanggungjawabnya secara sah dan mantap, maka Rang Undang-undang Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia 2004 ini dikemukakan pada persidangan Dewan yang mulia ini. Rang Undang-undang Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia 2004 ini mengandungi empat bahagian dan 19 fasal.

Bahagian I Rang Undang-undang ini memperkatakan mengenai perkara permulaan. Fasal 2 memberikan tafsiran kepada beberapa ungkapan yang digunakan di dalam Rang Undang-undang ini.

Bahagian II Rang Undang-undang mengandungi peruntukan mengenai penubuhan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia dan pelantikan pegawainya.

Bahagian III Rang Undang-undang memperkatakan tentang fungsi dan kuasa agensi penguatkuasaan maritim Malaysia.

Fasal 6 menyenaraikan fungsi Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia.

Fasal 7 memperuntukkan kuasa Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia dan Fasal 7(6) menyenaraikan aktiviti di kawasan maritim yang disifatkan sebagai memudaratkan keamanan, ketenteraman dan keselamatan Malaysia.

Bahagian IV Rang Undang-undang memperuntukkan mengenai perkara-perkara am seperti pendakwaan, status penyiasatan, perlindungan kepada pegawai-pegawai agensi, peruntukan koordinasi antara Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia dengan agensi-agensi penguatkuasaan lain, kuasa semasa darurat, krisis dan peperangan serta kuasa Menteri untuk membuat peraturan.

Fasal 9 memperuntukkan bahawa sesiapa yang memberikan maklumat mengenai kesalahan yang dilakukan boleh meminta agar laporan status penyiasatan



berkenaan diberikan kepadanya dengan syarat kesalahan yang dilakukan itu adalah kesalahan boleh tangkap dan tempoh maklumat itu diberikan telah melepasi empat minggu serta tidak memberikan kesan yang memudaratkan penyiasatan itu.

Fasal 10 memperuntukkan perlindungan kepada pegawai Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia mengenai apa-apa tindakan dilakukan atau ditinggalkan dengan suci hati dalam menjalankan tugasnya.

Fasal 12 membenarkan anggota Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia membawa senjata semasa menjalankan tugasnya.

Fasal 13, 14 dan 15 memperuntukkan mengenai kesalahan-kesalahan pembolosan, dahagi dan penderhakaan oleh Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia dan hukuman yang dikenakan.

Fasal 16 memperuntukkan bahawa Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia bersama dengan agensi-agensi penguatkuasaan lain hendaklah berkoordinasi, berunding dan bekerjasama serta saling bantu-membantu dalam melaksanakan tanggungjawab di bawah Rang Undang-undang ini.

Fasal 17 memperuntukkan bahawa Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia diletakkan di bawah perintah dan kawalan Angkatan Tentera Malaysia semasa darurat, krisis tertentu atau peperangan.

Fasal 18 memperuntukkan bahawa Ketua Pengarah Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia boleh mengeluarkan perintah-perintah tetap yang berkaitan dengan kawalan, latihan, tanggungjawab dan tugas pegawai-pegawai Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia. Perintah-perintah ini hendaklah tidak bercanggah dengan Rang Undang-undang ini.

Yang terakhir, Fasal 19 pula memberi kuasa kepada Menteri untuk membuat peraturan-peraturan yang perlu untuk tujuan pelaksanaan peruntukan-peruntukan di bawah Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Siapa sokong?

**Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal]:** Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baik. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan majlis ialah Rang Undang-undang bernama satu Akta untuk menubuhkan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia untuk melaksanakan

fungsi-fungsi penguatkuasaan bagi memastikan kesejahteraan dan keselamatan Zon Maritim Malaysia dengan tujuan melindungi kepentingan maritim dan kepentingan lain yang ada dalam zon itu dan bagi perkara-perkara yang perlu atau yang berkaitan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahaskan. Dungun.

#### **10.22 pagi**

**Datuk Rosli bin Mat Hassan [Dungun]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya pertamanya hendak merakamkan ucapan terima kasih dan tahniah kepada kerajaan kerana telah begitu proaktif dan pragmatik dalam menilai keadaan di negara kita sehingga dicadangkan pada hari ini Rang Undang-undang Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia 2004 yang telah diterangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri tadi.

Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk sama-sama menyokong supaya Rang Undang-undang ini dapat kita luluskan bersama dan berharap tindakan dan cadangan kerajaan ini dapat dilaksanakan dengan sebaik mungkin kerana masa memang telah sesuai, malah agak terlambat sedikit mengikut pandangan beberapa pihak seperti kita telah melalui suatu proses masalah khususnya dalam dua, tiga tahun yang lalu dengan beberapa negara jiran di dalam mendapatkan maklumat dan proses penguatkuasaan di kawasan 200 batu nautika yang ada yang memang kita walaupun telah agak disempurnakan oleh beberapa agensi kerajaan yang lain sebelum ini tetapi ia tidak dilihat sebagai suatu gerakan kawalan dan penguatkuasaan secara berkesan untuk kerajaan, negara dan rakyat kita.

Kebetulan dalam perbahasan kewangan minggu yang lalu, saya banyak bercakap tentang pembangunan koridor Pantai Timur di Semenanjung Malaysia termasuk juga koridor di Sabah dan Sarawak iaitu hasil lautan ataupun khazanah yang ada di dalam laut kita memang mempunyai potensi yang besar untuk dibangunkan dalam menggerakkan ekonomi negara. Saya ingin bertanya kepada kerajaan di dalam kita menjayakan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia ini, apakah ia juga akan bertindih dengan beberapa agensi kerajaan yang sedia ada yang telah menguruskan pengurusan di lautan kita, di kawasan maritim kita.

Saya ingin mencadangkan kepada kerajaan supaya walaupun Menteri mengatakan ia akan mempunyai kesan kewangan yang besar kepada penubuhan

agensi ini tetapi saya rasa adalah lebih baik kerajaan membuat suatu penilaian secara khusus supaya beberapa agensi yang dilihat agak bertindih dengan agensi ini seperti Polis Marin umpamanya dan Tentera Laut Diraja Malaysia supaya dapat kita gabungkan bersama di bawah agensi supaya ia dapat dilihat sebagai agensi ataupun jabatan insya-Allah mungkin jabatan yang akan menjalankan tugas dan tanggungjawab untuk mengurus, mengawas sebagaimana yang diterangkan dalam akta ini dengan lebih berkesan.

Agensi yang akan kita laksanakan ini sudah pasti akan membawa suatu keadaan yang boleh membawa keuntungan kepada kerajaan dan negara kerana sebagai Yang Berhormat Menteri jelaskan tadi, ada tiga perkara penting yang berada sebagai sumber ekonomi di negara kita. Kalau kita melihat di Laut China Selatan umpamanya, ratusan telaga minyak dan juga telaga gas yang telah ditemui sekarang ini untuk simpanan bagi masa depan negara amatlah bahaya sekiranya tidak ada penguatkuasaan dan kawalan di kawasan yang berkenaan ini.

Suatu telaga minyak mempunyai kos yang tinggi di dalam melaksanakan sebuah telaga minyak. Ada setengah telaga minyak mencecah sebanyak RM50 juta hingga RM60 juta dan setengahnya sehingga RM100 juta yang diuruskan sama ada melalui Petronas Cari Gali ataupun rakan kongsi yang telah dibenarkan oleh Petronas. Kita mempunyai ratusan telaga minyak di kawasan pesisiran pantai di kawasan Laut China Selatan yang berdepan dengan beberapa negeri di sebelah Semenanjung kita ini – Pantai Timur yang mana kalau tidak ada suatu kawalan yang serius oleh Bahagian Penguatkuasaan, maka saya tidak yakin di masa depan dengan suasana yang ada di persekitaran kawasan kita ini, dapat kita bendung dan ini akan menyelamatkan khazanah yang telah ditemui oleh kita sebelum ini.

Tuan Yang di-Pertua, seperkara lagi ialah berkenaan dengan kumpulan-kumpulan rakyat kita atau rakyat yang persempadanan dengan kawasan kita yang banyak mencari hidupan laut untuk dijadikan bahan-bahan komersial. Saya berkeyakinan sekarang ini oleh sebab kita mempunyai semangat untuk menguruskan hidupan laut kita dengan baik terutama sekali di kawasan-kawasan pesisiran pantai, di pulau-pulau yang pastinya seluruh negara kita ini diberi perhatian oleh kerajaan, melebihi daripada 40 buah pulau yang mempunyai potensi besar untuk dibangunkan sama ada dalam pengurusan hidupan lautnya ataupun juga dalam menarik perhatian pelancong-pelancong dari luar negara.

Jadi kesan kepada penguatkuasaan yang akan kita laksanakan nanti insya-Allah, ia akan memberi harapan baru kepada pengurusan hidupan laut ini yang mempunyai kaitan dengan pembangunan perikanan, pembangunan pertanian dan perkara-perkara yang berkaitan dengan pengurusan yang berbentuk saintifik dan teknologi dalam perkara-perkara yang berkaitan dalam kawasan maritim kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hal ini, saya mencadangkan kepada kerajaan supaya mengkaji sama ada Polis Marin dan beberapa jabatan lain harus disusun semula, dikecilkan kedudukan sebahagian daripada kakitangan mereka dan diserapkan dalam jabatan ini dengan meletakkan supaya jabatan ini menjadi sebuah jabatan yang mempunyai piawai pengurusan yang terbaik mungkin.

Saya kurang bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Menteri tadi supaya bermula dengan secara kecilan kerana jabatan ini sudah pasti akan menjadi sebuah agensi yang penting supaya kita dapat menjalankan pengurusan penguatkuasaan ini dengan lebih baik dan kita juga sedang berdepan dengan seperti di negara-negara lain yang mempunyai pesisiran pantai yang panjang tetapi dalam pendekatan di negara kita ini, keutamaan keselamatan dan penguatkuasaan terhadap keselamatan adalah penting kerana kedaulatan negara kita, keharmonian kita hidup dalam negara kita banyak bergantung kepada keselamatan di kawasan-kawasan yang banyaknya aktiviti-aktiviti yang kita dapati sebelum ini tidak dapat ditangani oleh agensi-agensi kerajaan sebelum ini tentang lanun, perompak ataupun pencari bahan-bahan hidupan laut yang sekiranya ia bertentangan dengan beberapa akta di bawah kementerian-kementerian lain.

Saya berharap agensi ini akan dapat bergabung dan menyediakan pakar-pakar dalam menguruskan bahan-bahan ataupun hidupan-hidupan ataupun aset-aset negara kita yang berada dalam kawasan maritim ini supaya bukan sahaja kita lihat dalam gerakan penguatkuasaan tetapi kita lebih kepada pengurusan bahan-bahan ini supaya kita juga mempunyai kepakaran dalam agensi ini agar ia dapat dengan izin, *liaison* dengan jabatan-jabatan lain.

Jadi, kita tidak hanya menjalankan gerakan penguatkuasaan tetapi juga kita mengurus bersama-sama dengan agensi lain kerana matlamat akta ini adalah untuk memberi suatu harapan baru kepada kita supaya kawasan maritim kita ini dapat kita awasi, menguat kuasa dan juga mengurus beberapa perkara yang telah disebutkan sebelum ini tadi.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap isu ini ataupun akta ini dapat kita jayakan kerana masa depan negara bukan lagi banyak bergantung kepada perkara-perkara yang berkaitan di atas bumi di kawasan negara kita ini. Oleh kerana keluasan darat sebagaimana yang dijelaskan oleh Yang Berhormat Menteri tadi ia merupakan dua kali ganda daripada kawasan yang ada di kawasan maritim kita ini, saya berkeyakinan negara dan rakyat kita dapat meneroka dalam bidang-bidang yang berkaitan dengan pengurusan maritim ini dan malah universiti-universiti sendiri telah menyediakan pengurusan sains dan teknologinya dalam membangunkan pengurusan di kawasan maritim ini.

Ada beberapa universiti telah menyediakan perkara-perkara yang berkaitan bukan sahaja soal-soal kejuruteraan minyak dan gas tetapi juga perkara-perkara yang berkaitan dengan botani, yang berkaitan dengan flora dan fauna di kawasan maritim yang saya rasa negara kita dengan izin ataupun dengan anugerah Allah S.W.T. telah menghadiahkan kepada kita untuk kawasan yang mempunyai di antara flora dan fauna yang jauh lebih baik daripada tempat-tempat atau di negara-negara lain yang terkenal seperti di Amerika ataupun di Australia.

Tuan Yang di-Pertua, cuma seperkara yang saya ingin sebut sebelum saya menamatkan ucapan saya pada hari ini ialah kelompongan yang ada di antara satu hingga 200 batu nautika ini yang mana kita tahu ia di bawah pengurusan dan hak penjagaan oleh kerajaan-kerajaan negeri. Kebanyakan para nelayan kecil banyak bergantung kepada penangkapan ikan di pesisiran pantai walaupun akta ini memberi fokus kepada 200 batu nautika ke atas tetapi kesannya juga ia bermula daripada pesisiran pantai bagaimanakah kita hendak membina sebanyak boleh jeti dan pelabuhan yang banyak pada masa-masa yang akan datang ini bukan sahaja ia akan menjadi suatu kawasan yang akan membangunkan kawasan maritim ini.

Kalau kita hendak membangunkan kawasan maritim Malaysia dengan berkesan, sudah pastinya beberapa jabatan kerajaan yang lain harus bersedia ke arah menyediakan jeti-jeti secara besar-besaran bukan sahaja untuk menguruskan penangkapan ikan tetapi juga untuk memberi peluang kepada rakyat kita dan juga rakyat di peringkat antarabangsa supaya mereka dapat meletakkan bot-bot besar mereka supaya jeti-jeti yang kita akan bina secara besar-besaran kalau boleh kerajaan menyediakan daripada seluruh kawasan pantai ini kita ini supaya aktiviti pelancongan, aktiviti ekonomi dan aktiviti lain yang akan berdepan di luar kawasan 200 batu nautika

ini juga akan menjadi aktiviti masa depan rakyat dan juga pelancong-pelancong kita di masa-masa hadapan ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita perlu juga ingat bahawa di pesisiran pantai biasanya rakyat yang ada di negara kita adalah merupakan rakyat yang miskin, yang rata-ratanya merupakan nelayan di negara kita ini. Kesan kepada penubuhan agensi penguatkuasaan maritim ini akan memberi kesan yang langsung kepada gerakan ataupun usaha-usaha yang akan diusahakan oleh nelayan kita di pesisiran pantai walaupun ia tidak akan melibatkan melebihi 200 nautika ini.

Saya berharap apabila jabatan ini ditubuhkan nanti, insya-Allah ia akan dapat diselaraskan dengan beberapa kementerian dan agensi-agensi kerajaan yang lain yang menguruskan nelayan-nelayan pantai kita supaya mereka tidak akan dibebankan dengan masalah undang-undang baru yang rata-rata memerlukan bimbingan daripada kerajaan.

Kita tahu bahawa nelayan pesisiran pantai ini kebanyakan mereka adalah di bawah pakej bantuan Kerajaan Pusat dan kerajaan-kerajaan negeri yang memang mereka ini adalah merupakan penghuni yang setia di pantai-pantai di negara kita. Saya berharap walaupun matlamat kita cantik dan indah untuk mengawal, mengurus dan juga menguatkuasakan kawasan maritim kita, tetapi janganlah sehingga ia dapat memberi kesan yang negatif kepada pembangunan nelayan-nelayan kita di pesisiran pantai di negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi ingin mencadangkan kepada kerajaan supaya jabatan ataupun agensi ini dapat diluluskan, dapat diberi sokongan bukan sahaja memberi keuntungan secara langsung kepada jangka panjang pembangunan maritim di negara kita tetapi ia juga harus dilihat secara positif supaya ancaman keselamatan dapat dibendung, dapat diuruskan dengan baik, insya-Allah, di samping dapat menyelesaikan masalah-masalah yang saya sebutkan tadi terutama sekali rakyat iaitu penunggu setia di pesisiran pantai yang ada di seluruh negara kita sama ada di pantai barat Semenanjung ataupun di pantai timur ataupun di pantai Sabah dan Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata itu, saya menyokong Rang Undang-undang Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia 2004. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Sri Gading.

**10.38 pagi.**

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

*Selat Melaka airnya jernih,*

*Nampak dari semua muara;*

Tuan Yang di-Pertua faham muara ya? Kuala sungai.

*Selat Melaka airnya jernih,*

*Nampak dari semua muara;*

*Dah lama hari rindu merintih,*

*Baru sekarang bersua muka.*

Ini pembukaan dalam sokongan saya kepada rang undang-undang penubuhan Agensi Jawatankuasa Maritim Malaysia ataupun Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia 2004.

Tepat dan amat kena pada masanya kerajaan pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, Perdana Menteri Malaysia, Kerajaan Barisan Nasional yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri memang mengambil langkah yang amat bijak.

Sudah lama kita mendengar Selat Melaka ini dengan cerita yang berbagai-bagai. Sebenarnya Selat Melaka ini sama tua dengan sejarah negara, sama tua, malahan Selat Melaka ini dikenali oleh pedagang-pedagang antarabangsa berabad-abad lamanya. Selat Melaka ini sinonim dengan Pelabuhan Melaka, zaman Kesultanan Melayu, zaman-zaman kolonial, zaman sebelum merdeka dan zaman sekarang. Kita mendengar cerita-cerita suka dan duka, cerita-cerita manusia dan kemanusiaan dan cerita-cerita yang menggambarkan kerakusan manusia dari segi penaklukan dan mencari kekayaan.

Maka itu cerita lanun, rupanya orang di sini cerita lanun ini pun bukan cerita baru. Saya ingat waktu kecil-kecil dahulu tengok wayang gambar cerita lanun, saya ingat lanun ini ada di sebelah Barat sahaja yang mata satu dan sebagainya. Rupanya cerita lanun ini sudah lama ada.

Dengan penubuhan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia ini saya harap perairan Selat Melaka ini yang menjadi kebanggaan kita malahan sudah menjadi perhatian kuasa besar. Tidak fasal-fasal kuasa besar mereka cuba hendak campur dan bagi saya ini sebenarnya satu percubaan secara halus penjajahan baru.

Syukur alhamdulillah Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pertahanan bagi pihak negara kita, cara bertegas di Singapura baru-baru ini telah menyatakan pendirian kita bahawa kita menolak campur tangan siapa pun kerana kita mampu dan memang kita mampu untuk mempertahankan keselamatan Selat Melaka atas dasar Selat Melaka ini kepunyaan mutlak kita walaupun kita berkongsi dengan Indonesia.

Saya tidak tahu Singapura ini di selatan. Sedikit sangatlah, dia terlibat dengan Selat Melaka ini sedikit sangat. Sedikit sangatlah, memang sedikit sangat. Alhamdulillah, dengan ketegasan itu kita harap ketegasan Malaysia itu akan dihormati oleh kuasa besar dan dengan kerjasama Indonesia, Singapura, kita mampu untuk menjaga keamanan dan keselamatan Selat Melaka dari apa juga pancaroba, apa sahaja seperti lanun, perompak, penyeludupan, pencerobohan dan juga orang-orang yang cuba datang ke negara kita secara tanpa kebenaran kerana mereka hendak mencari rezeki yang kepada mereka diceritakan bahawa Malaysia ini adalah sebuah negara yang mewah yang menjamin kehidupan, kemakmuran dan ekonomi.

Tuan Yang di-Pertua, saya bukan sahaja menyokong atas saranan undang-undang ini dan saya yakin rakan-rakan yang lain juga termasuk rakan-rakan daripada parti pembangkang sudah barang tentu, mereka juga sayang kepada negara ini akan memberikan sokongan kepada rang undang-undang ini untuk diluluskan dan mudah-mudahan selepas itu kerajaan akan bertindak mengikut rang undang-undang ini dalam melaksanakan tujuan-tujuan rang undang-undang ini diwujudkan.

Saya berharap pasukan penguatkuasaan yang akan ditubuhkan ini dilengkapi dengan kelengkapan-kelengkapan yang mengikut zaman. Kalau pakai bot kecil, tak main dah Tuan Yang di-Pertua, zaman sekarang ini. Tak main dah. Kalau kita sudah hendak wujudkan pasukan penguatkuasaan biarlah benar-benar ia boleh berkuasa, jangan sekadar ada-ada sahaja. Inilah kadang-kadang kita punya kelemahan asal ada. Itu sebabnya kadang-kadang kita tidak berkesan. Biarlah lengkap selengkap-lengkapnyanya.

Kalau pun agaknya hendak dikuatkuasakan pada bulan Mac 2005, maknanya, kita ada masa lapan, sembilan bulan ini, latihan ketenteraan kepada anggota ini harus agaknya ditingkatkan diberi begitu bersungguh-sungguh kelengkapannya – kapalnya. Ini kalau hendak mengejar kapal lanun pun kita tidak terkejar. Apa benda penguat kuasa ini. Hendak kejar tidak boleh!



Selat Melaka ini juga terbahagi dua. Kita punya lautan, lautan antarabangsa yang menjadi sempadan kepada Indonesia dan kita tidak boleh masuk perairan Indonesia. Kebanyakan lanun-lanun saya difahamkan, wallahualam, Selat Melaka di Pantai Barat kita, Selat Melaka ini ialah di Pantai Timur Sumatera, termasuklah daripada utara dia sampai selatan, sampai ke Lampong daripada Aceh, Riau, Padang, Jambi. Indonesia mempunyai beratus-ratus pulau sebenarnya. Siapa yang biasa naik kapal terbang daripada Senai, Johor Bahru, kita melintas Selat Melaka ini kita akan nampak taburan pulau-pulau kepunyaan Indonesia dan di sinilah tempat pelarian lanun-lanun ini.

Soal penguatkuasaan ini kita tidak tahu macam mana hubung kait kita dengan mereka yang berkuat kuasa di Indonesia. Apakah kita hendak jaga Selat Melaka di kawasan kita, selamatlah segala kapal dan selamatlah nelayan-nelayan kita. Selama ini nelayan-nelayan kita di Lumut, di Teluk Intan, Sungai Besar – Larut tidak termasuk Teluk Intan, Sabak Bernam di Selangor, Pulau Ketam di Selangor.

Saya difahamkan bahawa nelayan-nelayan kita kena memberi wang perlindungan kepada lanun-lanun, kalau tidak bot-bot, kapal-kapal penangkap ikan mereka akan dirosakkan ataupun dibinasakan. Jadi, dengan adanya penguatkuasaan ini, agensi penguatkuasaan ini dapat melindungi nelayan-nelayan kita ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Kalabakan.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Hoh, dengan segala hormat sahabat saya ini, jemput. Panjang pun tak mengapa. *[Ketawa]*

**Datuk Abdul Ghapur bin Salleh:** Yang Berhormat bagi Sri Gading menyentuh tentang persempadanan di antara Indonesia-Malaysia. Jadi, saya dari Kalabakan ini di sebelah Pantai Timur Sabah kecil hati juga kerana tidak disebut fasal perairan persempadanan di antara Sabah, Malaysia dan Filipina. Yang Berhormat bagi Sri Gading sering dengar dalam surat-surat khabar bahawa penculikan di kawasan-kawasan Sabah, di Pulau Sipadan, di Mabo dan lain-lain. Jadi, saya fikir Yang Berhormat mungkin perlu menyentuh tentang persempadanan daripada Filipina dan Malaysia juga. Terima kasih.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Terima kasih sahabat saya Kalabakan. Memang sepatutnyalah apa yang diperkatakan oleh Yang Berhormat bagi Kalabakan fasal perairan kita ini bukan Selat Melaka sahaja. Kita ada Laut Sulu – betulkan saya.

Kita ada Lautan China Selatan, ada satu lagi yang penting, Tuan Yang di-Pertua, bersetuju dengan saya, Selat Tebrau.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Dekat Johor Bahru.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Penting sangat fasal itu adalah sempadan dengan Selat Tebrau, Lautan Sulu, Lautan China Selatan. Memang kita biasa dengar kejadian-kejadian. Di sana lebih dahsyat penculikan. Patut agaknya Yang Berhormat Menteri yang membentangkan usul cuba agak-agaklah kita luaskan penguatkuasaan ini bukan sahaja setakat Selat Melaka, tetapi termasuklah lautan-lautan yang ada kaitan dengan kita seperti Lautan China Selatan, Lautan Sulu di mana banyak berlaku perkara-perkara yang merugikan rakyat kita.

Dengan adanya penguatkuasaan ini akan dapat melindungi kepentingan rakyat kita dalam urusan kehidupan sehari-hari mereka terutama kepada nelayan-nelayan yang memang mengharapkan keselamatan sewaktu mereka mencari rezeki. Jadi, dengan adanya ini nelayan-nelayan kita yang di Lumut, Teluk Intan, Sungai Besar, Pulau Ketam dan Sabak Bernam dan sebagainya yang ada di pesisir pantai barat negara kita ini akan terselamatlah daripada di..... apa maksud saya.....

**Datuk Tengku Adnan bin Tengku Mansor:** Ancam.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Diancam. Allah cantik betullah Putrajaya. Diancam oleh lanun-lanun, perompak-perompak, penjahat-penjahat, penculik-penculik, dan jenis syaitan inilah, apa bendalah boleh sebutlah. Tetapi itulah sebabnya agensi penguatkuasaan maritim ini harus mempunyai kekuatan. Jangan senampang patah, lailaha illallah, bulu roma mereka pun tidak ada apa. Selepas itu bot 25 kuasa kuda, *secondhand* pula hendak mengejar, lailaha illallah, Allah, tak terlawan. Jangan indah khabar dari rupa.

Apabila kita luluskan di sini...*[Terima nota dari Bentara]* – oh ada lagi, Laut Sulawesi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, itu siapa hantar nota?

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Yang Berhormat bagi Silam. *[Ketawa]* Tetapi betullah fasal undang-undang ini berkaitan dengan Sabah dan Sarawak. Jadi, apabila saya kekurangan maklumat, ditolong oleh kawan-kawan. Terima kasih daun keladilah, lain kali mereka datang undi lagilah.

Tuan Yang di-Pertua, pasukan ini menjadi pasukan yang kuat, gagah dan ditakuti. Bukan pula kita hendak tunjuk kegagahan kita secara sombong, tetapi biarlah kegagahan kita itu digeruni dan apabila digeruni pelaku-pelaku jenayah ini akan rasa bahawa mereka tidak selamat hendak beroperasi di Selat Melaka atau di mana-mana lautan negara kita ini kerana pasukan-pasukan keselamatan kita yang dibantu oleh tentera, yang dibantu oleh Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM), Tentera Udara Malaysia (TUDM), Polis Marin dan sebagainya

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** *[Bangun]*

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Jemput.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Terima kasih Yang Berhormat. Satu sahaja saya terkilan dan berasa kecil hati Yang Berhormat tidak sebut Sungai Petani. Kita juga ada laut iaitu di negeri Kedah kita ada laut luas yang bersempadan dengan Thailand dan juga *border* kita dengan Myanmar. Yang Berhormat sebut tadi mengenai dari segi keselamatan undang-undang itu untuk keselamatan. Apakah tidak Yang Berhormat memikirkan kita ini juga mempunyai kuasa tentera laut yang juga penuh dengan segala macam kelengkapan. Apakah Yang Berhormat merasakan kita perlu kelengkapan yang lebih daripada itu di bawah Jabatan Maritim umpamanya. Apakah itu yang dikehendaki oleh Yang Berhormat, dan ini memerlukan perbelanjaan yang lebih besar iaitu kita perlukan kapal-kapal yang besar.

Seperti mana kata Yang Berhormat tadi kita tidak hendaklah pakai kapal *secondhand* atau sebagainya. Apa pandangan Yang Berhormat. Jadi, Yang Berhormat sebutkan juga, kita di sebelah utara pun macam Pulau Langkawi yang besar, Kuala Perlis yang besar juga, jangan kita rasa terkilanlah Yang Berhormat dok sebut Selat Melaka sahaja. Terima kasih.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Kalau Yang Berhormat bagi Sungai Petani terkilan, saya pun terkilan sebab tidak sebut lautan yang dia sebut tadi. Oleh sebab tidak hendak sama-sama terkilan, saya sebutlah laut-laut apa yang tadi dikatakan sempadan dengan Thailand dan Myanmar, termasuklah yang itu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Sri Gading tidak ada?

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Saya tidak main laut, Tuan Yang di-Pertua. Laut kita tidak main, kita orang daratan. *[Ketawa]*

**Datuk Abdul Ghapur bin Salleh:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Jemput.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Sila.

**Datuk Abdul Ghapur bin Salleh:** Saya mahu bertanya kepada Ahli Yang Berhormat bagi Sri Gading berkenaan dengan penguatkuasaan yang disarankan. Kita nampak dalam akta seolah-olah kita mempunyai satu agensi baru. Saya tidak tahu bagaimana kekuatan yang ada di agensi ini kerana kita nampak dalam Seksyen 4(1) kita akan melantik Ketua Pengarah. Jadi, ini satu agensi, bererti kita mahu *define* apa kuasa agensi ini dan juga Angkatan Tentera....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, saya fikir mungkin Yang Berhormat Sri Gading pun tidak tahu jawab.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** *[Ketawa]*

**Datuk Abdul Ghapur bin Salleh:** Jadi, kita mahu kalau boleh dalam penggulungan nanti mungkin kalau tidak dapat dijawab oleh Sri Gading, kita minta penggulungan, kita mahu *define* kerja-kerja tentera, polis dan pengarah penguatkuasaan ini. Dalam undang-undang ada, dalam peraturan. Terima kasih.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat bagi Kalabakan. Memang ia agensi baru. *That's why* dia buat undang-undang, penubuhan jawatankuasa agensi penguatkuasaan maritim. Ia memang agensi baru dan peranannya kalau saya tidak silap, Tuan Yang di-Pertua kata saya tidak tahu jawab, saya boleh jawab Tuan Yang di-Pertua, cuma saya bukan menteri sahaja. Kalau saya menteri lagi lancar saya jawab ini. *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Tidak akan jadi menteri, Yang Berhormat. Bila akan jadi menteri?

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Wallahu alam, ini bukan kerja sayalah. Maknanya, ia agensi baru menambah kekuatan yang ada seperti Tentera Laut Diraja Malaysia, Polis Marin, Jabatan Laut, Tentera Darat, Tentera Udara, ia menambah. Dengan sebab itu ia ada Ketua Pengarah kerana pentadbirannya mesti duduk di bawah satu pentadbiran yang berkuasa untuk mentadbir ini yang juga nanti kalau semasa darurat dia duduk di bawah tentera...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Parit Sulong bangun.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Oh Parit Sulong, dia bukan ada laut, Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]*

**Tuan Syed Hood bin Syed Edros:** Saya punya tempat banyak parit, tetapi kalau parit besar-besar laut juga. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat bagi Sri Gading, kalau ikut apa Yang Berhormat kata sebentar tadi ertinya kita akan mempunyai banyak lagi penambahan jabatan-jabatan. Satu lagi budaya yang mungkin ada pada kita hari ini ialah budaya tolak menolak. Ertinya, apabila satu perkara berlaku nanti jabatan ini tolak jabatan ini, jabatan itu tolak jabatan itu. Akhirnya tidak ada satu jabatan pun ataupun benda yang berlaku macam sekarang berterusan sahaja. Jadi, saya minta Yang Berhormat bagi Sri Gading ulas sedikit.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Saya rasa tentang agensi penguatkuasaan maritim ini tidak akan berperanan tolak menolak. Dia tahu tugas dia, peranan dia seperti yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri yang membentangkan usul ini bahawa dia ada peranannya – mencegah penyeludupan, untuk melawan lanun dan sebagainya. Jadi, kalau ada perkara-perkara yang berkaitan dengan tugas dan peranan mereka, mereka tidak akan tolak peranan dan tugas ini kepada agensi yang lain. Walau bagaimanapun, oleh sebab laut ini luas dan banyak agensi yang terlibat mereka mungkin akan bekerjasama antara satu sama lain.

**Datuk Abdul Ghapur bin Salleh:** *[Bangun]*

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Jemput.

**Datuk Abdul Ghapur bin Salleh:** Tuan Speaker, saya belum berapa faham seperti yang dikatakan tolak menolak ini. Memang ada tolak menolak kerana agensi yang ditubuhkan ini mungkin tidak ada kelengkapan. Mereka mahu kerjasama dari polis, dari angkatan bersenjata, daripada tentera, Angkatan Laut, Udara dan lain-lain. Jika sekiranya mereka ini tidak dapat kerjasama ini semua, bolehkah mereka menjalankan tugas dengan sempurna?

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Kalabakan. Tuan Yang di-Pertua, kerjasama memang diperlukan dan soal tolak-menolak pada sayalah, mungkin agaknya kerana mereka ini terlibat dari segi mengawal keselamatan, tidak ada tolak-menolak untuk menjaga keselamatan negara, saya rasalah. Jadi, tidak timbul rasa saya tolak-menolak, mereka tahu peranan masing-masing.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat, Yang Berhormat sudah berucap selama 23 minit. *[Ketawa]*

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Tidak berapa panjang. *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Adakah banyak lagi?

**Seorang Ahli:** Kalau boleh teruskan.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** *[Disampuk]* Boleh saya bercakap lagi Tuan Yang di-Pertua? Ada masa lagi? Ada? Ada?

**Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan:** *[Bangun]*

**Tuan Ismail Sabri bin Yaakob:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ada dua yang bangun.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Aaa, ini penting. Yang Berhormat bagi Sabak Bernam ini penting Tuan Yang di-Pertua. Ini penting, dia ada laut dia, ada nelayan dia.

**Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat bagi Sri Gading. Cara gaya Yang Berhormat jawab memang dia layak jadi menteri, insya-Allah. *[Tepuk][Disampuk]* Saya bercakap mewakili Sabak Bernam, Sik dan kawan saya daripada Setiu. Dari segi agensi ini, saya rasa kita harus jangan tidak menyebut berkaitan dengan bahaya dadah yang merupakan musuh nombor satu negara.

Sebenarnya kita telah tahu dan diberi tahu bahawa salah satu daripada saluran bekalan dadah ini ialah daripada laut. Oleh kerana itu, apakah pandangan Yang Berhormat bagi Sri Gading tentang perkara ini? Terima kasih.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat bagi Sabak Bernam. Ini menambahkan lagi bahawa kepentingan agensi ini, menambah lagi bahawa memang tepat masanya agensi penguatkuasaan ini diwujudkan kerana antaranya, selain daripada perkara-perkara yang saya sebutkan tadi ialah hendak mencegah kemasukan dadah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Bera bangun.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Siapa? *[Disampuk]* Sila.

**Tuan Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak ada laut tetapi ada tasik. Dari segi penguatkuasaan, kalau kita lihat masalah yang dihadapi apabila kurang pegawai penguatkuasaan, ada kementerian

misalnya Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, diwujudkan kementerian khusus tetapi masalah kurang pegawai penguat kuasa, kadang-kadang cuma ada dua, tiga pegawai penguat kuasa. Jadi di dalam soal maritim ini, wujud undang-undang, wujud jabatan, wujud apa sahaja dari segi penguatkuasaan tetapi masih tidak ada tambahan, tidak wujudkan pegawai-pegawai baru ataupun kakitangan baru, saya rasa penguatkuasaan masih akan tetap tinggal pada takuk lama juga. Jadi, apa pandangan Yang Berhormat?

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Bera, bere, bera, bere, Bera? *[Ketawa]* Bera, ya? *[Disampuk]* Minta maaflah ya. Saya rasa tidak timbul kurang penguatkuasaan. Apa yang saya dengar dalam pembentangan Yang Berhormat Menteri, agensi yang baru ini akan dilengkapkan dengan seluruh anggota yang dipanggil penguatkuasaan. Dia bukan satu agensi lama, dia satu agensi baru yang penubuhannya mesti mengikut kelengkapan yang diperlukan.

Jadi apa yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Bera tadi itu memang, kita takuti supaya agensi penguatkuasaan ini ambil perhatian Yang Berhormat Menteri apabila kita berani membentangkan rang undang-undang ini dan rang undang-undang ini diluluskan bahawa pelaksanaannya jangan main-main, jangan separuh-separuh, jangan sekerat-sekerat, jangan ambil sambil lewa, jangan ambil asal ada. Dia mesti melengkap, mencukupi kehendak semasa dan dilengkapkan dengan keperluan di mana agensi ini diberikan tanggungjawab sebagai tugas dan peranan mereka, kenapa mereka ditubuhkan.

**Tuan Salahuddin bin Ayub:** *[Bangun]*

**Tuan Nasaruddin bin Hashim:** *[Bangun]*

Jadi, ini terpulang kepada kerajaan sebab apabila kita berani berumah di tepi pantai, ya, jangan takut dilambung ombak. Begitulah, apabila kita berani hendak meluluskan sesuatu rang undang-undang bahawa kerajaan mesti bertanggungjawab untuk melaksanakan segala fungsi dan tujuan matlamat rang undang-undang ditubuhkan supaya benar-benar ia memberi penguatkuasaan yang berkesan. Jemput. Ambil saudara saya yang di hujung sana dahulu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Kubang Kerian hendak minta penjelasan.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Yang Berhormat bagi Kubang Kerian.  
*[Disampuk]* Oh, oh! Ini dulu. Sedikit lagi habislah.

**Tuan Nasaruddin bin Hashim [Parit]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Parit memang tidak ada laut tetapi kerana kawasan yang tidak dijaga ini kepentingan negara,

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat bagi Sri Gading, kebiasaannya apabila agensi baru ditubuhkan terutamanya melibatkan banyak jabatan yang memberi kerjasama, selalunya pada peringkat awal pegawai-pegawai ini dipinjamkan daripada jabatan yang berkenaan, misalnya kastam, polis, dan dua tiga agensi yang lain. Jadi ini merupakan satu masalah kerana kadangkadangkang pegawai yang dihantar oleh jabatan asalnya tertakluk kepada mereka untuk memberikan pegawai yang macam mana, pegawai yang terbaikkah atau pegawai yang tidak dikehendaki oleh jabatan asal itu. Jadi, kalau ini berlaku maka Jabatan Penguatkuasa Maritim ini tidak akan mendapat pegawai yang terbaik.

Saya minta pandangan Yang Berhormat bagi Sri Gading, sama ada mereka perlu melantik pegawainya sendiri sepenuh masa, tetapi ini juga ada masalah kerana apabila sampai masa untuk naik pangkat, mungkin kekurangan ruang naik pangkat. Yang kedua, kalau berlaku juga pinjaman, kita mengharapkan agensi-agensi yang terlibat seperti polis dan kastam ini hendaklah menghantar pegawai yang terbaik, yang penuh dedikasi dan juga memberi kerjasama sepenuhnya supaya Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia ini dapat melaksanakan tugasnya dengan berkesan seperti yang diharapkan oleh pihak kerajaan. Terima kasih.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Parit. Saya setuju, memang itu yang banyak berlaku apabila pegawai-pegawai dipinjam-pinjamkan, pegawai-pegawai disandarkan ke jabatan lain. Jadi, benda-benda seperti ini akan merosakkan kekuatan ataupun fungsi yang sebenarnya yang boleh menyebabkan kegagalan. Jadi, saya harap apa yang diperkatakan oleh Yang Berhormat bagi Parit itu juga menjadi sebahagian daripada ucapan saya yang boleh diberikan penerangan oleh Yang Berhormat Menteri yang membentangkan rang undang-undang ini, agar benar-benar rang undang-undang ini akan benar-benar berkesan. Dengan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong rang undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Kubang Kerian.



**11.07 pagi**

**Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana mengizinkan saya mengambil bahagian dalam membahaskan Rang Undang-undang Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia 2004.

Tuan Yang di-Pertua, sejarah negara kita telah menyaksikan bagaimana sejak zaman Kesultanan Melayu Melaka, pada waktu itu dikenali sebagai *Venice Asia*, dan negara kita pada waktu itu dikenali sebagai *The Golden Peninsular* yang menjadi tumpuan kepada pedagang-pedagang yang datang ke rantau ini untuk tujuan perdagangan. Maka dengan itu saya melihat bahawa masalah keselamatan untuk menjaga perairan negara ini mestilah dijadikan suatu prioriti, satu keutamaan untuk berdepan dengan cabaran di peringkat global, di peringkat *international* dan juga di peringkat *regional*.

Saya melihat ancaman-ancaman ini seperti mana yang berlaku baru-baru ini hasrat Amerika Syarikat yang begitu menyimpan suatu minat dendam berahi untuk campur tangan di dalam pengawasan khususnya di kawasan Selat Melaka. Saya mengambil suatu perhatian yang cukup berat dan menyatakan dalam Dewan yang mulia ini bahawa kerajaan mestilah bertindak lebih tegas, di samping saya mengucapkan tahniah di atas kenyataan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri yang menafikan 100 peratus hasrat Amerika Syarikat untuk campur tangan di dalam masalah keselamatan dalam negara kita kerana *Donald Rumsfeld* sekali lagi di atas kapal perang mereka, USS Essex, sekali lagi telah menyatakan bahawa hasrat Amerika Syarikat yang memang mahu menempatkan pangkalan mereka di rantau Asia Timur Jauh ini selepas mereka membuat segala kebobrokan, mereka melaksanakan suatu bentuk peninggalan sejarah yang penuh dengan tinta hitam semasa mereka bertapak di *Cubic Bay* di Filipina pada suatu waktu dahulu.

Maka di dalam Dewan yang mulia ini, saya juga untuk mempertegaskan tentang kepentingan rang undang-undang maritim ini. Saya suka menyebut beberapa fakta yang telah dikeluarkan oleh Institut Maritim Malaysia (MIMA) bahawa sektor maritim ini telah menyumbang kira-kira 13 peratus daripada jumlah keluaran negara dalam tahun 1990 dan berdasarkan kepada fakta tersebut Kerajaan Malaysia telah menggalakkan industri berasaskan pembuatan dan eksport yang telah berkembang dengan pesatnya dari 13.1 peratus dan kemudiannya kepada 34 peratus menjelang

tahun 2000, di mana kita melihat pemangkin pada sektor ini ialah datangnya daripada sektor perikanan.

Jadi oleh itu perangkaan telah menunjukkan di sekitar 90 peratus dagangan luar dijalankan melalui kaedah pengangkutan laut. Jadi di sini kita melihat betapa pentingnya kita memelihara keselamatan perairan kita dan saya bersetuju bagaimana Malaysia hari ini mesti tampil ke hadapan untuk menubuhkan satu Unit Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia, yang diharapkan akan mempunyai integriti, mempunyai wibawa yang disegani oleh kawan dan lawan di rantau Asia Tenggara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya melihat juga bagaimana berlakunya ancaman di peringkat *regional* di mana sebagaimana yang disebut oleh sahabat-sahabat saya sebentar tadi tentang bagaimana kegiatan lanun yang telah menjadikan *profesion* ini sebagai misi utama mereka. Daripada mereka hanya menggunakan bot-bot secara tradisi dalam abad ke 14 dan abad ke 15, maka pada tahun 2000 ini, abad ke 21 ini mereka mula menggunakan peralatan yang semakin canggih. Mereka menggunakan bot-bot laju, mereka menggunakan senjata paling kecil rifel M16 dan sudah tentulah mereka mempunyai *rocket launcher* dan seumpamanya untuk berhadapan dengan ancaman yang mereka anggap boleh menggugat mereka.

Oleh itu di dalam perbahasan saya dalam hal saya membahaskan Rang undang-undang Perbekalan Tambahan, saya telah menyatakan betapa pentingnya Malaysia mempertingkatkan keupayaan, mempertingkatkan peruntukan yang lebih besar kepada Kementerian Pertahanan untuk memiliki senjata-senjata dan peralatan-peralatan yang mampu untuk mendepani ancaman yang semakin meningkat di peringkat *regional* ini.

Kemudian kita juga melihat bagaimana berlakunya suatu keadaan di mana kita terpaksa berhadapan dengan suatu sempadan perairan yang begitu besar, yang begitu luas iaitu sepanjang 900 batu nautika. Yang ini sudah tentu kita melihat ancaman ataupun masalah yang dihadapi oleh unit penguat kuasa ini akan benar-benar menguji sejauh manakah kita akan mampu berhadapan dengan ancaman ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin bertanya kepada kementerian yang berkenaan ini, bagaimana persediaan kita dan bagaimanakah, adakah kita telah mula mengenal pasti tentang kekuatan yang ada pada kita. Adakah yang saya maksudkan dengan unit penguatkuasaan ini, adakah kita dapat mampu bersaing dengan unit-unit lain, kalau tidak pun berdiri sama tinggi duduk sama rendah, paling tidak pun kita

mencapai *standard* antarabangsa sebagaimana yang kita lihat yang ada pada *American Coast Guard*, *Australian Coast Guard* dan *Singapore Coast Guard* dan seumpamanya yang sudah tentu kita melihat senjata-senjata mereka dan peralatan mereka sudah tentu berada pada tahap yang cukup membanggakan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya juga ingin mengajukan beberapa persoalan yang berkaitan dengan rang undang-undang ini. Yang pertama sekali, saya ingin menyebut tentang apa yang disebutkan sebagai laut wilayah.....

**Tuan Bernard S. Maraat:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, .....

**Tuan Salahuddin bin Ayub:** Kalau kita menyebut dan membahaskan rang undang-undang ini, saya ingin membahaskan tentang tafsiran ataupun perlukah ditafsirkan kembali tentang laut wilayah kita. ...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat.

**Tuan Salahuddin bin Ayub:** Ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Pensiangan bangun.

**Tuan Salahuddin bin Ayub:** Ya.

**Tuan Bernard S. Maraat:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Kubang Kerian, hanya menambah. Kita lihat kekuatan negara jiran kita iaitu Singapura dalam maritim mereka khususnya *coast guard* di mana Singapura pada ketika ini mempunyai pesawat-pesawat yang terlalu canggih, umpamanya yang boleh mengesan iaitu *Eyehawk*, dengan izin. Kapal-kapal yang ada di perairan sama ada di perairan Selat Melaka ataupun perairan yang berhampiran dengan Singapura. Adakah Yang Berhormat mengetahui bahawa Singapura mempunyai kekuatan udara mereka yang lebih canggih kalau dibandingkan dengan negara kita? Terima kasih.

**Tuan Salahuddin bin Ayub:** Terima kasih dah sudah tentu saya bersetuju dan saya telah nyatakan secara *detail* dan saya menekankan dalam ucapan saya sebelum ini bahawa kita perlu ada kelengkapan yang semasa dan yang paling canggih kalau boleh dan bukan bertujuan untuk kita bersaing dengan Singapura, bukan bertujuan untuk kita berperang dengan mereka, bukan tujuan untuk kita bertempur dengan mereka, tetapi untuk menunjukkan suatu komitmen kita terhadap hasrat kita dan cita-cita kita dan iltizam kita untuk kita menjadikan negara kita benar-benar mampu dilihat sebagai sebuah negara. Dan kalau kita tidak mahu Amerika Syarikat campur

tangan sudah tentu kita mahu negara kita memiliki segala bentuk kekuatan yang boleh dilihat oleh kawan dan lawan supaya Malaysia benar-benar boleh mengawal Laut China Selatan, Selat Melaka dan laut-laut yang berkenaan.

Saya sambung Tuan Yang di-Pertua, tentang penafsiran semula pada laut wilayah, pelantar benua, zon ekonomi eksklusif dan seumpamanya. Di sini dalam menyatakan tentang zon maritim Malaysia ini, saya ingin mempersoalkan kepada menteri yang berkenaan tentang Laut Wilayah erti perairan wilayah sebagaimana yang ditentukan dalam Seksyen 3, Ordinan Nombor 7/19694 iaitu undang-undang yang dibuat semasa Darurat tahun 1969.

Peruntukan Seksyen dalam (1) Ordinan ini berbunyi lebarnya perairan Malaysia ialah 12 batu nautika. Adakah ini hanya mengikut pada undang-undang asal iaitu yang hanya mengikut *Canon Short Rule* iaitu amalan zaman dahulu di tembak peluru meriam daripada pantai kemudian jatuh 3 batu nautika hanya sekadar itu sahaja yang dikatakan sebagai laut wilayah? Kenapa pula setelah kita melihat dalam mana-mana undang-undang sekali pun akan berlaku pembangunan perubahan dan seumpamanya daripada laut wilayah manusia mula membincangkan tentang pelantar benua. Daripada pelantar benua manusia dan mana-mana undang-undang negara dalam dunia ini pula membincangkan tentang zon eksklusif, sebagaimana saya melihat suatu era baru dalam mendefinisikan semula tentang laut wilayah ini berlaku pada masa Henry Truman menjadi Presiden Amerika Syarikat iaitu 28 September 1945 di mana kita melihat pengisytiharan Truman yang mula melihat bahawa sempadan maritim ini perlu diperluaskan dan ini sudah tentu kita melihat Malaysia secara langsung juga terlibat di dalam mendefinisikan semula tentang apa yang dikatakan sebagai laut wilayah ini?

Tuan Yang di-Pertua, soalan saya kepada kementerian ini adalah mengapakah Malaysia masih mengekalkan had wilayah perairan negeri hanya kepada 3 batu nautika. Kenapa ini masih dikekalkan, sedangkan bagi had negara adalah seluas 12 batu nautika tentang *territorial waters* ini. Jadi dalam membahaskan tentang rang undang-Undang ini, saya juga ingin mengaitkan tentang hasil mahsul, tentang segala khazanah-khazanah dalam Laut China Selatan dan Selat Melaka yang terdapat dalam kawasan 12 batu nautika dalam apa yang dikatakan laut wilayah di peringkat negeri, 3 batu nautika dan juga di peringkat pelantar benua.

Jadi sudah tentu ini melibatkan hasil-hasil yang sangat berharga khususnya saya ingin mengaitkan dalam Dewan yang mulia ini, tentang hasil petroleum yang dibangunkan melalui Akta Kemajuan Petroleum 1974. Di sini kita melihat setelah penemuan telaga minyak yang begitu besar dan memberikan sumbangan besar kepada negara di telaga-telaga dalam wilayah Terengganu maka sekarang ini ditemui pula beberapa telaga dalam kawasan ataupun wilayah negeri Kelantan Darul Naim.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) **mempengerusikan mesyuarat**]

Jika mengikut peruntukan Seksyen 4, Akta Kemajuan Petroleum 1974. kerajaan negeri dan Kerajaan Persekutuan mengikut perjanjian dengan Petronas untuk mendapat balasan atas penyerahan hak petroleum sebanyak 5%, iaitulah bayaran tunai kepada kerajaan negeri dan juga kepada Kerajaan Persekutuan. Maka dengan penemuan telaga minyak di daerah Kelantan walaupun masih dipertikaikan tentang sempadan wilayah antara Malaysia dan Thailand tetapi mengikut Seksyen 7, Akta pihak berkuasa bersama Malaysia/Thailand 1990, akta ini kemudian diwartakan pada 30 Ogos 1990 mana pihak berkuasa ini hendaklah membayar kepada Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Thailand sebanyak 5% dalam bentuk royalti. Tetapi masalah yang saya ingin tanya kepada menteri yang berkenaan ialah kenapa dalam hal ini Kerajaan Negeri Kelantan tidak mendapat apa-apa bahagian....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Yang Berhormat tidak ada kena-mengena royalti minyak dengan maritim.

**Tuan Salahuddin bin Ayub:** Tidak saya Tuan Yang di-Pertua, fasal sempadan Tuan Yang di-Pertua. Jadi di sini sempadan maritim yang melibatkan pelantar benua dan yang melibatkan laut wilayah antara negeri dan laut wilayah di peringkat negara, yang ini yang saya hendak kaitkan.

Kemudian akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, saya dalam Dewan yang mulia ini, saya sekali lagi menegaskan bahawa ancaman-ancaman yang saya sebut sebentar tadi mestilah diambil sebagai suatu *indicator* penting, sebagai faktor yang akan menyumbang kepada kredibiliti agensi penguatkuasaan ini.

Saya mengharapkan bahawa apa yang dinamakan oleh agensi penguatkuasaan ini mestilah, saya bersetuju dengan rakan-rakan yang lain bahawa

jangan bermula di peringkat kecil-kecilan. Ia satu perkara yang sangat serius yang telah mula mendapat perhatian di peringkat antarabangsa dan yang paling penting ialah nama baik Malaysia, imej Malaysia dan juga wibawa Kerajaan Malaysia dalam mengurus Selat Melaka dalam menghadapi ancaman globalisasi yang juga kita mesti membuktikan kepada dunia luar, khususnya Amerika Syarikat bahawa Malaysia memang mampu untuk mengawal Selat Melaka ini berdasarkan kepada kekuatan yang mesti kita bina daripada masa ke semasa yang melibatkan sejumlah kewangan yang mesti diperuntukkan kepada unit ini dan saya mohon menyokong usul ini Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Santubong.

**11.23 pagi**

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya bukan sahaja menyokong Tuan Yang di-Pertua, bahkan dua, tiga tahun yang lepas saya pernah berbincang di Dewan ini, untuk mencadangkan kepada pihak kerajaan melihatkan lautan kita ataupun tepian pantai kita terdedah kepada apa sahaja perkara yang boleh mendatangkan kemudaratan kepada negara ini. Saya menyarankan supaya kerajaan menubuhkan apa yang saya sebut dalam cadangan dan bahasan saya ialah badan yang digelar *coast guard* untuk Malaysia.

Alhamdulillah pada pagi ini undang-undang ini telah dibawa ke Dewan ini, tetapi Tuan Yang di-Pertua, apa yang tinggal kita tidak tahu apa nama pegawai ini nanti, kerana kalau Polis Diraja Malaysia pegawainya ialah pegawai polis. Kalau tentera, tentera laut di laut, tentera darat di darat dan tentera udara di udara. Pegawai kastam dan Imigresen semua termasuk dan disebut dalam perundangan ini. Dan pegawai ini adakah kita mengatakan pegawai *coast guard* ataupun pegawai macam mana nama yang diberi kepada mereka ini nanti?

Jadi ini kerana negara-negara lain seperti contoh yang pernah saya sebut ialah negara Amerika. Jadi kita mahu jugalah mengetahui *title* yang kita beri kepada pegawai ini sebagai penjaga pesisiran laut Malaysia. Saya tidak mahu terkilan sebagaimana yang telah berlaku disebutkan oleh kawan-kawan pagi tadi bahawa laut daripada Kelantan dengan batasannya dengan Thailand menyusul semua sampai ke Singapura dan Laut Selat Melaka sampai lagi berjumpa dengan batasan Thailand di sebelah Perlis dan sampailah dari Sarawak, Tanjong Datuk hingga ke Miri dan terus

sampai ke Sabah hinggalah kita berjumpa ke batasan Indonesia di sebelah Sabah. Ini amat panjang kalau tidak salah mempunyai lingkungan yang tidak kurang daripada 3,500 kilometer panjangnya. Inilah tempat yang perlu dijaga yang akan dikawal oleh pegawai di bawah penguatkuasaan maritim undang-undang Malaysia nanti.

Jadi saya mengatakan tahniah kepada kerajaan dan tahniah kepada menteri yang telah membawa undang-undang ini ke Dewan kerana aspirasi dan kehendak Ahli Dewan telah juga mendapat ingatan dan penerimaan oleh pihak kerajaan.

Saya menyentuh perkara yang kedua iaitu memang sudah tepat masanya kita membawa undang-undang ini dan memperketatkan penjagaan lautan kita di pesisiran pantai berbentuk *coast guard* ini kerana tersebut dalam undang-undang ini mengatakan apakah teras ataupun objektif yang unggul undang-undang ini iaitu di bawah Seksyen 6 (3) A,B dan C iaitu melaksanakan tugas, mencari dan menyelamatkan maritim, bagi pengawalan dan pencegahan pencemaran maritim, bagi pencegahan penyekatan pelanunan dan bagi pencegahan dan penyekatan pengedaran haram dadah narkotik. Jadi ini amat luas sekali dan benda yang perlu diambil kira oleh pihak kerajaan. Saya tidak bersetuju bahawa kita membuka dan menyokong apa yang telah ditegaskan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, ada yang bangun Yang Berhormat. Maran Yang Berhormat.

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Tunggu sekejap. ...yang ditegaskan oleh Menteri Pertahanan semasa di Singapura bahawa kita tidak bersetuju langsung pihak Amerika campur tangan dalam perairan kita. Tidak setuju langsung kita mesti, semua rakyat Malaysia, semua wakil rakyat mesti menunjukkan ketegasan ini yang kita tidak mahu campur tangan Amerika. Saya beri sebab kemudian ini, saya beri laluan kepada Yang Berhormat Maran.

**Tuan Haji Ismail bin Haji Abd. Mutalib:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Santubong. Saya hendak minta pandangan dari Yang Berhormat Santubong, kalau kita lihat banyak undang-undang dan peraturan telah pun kita buat, kita laksanakan di negara kita di pelbagai kementerian dan pelbagai jabatan dan saya ucapkan tahniah kepada kerajaan kerana membentangkan rang undang-Undang ini dan menubuhkan unit penguat kuasa maritim ini. Cuma kadang-kadang kita menjadi kecewa kerana apabila kita melaksanakan undang-undang dan kita melatih pegawai-pegawai penguat kuasa yang diberikan amanah dan tanggungjawab bagi

melaksanakan undang-undang yang telah dibentangkan dan diluluskan itu tetapi malangnya sebahagian daripada mereka tidak semua telah gagal melaksanakan penguatkuasaan undang-undang ini dan sebaliknya telah pecah amanah ataupun belot dan mengakibatkan undang-undang yang kita kuatkuasakan ini tidak dapat dilaksanakan dan telah melahirkan ataupun menimbulkan banyak masalah kepada kerajaan.

Begitu juga walaupun seluruh kita benci kepada Amerika dan kita menghalang Amerika masuk ke negara kita dan seandainya kita melantik pegawai-pegawai penguat kuasa yang tidak bertanggungjawab dan tidak cintakan negara, saya rasa tidak mustahil negara kita akan musnah apabila adanya orang-orang seperti ini.

Saya ingin bertanya dan minta pandangan Yang Berhormat dan mungkin pihak kerajaan, apakah langkah-langkah yang dibuat oleh kerajaan dalam memastikan supaya ahli-ahli penguat kuasa maritim ini nanti akan terdiri dari mereka yang mempunyai kesetiaan, sayang dan amanah serta cinta kepada negara supaya apa juga undang-undang dan peraturan yang ditetapkan ini dapat kita pertahankan. Sekian, terima kasih.

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Terima kasih Yang Berhormat. Yang pertama saya ucapkan terima kasih kerana menyokong pendirian bahawa kita tidak mahu pihak Amerika datang campur tangan dalam kawasan dan wilayah perairan kita, yang mana kita boleh uruskan sendiri dan kita mengambil satu langkah ke hadapan lagi supaya kita mewujudkan undang-undang dan satu badan lagi, satu agensi kerajaan, bukan unit, satu agensi kerajaan yang menjaga 3,500 kilometer *coastal* Malaysia.

Dari Kelantan pergi ke Perlis, dari Sarawak sampai ke Sabah, kita hendak jaga perairan kita. Kita tidak katakan ini unit, ini adalah satu jabatan atau angkatan yang besar yang berkemampuan mempertahankan perairan Malaysia daripada kemasukan dadah, lanun, pencuri dan sebagainya. Jadi, kita tegas dalam soal ini.

Persoalan kedua, soal pegawai. Saya bersifat terbuka bahawa pegawai kerajaan yang telah dilantik semuanya atau kebanyakannya memang bersikap baik dan berkhidmat dengan cemerlang dan baik, tetapi ada segelintir kecil yang telah menjadi seekor kerbau yang membawa lumpur hingga yang lain terpalit. Jadi, kerajaan mesti berjaga-jaga dengan mengenal pasti siapa pegawai yang membawa lumpur ini hingga mencemarkan nama jabatan mereka.



Kita berharap jabatan ini sebagai jawatan yang diberi kuasa, yang mempunyai kuasa yang besar akan memegang amanah yang telah diberikan oleh pihak kerajaan. Jadi, ingat, Tuan Yang di-Pertua, persoalan campur tangan Amerika. Kita lihat campur tangan Amerika dalam peperangan di antara Iran dan Iraq – diberi senjata, galakan, sumbangan dan latihan kepada pihak Iraq. Apabila Iraq tidak diperlukan lagi, sekarang Iraq dibom, dihentam, dibunuh dan ditangkap. Dulu disokong – Saddam Hussein disokong, diberi duit dan senjata kerana benci kepada Iran. Apabila Iraq tidak diperlukan lagi, Saddam Hussein tidak mendengar kata, ambil kayu, pukul. Kalau tidak cukup ambil kayu, pukul, ambil bom, bom.

Macam mana dia buat dengan *Pinoche*, macam itulah dia buat dengan sesiapa sahaja. Kita suruh Amerika masuk campur tangan dalam negara kita, beri latihan, senjata dan tentera kepada kita, tidak lama selepas itu kata kita buat bom hendak bom negara Amerika, dia datang sini hentamlah, lancar *seven fleet* akan datang dalam masa 10 minit. Hentam negara Malaysia. Dia tidak senang tengok Petronas Twin Tower itu. Jadi, kita hendak jemput dia datang sini. Singapore buat apa? Ia satu titik di hujung Malaysia itu sahaja.

Kita tahu *the concern*, dengan izin, rakyat Singapura ataupun pentadbir Singapura ialah kerana aliran ataupun Selat Melaka adalah selat yang tersibuk di dunia dari segi perdagangannya membawa ke Eropah ke negara Timur jauh dan Asia. Walau bagaimanapun, kita menunjukkan bahawa kita bersedia, menunjukkan bahawa kita mengambil tindakan yang khusus dan kita perlu berunding dengan pihak Indonesia dan Singapura di mana semangatnya ASEAN.

Kita bangkitkan semangat ASEAN, bekerjasama di antara ASEAN ini, kita janganlah jemput Amerika. Kita sekarang sudah melihat Australia menyokong pendirian kita dan menyokong pendirian yang dibawa oleh Timbalan Perdana Menteri Singapura. Kita patut bertegas. Kita tidak hendak jadi Iraq, dibom selepas menjadi kawan. Mana-mana negara yang Amerika masuk, selepas itu mesti dimusnahkan oleh pihak Amerika. Kita tidak boleh terima perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, berbalik kepada badan maritim Malaysia ini. Saya memang amat bersetuju dengan apa yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Sri Gading tadi. Apabila kita wujudkan satu badan penguat kuasa sebagai badan maritim penguat kuasa ini, kita perlu menyediakan dari sekarang. Saya cukup yakin dalam Bajet 2004 ini, kita tunjukkan bahawa kita boleh menyokong dan meluluskan

peruntukan yang mencukupi di Dewan ini untuk memberi kelengkapan yang canggih, moden dan *advanced* untuk badan maritim ini.

Kalau tidak, Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Yang Berhormat bagi Sri Gading cakap janganlah pakai perahu enjin 25 kuda, janganlah pakai senapang *shortgun*, tembak 100 meter pun peluru sudah jatuh ke bawah. Orang lanun pakai enjin 1,000 kuda, empat enjin, 250 kuda dia pasang empat biji, bot mana yang hendak ikut dia, hendak *hot pursuit* dia.

Jadi, kita mestilah bersedia untuk meluluskan dan mencadangkan sumber kewangan untuk badan ini untuk membeli bot-bot yang tertentu yang canggih, baru, moden dan yang mempunyai semua cukup. Kelengkapannya mestilah cukup. Kelengkapan bukan sahaja bot, kalau kita lihat *coast guard* di Amerika, mereka mempunyai *rescue helicopter* yang boleh terbang apabila keadaan cuaca tidak baik. Cuaca yang boleh mendatangkan kemudaratan, gelombang di laut yang begitu besar dan mereka inilah keluar, tidak boleh *coast guard* ini berpeluk tubuh apabila gelombang laut besar, taufan dan ribut - keluar kerana nelayan dan pelaut kita perlu diselamatkan dan kapal di lautan yang dalam keadaan berbahaya dan perlu diselamatkan.

Maknanya dalam keadaan yang begitulah, pegawai ini bertugas nanti. Dalam keadaan yang mencabar, begitulah pegawai ini perlu keluar untuk menyelamatkan orang lain. Dalam keadaan yang sedemikian, kalau kita beri helikopter sudah berumur 8 tahun, masya-Allah, Tuan Speaker, belum kita keluar ke pesisiran pantai, kita sudah berhenti di pantai itu, sudah tidak dapat. Janganlah perkara ini berlaku.

Kalau kita lihat *coast guard* di Amerika mempunyai *remote sensing* dia sendiri, *satellite connection* dia sendiri, satu bilik kawalan yang canggih dan besar, tidak ubah macam kawalan tentera laut Amerika itu juga yang diberi kepada pihak *coast guard*.

Begitu jugalah latihan. Umpamanya kalau *coast guard*, sebelum seseorang pegawai itu dibenarkan memegang *steering* kapal itu, *coast guard* di Amerika dia mesti melalui satu ujian dan latihan khas kepada satu kapal di satu kawasan yang mana gelombangnya sampai 50 atau 60 kaki tinggi dan kalau seseorang itu tidak mabuk laut, tahan dan dia boleh menjalankan dan menyelamatkan botnya, baru dia dibolehkan memegang ham ataupun *steering* kapal *coast guard* di Amerika.

Jadi, kita mencadangkan supaya latihan yang diberi kepada pegawai-pegawai dalam penguatkuasaan maritim Malaysia ini nanti, sama hebatnya, sama canggih

latihannya dan sama kuat dorongannya, kita beri kepada pegawai-pegawai kita. Bahkan jauh lebih baik daripada pegawai laut atau *navy* kita latihannya kerana *navy* memegang senjata dan tembak dari jauh tetapi mereka ini menyelamatkan orang yang jatuh ke laut. *Helicopter pilotnya* mesti lebih canggih dan lebih handal daripada *navy pilot*.

Perundangan, Tuan Yang di-Pertua, di bawah ini kita dibenarkan untuk *hot pursuit* di bawah undang-undang ini, di bawah Seksyen 7 perenggan (e), *hot pursuit*, apakah ertinya *hot pursuit* ini. Adakah *hot pursuit* ini hanya dalam perairan kita sahaja atau boleh merentas perairan orang lain? Umpamanya kalau lanun, perompak, pencuri atau orang bawa dadah lari ke dalam kawasan Indonesia, Philippines atau Thailand, apakah tindakannya. Adakah kita sampai di perbatasan yang kita tahu, kita kata *bye, bye* atau membuat perhubungan dengan orang di Thailand, Indonesia ataupun Philippines sahaja? Adakah *hot pursuit* ini kita boleh sampai ke pulau atau ke daratan di mana mereka ini melarikan diri dan kalau ya, apakah tindakan sebagai satu *treaty*, perjanjian di antara kita dengan Indonesia, Thailand, Philippines ataupun Singapura.

Tuan Yang di-Pertua, ini amat penting. Kalau tidak, undang-undang ini tidak akan berkesan. Saya dimaklumkan di perairan Sabah, penjual enjin bot Yamaha dari Sarawak disuruh memasang satu bot dengan empat enjin. Satu enjin 200 *horse power*. Bot polis mungkin hanya 500 *horse power* tetapi dia pasang empat biji, sudah 800 *horse power*. Macam mana polis hendak kejar? Yang saya tahu, orang beli, saya jual. Jadi, saya memang mengetahui bahawa orang ini bukan menggunakan enjin ini untuk kebaikan sivil biasa ataupun perdagangan biasa. Tujuannya mestilah untuk melarikan diri daripada pihak polis, daripada pihak tentera laut ataupun mana-mana agensi yang cuba mengejar mereka dalam melaksana aktiviti-aktiviti mereka.

Jadi, persoalannya *hot pursuit* ini, apakah tindakan susulan oleh pihak kerajaan nanti untuk berbincang terus dengan pihak Indonesia, Philippines dan Thailand termasuk juga Singapura supaya angkatan ini, keselamatan maritim kita ini boleh membuat *hot pursuit* ke dalam penguasaan perairan, jajahan negara-negara lain dan kerjasama yang kita buat mestilah ketat dan bersama supaya kita mengatasi masalah supaya tidak payah menjemput pihak Amerika untuk menyelamatkan keadaan dalam kawasan negara kita.

Dari segi itu, Tuan Yang di-Pertua, banyak latihan yang perlu dibuat, jauh lebih canggih latihannya diberi daripada pihak polis atau tentera laut dan tentera darat. Saya mencadangkan supaya kerajaan menubuhkan satu akademi pelaut khas untuk memberi latihan kepada pegawai-pegawai dalam penguasaan maritim Malaysia ini supaya mereka ini mempunyai satu kepakaran. Kita lantik, kita jemput orang lain yang mempunyai kepakaran yang sedemikian supaya memberi latihan dan mewujudkan satu akademi untuk melatih anak bangsa kita sendiri untuk mengawal negara kita sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, yang keempat, ada...

**Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ada yang bangun, Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Arau.

**Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail:** Terima kasih Yang Berhormat. Atas pentingnya keselamatan negara kita, juga kepada rakyat kita dan seterusnya nelayan-nelayan kita, adakah Yang Berhormat bersetuju sekiranya kita patut ada satu pasukan khas tindak kilat, pasukan bersepadu yang di"*based*"kan, dengan izin, di lautan dalam sepenuh masa supaya boleh bertindak bila-bila masa? Dengan itu, barulah kita boleh menjamin nelayan dan rakyat kita juga kepada negara jiran kita bahawa angkatan tentera lain yang tidak bersangkutan paut dengan kawasan ini tidak bercampur tangan langsung. Terima kasih.

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Tuan Yang di-Pertua, saya belum mengetahui sebenarnya sejauh manakah garis panduan yang akan diberi kepada pihak Jabatan Penguatkuasaan Maritim Malaysia ini nanti bertindak. Adakah mereka sebagaimana Yang Mulia Yang Berhormat bagi Arau sebut sama ada dia duduk di *base* sahaja, tidak membuat satu *patrol* atau dia *patrol* dalam kawasan perairan kita sahaja ataupun dia pergi ke lautan zon ekonomi eksklusif kita, *patrol* mereka yang mereka buat.

**Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail:** Yang Berhormat, maksud saya ialah di"*based*"kan, maknanya mereka di atas satu kapal khas untuk bertindak balas secara mengejut.

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Ya. Oleh kerana saya belum mengetahui itulah saya tidak boleh menjawab. Berkemungkinan ini boleh dibuat oleh pihak penguat kuasa maritim ini supaya kita mempunyai satu kapal di perairan kita

dalam lingkungan zon ekonomi eksklusif kita, mengadakan satu kapal yang khususnya untuk menjaga keselamatan para nelayan kita di lautan dalam, yang mana kita sudah diberi lesen dan diberi kebenaran untuk mengeksploitasi kekayaan lautan kita dan jangan nelayan kita yang tangkap, selepas itu dijual ataupun dihantar ke negara lain ataupun dicuri oleh pihak lanun dan sebagainya. Jadi, ini adalah penting juga oleh kerana ini termasuk dalam garis panduan tugas dan bidang kuasa badan ini.

Persoalannya, bolehkah kita mengadakan kapal yang sedemikian, yang mungkin boleh pergi sekurang-kurangnya seminggu sekali ataupun dua minggu sekali. Dua minggu sekali, selepas itu baru balik, mungkin dalam masa satu, dua atau tiga hari. Tetapi kita perlulah mengadakan dua atau tiga biji kapal sedemikian, supaya menjadi satu kapal induk, di mana ia akan membuat satu patrol yang berterusan semasa seminggu ataupun dua minggu, sebelum balik ke daratan dan membuat tindakan cepat dan tepat pada masanya apabila berlaku kecemasan ataupun bantuan yang diperlukan oleh pihak nelayan kita di lautan dalam.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh soalan pangkat tetap sebagai bandingan. Di sini, dalam undang-undang ini, ada menentukan bahawa pegawai dalam ini akan diselaraskan pangkat mereka dengan pegawai yang berpangkat dalam jabatan polis, kastam, imigresen dan sebagainya. Dalam memastikan pangkat ini, amat wajar sekali kita berbincang di antara jabatan untuk mengetahui tahap dan kedudukan pegawai-pegawai ini nanti.

Ini, amat penting dibuat secara awal, oleh kerana apabila berlaku darurat dan kecemasan, yang mana Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong akan menentukan harinya, masanya dan ketikanya dan deklamasikan masa darurat tersebut, maka badan atau jabatan ini akan diletakkan di bawah arahan pihak tentera.

Jadi, dalam keadaan sedemikian, penyelarasan pangkat ini dengan pihak tentera yang tidak disebut dalam undang-undang ini, patut juga kita kenal pasti, kerana kita bimbang apabila berlakunya darurat, penyerapan berlaku, pegawai tidak mengetahui di mana letaknya kedudukan mereka dan arahan sebagai mengalami perkara yang sama. Saya telah mengalami perkara yang sama semasa bertugas sebagai pegawai *field force* dahulu, lima tahun bercampur dengan pihak askar, *navy* dan tentera udara, kita mendapati oleh kerana koordinasi dan penetapan pangkat ini telah tetap, kita tidak mengalami sebarang masalah.

Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat bagi Kubang Kerian menyentuh soalan laut wilayah dan saya cukup yakin bahawa hujah Yang Berhormat, menyarankan supaya kita mengkaji semula laut wilayah ini, jangan ditetapkan kepada tiga batu daripada pesisiran tepian pantai, oleh kerana sebab-sebab ekonomi seperti Yang Berhormat sebutkan tadi dan juga sebab itulah maka, Petronas tidak perlu dan hak itu adalah hak Kerajaan Pusat. Jadi, dimaklumkan bahawa, kalau pesisiran ini dipanjangkan dengan sendirinya, kerajaan negeri bolehlah mendapat hasil sebagai mutlak dan wajib diberi kepada mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak begitu yakin dengan pendirian ini dan tidak bersetuju, oleh kerana kerajaan negeri tidak mempunyai agensi penguat kuasa. Kalau kita lihat undang-undang ini, agensi penguat kuasanya ialah penguat kuasa Maritim Malaysia iaitu Kerajaan Pusat. Polis juga di bawah Kerajaan Pusat. Tentera juga di bawah Kerajaan Pusat. Tetapi, kalau satu-satu kawasan itu diserahkan kepada pihak kerajaan negeri, dengan sendirinya negeri akan membuat lesen, syarat dan pelbagai lagi, tetapi dalam masa yang sama, pihak kerajaan negeri tidak berkuasa untuk menguatkuasakan apa sahaja yang berlaku dalam kawasan sedemikian. Jadi, dalam keadaan sedemikian, cukuplah tiga batu itu ke laut pantai, sudah mencukupi untuk kerajaan negeri.

Saya mengalami sendiri Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua berhubung dengan kuasa ini. Saya pernah diminta oleh pihak polis dahulu, membuat pengajian perundangan maritim kita, perundangan *shipping* kita, kajian undang-undang sungai kita serta menyelaraskan bagaimanakah undang-undang ini boleh diselaraskan, supaya kita mempunyai cukup pegawai penguat kuasa untuk menentukan lesen-lesen permit *approval* yang kita beri daripada peringkat negeri itu, boleh dikuatkuasakan.

Jadi, kalau kita bincang dengan polis, polis kata, ini kuasa pihak kerajaan negeri, undang-undang kerajaan negeri. Jadi, kerajaan negerilah yang buat kuasa. Polis sibuk dengan kerja-kerja lain. Jadi, oleh kerana perkara ini berlaku, maka kita janganlah meminta lagi kuasa yang berlebihan, walaupun tujuan kita hendakkan sumbangan ataupun perolehan ekonomi yang berlebihan daripadanya, tetapi dalam masa yang sama, kita tidak mempunyai kuasa undang-undang, tidak mempunyai angkatan yang mencukupi untuk menguatkuasakan undang-undang. Ini adalah kerana, polis, tentera laut, *coast guard* ini nanti akan berada di tangan Kerajaan Pusat

dan Kerajaan Pusat akan mempunyai kuasa mutlak untuk melaksanakan undang-undang ini.

Yang akhir Tuan Yang di-Pertua ialah, soalan yang kecil iaitu berhubung dengan apa yang disebut di dalam Seksyen 7 iaitu laluan ikhlas. Laluan ikhlas ini tidak melihat dalam undang-undang ini, bahawa siapa yang memberi kebenaran ataupun kelulusan untuk sebuah kapal atau sebuah bot yang mendapat laluan ikhlas dan bagaimanakah mekanismenya dibuat.

Kalau sebagaimana yang diamalkan sekarang atau dipraktikkan sekarang, laluan ikhlas diberi oleh pihak Jabatan Laut Malaysia dan laluan ikhlas ini dihantarkan kepada kapal yang tertentu dan barulah ia boleh memasuki perairan Malaysia. Pihak penguat kuasa sebagai polis marin dan *navy* boleh memeriksa kapal-kapal yang tertentu, yang mempunyai satu sijil ataupun surat yang mengatakan mereka telah mendapat laluan ikhlas ini.

Jadi, untuk menyenangkan lagi, saya mengetahui bagaimana rumitnya permohonan dan penyampaian laluan ikhlas ini kepada kapal-kapal, bagaimanakah mekanisme yang akan dibuat, supaya semua jabatan yang di laut, *navynya*, polisnya dan juga termasuk dengan *coast guard* ini nanti, mendapat salinan dan pengetahuan ataupun maklumat berhubung dengan sijil, *certificate* ataupun kelulusan laluan ikhlas ini.

Tuan Yang di-Pertua, yang terakhir sekalilah, soalan mengenai.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Dua kali terakhir Yang Berhormat.

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Ya?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, akhir.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Dua kali akhir.

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Ini, akhir dan akhir sekalilah. Akhir yang akhir sekalilah. Soalan ini kecil sedikit sahaja, boleh diakhiri dengan kenapakah hukuman orang yang *mutiny* dahagi ini, saya pun pertama kali pandang *word* ini. Dahagi ini, tempoh dia lima tahun tetapi tidak ada menunjukkan bahawa *nature of seriousness* dengan izin, *mutiny* berlaku kepada anak-anak kapal semasa di laut. Kita lihat, dalam satu situasi, umpamanya. Kalau kita mempunyai satu kapal *coast guard* yang berada di lautan dalam, 200 kilometer daripada pesisiran laut dan

anak-anaknya mendatangkan *mutiny* dan pegawai ditangkap ataupun disimpan atau dibuang ke laut.

Kalau ini berlaku, hukuman yang dibolehkan, ialah hanya lima tahun penjara dan tidak memberi kebebasan bagi pihak hakim ataupun mahkamah untuk mengenakan hukuman yang lebih tinggi dan lebih keras lagi kepada pihak yang melakukan dahagi ini. Jadi, saya meminta supaya pihak kementerian memikirkan semula atas soalan hukuman yang boleh dikenakan kepada mereka, yang melakukan penderhakaan atau ketidaksetiaan dalam kapal ataupun di luar kapal, dalam jabatan ini kalau kita bandingkan dengan kesalahan-kesalahan yang boleh dibuat oleh pihak-pihak askar, pihak *navy*, pihak tentera udara dan polis dalam keadaan kesalahan, ketidaksetiaan yang sama. Dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Beluran.

**11.55 pagi.**

**Tuan Ronald Kiandee [Beluran]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya turut serta membahaskan Rang Undang-undang Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia 2004 yang sedang dibincangkan ini. Saya, terlebih dahulu ingin mengalu-alukan usaha kerajaan untuk mewujudkan satu *one-stop-agency* penguatkuasaan terhadap perairan laut kita, terutama di Selat Melaka.

Kita lihat bahawa, Selat Melaka merupakan perairan yang begitu sibuk, begitu penting keselamatannya yang harus dijaga oleh kerajaan. Akhir-akhir ini, apabila ada pihak yang ingin membawa pihak ketiga untuk mengawal keselamatan, langkah untuk mewujudkan Agensi Penguatkuasaan Maritim, merupakan satu langkah dan pendekatan yang akan menentukan bahawa soal keselamatan Selat Melaka dan rantau ini merupakan hak yang perlu dimiliki oleh negara-negara yang terlibat dalam menjaga keselamatan perairan dan juga rantau ini.

Saya, amat bangga dengan pendirian kerajaan untuk mengekalkan rantau ASEAN ini sebagai rantau yang bebas, aman dan berkecuali dan tanpa dilibatkan oleh mana-mana kuasa lain, baik daripada segi penjagaannya, pengawalan keselamatannya dan juga daripada segi pengawasan perairan yang ada di rantau ini.

Tuan Yang di-Pertua, Selat Melaka seperti yang dikatakan penting bagi negara daripada segi perdagangan dan juga laluan perairan. Tetapi, dalam berbincang



keselamatan perairan, kita tidak boleh lari daripada turut serta membincangkan keselamatan perairan yang lain, terutama Laut Sulu dan juga Laut China Selatan.

Kedua-dua perairan ini merupakan perairan yang penting di negeri Sabah dan juga di negeri Sarawak. Saya mengalu-alukan Agensi Penguatkuasaan Maritim ditubuhkan dan ini merupakan satu manifestasi keseluruhan rakyat Malaysia untuk melihat keselamatan perairan kita akan terus dikekalkan selamat, bukan sahaja untuk perdagangan tetapi untuk perairan.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat perairan di Sabah, terutamanya di Laut Sulu dan juga Laut China Selatan, merupakan satu perairan yang boleh dikatakan *volatile*. Insiden penculikan, insiden lanun, insiden *smuggling*, penyeludupan, merupakan insiden-insiden yang sering kali kita baca dan berlaku di dua perairan ini, iaitu perairan Laut China Selatan dan juga Laut Sulu.

Insiden yang paling popular sekali iaitu insiden penculikan di Pulau Sipadan yang juga berlaku insiden penculikan di *Borneo Paradise Resort*, di Lahad Datu dan juga yang terakhir, insiden penculikan anak-anak kapal *tug boat* yang juga melalui Lautan Sulu untuk keluar ke negara asing, ke negara lain seperti Papua New Guinea, juga berlaku di kawasan dua perairan ini.

Dalam keadaan yang begini, keadaan penculikan, penyeludupan, keadaan *volatile neighbors* yang ada dan keadaan *coastline* yang begitu panjang di Sabah dan Sarawak kini, saya ingin tahu, adakah kerajaan melalui agensi penguatkuasaan ini akan mengadakan satu *base* penguatkuasaan di negeri Sabah?

Dalam konteks penguatkuasaan, saya melihat bahawa *base* merupakan satu keperluan untuk diwujudkan dan saya yakin sekiranya kerajaan mempunyai perancangan untuk mengadakan *base* yang lain daripada di tanah Semenanjung ini, yang berhampiran dengan Selat Melaka. Sabah merupakan tempat di mana ada *base* yang harus diwujudkan oleh kerajaan untuk memastikan soal keselamatan perairan umpamanya Laut China Selatan dan Lautan Sulu dapat dijaga dengan baik dan efisien.

Dalam konteks yang sama, pewujudan *base* atau pewujudan Agensi Penguatkuasaan Maritim (APMM) ini, akan melibatkan latihan bagi semua kakitangan yang terlibat, yang akan diambil untuk bekerja sebagai penguat kuasa bagi undang-undang ini.

Saya juga ingin tahu sama ada keperluan untuk latihan bagi *base* ini juga akan dilihat sebagai keperluan yang harus diwujudkan oleh kerajaan baik di semenanjung dan juga di kawasan Sabah dan Sarawak. Tuan Yang di-Pertua, saya bersependapat dengan rakan-rakan yang lain di mana negara kita mempunyai undang-undang yang begitu banyak dan juga penguatkuasaan yang dijalankan oleh setiap aspek kehidupan kita dan di dalam melaksanakan keberkesanan penguatkuasaan bagi mana-mana undang-undang yang ada, soal kelengkapan peralatan dan soal keupayaan kakitangan merupakan dua aspek yang tidak boleh lari dan tidak boleh diketepikan dan harus diambil dititik berat oleh kementerian dalam menentukan penguatkuasaan bagi mana-mana undang-undang yang ada di negara ini dapat dijalankan dengan berkesan.

Kalau kita lihat jabatan-jabatan yang dimasukkan di dalam APMM ini ianya terlibat PDRM Cawangan Marin, Jabatan Perikanan, Jabatan Kastam dan Jabatan Laut. Saya tidak ada kerisauan, keraguan terhadap PDRM dari segi tenaga kakitangan yang ada. Tetapi dalam konteks Jabatan Perikan, Jabatan Kastam dan Jabatan Laut, agensi-agensi ini perlu dinaiktarafkan keupayaan kakitangan yang ada setakat ini. Jabatan Perikanan umpamanya dalam penguatkuasaan terhadap Akta Perikanan, Jabatan Kastam, Akta Laut dan sebagainya masih banyak ruang untuk memperbaiki keupayaan kakitangan.

Justeru itu Tuan Yang di-Pertua, aspek keupayaan kakitangan dan latihan harus menjadi tekanan terhadap kejayaan APMM ini. Saya ingin cadangkan agar semua kakitangan yang terlibat dalam melaksanakan penguatkuasaan maritim terutama di jabatan-jabatan baru seperti Jabatan Perikanan, Kastam dan Laut agar tahap keupayaan kakitangan dijadikan sebagai keperluan yang harus dititik berat oleh kementerian, kerajaan untuk menentukan kejayaan APMM ini.

Kita lihat APMM akan beroperasi selama 24 jam, satu hari suntuk siang dan malam. Kerana itu kelengkapan merupakan aspek yang penting harus dilihat, kita lihat dalam memburu penyeludupan-penyeludup aspek-aspek kelajuan bot ronda yang ada *accessibility* bot ronda terhadap kawasan cetek ataupun di kawasan berbatu, risikan dan juga keperluan bekalan-bekalan minyak yang sepenuhnya dan sebagainya harus dilihat sebagai keperluan yang tidak sahaja boleh diperolehi bagi tempoh yang ada atau bagi peruntukkan yang ada tetapi harus dilihat peruntukkan yang ada harus merangkumi operasi bagi sepanjang tahun.

Saya mendapat maklumat daripada beberapa *post* PDRM kita di kawasan saya di mana keperluan minyak mereka, keperluan bot laju mereka dan keperluan *accessibility* bot laju merupakan perkara-perkara yang menghindar mereka daripada melakukan penguatkuasaan sepanjang tahun dan juga sepanjang masa. Kerana itu keperluan-keperluan ini merupakan keperluan yang harus *diupgredkan* dalam menentukan bahawa Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia ini akan berjaya dalam objektif mereka, bukan sahaja untuk penguatkuasaan terhadap keganasan, pengganas, memburu pengganas, penyeludupan dan sebagainya tetapi semua aspek perundangan yang ada di dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya cadangkan agar aspek kelengkapan dan keperolehan kemudahan yang lengkap dan dititik beratkan oleh kerajaan dalam menentukan agensi penguatkuasaan Maritim ini berjaya dalam objektifnya.

Saya juga ingin melihat apakah bentuk kerjasama antara APMM ini dengan agensi-agensi lain di negara-negara jiran kerana kita melihat ini merupakan agensi yang pertama dirantau ini dan kalau kita lihat di negara jiran kita seperti di Filipina, tidak mempunyai agensi ini, jadi urusan kerjasama yang ada sekarang seperti yang berlaku ketika ini adalah berapa banyak Jabatan Marin berurusan dengan Jabatan Marin Filipina umpamanya, Jabatan Laut, Jabatan Polis berurusan dengan agensi-agensi, respect agensi di negara-negara jiran, jadi apakah dengan perwujudan APPM ini bentuk kerjasama akan lebih rapat dan untuk menentukan bahawa penguatkuasaan antara *border* ini akan dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, saya yakin tindakan-tindakan dan langkah-langkah berkesan yang diambil akan menentukan kejayaan kita dalam melaksanakan penguatkuasaan terhadap maritim kita dirantau ini, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Jasin.

### **12.07 tgh.**

**Tuan Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sebelum saya hendak mulakan perbincangan ataupun perbahasan tentang rang undang-undang maritim izinkan saya mengisytiharkan kepentingan saya yang mana saya selama ini adalah pengusaha *barter trade*, dan seorang *shipping agent*.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengalu-alukan penubuhan ataupun dengan adanya Rang undang-undang Maritim kerana ini sudah lama kita menunggu. Sebagai

Malaysia satu negara Maritim atau negara *trading* kita harus menguatkuasakan ataupun memperkasakan jabatan-jabatan di bawah agensi ini supaya kita dapat menjaga bagaimana telah disebut oleh rakan-rakan kita berkenaan dengan keselamatan negara kita dan juga nelayan dan sebagainya dan saya berharap supaya dengan adanya tertubuhnya agensi ini kita jangan menambahkan lagi masalah, kadang-kadang kita lihat bagaimana kita hadapi pada hari ini, di jalan raya kita dapati polis menguatkuasakan jalan dengan adanya *roadblock*, dalam perjalanan satu batu, dua batu lagi ada lagi seorang penguat kuasa JPJ pula *roadblock* lagi, jadi kita takut sekarang ini yang mengawasi pelautan kita, kita ada Polis Marin, kita ada Kastam, kita ada Jabatan Perikanan juga menguat kuasa tetapi dengan adanya agensi yang baru ini kita berharap supaya menubuhkan agensi ini semacam unit pencegah penyeludupan di kawasan perbatasan negara kita yang merangkumi semua sekali agensi-agensi yang bertanggungjawab Kastamnya, Imigresennya, Polis Marinnya di bawah satu badan supaya kita lebih berupaya melaksanakan undang-undang dan menguatkuasakan undang-undang. Kerana mengikut pengalaman saya di pelabuhan, kadangkala apabila Polis Marin mengambil tindakan kepada pendatang-pendatang haram ataupun mengambil tindakan kepada pelaut-pelaut yang datang ke pelabuhan maka Imigresen akan menegur polis mengatakan bahawa ini luar daripada bidang kuasa polis, ini ialah bidang kuasa Imigresen. Begitu juga dengan pihak kastam apabila polis mengambil tindakan kepada penyeludup-penyeludup kastam pula campur tangan mengatakan ini bukan kuasa polis, ini kuasa kastam.

Jadi, saya berharap dengan adanya penubuhan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia ini melibatkan semua yang mana dia boleh menguatkuasakan Akta Polis, dia juga boleh menguatkuasakan Akta Imigresen dia juga boleh menguatkuasakan Akta Kastam supaya benda ini tidak ada bertelagah di antara jabatan-jabatan.

Satu lagi Tuan Yang di-Pertua, kadang-kadang kita lihat bagaimana disebut kita hendak menubuhkan satu agensi tetapi kelengkapannya tidak lengkap, macam kawan-kawan saya telah berbahas tadi, kita kadang-kadang malu, contohnya apa yang berlaku sekarang, kalau saya lihat di kawasan Pelabuhan Melaka yang mana mengusik-mengusik perdagangan kapal-kapal pedagang mahupun nelayan-nelayan kita, kadang-kadang penguat kuasa di negara jiran dan mereka tahu bahawa pangkalan-pangkalan badan-badan penguat kuasa kita ini di pelabuhan-pelabuhan

kita di kawasan belah Pantai Barat ini daripada Johor sampai ke Perlis kebanyakan daripada pangkalan-pangkalan kita ini pantainya berlumpur dan mereka ini akan datang untuk mengganggu gugat orang-orang kita ketika air surut, ketika air surut Polis Marin sudah terkandas di pangkalan-pangkalan dia, jabatan perikanan punya penguat kuasa punya bot pun sudah terkandas, begitu juga dengan kastam. Jadi mereka akan datang ketika itu, jadi saya setuju dengan apa yang disarankan oleh sahabat saya daripada Arau tadi, kita kena ada *base* di tengah laut, yang mana kita boleh ambil tindakan pada bila-bila masa, bila-bila masa diperlukan kerana kita tidak tahu orang yang hendak datang menceroboh kawasan kita ini dan hendak melakukan benda-benda ini, kita tidak tahu pada bila-bila masa.

Kita berharap dengan adanya campur aduk, campur aduk jabatan-jabatan terlibat ini kemungkinan perkara-perkara yang salah tidak akan berlaku, mungkin dia segan antara jabatan-jabatan ini, mereka segan di antara satu sama lain. Macam sekarang ini kita lihat penguasaan daripada pihak Jabatan Kastam, Tuan Yang di-Pertua, kita lihat memang benar kastam dapat mengurangkan masalah penyeludupan, dengan adanya kita dapat mematahkan penyeludupan rokok kretek contohnya tetapi sedar tidak kita memang tiap-tiap minggu kita dapat berita bahawa Kastam Malaysia berjaya mematahkan usaha untuk menyeludupkan keretek, tetapi yang kena tangkap rokok keretek sahaja, orang belum pernah lagi.

Tuan Yang di-Pertua, mengapa orang itu tidak ditangkap sekali? Jadi saya berharap, saya harap dengan adanya agensi yang terbaharu ini bukan kata, kita tangkap barang, dengan orang-orang sekali, kerana orang ini bila terlepas dia akan buat kerja ini balik lagi. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya berharap dengan tertubuhnya Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia ini, kita kena harus melihat beberapa aspek kelemahan yang saya sebut tadi, pangkalannya, peralatannya kerana kita lihat banyak di antara jabatan-jabatan pada hari ini yang bersangkutan dengan maritim memalukan kita, sebagai contoh, peristiwa yang berlaku pada tahun 1998 di Melaka. Dengan strategi bot karam di Pulau Besar berlaku pada pukul 10.00 malam, apabila tragedi itu berlaku kalau misalan kata pegawai-pegawai penguat kuasa punya peralatan yang cukup kemungkinan mati lemas tidak begitu ramai, tetapi bila kita panggil Jabatan Laut dan juga jabatan-jabatan, malang bagi kita Tuan Yang di-Pertua, kapal Jabatan Laut itu baru hendak bergerak dah rosak, bot Jabatan Polis Marin, jalan tiga *cylinder* dan kita terpaksa mengharap pula daripada *private sector* untuk

membantu. Yang jabatan-jabatan kita punya peralatan ini bukan kata yang disebut oleh rakan-rakan saya ini hendak *up-to-date* tetapi yang sudah ada itu pun tidak *maintain* dengan baik, apabila kita berlaku kecemasan, jabatan-jabatan ini tidak dapat membantu dengan kelemahan yang ada.

Oleh yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, saya berharap dengan wujudnya Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia ini, kita berharap pemilihan pangkalannya pun mustahak, yang mana bot-bot ataupun peralatan yang kemungkinan canggih yang akan kita gunakan, ini akan dapat kita gunakan sepenuhnya. Satu lagi Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua, sehingga hari ini memang saya orang yang mengusahakan perniagaan bersangkutan dengan laut ini, kita kadang-kadang melihat peralatan yang dipunyai oleh agensi-agensi ini amat menyedihkan sekali dan menyegangkan sekali.

Kalau di bot marin itu, kita tidak ada *scanner* ataupun apa, di Jabatan Laut, benda itu tidak ada, walhal pada hari ini kita lihat di negara-negara luar macam *Coast Guard* di Amerika, sudah gunakan satelit. Mungkin satelit, negara kita belum mampu lagi tetapi *scanner*, yang pada hari ini bukan mahal sangat, ini harus dilengkapi, harus dilengkapi daripada bot-bot penguat kuasa ini supaya dengan adanya *scanner*, kita sudah boleh tahu. Kalau dia hendak menyeludup rokok keretek, kita tahu yang dia sedang melakukan penyeludupan dengan adanya *scanner*.

Sehinggakan dalam bot-bot kecil ataupun bot-bot penyeludup ataupun lanun pun dengan adanya *scanner* yang canggih pada hari ini, kita sudah beritahu dalam bot itu berapa orang, apa peralatan dia ada, berapa senjata dia ada, tetapi malangnya untuk makluman Dewan ini, saya memang rapat dengan Jabatan Marin, begitu rapat dengan Imigresen dan juga Jabatan Laut, sehingga hari ini jabatan-jabatan kita tidak ada kemudahan itu semua.

**Tuan Bernard S. Maraat @ Ben:** [*Bangun*]

**Tuan Haji Mohd. Said bin Yusof:** Ya, silakan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya! Ada yang bangun.

**Tuan Bernard S. Maraat @ Ben:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat bagi Jasin. Bila kita sentuh mengenai dengan peralatan-peralatan yang terdapat di beberapa buah agensi, iaitu *scanner* dan sebagainya, saya mempersoalkan dari segi efisiensi dan juga *effectiveness*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, saya dapati bahawa sistem-sistem perhubungan atau sistem komunikasi

semua peralatan-peralatan ataupun agensi-agensi daripada semua agensi ini amat berkurangan sekali. Kita bandingkan bahawa sistem-sistem yang ada sekarang ini, sistem perhubungan, jika sekiranya ada kejadian yang berlaku di pesisiran Selat Melaka ataupun di Sabah dan Sarawak, kita dapati agensi-agensi ini tidak dapat memberi tindakan balas yang secepat mungkin, iaitu tidak ada satu *integration* ataupun integrasi, dengan izin, *integrated system*, iaitu daripada marin kepada *navy*, daripada *navy* kepada *Immigration Department* dan juga kepada agensi-agensi yang terlibat secara langsung dalam soal ini.

Soalan saya Yang Berhormat, adakah kita yang sebenarnya mempunyai sistem-sistem, adakah kita ini akan terlibat secara langsung nanti, dapat membelikan peralatan-peralatan yang canggih ini, teknologi yang canggih, yang dapat kita gunakan nanti dalam kita menangani isu-isu yang terjadinya di pantai-pantai ataupun di air pedalaman kita nanti?

Saya harap agensi yang terlibat ini nanti akan dapat melipatgandakan lagi usaha mereka dalam memperalatkan jabatan yang baru ini. Terima kasih.

**Tuan Haji Mohd. Said bin Yusof:** Terima kasih kepada pandangan Yang Berhormat. Saya setuju sangat kerana pada hari ini memang peralatan kita yang digunakan oleh badan-badan ataupun jabatan penguat kuasa berkaitan dengan maritim, pada hari ini saya rasa, macam sebahagiannya peralatan baru masa merdekalah. Betul! Kita sedih, kita malu. Kalau kita inginkan, kita inginkan bahawa Malaysia ini satu negara maritim, *trading nation* dan sebagainya, yang mana pelabuhan yang begitu canggih, kita juga kena adakan jabatan-jabatan penguatkuasaan yang canggih, yang mempunyai peralatan yang lengkap dan sebagainya.

Kadang-kadang Amerika konon datang hendak jadi *surveyor* kepada Selat Melaka dan sebagainya, saya rasa bukan masalah kita tidak ada kemampuan, tetapi kita tidak ada peralatan yang macam mana yang disebut oleh Yang Berhormat tadi. Saya kira, kalau dengan adanya bot-bot kita dan juga jabatan-jabatan agensi penguatkuasaan maritim dengan peralatan yang terbaru, saya rasa kita setanding dengan negara-negara lain.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, dengan harapan ini, saya menyokonglah Rang Undang-undang Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia ini dan kita berharap penubuhan ini menepati matlamat penubuhan ini.

**Tuan Mohamed Razali bin Che Mamat:** [*Bangun*]

**Tuan Haji Mohd. Said bin Yusof:** Ya, Yang Berhormat bagi Kuala Krai.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya! Ada yang bangun.

**Tuan Mohamed Razali bin Che Mamat:** Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat bagi Jasin, saya kagum juga dengan pandangan Yang Berhormat bagi Jasin ini kerana beliau terlibat dengan perkara di laut maritim ini. Sedarkah Yang Berhormat, kalau dikatakan, kita ada alat-alat yang canggih, yang moden ini, tetapi kiranya pengguna-pengguna itu tidak ada kemahiran, bagaimana pandangan Yang Berhormat, yang sudah ada pengalaman ini tentang mereka yang akan bertugas, yang akan diberi tanggungjawab. Saya kira kalau Yang Berhormat dapat beri pandangan sebab Yang Berhormat sudah ada pengalaman kepada bakal-bakal yang akan bertugas nanti.

**Tuan Haji Mohd. Said bin Yusof:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Kuala Krai. Memang benar, kalau hendak harapkan *strength* yang ada pada hari ini, dengan peralatan yang canggih, yang mungkin akan diperolehi dengan wujudnya agensi terbaru ini, kita perlu latihan. Kita ada akademi sebenarnya, kita ada di Melaka – Akademi ALAM, Akademi Laut Malaysia, yang juga mempunyai kelengkapan alat-alat yang canggih, tetapi malangnya akademi ini lebih daripada 60% daripada penuntut-penuntut dalam akademi ini adalah orang-orang dari luar negara, daripada negara Afrika dan sebagainya.

Kalau dengan penubuhan agensi yang terbaru ini, kalau hendak mencari, hendak memberi latihan kepada mereka ini, ada tempatnya, di Malaysia ada. Agensi ALAM di Kuala Sungai Baru, yang mana melatih sekarang pelaut-pelaut sehinggakan penuntut-penuntut luar negara pun ada belajar di kawasan itu. Jadi, dengan harapan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya berharap dengan penubuhan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia ini, hendaklah kita selaraskan sebagai satu pasukan, macam unit UKK di kawasan sempadan kita ini yang melibatkan Kastam, Polis, Imigresen dan semua sekali badan di bawah satu badan, unit ataupun Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia ini supaya kita dapat menguatkuasakan dan memperkasakan persempadanan negara kita.

Dengan kata-kata itu, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong penubuhan ataupun Rang Undang-undang Agensi Penguatkuasaannya Maritim Malaysia. Sekian, terima kasih.



**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat bagi Tanjong.

**12.23 tgh.**

**Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana memberi kesempatan ini untuk mengambil bahagian di dalam membahaskan Rang Undang-undang Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia 2004.

Langkah untuk menubuhkan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia ini adalah satu berita yang amat dialu-alukan, kerana negara kita telah mengisytiharkan kehendak negara ini untuk menjadi sebuah negara maritim dan dengan tertubuhnya agensi penguatkuasaan ini kita dapat mengawal dan melindungi kepentingan-kepentingan maritim dan juga mengawal aktiviti-aktiviti dan sumber-sumber laut di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, memanglah laut di sekitar negara ini memberikan khazanah dan kekayaan negara dalam pelbagai bentuk yang perlu dijagai. Di antara kepentingan dan khazanah adalah dalam sumber makanan, sumber petroleum dan gas dan juga menjadi satu sumber perdagangan kepada negara yang amat penting.

Tuan Yang di-Pertua, kita mendapati bahawa kita pun sedia ada beberapa perundangan untuk mengawal selia dan mengurus laut dan *ocean* kita, di mana kita mendapati bahawa antara perundangan yang penting ini adalah seperti *Continental Shelf Act, Exclusive Economic Zone, Fisheries Act, Petroleum Mining Act, Environment Quality Act* dan sebagainya.

Memanglah ini menjadi satu cabaran yang begitu besar kepada agensi-agensi yang sedia ada untuk menjaga kepentingan negara ini dan juga dalam menguatkuasakan undang-undang yang saya sebutkan tadi. Satu sebab yang utama kerajaan memberikan untuk menubuhkan Agensi Penguatkuasaan Maritim ini adalah untuk supaya mendapat koordinasi segala usaha untuk menjaga kepentingan maritim negara kita.

Dan, didapati bahawa pada masa ini sudah pun ada 11 agensi yang diberi tanggungjawab untuk mengawal selia kepentingan negara dalam laut kita. Nampaknya oleh kerana wujudnya begitu banyak agensi-agensi kerajaan yang diberi tanggungjawab kita nampak telah wujudnya pembaziran sumber-sumber negara untuk menjalankan kegiatan-kegiatan yang didapati tindih-menindih.

Dengan tertubuhnya agensi penguatkuasaan ini saya berharap pihak kerajaan dapat meyakinkan Dewan yang mulia ini bahawa agensi ini dapat menyelaraskan segala kegiatan yang sudah pun dilaksanakan oleh 11 agensi ini yang mengawal kepentingan negara kita ini seperti pihak Kastam, Marin Polis dan sebagainya. Ini menjadi satu cabaran agensi yang baru ini dan pihak kerajaan dan kementerian yang diberi tanggungjawab supaya memastikan dengan wujudnya satu agensi penguatkuasaan yang baru kita tidak mahu melihat lagi sumber-sumber yang terhad dari segi manusia atau peralatan digunakan dengan tidak maksimumnya.

Tadi pun kita sudah dengar beberapa ahli menyuarakan kebimbangan mereka terhadap perkara ini, di mana wujudnya tindih-menindih bidang kuasa ini telah menyebabkan pelbagai masalah yang kita nampak berlaku seperti kemasukan pendatang asing yang tidak dibenarkan, tanpa izin, aktiviti-aktiviti penjenayah di kawasan laut kita seperti lanun, rompak dan juga kegiatan-kegiatan keganasan maritim dan juga nelayan-nelayan dari negara asing mencero bohi pantai kita, laut kita untuk mendapat hasil laut dari negara kita, dan juga aktiviti-aktiviti yang tidak *diauthorizekan* oleh kapal-kapal asing di dalam Zon Eksklusif Ekonomi negara kita.

Ini adalah masalah-masalah yang timbul akibat tidak ada satu agensi yang menyelaras segala kegiatan menjaga kepentingan kita. Jadi, ini menjadi satu cabaran kepada agensi yang baru ini dan juga kementerian yang bertanggungjawab untuk mewujudkan satu *frame work* untuk mengawal selia ataupun menggubal satu *ocean government policy frame work*, di mana segala kegiatan kita yang sedia ada diuruskan oleh agensi-agensi yang sedia ada diberi tumpuan untuk menggembelng segala usaha dan tenaga untuk menjaga kepentingan negara dalam laut kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga merasa amatlah penting selain daripada *inter-agency cooperation* untuk melaksanakan tugas yang diberikan, saya rasa dan juga ingin menyeru bahawa negara kita juga perlu mengambil inisiatif untuk menjalin hubungan antarabangsa dalam menjaga urusan berkenaan dengan laut di sekitar Malaysia, khususnya Selat Melaka. Sebab apabila kita menyebut Selat Melaka dan laut di Malaysia ini, kita sering boleh mengaitkan perkara-perkara seperti *maritime crime*, *maritime terrorism* dan *maritime environment* dan sebagainya.

Dan ini adalah di luar kemampuan sesebuah negara untuk mengawal selia atau pun menangani masalah-masalah yang begitu banyak ini. Jadi saya berharap negara Malaysia sebagai sebuah negara ASEAN ini dapat menggembelngkan segala sumber

yang berada di ASEAN ini untuk menangani masalah-masalah khususnya di Selat Melaka ini sebab memandangkan peranan yang begitu kritikal Selat Melaka kepada pembangunan sosioekonomi negara ini dan juga bukan sahaja di Malaysia tetapi juga sumbangannya begitu besar kepada perdagangan antarabangsa.

Kita perlu menegaskan bahawa dalam menguruskan Selat Melaka ini kita harus mengamalkan konsep pengurusan yang mapan di mana kita harus mencegah pembangunan yang begitu pantas yang tidak bertimbang rasa kepada penjagaan alam sekitar seperti laut ini akan membawa mudarat dan impak-impak yang negatif kepada negara ini. Jadi kita haruslah menegaskan pengurusan yang mapan untuk memastikan tidak ada impak-impak negatif yang wujud. Dari segi ini saya rasa kerjasama di antara negara-negara di Selat Melaka seperti Malaysia, Indonesia dan Singapura iaitu dikenali sebagai *lateral states* dan juga negara-negara yang menggunakan Selat Melaka ini untuk tujuan perdagangan perkapalan juga harus bersama-sama memainkan peranan ini.

Dari segi ini saya rasa Malaysia boleh memainkan satu peranan yang memimpin segala usaha untuk menyelaraskan dan meningkatkan peraturan serta mewujudkan *frame work* bagi mengawal *pollution* di laut kita ini dan juga mewujudkan serta menggubal satu *action plan* untuk menjaga Selat Melaka.

Kita juga perlu kerjasama di antara negara-negara di kedua-dua belah Selat Melaka ini sebab tanpa *political will* dari negara-negara ini kita tidak akan dapat menangani masalah-masalah seperti lanun, *armed robbery* dan sebagainya di kawasan perairan negara kita. Kita perlu bekerjasama dengan Indonesia, Thailand, Singapura untuk menangani masalah lanun di laut ini sebab masalah ini jika mengikut *Piracy Reporting Center* yang berpangkalan di Kuala Lumpur, kegiatan *piracy* ini telah meningkat setahun demi setahun.

Penganalisa di rantau ini mengatakan bahawa bertambahnya aktiviti *piracy* ini adalah akibat daripada kedudukan ekonomi di negara Indonesia sendiri dan juga kegiatan pemisahan di Aceh, Indonesia yang menyebabkan peningkatan kegiatan-kegiatan lanun dan rompakan di laut Selat Melaka. Jadi dari segi ini kita harus memainkan peranan kita dalam *bilateral relation* kita dengan Indonesia untuk memohon kerjasama dari pihak Indonesia supaya dapat mengawal kegiatan lanun yang berasaskan dari negara Indonesia.

Saya juga merasakan kerjasama dengan Thailand untuk menjaga kepentingan negara di Selat Melaka ini, kita haruslah *engage* negara Thailand ini yang satu ketika dahulu mencadangkan satu *canal* untuk *by pass* Selat Melaka dan juga cadangan untuk membina satu *inland port* di Selatan Thailand. Isu-isu seperti ini haruslah ditangani oleh negara kita secara bilateral sebab ini akan menjejaskan peranan kita dalam menguruskan Selat Melaka ini.

Baru-baru ini kita mendengar dan heboh pemimpin-pemimpin kerajaan berhubung dengan *regional maritime security initiative* yang dikatakan ingin dilakukan oleh Amerika Syarikat yang telah pun dibantah dengan begitu kuat oleh Malaysia dan Indonesia untuk membantah niat Amerika Syarikat untuk menghantar *patrol boat* mereka untuk mengawal Selat Melaka. Walaupun perkara ini ditolak oleh kedua-dua negara ini, saya berharap kerajaan juga boleh memandang bahawa dari segi peralatan juga dari segi latihan ahli-ahli yang akan menganggotai Agensi Penguatkuasaan Maritim ini kita boleh bekerjasama dengan sesiapa pun termasuk Amerika Syarikat yang memang mempunyai kepakaran dari segi ini. Kita haruslah tidak mengabaikan hakikat bahawa setakat ini kita masih memerlukan kerjasama di antara negara-negara di rantau ini dan juga di antara Malaysia dengan negara-negara mempunyai kekuatan dari segi ini.

Akhirnya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh tentang kontrak untuk membekal kapal-kapal dan bot-bot kepada Agensi Penguatkuasaan Maritim ini. Saya mendapati bahawa pada mulanya RMN, Project Malaysian Navy akan meminjam bot-bot yang dikehendaki kepada agensi yang baru ditubuhkan ini dan saya ingin tahu sama ada dalam masa yang akan datang ini agensi penguatkuasaan maritim ini mempunyai bot-bot sendiri dan sama ada *open tender* akan dilakukan untuk membekalkan bot-bot dan peralatan yang diperlukan oleh agensi ini sama ada bot-bot ini akan dibina oleh syarikat-syarikat tempatan ataupun akan diimport dari negara-negara yang maju.

Saya berharap dari segi ini pihak kerajaan akan dapat mengamalkan sikap telus dan mengadakan *open tender* untuk mendapat peralatan dan bot-bot serta kapal-kapal yang diperlukan oleh agensi yang baru ini. Sekian Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, usul daripada Menteri, ada usul.

**USUL****WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN  
DARIPADA PERATURAN MESYUARAT****12.37 tgh.****Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul****Aziz]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut peraturan Mesyuarat 12(1), Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguh sehingga selesai diputuskan Rang Undang-undang Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia 2004 dan Rang Undang-undang Perlindungan Varieti Baru Tumbuhan 2004 di nombor 1 dan 2, serta usul-usul Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan dan usul Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di nombor 5, 6 dan 7 yang dijadualkan dalam Peraturan Mesyuarat hari ini dibahas dan diputuskan dan selepas itu mesyuarat akan ditangguhkan kepada satu tarikh yang tidak ditetapkan.

**Timbalan Menteri Pengajian Tinggi [Dato' Fu Ah Kiow]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan dan disetujukan.

Usul disetujukan.

*[Perbahasan disambung semula]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Yang Berhormat bagi Bagan.

**12.39 tgh.**

**Tuan Lim Hock Seng [Bagan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, dengan hati yang sedih dan marah, saya memberitahu Dewan yang mulia bahawa satu lagi peristiwa lanun yang menculik nelayan kita, berlaku pada pukul 1 pagi hari ini di Perairan Kuala Sepetang di negeri Perak. Berita yang kami terima ialah tiga nelayan telah diculik oleh sekumpulan orang yang tidak dikenali. Mereka datang dengan dua *speed boat* dan membawa *machinegun*. Tekong bot nelayan dan dua lagi anak bot telah ditahan dan seorang lagi dilepaskan bawa balik bot nelayan untuk ganjaran memberitahu penduduk-penduduk di sekitar sana. Penduduk-penduduk di sekitar Kuala Sepetang, Perak telah membuat laporan polis

dan mereka berharap kerajaan boleh ambil tindakan yang tegas untuk menyelamatkan nelayan-nelayan yang telah diambil untuk menjadi tebusan.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang rakyat kita hidup di dalam suasana yang kurang aman dan penuh dengan ancaman. Di darat ada ragut, ada rompak, ada rogol dan juga ada pembunuhan dan lain-lain yang berlaku. Sekarang di lautan besar juga tidak selamat untuk mencari makan. Jadi saya berharap dan berdoa supaya nelayan kita ini boleh selamat pulang ke negara kita tanpa membayar tebusan wang oleh tauke-tauke bot itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin membawa satu masalah yang sudah lama wujud di perairan laut kita ini. Saya pernah membangkitkan di Dewan yang mulia ini bahawa ada bot atau *cruise* perjudian berlaku di negara kita ini. Pada setiap hari *cruise* perjudian ini akan berlepas dari Pier Swetthenham di Pulau Pinang pada pukul 9 malam dan *cruise* ini membawa orang-orang tempatan yang ingin berjudi. Selepas sahaja *cruise* ini berlepas dari Port Swetthenham atau Pier Swetthenham di Pulau Pinang ini, penumpang-penumpang inilah akan mula berjudi. Walaupun dikatakan bot ini akan pergi ke lautan besar di mana ia adalah di luar lautan Malaysia dan boleh menjalankan kegiatan berjudi, tetapi adalah diketahui umum bahawa perkara ini telah berjalan selepas sahaja berlepas dari sana.

Saya tidak faham bagaimanakah pihak berkuasa tidak boleh mendarat di *vessel* ini atau *cruise* ini untuk menjalani langkah-langkah memeriksa kelengkapan-kelengkapan bot ini, pasti akan terdapat mesin-mesin judi dan mendapat kelengkapan-kelengkapan perjudian. Sekiranya ada peralatan-peralatan atau mesin-mesin judi ini maka ini terbuktilah bahawa *cruise* ini bukan semata-mata untuk melancong tetapi menjalani kegiatan perjudian.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membawa satu lagi perkara yang akhir iaitu pukot harimau. Nelayan kita, walaupun diberi lesen-lesen untuk pergi ke lautan dalam seperti pukot harimau dan lain-lain pukot yang boleh digunakan untuk mencari makan di lautan besar, tetapi mereka kini takut pergi ke laut dalam kerana ada lanun, kerana kekurangan hasil lautan dan mereka mencero bohi masuk ke perairan laut cetek. Tempat inilah di mana berpuluh-puluh ribu nelayan yang miskin dengan bot yang kecil untuk mencari rezeki mereka dan pukot harimau ini akan memusnahkan hidupan laut dan nelayan laut cetek ini pasti terjejas kehidupan mereka.

Saya berharap dengan tertubuhnya Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia ini, satu sistem menguatkuasakan undang-undang boleh dijalankan dengan lebih sempurna kerana tugasnya tidak lain tidak bukan ialah untuk mencegah dan menyekat perlakuan kesalahan di laut dan juga boleh menjalankan apa-apa kegiatan yang salah dari segi undang-undang. Maka saya begitu menaruh harapan yang besar kepada agensi ini supaya ia cepat ditubuhkan dan sebelum ia ditubuhkan saya berharap juga pihak berkuasa yang bertanggungjawab untuk menguatkuasakan undang-undang pada masa sekarang, boleh bertindak cepat di atas aduan-aduan yang saya bawa ini. Sekian sahaja.

**Tuan Chong Chieng Jen:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Kuching.

**12.45 tgh.**

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Rang Undang-undang bercadang menubuhkan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia tetapi jikalau agensi yang akan ditubuhkan menurut rang undang-undang ini hanya akan diguna khidmatnya untuk memelihara undang-undang dan ketenteraman, mengekalkan keamanan, kesejahteraan dan keselamatan, mencegah dan mengesan jenayah di dalam zon maritim Malaysia, ia akan menduplikasi kerja agensi-agensi kerajaan yang lain seperti Jabatan Kastam, Tentera Laut dan Marin Polis. Dengan itu *duplication of work*, dengan izin, akan membazirkan wang. Adakah penubuhan Agensi ini suatu bukti tentang kegagalan Tentera Laut negara kita dalam tanggungjawabnya untuk mengekalkan keamanan, kesejahteraan dan keselamatan di dalam zon maritim Malaysia. Adakah penubuhan Agensi ini suatu bukti tentang kegagalan Jabatan Kastam yang sehingga terdapat beribu-ribu tan *toxic waste* telah diimport ke dalam negara kita tanpa pengetahuan Jabatan Kastam itu.

Tuan Yang di-Pertua, mungkin rompak-rompak yang kerap dilakukan oleh lanun-lanun di Selat Melaka dan di perairan Sabah telah mendedahkan kelemahan Tentera Laut negara kita. Saya mendengar tentang rungutan Yang Berhormat-Yang Berhormat di sini bahawa Tentera Laut tidak mempunyai peralatan-peralatan yang maju dan tidak dapat melindungi nelayan-nelayan kita tetapi dengan penubuhan Agensi ini dapatkah kerajaan menjamin peralatan-peralatan itu akan disumbangkan? Bukankah langkah yang lebih efektif kalau kita cuba memperkuatkan Tentera Laut

negara kita, bukannya menubuhkan sesuatu agensi yang akan digunakan perkhidmatannya untuk menduplikasikan kerja Tentera Laut.

Penubuhan Agensi ini mungkin akan menimbulkan kekeliruan antara agensi-agensi itu dan Tentera Laut dan agensi-agensi lain terhadap bidang kuasa mereka. Ia bukan satu *cure or medicine*, dengan pertubuhan agensi itu ia tidak akan menyelesaikan masalah-masalah yang dirungutkan tadi oleh ramai Yang Berhormat di sini. Itu adalah kelemahan kerajaan kita, menubuhkan satu agensi demi satu agensi macam Menteri mewujudkan menteri-menteri hinggakan menteri-menteri *backbencher* dan pembangkang juga keliru apakah bidang kuasa kerja tertentu. Itu adalah kelemahan.....

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** [Bangun]

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Bandar Kuching. Saya ingin minta penjelasan daripada Yang Berhormat bagi Bandar Kuching, adakah Yang Berhormat bersetuju dengan penambahan kementerian-kementerian, kita akan boleh memberikan perkhidmatan yang lebih baik kepada rakyat. Kalau kementerian sedikit macam yang kita lihat Kementerian Pengajian Tinggi dan Kementerian Pelajaran. Ini satu kementerian yang besar dahulu, jadi kita pecahkan supaya satu kementerian menjaga fasal pendidikan tinggi, yang lain tentang pendidikan rendah dan sebagainya. jadi, ini adalah memenuhi kehendak dan harapan rakyat.

Jadi, adakah Yang Berhormat tidak bersetuju kerajaan memberikan perkhidmatan kepada rakyat? Kemudian bercakap fasal laut ini, adakah Yang Berhormat biasa ke laut, Yang Berhormat biasa naik kapal tentera dan semua? Kena belajar Yang Berhormat, kalau tidak Yang Berhormat, tidak boleh lembut, Yang Berhormat kena keras. Terima kasih.

**Tuan Chong Chieng Jen:** Perkhidmatan kepada rakyat bergantung kepada *efficiency* pegawai yang berkenaan, bukan bergantung kepada nombor pegawai yang berkenaan. *More cooks spoil the broth*. Saya akan teruskan ucapan saya.

Untuk mengelakkan duplikasi kerja antara agensi-agensi kerajaan, saya bercadang bahawa Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia seharusnya menumpukan tenaganya dan mengambil berat dalam pemeliharaan dan perlindungan ekologi marin di dalam zon Maritim Malaysia. Ini juga selaras dengan fungsi agensi itu



yang diperuntukkan dalam subseksyen 6(3)(b) bagi pencegahan dan penyekatan pencemaran maritim.

Definisi pencemaran Maritim bukan hanya termasuk pengotoran pengairan kita tetapi ia juga meliputi aktiviti menangkap ikan yang terlampau sehingga ia memusnahkan ekologi maritim kawasan perairan kita, khususnya menangkap ikan dengan pukut tunda iaitu *trawling method of fishing* yang dijalankan oleh kapal-kapal nelayan asing di perairan Sarawak

Tuan Yang di-Pertua, perairan Sarawak yang ditumbuhi oleh terumbu (*reef*) merupakan suatu habitat yang baik untuk ikan dan haiwan samudera. Hasil lautan itu adalah sumber-sumber semula jadi negara kita yang berharga. Penangkapan ikan dengan pukut tunda yang digunakan oleh kapal-kapal asing di perairan Sarawak telah mengakibatkan kemusnahan terumbu di perairan Sarawak. Oleh sebab itu ia telah menjejaskan *the sustainability of* hasil lautan perairan negara kita. Kerajaan seharusnya mengimplementasikan dasar-dasar penangkapan ikan terkawal (*controlled fishing*) untuk melindungi dan memelihara sumber-sumber semula jadi negara kita.

Suatu langkah yang dapat dilaksanakan adalah mengharamkan segala kegiatan menangkap ikan oleh kapal-kapal asing di perairan Sarawak, tetapi pada kadar pengeluaran lesen membenarkan kapal-kapal asing untuk menangkap ikan di laut dalam di perairan Sarawak, sumber-sumber ini akan habis dalam masa yang singkat. Sehingga Mac 2004 jumlah permit laut dalam *vessel charter* asing yang telah dikeluarkan adalah sejumlah 833 unit. Dari jumlah ini 320 unit telah beroperasi, 401 unit belum dilesenkan, 35 unit telah dibatalkan dan 70 unit telah tamat tempoh *charter*.

Walaupun dari jumlah 833 *vessel charter* asing telah dikeluarkan permit, hanya 327 unit beroperasi tetapi *vessel charter* asing itu yang menangkap ikan di perairan Sarawak secara pukut tunda (*trawling fishing*), dengan izin, telah menyebabkan kemusnahan terumbu yang tidak dapat ditebus. Kaedah menunda yang dipakai oleh mereka telah mengurangkan bilangan ikan di perairan Sarawak dengan banyak dan memusnahkan ekologi lautan kita. Nelayan tempatan mendapati bahawa sejak kebelakangan ini ikan-ikan di perairan Sarawak telah berkurangan. Terdapat beberapa kawasan di mana dahulunya tangkapan besar boleh dibuat dalam masa yang singkat tetapi ini tiada banyak ikan yang dapat ditangkap lagi.

Satu penyelidikan yang dibuat oleh *World Research Institute* yang bertajuk "*Reef At Risk In South East Asia*", dengan izin, menunjukkan bahawa ancaman yang terutama kepada terumbu di Laut China Selatan adalah kegunaan pukat tunda untuk menangkap ikan. Pada tahun ini terdapat lebih daripada 1,000 *marine scientists* menyokong suatu kenyataan menyeru United Nations dan kerajaan-kerajaan dunia supaya mengharamkan kegunaan pukat tunda untuk menangkap ikan yang telah membinasakan *deep-sea corals*.

Daniel Pauly seorang profesor dalam bidang pengajian marin yang terkenal di dunia telah berkata bahawa, dengan izin:

*"Deep-sea corals and sponges are crucial habitat elements for seafloor species. Allowing trawling in coral forests is the worst thing we are doing in the ocean today. It should be stopped immediately until scientists can determine whether trawling in the deep-sea can be justified anywhere. Nothing could be dumber than destroying the habitats that depleted fish populations need to recover. Governments must stop pussyfooting around and do something useful."*

Ekoran dari kegiatan penangkapan ikan di laut dalam oleh kapal-kapal asing ini tangkapan nelayan-nelayan tempatan telah pun berkurangan. Rezeki kebanyakan nelayan-nelayan di Sarawak juga terjejas. Kesan itu bukan terbatas kepada keluarga-keluarga nelayan sahaja, ia juga mempengaruhi penjual ikan yang ramai. Dari satu *statement* yang telah dikeluarkan di surat khabar oleh seorang pemimpin persatuan nelayan di Sarawak, lebih daripada 100,000 orang telah dipengaruhi. Sesetengah daripada nelayan ini tidak berupaya meneruskan pekerjaan mereka sebagai nelayan dan terpaksa mencari pekerjaan yang lain. Bagi mereka yang tetap meneruskan pekerjaan sebagai nelayan mereka mendapati jumlah tangkapan mereka semakin sedikit dan pendapatan mereka beransur kurang.

Beberapa tahun lalu para nelayan di Sarawak telah membantah kuat penggunaan lesen menangkap ikan di laut dalam oleh kapal-kapal asing untuk menjalankan kegiatan menangkap ikan di laut dalam di perairan Sarawak. Menteri yang berkenaan memberitahu nelayan-nelayan itu supaya bersabar dan menunggu sehingga kontrak-kontrak berkenaan luput dalam tempoh kira-kira tiga tahun. Akan

tetapi tiga tahun telah lepas tetapi kapal-kapal asing ini masih lagi menangkap ikan di perairan Sarawak.

Sesetengah daripada kapal-kapal asing ini kini didaftarkan di negara kita tetapi hampir keseluruhan anak kapal adalah orang asing. Pada dasarnya mereka adalah kapal asing yang menyamar dengan membuat pendaftaran tempatan. Dari segi kewangan kerajaan kita juga mengalami kerugian kerana kapal-kapal asing ini selepas membuat tangkapan besar akan menjual tangkapan mereka di perairan antarabangsa di mana mereka tidak payah membayar cukai kepada negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu oleh sebab tangkapan yang berkurangan dan menyebabkan *supply* ikan di pasar yang berkurangan, harga ikan di Sarawak juga telah naik. Oleh sebab itu demi ekologi perairan negara kita dan kepentingan nelayan-nelayan Sarawak keluarga mereka serta semua rakyat Sarawak, saya menyeru supaya kerajaan akan mengambil langkah-langkah segera untuk membatalkan lesen yang dikeluarkan kepada syarikat-syarikat yang membenarkan atau menyewa lesen menangkap ikan di laut dalam kepada kapal-kapal asing dan menghentikan kapal-kapal asing itu daripada meneruskan kegiatan penangkapan ikan di laut dalam di perairan Sarawak.

Oleh itu saya berharap dengan kelulusan rang undang-undang ini Agensi berkenaan akan memperkuatkan dan melindungi hak-hak dan *welfare* nelayan-nelayan Sarawak. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Yang Berhormat Menteri menjawab.

**12.59 tgh.**

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada tidak kurang daripada sembilan Ahli Dewan Rakyat yang telah berucap iaitu daripada Kuching, Bagan, Tanjong, Jasin, Beluran, Santubong, Kubang Kerian, Sri Gading dan yang paling awal sekali Yang Berhormat bagi Dungun.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Yang Berhormat sambung sebelah petang ya. Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan hingga jam 2.30 petang.

***Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 petang.***

***Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang.***

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) ***mempengerusikan Mesyuarat***]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Dewan bersidang semula. Yang Berhormat Menteri sila memberi jawapan.

**2.30 ptg.**

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Dungun dalam ucapannya telah berkata bahawa akan berlaku pertindihan dalam segi tanggungjawab dengan agensi-agensi yang sedia ada. Sudah tentulah ada pertindihan dan sebab itulah kita mengadakan akta ini untuk mewujudkan satu agensi sahaja yang bertanggungjawab untuk penguatkuasaan semua undang-undang Persekutuan di laut. Jadi, tidak bangkit lagi pertindihan, apa juga penguatkuasaan tentang undang-undang Persekutuan di laut, itulah tanggungjawab kita.

Di peringkat awal ini sudah tentu berlaku pertindihan sebab itu kita ada Fasal 16 di bawah tajuk Penyelarasan – di mana agensi-agensi yang berkaitan hendaklah membuat penyelarasan berunding dan berhubung secara rapat di antara satu sama lain dan memberikan bantuan kepada satu sama lain bagi melaksanakan peruntukan akta ini.

Kemudian Yang Berhormat bagi Dungun juga menyatakan bahawa apakah Polis Marin ini akan diserapkan? Jawapannya ya. Secara perlahan-lahan kita akan melaksanakan keputusan ini. Walaupun kita lambat tetapi biarlah selamat kerana perkara-perkara yang dilakukan dengan secara gopoh nanti akan menyebabkan kita ketinggalan tentang sesuatu perkara. Mereka di dalam Polis Marin juga akan diberi pilihan untuk masuk ke APMM ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Dungun juga membangkitkan berkenaan dengan kawasan yang merupakan penguasaan bagi Agensi ini. Kawasan ini ialah daripada gigi persisiran pantai sehinggalah kepada ZEE yang telah saya sebut di dalam ucapan saya di peringkat awal tadi. Yang Berhormat Dungun juga menyatakan bahawa kita harus berhati-hati disabitkan oleh kerana di tepi pantai ini

terdiri daripada penduduknya yang merupakan nelayan-nelayan, saya ingin memaklumkan di sini bahawa sama ada kita berada di darat ataupun di laut, undang-undang ialah untuk semua. Tidak ada perbezaannya kalau kita melaksanakan dahulu undang-undang di atas darat, yang miskin pun juga tertakluk kepada undang-undang ini. Jadi, di dalam hal ini kita tidak akan memberikan apa-apa keutamaan kepada mereka daripada segi kedudukan sosioekonominya kerana undang-undang itu adalah sama - sama ada miskin, kaya semuanya tertakluk kepada undang-undang yang hendak kita lakukan dan penguatkuasaan itu saya memberi jaminan akan dilaksanakan dengan penuh saksama dan keadilan dalam mereka menjalan penguatkuasaan ini.

Tuan Yang di-Pertua, Polis Marin dan lain-lain agensi maritim sedia ada akan digabungkan aset mereka dan anggota-anggota serta infrastruktur dengan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM). Seperti TLDM dan Polis DiRaja Malaysia, Cawangan Marin akan turut memainkan peranannya tetapi APMM akan memainkan peranan utama. Yang lain-lain itu juga akan memainkan peranan tetapi yang utama ialah APMM. Fasal 16 yang saya sebutkan tadi memerlukan kepada kerjasama di antara agensi-agensi yang ada kaitan dengan perkara ini.

Memanglah mengikut perancangan kakitangan yang terlibat dari agensi-agensi sedia ada akan diserapkan ke dalam agensi ini tetapi penyerapan ini perlu dibuat mengikut tatacara yang betul dan baik dengan mengeluarkan surat tawaran kepada semua yang terlibat, memberi *option* kepada mereka sama ada mahu menyertai agensi-agensi ini ataupun tidak.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Sri Gading telah membangkitkan masalah lanun. Ada 11 agensi yang telah terlibat dalam perkara-perkara berkenaan dengan maritim ini. Jadi, kalau 11 agensi ini ia tidak menampakkan kesungguhan kita untuk melawan lanun-lanun ini, maka dengan adanya Akta APMM ini ia akan jelas menampakkan bahawa Kerajaan Malaysia mempunyai kesungguhan untuk melawan lanun ini, maka tidak berbangkitlah soal bahawa Malaysia tidak bersungguh-sungguh sampaikan hendak menjemput negara asing untuk menangani masalah ini. Jadi, kita nampak tentang tidak ada fokusnya dahulu sebab itulah kita sediakan akta ini untuk menunjukkan bahawa kita bersungguh-sungguh untuk melawan lanun-laun yang ada di dalam kawasan perairan Malaysia kita ini.

Dari segi kelengkapan mengikut Yang Berhormat bagi Sri Gading, dia mahukan supaya kita pastikan kelengkapan yang diberikan kepada kita ini [*Disampuk*] tidaklah merupakan kelengkapan ..

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat Menteri, Kuala Terengganu.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Sekejap ya. Sekejap. Tidaklah merupakan kelengkapan yang tidak baik. Saya ingin memberitahu di sini bahawa agensi ini adalah satu agensi yang khusus menguatkuasakan undang-undang Persekutuan di laut. Ia bukan merupakan satu unit, ia boleh diibaratkan sebagai Angkatan Tentera dan kita semua tahu bahawa dalam waktu peperangan ia akan digunakan sebagai *combative force*. Oleh sebab itu jangan bimbang, kita sudah tentu akan memberikan kelengkapan yang lengkap dan sempurna yang mengikut zaman seperti mana Angkatan Tentera kita Laut, Darat, dan Udara semuanya mendapat kelengkapan yang baik.

Soal bahawa kita menerima juga bot-bot kecil yang setakat ini berjumlah 82 yang kita terima daripada unit-unit dan agensi-agensi lain, kita kena ingat iaitu bahawa ada keperluan pula kita mempunyai bot-bot ini kerana kawasan pengawasan kita ini bukan hanya di laut dalam sahaja. Ia daripada pesisiran pantai iaitu kawasan laut surut sampailah ke laut dalam. Oleh sebab itu kita perlu juga bot-bot kecil yang perlu digunakan untuk memasuki kawasan-kawasan sungai yang berada di pesisiran pantai kita.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Sri Gading saya hendak mengingatkan dia juga bukan semua yang kecil itu tidak bagus; ada yang besar bagus dan ada ketikanya yang kecil pun bagus juga. Saya minta Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu.

**Tuan Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]:** Tuan Yang di-Pertua, tentang yang kecil itu, kadang-kadang kecil pun terdedah dengan yang besar-besar itu pun bahaya juga. Bagaimana kalau yang kecil-kecil ini bermuafakat? Ertinya apakah ada *provision* dalam konteks penyelarasan kita ini, Yang Berhormat? Yakni mengadakan rangkaian kerjasama dengan jiran-jiran kita. Ini ke arah *economy of cost* terutamanya saya beri fokus kepada perairan Selat Melaka yang terdedah dengan pelbagai ancaman global yang cukup *volatile* sekarang ini. Barangkali rangkaian kerjasama dan penyelarasan dengan negara-negara jiran kita seperti Indonesia, Singapura dan

Thailand yang membawa kepada faedah bersama. Adakah tidak *provisions* itu dalam konteks penyelarasan ini? Terima kasih.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Sudah tentulah di dalam akta ini ia tidak menyatakan dengan jelas keperluan kita untuk mengadakan kerjasama dengan negara luar tetapi Yang Berhormat kena ingat bahawa kita mempunyai *Border Committee Meeting, dengan izin*, di mana kita berkongsi maklumat. Kita hanya boleh buat setakat itu kerana soal sempadan ini adalah satu soal yang sensitif malah dalam soal *hot pursuit* pun, walaupun ada keperluan untuk *hot pursuit* mengejar sampai masuk ke kawasan orang tetapi ini tidak diizinkan oleh mana-mana negara kerana itu dianggap mencerobohi sempadan kita. Sebab itu dari segi kerjasama dengan negara jiran ia banyak kepada soal berkongsi maklumat dan perkara-perkara lain yang tidak boleh menampakkan berlaku pencerobohan terhadap sempadan sesebuah negara itu.

Tuan Yang di-Pertua, Akta ini juga iaitu Yang Berhormat bagi Sri Gading telah menyebut iaitu apakah dengan adanya Agensi ini kita akan menjaga kepentingan nelayan-nelayan kita. Sudah tentu kerana di antara satu daripada enam tujuan seperti yang ada di dalam akta rang undang-undang ini ialah untuk mengawal, mencegah dan menghapuskan kegiatan jenayah seperti culik, merompak bot nelayan-nelayan kita dan perkara-perkara yang boleh merugikan rakyat negara kita. Sudah tentu itu merupakan satu tanggungjawab kita kerana tidak ada maknanya kalau sekiranya kita mengadakan Agensi ini tetapi nelayan kita tidak diberikan perlindungan.

Tuan Yang di-Pertua, ada disebut oleh Yang Berhormat bagi Sri Gading berkenaan dengan kesungguhan kita untuk kelengkapan. Dia tidak mahu kita hanya dijadikan satu agensi tetapi kelengkapannya itu tidak seperti yang diharapkan. Saya ingin menyatakan di sini bahawa peruntukan yang kita pohonkan bagi tahun 2005 adalah sebanyak RM260 juta. Peruntukan ini diperlukan bagi membiayai perbelanjaan seperti berikut:-

- (a) gaji dan elaun;
- (b) penyelenggaraan kapal;
- (c) uniform;
- (d) pembelian peralatan komunikasi dan *command and control*;
- (e) latihan induksi dan latihan penyesuaian laut;
- (f) ruang pejabat; dan
- (g) pengawasan *surveillance* dan *search and rescue*.

Jadi, daripada sini Yang Berhormat bagi Sri Gading akan sedia maklum bahawa kita serius dalam pembentukan Agensi ini dan pada tahun ini kita mohon RM26 juta – tahun ini 2004, perbelanjaan untuk lagi enam bulan. Pada tahun hadapan kita mohon RM260 juta. Saya berharap dengan penjelasan ini Yang Berhormat bagi Sri Gading akan merasa lebih selesa dan tidak menganggap bahawa ini hanya sebagai satu perkara yang diwujudkan dan kemudian tidak diberikan peruntukan yang sepatutnya.

Bagi menjawab Yang Berhormat bagi Sri Gading juga, kerajaan akan mengusahakan mengikut kemampuan dan akan mempertingkatkan dengan pembelian helikopter, bot laju dan pesawat. Pelanunan yang berlaku di Selat Melaka sedang ditangani sebaik mungkin. Dengan tertubuhnya APMM, masalah ini dapat ditangani dengan lebih berkesan lagi. Kerjasama dengan pihak penguat kuasa Indonesia berjalan sentiasa. Zon maritim negara di bawah akta ini termasuk perairan Laut China Selatan di Sabah dan Sarawak. Jadi, janganlah ada sesiapa di kalangan kita yang berkecil hati kalau sekiranya lautan yang mana kampungnya terletak itu tidak disebut.

Tuan Yang di-Pertua, jika dilihat kepada definisi Zon Maritim Malaysia merupakan kawasan bidang kuasa Agensi ini adalah jelas bahawa ianya tidak dihadkan kepada Selat Melaka sahaja selagi di kawasan atau lautan itu termasuk ke dalam definisi yang disebutkan itu.

Saya telah dalam ucapan saya menyatakan bahawa sebenarnya kawasan lautan yang kita kawal itu adalah dua kali ganda luas kawasan daratan Malaysia. Jadi bermakna luaslah. Kalau Malaysia 375,000 kaki persegi, kita cover dekat 600,000, jadi dua kali saiz kawasan daratan Malaysia yang di laut itu yang dijaga oleh APMM. APMM merupakan agensi utama yang akan melaksanakan penguatkuasaan, oleh yang demikian tidaklah berlaku tolak menolak kepada agensi lain. Pun begitu, agensi yang lain akan bekerjasama membantu agensi ini. Ia takkan berlaku dah. Kalau dahulu Imigresen tolak kepada polis, polis tolak sebab dia masing-masing punya kerja, kerja kecil. Imigresen jaga orang masuk, Marin jaga kerosakan tetapi yang ini semua undang-undang Persekutuan yang kaitan dengan lautan. Penguatkuasaannya adalah di bawah APMM. Jadi tidak berbangkit lagi soal kita hendak katakan bahawa jabatan ini akan tolak ke jabatan sana dan macam-macam, seperti yang telah berlaku di masa-masa yang lepas.



Yang Berhormat bagi Kubang Kerian telah menyebut tentang betapa pentingnya laut ini kepada Malaysia seperti yang telah dilaporkan iaitu dalam *Report MIMA*, memang betul kita tahu bahawa laut ini begitu penting kepada kita dan ia penting kerana dalam sektor perikanan, minta Batang Lupa *confirm*, sektor perikanan sumber ikan adalah sumber protein utama negara. Lebih 70% darinya ditangkap di laut. Pengeluaran ikan dijangka akan meningkat kepada 1.93 juta tan menjelang 2010. Industri perikanan menyediakan lebih dari 80,000 pekerjaan kepada penduduk negara. Itulah pentingnya.

Kemudian soal petroleum dan gas, purata pada tahun 2001 Malaysia mengeluarkan 634,000 tong minyak mentah sehari. Dari jumlah ini, sebanyak 314,500 tong dieksport. Purata pengeluaran gas asli pada tahun 2001 adalah 5.7 bilion *standard cubic feet* setiap hari. Hasil pendapatan minyak dan gas asli menyumbang sebanyak 6.7% kepada eksport negara dengan nilai RM22,460 juta. Perairan Pantai Timur Semenanjung mengandungi 61% daripada rizab minyak mentah dan 44% keseluruhan gas asli. Bagi 39% rizab minyak mentah dan 56% rizab gas asli terdapat di pesisir pantai Sabah dan Sarawak. Begitulah Ahli-ahli Yang Berhormat betapa pentingnya laut ini kepada Malaysia yang memerlukan kita untuk mengadakan Agensi ini bagi mengawasi kekayaan kita di lautan ini.

Kemudian Yang Berhormat bagi Kubang Kerian juga sebut berkenaan dengan ancaman di laut, itu memang betul, yang juga memerlukan kita untuk mengadakan agensi ini secepat mungkin. Ancaman-ancaman di laut ialah pencerobohan nelayan asing. Ia masuk ke kawasan kita, kapal asing ini dan kita jangka iaitu kita kehilangan sejumlah RM1 bilion setiap tahun daripada pencerobohan nelayan ini. Satu bilion Ringgit Malaysia satu tahun yang dilakukan oleh nelayan asing yang menceroboh kawasan kita dan menangkap hasil lautan kita.

Kemudian sudah tentulah pendatang tanpa izin ini merupakan juga ancaman kepada kita di mana melalui Selat Melaka 54.8% dan menerusi Sabah 39.8% yang masuk ke negara kita. Pada tahun 2002, seramai 1,997 orang ditangkap. Pada tahun 2003 ada 1,521 orang ditangkap dan sehingga Mei 2004, sebanyak 389 orang ditangkap. Ini merupakan pencerobohan terhadap kemasukan pendatang tanpa izin ke dalam negara kita yang perlu dibendung oleh kita juga.

Kemudian sudah tentulah rompak di laut. Ini berlaku dan terdapat 30 kes rompak di perairan negara kita pada tahun 2002. Pada tahun 2003, ada sebanyak

26 kes. Terdapat juga laporan mengenai kes peras ugut untuk menebus kembali bot yang ditangkap oleh pihak berkuasa negara jiran atau yang melalui sindiket tertentu bagi bot-bot yang dicuri.

Yang terakhir sekali berkenaan dengan ancaman cabaran maritim kita berkenaan dengan pencemaran marin. Ini berlaku di laut. Pencemaran berlaku di laut merupakan tindakan pembuangan sisa minyak dan kotoran yang dilakukan oleh sesebuah kapal secara sengaja. Pencemaran boleh juga terjadi jika berlaku pelanggaran. Jadi *trend* pencemaran ini tahun 2002 terdapat 11 kes pencemaran. 2003 6 kes dan sehingga Mei 2004, 2 kes. Ini semuanya memerlukan kita untuk mewujudkan agensi ini untuk kita memastikan supaya ia tidak akan berlaku lagi.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Kubang Kerian bertanya berkenaan apakah perbandingan kita dalam kita mewujudkan Agensi ini. *Benchmark* kita ialah apa yang ada di United States dan juga di Jepun. Malah daripada apa segi pun, macam uniform, warna bot dan juga kualitinya, kalau kita mempunyai kemampuan, sudah tentulah kita mahu yang terancang dan kita menggunakan *benchmark* U.S dan Jepun sebagai satu perkara yang kita bandingkan untuk kita mendapat yang terbaik.

Kawasan penguasaan kita, kawalan kita, saya telah sebut dalam ucapan saya pagi tadi di mana kawasannya cukup luas. Seperti yang saya sebut kawasan laut yang kita kawal ialah dua kali ganda kawasan daratan Malaysia itu sendiri.

Yang Berhormat bagi Kubang Kerian juga menyebut berkenaan dengan soal hasil diperolehi daripada kawasan pengeluaran gas di Thailand dan Malaysia. Dia bertanya mengapa Kerajaan Negeri Kelantan tidak dapat. Tuan Yang di-Pertua, kawasan yang menjadi pertikaian ini adalah di antara dua negara. Kawasan sempadan yang ada ialah di antara Thailand dan Malaysia. Ia bukan di antara Kelantan dan Narathiwat. Kelantan–Narathiwat tidak *exist* di dalam soal-soal antarabangsa. Sebab itu apa juga persempadanan antarabangsa yang wujud ialah di antara Thailand dan Malaysia. Maka apa juga hasil yang diperolehi di kawasan sempadan Thailand–Malaysia, maka sudah tentulah hasilnya itu akan pergi kepada negara Thai dan negara Malaysia. Ia tidak pergi ke Pattani atau ke Narathiwat dan sudah tentulah ia juga tidak akan pergi ke negeri Kelantan.

Jadi tidaklah berbangkit soal bahawa kita menganaktirikan negeri Kelantan kerana mereka itu pada ketika ini sedang diterajui oleh kerajaan yang datang daripada

Parti PAS. Itu tidak berbangkit. Soal pertikaian antara Thai dan Malaysia, maka hasil itu adalah hasil untuk negara Thai dan negara Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, Kubang Kerian juga bertanya, kerajaan akan membeli peralatan yang sesuai untuk tugas APMM mengikut kemampuan. Mengikut Ordinan tersebut laut wilayah adalah 12 batu nautika. Ini yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Kubang Kerian. Saya kadang-kadang saya hendak dengar dia berucap, saya seronok juga. Kadang-kadang dia bangkitkan benda yang pelik-pelik - Tembak 12 *nautical mile*, selepas itu dia seronok betul cerita tentang *fertilizer* 66677, saya ingatkan nombor ekorkah, apakah, tetapi dia banyak maklumat-maklumat yang saya juga dapat belajar dengan dia bangkitkan benda ini kerana kita mendapat jawapan iaitu sehubungan dengan 3(1) Ordinan No. 7 – Kuasa-kuasa Perlu (Darurat) 1969 jelas menerangkan bahawa sebarang perairan yang diukur adalah mengikut peruntukan Perkara 3, 4, 6, 7, 8, 9, 10, 11, 12 dan 13 – Konvensyen Geneva mengenai laut wilayah dan zon berdampingan dan ia bukannya melalui tembakan meriam 12 *nautical mile*. Tetapi okeylah juga tu. Sekurang-kurangnya mendapat penjelasan.

Perkara 3 Konvensyen berkenaan antara lain menyebut garis asas biasa untuk mengukur lebarnya laut wilayah ialah daripada tempat air surut di sepanjang pantai. Peruntukan Konvensyen itu menerangkan dengan terperinci cara pengukuran dibuat dan itulah caranya yang diikuti oleh negara, bukanlah definisi itu dibuat dengan sewenang-wenangnya tanpa asas. Jadi ada asasnya 12 *nautical mile* itu.

Tuan Yang di-Pertua, Santubong bertanya berkenaan dengan pangkat-pangkat. Kita tahu iaitu bahawa mengikut Fasal 5, pangkat ini dia sebut sebagai pegawai-pegawai akan digelar sebagai Pegawai-pegawai Penguat Kuasa Maritim. Ketuanya digelar sebagai Ketua Pengarah. Pangkatnya, semuanya akan menggunakan pangkat Tentera Laut. Itu akan digunakan oleh pegawai-pegawai di bawah APMM ini.

Agensi ini akan memperoleh kapal dan bot untuk membuat rondaan di laut di samping itu helikopter dan kapal terbang juga akan disediakan untuk bergerak cepat. Cadangan menyediakan pasukan khas untuk bertindak cepat akan dipertimbangkan. Itu okey. Malah yang Arau sebut itu pun saya rasa betul iaitu kita kena ada, kalau kita cakap fasal pangkalan bukan sahaja pangkalan di pantai tetapi hendak kena ada di laut.

Kita bercakap tentang ZEE 200 *nautical mile*. Kalau berlaku di sana orang dok sini macam mana? Takkan hendak mari daripada pangkalan di darat. Mesti kita juga ada kapal pangkalan kita di tengah laut. Itu suatu cadangan yang baik dan betul dan saya rasa idea ini juga akan diberikan pertimbangan kerana kita hendak menguatkuasakan undang-undang di laut.

Ini berbalik soal bidang kuasa Agensi ini. Agensi ini hanya mempunyai bidang kuasa di dalam Zon Maritim Malaysia. Oleh itu segala kuasa yang diberi kepadanya oleh Fasal 7 Rang Undang-undang ini adalah tertakluk kepada bidang kuasanya iaitu di dalam kawasan Zon Maritim Malaysia termasuk hak kejar-mengejar itu. Jadi untuk negara lain, saya ingat kalau kita hendak berurusan dengan mereka, seperti kita fahamkan pada ketika ini saya percaya negara Indonesia pun tidak ada *coast guard*, ini *equivalent*kah, ataupun Thailand pun saya tidak tahu. Namun dalam negara yang tidak mempunyai agensi maritim seperti kita ataupun *coast guard*, sudah tentulah kita akan berurusan dengan Angkatan Tentera Laut mereka.

Tuan Yang di-Pertua, Santubong membangkitkan juga mengenai pegawai-pegawai yang diambil akan disemak latar belakang mereka. Namun demikian, kerajaan percaya pegawai-pegawai yang ada memang boleh dipercayai dan hanya segelintir sahaja yang mungkin tidak setia. Saya ingat sudah tentulah kalau kita duduk dalam tentera, dalam polis, dan juga dalam pasukan-pasukan yang menjaga kepentingan Malaysia, sudah tentu pada majoriti yang besarnya adalah orang yang setia, segelintir sahaja sebenarnya yang tidak setia. Itu pun jarang-jarang sekali berlaku.

Sememangnya perkara latihan akan ditekankan supaya anggota-anggota APMM dapat melaksanakan tugas mereka dengan cekap. *US Coast Guard* dan *Japan Coast Guard* telah bersetuju memberi latihan-latihan tambahan kepada kita.

Tuan Yang di-Pertua, dahagi, saya pun mula-mula takut silap *printing*, ingat 'dahaga'. Kesalahan dahagi telah pun wujud dalam Akta Polis. Hukuman yang diperuntukkan atau dicadangkan oleh rang undang-undang ini adalah selaras dengan hukuman yang wujud di bawah Akta Polis. Yang Berhormat jangan bimbanglah. Polis pun kena lima tahun kalau dahagi, jadi kepada kita pun dendanya adalah sama.

Kemudian Yang Berhormat bagi Santubong membangkitkan berkenaan laluan ikhlas di dalam zon maritim Malaysia akan dikendalikan oleh agensi ini. Apa yang berlaku di laut, APMM punya. Tak bangkitlah tolak sana tolak sini. Tidak mahu dah,

apa sahaja laut kita punya. Mekanismenya akan ditetapkan melalui peraturan-peraturan dan juga secara *administrative*. Mengikut Konvensyen Undang-undang Laut 1982, setiap kapal diberi kebebasan membuat pelayaran dengan tidak perlu mendapat kebenaran negara berkenaan selagi pelayaran tersebut tidak memudaratkan keamanan, ketenteraman atau keselamatan negara - Fasal 7(5), ini kalau orang hendak tahu tentang apa yang dimaksudkan dengan laluan khas.

Yang Berhormat bagi Santubong dan juga Yang Berhormat bagi Tanjong ada membangkitkan bahawa kita perlu kerjasama, kita perlu juga pertolongan daripada negara-negara luar. Saya hendak beritahu di sini kerjasama itu perlu di antara jiran sahaja. Kalau kita berkongsi perairan di antara Malaysia dengan Indonesia maka kerjasama itu adalah perlu di antara kedua-dua negara.

Yang Singapura pergi cadangkan Amerika mari ke sini hendak buat apa? Amerika cukup jauh. Dahulu kita boleh faham bahawa kita perlukan Amerika kerana dahulu ada *Cold War* sebab Russia punya *fleet* pun ada di merata-rata juga, di Lautan Hindi pun ada, di Lautan Pasifik ada, sebab itu kita perlukan kepada ..... pada ketika itu, walaupun pada ketika itu perlu, tetapi tidak popular juga.

Masa *Cold War* kita faham iaitu bahawa perlu juga ada *fleet* daripada US katakanlah di Lautan Hindi, tetapi sekarang ini *Cold War* sudah tidak ada. Russia sudah kalah. Russia sudah *out*.

**Dr. Tan Seng Giaw:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Kepong.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Dia tahu apa, dia kena kepong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Itulah dia hendak tanya. Dia hendak minta penjelasan.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Dia mana tahu dengan laut. Dia duduk dalam tentera pun dia jaga kulit sahaja doktor ini. Nanti saya tidak habis lagi, duduk dahulu. Sebab itu saya hendak bagi tahu adalah tidak betul iaitu bahawa yang dimaksudkan dengan kerjasama, maka seolah-olah apa yang kita hendak bekerjasama ini, nampaknya yang macam Singapura cadang, kita tidak bersetuju.

**Dr. Tan Seng Giaw:** [*Bangun*]

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tidak setuju sebab dia hendak panggil orang luar hendak buat apa? Hendak panggil Amerika buat apa?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Kepong bangun lagi.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Panggil Amerika, buat apa? Kenapa tidak panggil Perancis? Mengapa tidak panggil Britain? Mengapa tidak panggil Russia? Yang panggil Amerika, buat apa? Sudah tentu dia mempunyai satu agenda yang berselindung di sebalik perkara itu. Kalau kerjasama makna antara jiran yang berkongsi kawasan perairan. Mengapa Singapura kata tidak boleh bekerjasama dengan Malaysia walhal dia pun ada kawasan perairan, mengapa hendak jemput Amerika? Ini jelas menunjukkan bahawa Singapura ini dia macam tidak percaya kepada jiran dia.

Hidup tiada kepercayaan di antara satu sama lain, bukan jiran tetangga. Sebab itu kita tidak setuju dengan cadangan untuk menjemput mana-mana kuasa luar bukan sahaja Amerika, manalah seperti Britain, Perancis, Jerman pun kita tidak bersetuju untuk meletakkan kapal mereka di sini. Walau apa sekalipun Kepong hendak cakap.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Kepong.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Saya memang tertarik dengan hujah yang disampaikan oleh Yang Berhormat. Bolehkah Yang Berhormat memberi tahu kepada Dewan yang mulia ini bagaimana kita dapat mempertingkatkan kawalan keselamatan terutamanya di perairan antarabangsa kita. Kalau kita boleh menunjukkan kepada dunia, terutama Singapura dan Indonesia kita sudah mampu tidak payah kita hendak undang orang daripada Kutub Utara untuk mengawal perairan antarabangsa kita, sebab Yang Berhormat masalah ini termasuklah nelayan kita mesti bayar wang perlindungan kepada kerajaan lanun.

Kita ada Kerajaan Singapura, Kerajaan Malaysia, Kerajaan Indonesia tetapi ada kerajaan yang keempat iaitu kerajaan lanun. Macam mana kita boleh membanteras dan membendung kerajaan seumpama ini. Itu yang pokok sekali Yang Berhormat. Saya setuju, kita tidak payah undang kuasa yang lain untuk campur tangan di dalam kawasan kita. Itu lebih baik kerana kita ada kekuatan dan kemampuan sendiri untuk mempertahankan kedaulatan negara. Bolehkah Yang Berhormat terangkan bagaimana kita boleh mengelakkan nelayan-nelayan dan kapal komersial kita daripada dianyai oleh kerajaan lanun ini?

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Yang Berhormat, pertamanya sudah tentu dia tidak baca rang undang-undang ini. Dia tidak baca langsung rang

undang-undang ini. Nombor dua, pagi tadi saya bentang, saya bagi penjelasan, dia tidak hadir. Saya sudah setengah jalan jawab, baru hendak tanya. Kalau dia hadir pun dia tidur. Sebab itu jawapannya semua di sini. Bila kita hendak lawan lanun ini semua tidak mahu ada kerajaan yang keempat yang dia kata ini, ini yang kita buat APMM ini.

Yang ini yang kita bincang setengah hari ini tadi. Saya harap Yang Berhormat jangan *dok kacau sayalah. I am a very busy man, please*. Terima kasih banyak.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat.....

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Sri Gading, pagi dia ada.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Sri Gading pagi dia datang.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Hebat Menteri kita ini, bangga sayalah. Dalam jawapan Yang Berhormat, saya amat bersetuju, amat bersetuju dan sebenarnya berasa bangga bahawa rakyat Malaysia untuk menjaga kedaulatan dan kemerdekaan negara kita. Soal campur tangan dari luar memang tidak kita izinkan dan pendirian Kerajaan Malaysia ini harus menjadi kebanggaan kepada rakyat negara ini.

Dalam hubungan Selat Melaka ini, memang kita tidak faham sikap Singapura ini. Kita mempunyai kekuatan, Singapura mempunyai kekuatan, Indonesia mempunyai kekuatan, negara-negara di mana Selat Melaka menjadi kawasan bersama, kita mempunyai kemampuan untuk apa dia jemput Amerika ini. Kecuali ada agenda-agenda yang tersembunyi yang kalau saya gunakan bahasa kasar di sini, minta Tuan Yang di-Pertua. Singapura sebagai 'boneka' kepada Amerika.

Apabila menjadi boneka kepada Amerika, ada agenda-agenda tertentu Amerika di rantau ini. Saya berharaplah Singapura yang menjadi jiran terdekat kepada kita yang ada hubungan sejarah, hubungan kebudayaan, hubungan kekeluargaan, hubungan macam-macam, tolonglah jaga perasaan kita, jaga kita punya maruah bersama untuk menentukan kita yang berjiran ini memberikan sokongan antara satu sama lain untuk menolak kuasa yang lain daripada kuasa yang ada di rantau ini supaya jangan campur tangan.

Ini tidak, hendak jemput orang lain. Maknanya dia mengundang masalah antara negara-negara yang berjiran lebih-lebih lagi yang tidak sesuai dengan semangat ASEAN. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon penjelasan.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, saya ada berkawan dengan ramai orang Cina. Saya tidak tahu bahasa mereka. Tetapi dia orang kata '*kia-su*'. '*Kia-su*'

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Apa itu '*kia-su*'

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Maksudnya dia ada masalah orang kecil. Sebab negeri dia kecil. Dia selalu hendak lebih hebat daripada orang lain.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Fahaman saya takut kalah.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Takut kalah. Dia takut kalah. Tetapi hendak buat macam mana dari segi kawasan luas, dia kalah dengan Malaysia. Dari segi penduduk, dia kalah dengan Malaysia. Daripada hasil kekayaan, dia kalah dengan Malaysia. Kalau sudah selalu kalah hendak buat macam mana? Dia tidak boleh buat apa. Sebab itu saya rasa inilah satu perkara yang dihadapi oleh mereka. Dia tidak mahu mengalah. Tetapi kita sebagai abang (besar) sebenar kita tidak layan sangat. Tetapi kalau dia sampai membuat sesuatu yang boleh menjejaskan kedaulatan negara kita, pada ketika itu, *kia-su* atau tidak *kia-su* dia jagalah tunggu apa yang akan dihadapi.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Jerai bangun.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Terima kasih Yang Berhormat. *kia-su, kia-lang, sianglah.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Apa itu Yang Berhormat?  
[Dewan riuh]

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Saya terkejut. [Ketawa] Saya kata *kia-su* orang kata kalah perang. *Kia-lang* itu orang penakut juga.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Apa *kia-lang*?

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Saya dengan Yang Berhormat Menteri fahamlah Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat tidak faham. [Dewan riuh]

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** [Ketawa]



**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Kita perlu faham Yang Berhormat.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Minta penjelasan Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Kita perlu faham.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Saya minta penjelasan Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Kita perlu faham.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Minta penjelasan Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Saya perlu faham.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Ya, hendak fahamkah?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Tidak faham.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Tidak faham? Oh, ini bahasa saya dengan Yang Berhormat Menteri. Sebab kita pergi Singapura sekali.

Yang Berhormat, kita faham, Singapura ini sudah banyak kali mengacah-ngacah kita. Tengok, pulau yang belum selesai masalah pun nelayan kita diganggu dan kita tahu bukan setakat macam Yang Berhormat bagi Sri Gading kata 'boneka' kepada Amerika, tetapi mereka adalah juga boneka kepada Israel. Mereka juga dilatih oleh tentera-tentera Israel, ala perang secara Israel kerana mereka tahu mereka sebuah pulau yang kecil dikelilingi oleh negara-negara yang besar. Dia orang takut, jadi akan gunakan cara Israel walaupun kecil tetapi boleh buli negara-negara yang besar.

Apakah kita selalu dok nak guna diplomasi, hendak selesai secara itu ini. Kita dok bekai ayak kepada depa. Kita hantak sayuk kepada depa. Hantak buah-buahan kepada depa. Kita dok bela ayam itik kita hantak kepada depa. Apa pun depa tak dak. Getah semua ada, kita hantar itu semua ke negara depa, depa gunakan negara kita untuk meniaga, tetapi depa tak menghormati *big brother*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat. Apakah soalan? [*Dewan riuh*]

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Bukan soalan, penjelasan Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Habis apa?

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Penjelasannya, adakah kita sebagai *big brother* di rantau ini, negeri yang dahulu bersama dengan kita tidak bisa dan tidak boleh kita ajar sekala sekali. Terima kasih Yang Berhormat.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, memang kita boleh ajarlah. Tidak ada masalah sebab kita hendak kena ingat. Macam kata kalau dia jadi boneka kepada Israel atau Amerika pun, Amerika kecundang di Vietnam. Russia kecundang di Afghanistan. Hari ini Amerika pun kecundang di Iraq itu. Tunggalah, sebab itu jangan mencero boh tanah orang. Orang itu duduk di situ. You kuat macam mana sekali pun, kalau you datang daripada Amerika, you tidak duduk di Malaysia, you duduk di Amerika. Ini negara kita.

Walaupun dalam satu tahun kita kalah, namun 10 tahun akan datang kita halau dia keluar dari negara kita. Itu yang berlaku di Afghanistan. Sebab itu dunia sekarang, jangan cuba, jangan hendak menduga kekuatan. Apakah tidak ada perasaan kita hendak melawan, bagaimana kita cinta kepada negara kita. Walaupun Afghanistan negara gersang, Russia masuk, tetapi walaupun gersang itu Afghan punya. Sebab itu Russia kecundang.

Saya hendak bagi peringatanlah kepada Singapura, jangan hendak tunjuklah seolah-olah dia baik dengan Amerika, baik dengan Israel dia cerita kepada orang dalam 40 minit boleh tawan Johor, boleh tawan Johor, tetapi dalam empat hari kita ambil balik. Ini saya hendak bagi tahu. Dalam zaman sekarang, jangan tunjuk ataupun hendak menduga kekuatan kerana akhirnya nanti orang cinta kepada negara. Biarlah satu tahun, dua tahun hatta 10 tahun sekalipun dia akan kembali balik kepada penghuni asalnya. Sebab itu saya harap supaya Singapura jangan bersikap *kia-su* tidak siapa yang hendak bersaing dengan mereka. Malah mereka itu kalau berjaya sekali pun, biarlah dia berjaya. Polisi kita, kita tidak mahu *beggar thy neighbour*

Kita hendak kayakan mereka semua. Sebab itu saya rasa buatlah apa hendak buat. Tetapi jangan sampai untuk hendak mencero boh ataupun hendak mempertikaikan atau menduga kekuatan dengan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan *hot pursuit*, saya sudah sebut dalam jawapan saya sebentar tadi, iaitu ini merupakan satu perkara yang cukup sensitif. Walaupun kita kata hendak menjejarkan penjenayah-penjenayah tetapi *hot pursuit*, ini merupakan satu perkara yang kita juga sebagai sebuah negara merdeka tidak akan terima. Bayangkan kalau kita terima *hot pursuit*, bagaimana kalau sekiranya Singapura

masuk sampai ke Johor, masuk sampai 10, 15 kilometer dalam kawasan kita di atas alasan untuk hendak mencari penjenayah. Saya rasa ini satu perkara yang tidak boleh kita setujui. *Hot pursuit*, tidaklah merupakan satu kaedah yang boleh diterima bukan sahaja oleh kita, tetapi saya percaya oleh mana-mana negara sekalipun. Dalam soal kita kejar mengejar apabila masuk kawasan sempadan orang kita kena minta kebenaran. Kalau tidak itu dianggap sebagai *infringement on the sovereignty of the nation*.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Beluran, memang APMM kita akan mengambil kira *inter of probability* di antara semua jabatan yang terlibat di laut, peralatan-peralatan komunikasi akan ditentukan supaya perhubungan boleh berjalan lancar di antara agensi seperti polis marin, TLDM, Jabatan Kastam dan lain-lain. Saya telah menjawab soalan beliau lebih awal iaitu berkenaan dengan latihan kita perlu lakukan. Kita mendapat kerjasama daripada *Coast Guard* Jepun dan juga Amerika dan juga kalau sekiranya negara-negara jiran kita tidak mempunyai agensi seperti kita, maka kita berurusan dengan angkatan tentera laut mereka.

Yang Berhormat bagi Jasin, dalam soal penguatkuasaan undang-undang Persekutuan di laut tidak ada persaingan, hanya APMM sahaja. Ini satu sahaja agensi yang menguatkuasakan undang-undang, maka tidak berbangkitlah soal tolak menolak dari segi tanggungjawab ini. Saya ingin menyatakan di sini ya, selepas ini kita bukan sahaja akan merampas, tetapi juga akan tangkap orang-orang yang terlibat dengan penyeludupan ini, kerana kita sudah pun diberikan kuasa untuk berbuat demikian.

Berkenaan dengan disiplin, kalau Yang Berhormat bimbang iaitu hendak *start* bot, bot tidak berjalan, saya rasa ini tidak akan berlaku insya-Allah, kerana agensi ini akan bertindak sebagai separa tentera. Dan pada waktu peperangan dia menjadi *combative force*. Jadi, oleh kerana itu, dia tidaklah akan menjadi sebagai satu unit kepada satu jabatan yang mempunyai kereta tetapi bila *start* enjin tidak berjalan, itu tidak akan berlaku kerana ini merupakan satu agensi yang dianggap sebagai separa tentera dan pada waktu peperangan dia akan menjadi sebahagian daripada *combative force* untuk mempertahankan negara kita.

Yang Berhormat bagi Tanjong yang berkata bahawa ada hal-hal lain yang luar daripada keupayaan kita untuk kita mempertahankan hak-hak kita. Apa salahnya kalau kita mengajak orang-orang lain untuk menguruskan masalah kita bersama. Saya sudah sebut dalam jawapan saya sebentar tadi iaitu *the cold war is over*. Masalah

yang kita hadapi kita selesai bersama kita. Kita punya jiran masalahnya sama. Saya telah sebut sebentar tadi bahawa *problem* yang kita hadapi sekarang ini ialah pertamanya soal *terrorist*. Soal ini *terrorist* ini sebenarnya kita jauh lebih berpengalaman daripada Amerika. Sebab itu pada hari ini kita tengok banyak undang-undang yang telah kita laksanakan dahulu sekarang ini telah pun diikuti oleh negara-negara luar. Jadi, oleh sebab itu, dalam soal *terrorist* kita lebih berpengalaman daripada Amerika dan negara-negara yang lain.

Ini betul, ini bukan soal main-main, kita semua tahu bahawa kita telah menghadapi *terrorist* daripada tahun 1948 lagi, waktu ketika kita mengambil tindakan yang dianggap oleh Ketua Pembangkang sebagai *draconian*. Itulah yang sebenarnya menjamin keamanan kita pada hari ini. Sebab itu saya hendak menyatakan di sini...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Kepong.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Nanti dahulu. Saya hendak menyatakan di sini bahawa soal-soal seperti kata lanun, kes ini tidak banyak. Saya sebut pada tahun ini sehingga bulan Mei baru ada empat kes. Jadi, ini jika dibandingkan dengan perairan kita yang digunakan oleh kapal-kapal purata hampir 50,000 kapal yang melalui Selat Melaka dan kalau sekiranya kes yang paling akhir ini, lanun, rompak di laut pada tahun 2003 – 26 kes. Ini kecil jika dibandingkan dengan 50,000 kapal yang melalui kawasan kita. Sebab itu dalam soal lanun di perairan Selat Melaka ia boleh diselesaikan dengan adanya kerjasama di antara *coastguard* ataupun tentera laut Indonesia, Malaysia, Filipina dan juga Singapura – yang hendak panggil Amerika apa hal ini, mesti ada agenda yang di sebalik itu. Mungkin saya rasakan Singapura sekarang ini dia punya pelabuhan sudah tidak laku, jadi kalau ada *naval base* di Singapura mungkinlah dapat memberikan keuntungan yang lebih kepada mereka. Mungkin, saya tidak tahu.

Jadi, sebab itu saya tidak bersetuju langsung dengan cadangan daripada Tanjong untuk kita menguruskan masalah kita bekerjasama dengan negara-negara lain yang tidak ada sempadan perairan dengan kita. Kalau kita hendak menggunakan kerjasama dengan negara-negara yang menggunakan Selat Melaka, bermakna kita kena kerjasama dengan 110 negeri yang lain kerana hendak jaga dia punya kapal lalu di Selat Melaka kita. Itu langsung tidak praktikal dan saya rasa itu satu cadangan sebenarnya kepada orang yang kurang keyakinan dengan diri dia sendiri terpaksa bergantung kepada bantuan daripada luar negara. Sila Kepong.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Apa masalah Jerai. Pagi ini sama ada Yang Berhormat... tetapi dia sekarang penglihatan kurang sedikit. Dia kata kita di sini tidak setuju dengan ISA yang begitu *draconian*. Memang saya pernah pelawa untuk ke istana Yang di-Pertuan Agong pada 1987 dan 1988 dan kita pun tidak ubah sikap, kita masih membangkitkan masalah-masalah yang dihadapi oleh negara. Apa *draconian* seperti saya masih ada di sini. ISA bagi kita tidak relevan, memang tidak relevan bagi kita. Tetapi walau bagaimanapun, kita tidak setuju dengan cara Amerika untuk menghadapi terrorisme dengan pencerobohan kepada Afghanistan dan Iraq, kita pun membantah kerana mereka tidak mendalami apakah faktor-faktor yang menyebabkan terrorisme. Itu yang kita sentiasa tekankan.

Tetapi walau bagaimanapun, negara kita dengan sosioekonomi yang berubah, maka kita mesti mengkaji mana undang-undang yang *draconian* dan sebagainya. Gunakan yang perlu digunakan sahaja untuk mempertahankan negara ini. Walau bagaimanapun, penjelasan sahaja itu, saya setuju kita tidak payah hendak panggil orang lain. Cuma yang tidak dijawab oleh Yang Berhormat macam mana kita memperkuat kemampuan kita supaya soal pelawaan orang lain tidak wujud langsung. Itu yang penting sekali. Jiran Singapura saya tidak tahulah apakah strategi Yang Berhormat. Strategi mengenai ketenteraan dan sebagainya di kawasan ini, saya hendak tahu apakah strategi. Sebab saya nampak hujah dia tidak mempunyai strategi sama ada strategi jangka pendek ataupun panjang, cuma cakap sahaja.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Dia kata dia ada pada pagi tadi. Kalau dia ada pagi tadi, dia tidak faham ini maknanya dia tidurlah itu. *[Ketawa]* Itu sahaja. Dia tidur. Lebih baik kata dia tidak datang lagi senang. Maknanya, dia tidur jadi sebab itu dia tidak faham apa saya hendak cakap. Jadi, kalau DAP, Ketua Pembangkang kata ISA kita *draconian*, dalam pilihan raya baru-baru ini kita menang 65% *popular vote*, Yang Berhormat. Dalam Dewan ini 219 kerusi ada, 198 BN punya, 1 pinjam kepada PAS buat setahun inilah. Jadi, bermakna rakyat tidak percaya dengan dia walaupun dia tipu macam-macam – *draconian*lah apa '*conian-conian*', rakyat tidak percaya, rakyat tahu bahawa ISA adalah baik sebab itu negara aman dan damai pada hari ini. Jadi, macam mana. Tak usahlah kita hendak cakap kita betul tak betul. Ini demokrasi.

Jadi, sebab itu kalau dia kata '*draconian*' itu dia yang kata, rakyat tidak berfikir demikian, rakyat tahu bahawa soal keamanan yang ada pada hari ini ialah *at the cost*

*who may be liberty of some people* yang mungkin dia jadi pengacau terpaksa kita tahan dia, hendak buat macam mana *because the majority is more important*. Sebab itu saya tetap mengatakan bahawa ISA adalah baik untuk negara kita dan tidak *irrelevant*.

Tuan Yang di-Pertua, kemudian Yang Berhormat bagi Tanjong tadi dia bertanya berkenaan dengan bilateral kita, kerjasama bilateral ataupun multilateral sudah pun wujud di antara Indonesia, Singapura, Filipina dan juga Thailand. Kerjasama melibatkan pertukaran maklumat dan lain-lain lagi. Negara lain memberi bantuan secara *capacity building* melalui latihan dan sebagainya. Begitu juga kerjasama ini tidak akan menjejaskan kedaulatan negara. Kemudian, apakah kerajaan akan mempunyai bot baru sendiri melalui *open tender*. Kerajaan akan membeli secara berperingkat-peringkat dan akan memodenkan peralatan APMM mengikut peraturan tender kerajaan.

Yang Berhormat bagi Tanjong juga telah menyebut iaitu apakah oleh kerana kita terpaksa mengadakan agensi ini, bermakna bahawa kita telah pun menghadapi masalah kerana Tentera Laut Diraja kita tidak berfungsi. Saya ingin maklumkan di sini iaitu Tentera Laut menjaga pertahanan negara. Tentera Laut bukan pergi mencari imigresen – orang masuk tidak ada *pass*. Tentera Laut bukan pergi cek tengok pencemaran marin. Tentera Laut bukan pergi tengok penyeludupan. Tentera Laut jaga pertahanan. Kalau di darat kita ada polis, apakah dengan adanya polis itu bermakna Tentera Darat kita tidak menjalankan tanggungjawab dia. Polis jaga keamanan, Tentera Darat jaga pertahanan.

Jadi, di laut pun serupalah juga. Kita kena ada dua – satu kena jaga pertahanan negara kita. Kalau tidak ada peperangan, maka tidak akan menampaklah pencapaian yang dibuat oleh Tentera Laut kita. Hari ini pun kita tengok mana berani orang datang hendak menceroboh negara kita kerana Tentera Laut kita bertindak baik. Jadi, bukan bermakna dengan adanya satu agensi yang lain itu bermakna apa yang ada pada hari ini adalah tidak baik. APMM menguatkuasakan undang-undang Persekutuan di laut, itu kerja dia. Tentera Laut jaga pertahanan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Bandar Kuching.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Kuching, Kepong. Kuching sila.

**Tuan Chong Chieng Jen:** Penjelasan. Yang Berhormat Menteri, sebagaimana Yang Berhormat Menteri berkata Tentera Laut menjaga pertahanan. Namun masalah lanun, adakah ia masalah pertahanan atau masalah penguatkuasaan undang-undang di bawah bidang kuasa agensi yang dicadangkan.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Penguatkuasaan APMM, sebab lanun merompak. Sebab merompak ini kalau di darat polis jaga, bukan tentera pergi tangkap perompak ini. Ada kalau perompak pergi merompak di rumah hantar tentera pergi dengan dia punya celoreng semua. Yang pergi menangkap itu polis. Jadi di laut pun macam itulah juga. Kalau berlaku rompakan di laut, lanun ..... rompakan di laut maknanya lanun, yang itu APMM adalah agensi yang bertanggungjawab, tetapi kalau orang menceroboh hendak menyerang negara kita, itu tanggungjawab tentera laut. Sebab itu ada perbezaan. Jangan Yang Berhormat bagi Kuching menghina kerja-kerja yang ..

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Bandar Kuching.  
*[Memperbetulkan Yang Berhormat Menteri]*

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abd. Aziz:** Aa? Bandar Kuching.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Bukan Kuching.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abd. Aziz:** Oh, bukan Kuching. Okey, okey. Jangan Yang Berhormat bagi Bandar Kuching menghina tugas yang telah dijalankan oleh tentera laut kita yang bertahun-tahun telah pun menjalankan tugas mereka dengan baik, mempertahankan negara, sempadan kita ...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Ipoh Timur bangun.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abd. Aziz:** Yang Berhormat bagi Ipoh Timur, duduklah dulu, nanti, aku tak habis lagi ni. Jadi sebab itu jangan menghina kerja tentera kita sebab bila Yang Berhormat bagi Kuching kata tadi iaitu bahawa dengan adanya APMM ini, bermakna bahawa tentera laut kita telah gagal dalam menjalankan tanggungjawab, itu merupakan penghinaan DAP terhadap Angkatan Tentera Laut. Itu penghinaan, *[Disampuk oleh Ahli-ahli Pembangkang]* sudah tentu penghinaan, kalau tidak boleh, kita berikan alasan yang lain, bagi alasan yang lain.

Jadi sebab itu saya harap supaya dalam hujah-hujah kita pada masa akan datang hendaklah berhati-hati dengan apa yang kita katakan. Saya mahu

memperingatkan ini kerana soal di sini ialah soal mempertahankan negara, berbeza dengan menguatkuasakan undang-undang Persekutuan di laut. Sila.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) **mempengerusikan Mesyuarat**]

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Penjelasan. Yang Berhormat Menteri jangan menjadi tukang memutar-belit apa yang sebenarnya. Tadi saya berada di pejabat di atas dan saya dengar Yang Berhormat Menteri mengagung-agungkan undang-undang ISA walhal semua pihak pun mengutuk termasuk SUHAKAM, di mana kita ada berdialog pada hari Jumaat lalu mengenainya yang merupakan suatu undang-undang yang sangat *draconian*, yang tidak menghormati hak asasi. Masa ini bukan satu masa untuk membincang dengan mendalam mengenai ISA, tetapi minggu lalu Yang Berhormat Menteri kata sedia mengadakan satu *debate* terbuka dengan DAP, dengan sesiapa mengenai ISA. Adakah Yang Berhormat Menteri berani menerima satu *public debate* mengenai ISA sebelum Dewan yang mulia ini bermesyuarat pada bulan Januari? Adakan satu *public debate*, bukan sekarang tidak ada masa, *public debate* mengenai ISA, bulan Julai.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Saya minta supaya DAP kendalikan semua perkara – tempat, hakim, biar semua dia buat, saya bawa diri saya sahaja. Saya akan mempertahankan ISA. [*Beberapa Ahli DAP menyampuk*] Tetap, tidak ada masalah, tidak ada masalah. Ini hal kecil sahaja sebab pada hari ini, saya hendak beri tahu, pada hari ini, apa SUARAM, apa NGO-NGO semua ini? Mereka buat kerja okeylah tetapi mereka hanya buat kerja, mereka tidak mewakili suara rakyat. Yang mewakili suara rakyat ialah yang berada di sini – 65 peratus menyokong Kerajaan Barisan Nasional dengan ISAnyanya sekali. [*Tepuk*][*Disampuk*] Walaupun dibangkitkan berkali-kali, satu pilihan raya demi satu pilihan raya kita tahu setiap kali dia bangkit malah tahun 1999 dia kalah pun Yang Berhormat bagi Ipoh Timur ini, [*Ketawa*] selepas itu lari dari satu kawasan ke satu kawasan....

**Tuan Lim Kit Siang:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Ipoh Timur, duduklah Yang Berhormat. Duduk.



**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** .... pergi ke Bukit Bendera, Tanjong, kalah, duduk satu tempat. Saya duduk Padang Rengas sudah tiga penggal, tidak lari ke mana-mana, kerana apa? Jantan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Sila.

**Tuan Lim Kit Siang:** Hina kaum wanita, dia jantan, yang bukan jantan tidak patut dihormati. Itu patut .... tarik balik, jangan menghina kaum, tidak cukup *gender sensitization*, itulah perlu belajar. [Disampuk] Soalan saya ialah .... betul, betul, Barisan Nasional menang, betul, Barisan Nasional menang 90 peratus....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Sri Gading, Sri Gading. [Menegur Yang Berhormat bagi Sri Gading yang bersuara dari tempat duduk]

**Tuan Lim Kit Siang:** .... tetapi kita tahulah, *election* ini adalah amat *chaotic*, tidak adil, yang tidak bersih [Ahli-ahli Yang Berhormat Barisan Nasional membuat *bising*] semua pun tahu, semua pun tahu. Bukankah benar, betul Barisan Nasional sudah dapat lebih 90 peratus kerusi di Parlimen tetapi apa yang kita perlu, mungkin kita ada tengok slogan besar yang memaparkan "*Power corrupts, absolutely power tends to corrupt absolutely*". Itu apa? Sebagai peringatan supaya jangan *corrupt* kuasa. [Dewan *bising*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang:** Selalu mahu ingat, "*power tends to corrupt, dan absolutely power corrupts absolutely*, jangan lupa.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Ipoh Timur.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tidak payah bagi tahu dengan sayalah. Setiap empat, lima tahun kita pergi kepada rakyat, kita bukan pergi kepada binatang atau lain untuk memilih kita, kita pergi kepada rakyat untuk memilih kita. Dan hari ini pun, dulu 192 kerusi, kita kalah 46, sekarang 219 kita menang 198 ... pinjam satu tahun pula kepada PAS. Tak usah cakap banyaklah. [Tepuk] Kalau kita hendak bergaduh dalam hal ini, akhirnya yang menjadi hakimnya adalah rakyat. Saya bukan cakap besar kerana saya ini dipilih ataupun dilantik oleh suatu kuasa yang lain. Rakyat suara keramat. Dia yang kata mahu Barisan Nasional sebab itu pada hari ini kita ada – 198 kerusi Barisan Nasional dalam Dewan Rakyat. Apa mahu cakap lagi.

Kemudian, saya hendak beri tahu di sini Yang Berhormat, soal ISA ini tidak ada masalah. Saya, pada bila-bila masa saya boleh berbahas. Dalam soal saya kata

'saya jantan', apa pasal saya hina perempuan pula! Jantan itu maknanya berani, saya bukan pondan. Sebab itu saya boleh berdiri di sini, kita boleh bahas pada bila-bila masa. Apa sekali pun – usulkah, tajuk hendak bahas, beri tahu, tidak ada masalah. Julai pun Julailah kita buat. Bila-bila masa. Terima kasih Yang Berhormat. Okey.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, ini ada ...

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Kemudian, Yang Berhormat bagi Bandar Kuching, dia tidak berbangkit soal duplikasi, *duplication*. *Complimentary* ada. *[Disampuk][Ketawa]* Sebab itu saya sebut sebentar tadi mengenai perbezaan di antara tentera dengan APMM – tentera menjaga pertahanan negara dan APMM menjaga, menguatkuasakan undang-undang Persekutuan di laut. Jadi, sebab itu tidak berbangkit soal *duplication* kerana kita telah memutuskan di sini dalam soal penguatkuasaan undang-undang Persekutuan di laut itu adalah merupakan kuasa yang ada pada APMM.

Yang terakhir sekali saya ingin menyebutkan di sini, Yang Berhormat bagi Bagan ..... nanti tidak sebut dia kecil hati pula, dia kawan baik saya, kita merasa kesal dengan penculikan yang berlaku yang dilaporkan pada hari ini iaitu bahawa tiga orang nelayan yang tidak berdosa, yang mencari rezeki mereka yang halal pada ketika ini telah pun dicolek dan kita tahulah iaitu bahawa apa yang akan berlaku selepas ini, iaitu sama ada mereka dilepas kalau sekiranya dibayar apa yang perlu dibayar, kita merasa dukacita dengan perkara ini. Maka inilah sebenarnya antara sebab penting mengapa pada hari ini kita perlu meluluskan rang undang-undang ini supaya kita mempunyai satu pasukan yang boleh memastikan supaya penculikan seperti ini, insya-Allah tidak akan berlaku lagi pada masa-masa yang akan datang. Yang Berhormat, berkenaan dengan ...

**Tuan Lim Hock Seng [Bagan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kes hari ini bukan satu-satunya berlaku hari ini sahaja. Sebenarnya sebelum ini pun pernah berlaku beberapa kes seperti ini, tetapi ini nampaknya kita ada kelemahan dalam mempertahankan perairan kita, khasnya mereka ini adalah perompak dari negara asing. Jadi, apakah tindakan Yang Berhormat akan ambil untuk menyelamatkan nelayan-nelayan yang tidak berdosa ini.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Yalah, setakat apa yang berlaku pada hari ini, oleh kerana kita belum ada agensi ini lagi sudah tentulah polis mesti dipertanggungjawabkan untuk menyelesaikan masalah ini. Tetapi insya-Allah dengan adanya diluluskan rang undang-Undang ini kita akan mempunyai satu agensi yang akan mengambil tindakan dalam apa soal sekali pun yang akan berlaku di kawasan lautan kita.

Jadi, sebab itu saya berharap supaya lagi cepat kita mengadakan agensi ini, ini juga ke arah usaha untuk memastikan supaya pelanunan yang berlaku di laut dalam itu tidak akan diteruskan dan dengan adanya agensi ini kita boleh laksanakan tindakan yang sebelum ini, tidak dilakukan disabitkan oleh kerana tidak ada satu agensi yang bertanggungjawab tentang perkara seperti ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Bagan bangkit berkenaan dengan soal *cruise* perjudian yang selalu keluar daripada ya, *Swettenham* ini. Yang Berhormat, sebenarnya dalam hal seperti ini tindakan hanya dilakukan kalau sekiranya perbuatan itu sedang dijalankan waktu perkara itu dilakukan. Soal dalam bot itu mempunyai apa yang dikatakan alat-alat perjudian, itu tidak membolehkan kita mengambil tindakan sebab kadangkala iaitu mereka mempunyai lesen sebenarnya sebagai kelab, ia mempunyai lesen, ataupun kalau dia ada meja, itu mungkin untuk main terupkah, itu mungkin untuk orang kata *leisure*.

Jadi sebab itu tindakan hanya boleh diambil kalau sekiranya waktu sedang berlaku, macam *touts* di KLIA. Orang tahu, kita keluar sahaja, datang sahaja satu orang bercakap tetapi waktu *touting* ini kita tidak boleh tangkap dia melainkan kalau waktu dia tengah *touting*, ini satu *problem* yang ada kepada kita. Tetapi kita tahu dia ada, kita tahu kadang-kadang dia pegang label kononnya hendak tunggu oranglah, Mr. James, apakah? Tapi apabila kita lalu tepi dia, dia tanya mahu teksikah apakah? Jadi kita hanya setakat laporan, kita tidak boleh tangkap dia lagi. Jadi kita perlu memperketatkan undang-undang ini, saya percaya iaitu bahawa kalau waktu dia tengah buat kita dapat tangkap, sudah tentu kita ambil tindakan. Kita dalam hal ini apa juga yang kita lakukan kita mesti betul dalam peraturan kita supaya jangan kita mengambil tindakan yang akhir nanti akan membawa kekalahan kita di waktu kita mendakwa di mahkamah nanti. Jadi sebab itu dalam soal *cruise* perjudian ini saya percaya iaitu kalau sampai pada masanya maklumat telah pun diperolehi, saya rasa

mungkin tindakan yang akan diambil hanya menunggu masa sahaja, waktu, ketika yang baik untuk dilakukan ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ada yang bangun Yang Berhormat.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Nanti sekejap Yang Berhormat. Kemudian berkenaan dengan pukot harimau ...

**Tuan Lim Hock Seng:** Ya, ya berkenaan dengan *cruise* di sini.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Sekejap, sekejap, pukot harimau ini. Ya, maknanya dengan adanya agensi marin ini segala peraturan, undang-undang yang dikenakan bagi kawasan-kawasan di dalam laut. Peraturan kata pukot harimau hanya boleh dibuat dalam tiga nautika milekah, sudah tentu ini akan dilaksanakan, tindakan akan diambil kerana tidak syak lagi iaitu bahawa agensi ini merupakan agensi yang akan menguatkuasakan undang-undang Persekutuan di laut kita.

**Tuan Lim Hock Seng:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa saya tidak perlu mengajar pihak yang berkuasa untuk menyiasat dan memberkas kegiatan ini. Tetapi kita selalu baca dalam surat khabar bahawa ada juga pihak berkuasa menyamar sebagai pelanggan untuk naik ke *cruise* ini supaya segala-galanya boleh diketahui dengan sendiri. Sekian.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, dalam dewan ini kita tidak boleh berbicara tentang spekulasilah. Tidak semua yang keluar dalam surat khabar itu adalah betul, jadi sebab itu kita perlu kepada bukti yang jelas dan saya percaya itu bahawa bagi pasukan polis yang diamanahkan dan dipertanggungjawabkan untuk menjaga keamanan di negara kita, mereka akan bertindak betul. Oleh kerana tidak mungkin sebagai satu badan yang merupakan perhatian orang ramai kepada dia, untuk menjaga keamanan dan dia tahu kalau dia buat silap dia akan dipersalahkan, saya tidak fikir itu bahawa pasukan polis kita sengaja hendak melakukan sesuatu itu semata-mata kerana hendak menunjukkan bahawa dia tidak mengisah tentang apa yang berlaku di dalam negara kita ini, ya Kuching.

**Tuan Chong Chieng Jen:** Bandar Kuching, bukan Kuching. *[Ketawa]* Yang Berhormat, tentang dengan kapal judi, di bawah undang-undang kita *Common Gambling House Act*. Ada satu *presumption* akan ditimbulkan sekiranya ada beberapa orang berkumpul di dalam bilik dan alat-alat berjudi. Sekiranya ada beberapa orang, 7

atau 8 orang saya tidak pasti dan *in the prison of a room*, dalam bilik yang ada alat-alat berjudi, itu adalah *presumption*. *Presumption* akan ditimbulkan bahawa orang itu sedang berjudi. Mereka mesti *the honest of prove* untuk membuktikan mereka bukan berjudi adalah di atas mereka, iaitu *the honest of prove is on the accuse to prove that they are not gambling*. Mungkin kerajaan dapat menggunakan seksyen-seksyen itu untuk mengharamkan untuk kapal judi dan kegiatan perjudian di kapal ini.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Kalau Gong Xi Fa Chai, raya Cina? Kalau saya suruh polis pergi setiap rumah Gong Xi Fa Chai macam mana? Setiap rumah pun ada Gong Xi Fa Cai mesti lebih daripada 7 orang punya, semua kenalah. Jadi sebab itu bukan semudah begitu, kadangkala *among friends* kita berkawan kita main katalah tahan RM1kah apakah, tidak akan itu pun hendak kena tangkap? Dia judi ini kalau saya pun tidak tahu tentang dia punya definisi dan aktanya tetapi saya rasa kalau di kalangan kawan-kawan mereka berjudi tidak ada masalah, tetapi yang jadi masalahnya kalau kita menjadikan itu sebagai *gambling damn*, di situ orang tahu berjudi lebih daripada 7 orang ini yang disebutkan tadi 7 orang itu tadi.

Jadi sebab itu tidak semudah seperti mana Yang Berhormat sebut, dia bukan catch all satu phrase, 7 sahaja pesalah. Kerana kalau kita lakukan ini nanti kita akan dituduh *infringing on the privacy of the person* nanti tidak ada *freedom* pula, nanti draconian pula Ketua Pembangkang cakap nanti. Jadi sebab saya rasa dalam kita melaksanakan perkara seperti ini *especially*, dengan izin kalau dia menyentuh tentang *privacy* sesiapa kita harus berhati-hati dalam perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah habis semua dalam perkara ini, saya ucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah pun mengambil bahagian dalam rang undang-Undang ini dan saya insya-Allah yang mana saya cuba jawab, saya jawab sendiri pun ada, pegawai bagi pun ada. Jadi mana yang tidak terjawab sila maklumkan kepada saya, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Habis Yang Berhormat ya? Soal debat itu Yang Berhormat atur sendirilah.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-Undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan dan disetujui.

Rang Undang-Undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

***Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa***

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) ***mempengerusikan Jawatankuasa***]

Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa.

**Fasal-fasal 1 hingga 19** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-Undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG PERLINDUNGAN  
VARIETI BARU TUMBUHAN 2004**

**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**3.50 ptg.**

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani [Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan suatu rang undang-undang bernama suatu Akta untuk mengadakan peruntukan bagi perlindungan hak pembiak baka bagi varieti baru tumbuhan di Malaysia dan pengiktirafan serta perlindungan ke atas sumbangan yang dibuat oleh petani, masyarakat tempatan dan peribumi terhadap pewujudan varieti baru tumbuhan untuk menggalakkan pelaburan dan pembangunan dalam pembiakbakaan varieti baru tumbuhan dalam sektor awam dan swasta dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang berhubungan dengannya dibaca kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, biji benih dan bahan pembiakan tanaman adalah salah satu asas kepada produktiviti tinggi serta pengeluaran hasil tanaman yang bermutu dalam pertanian, hortikultur dan perhutanan. Varieti-varieti baru sentiasa dicari dan

dibangunkan untuk meningkatkan hasil, kualiti, ketahanan terhadap serangan perosak dan penyakit serta toleransi kepada keadaan cuaca dan tanah yang kurang subur.

Malaysia telah berjaya membangunkan baka-baka yang baik terutamanya kelapa sawit, getah, koko, padi dan buah-buahan melalui usaha-usaha penyelidikan oleh institusi kerajaan dan swasta. Penemuan baka-baka baru tersebut telah berjaya membangunkan sektor pertanian dan ekonomi negara. Sebagai contoh, MARDI telah membangunkan varieti-varieti baru seperti padi MR185 yang mengeluarkan hasil yang tinggi dan tahan penyakit, varieti betik Eksotika dan Eksotika II yang sesuai untuk dieksport dan lain-lain lagi.

Dalam industri kelapa sawit, Lembaga Kelapa Sawit Malaysia dan beberapa badan penyelidikan ladang swasta seperti Guthrie dan Golden Hope telah berjaya menghasilkan baka elit kelapa sawit yang senang diurus dan juga mengeluarkan hasil dua kali ganda daripada yang sedia ada.

Sehubungan dengan itu, untuk merangsang penyelidikan dan pembangunan varieti-varieti baru tumbuhan serta memastikan pembiak baka, institusi-institusi awam serta swasta mendapat faedah daripada usaha-usaha pembiakan, maka suatu akta perlu diwujudkan untuk memberi hak dan perlindungan intelek kepada pembiak baka yang membangunkan varieti-varieti baru tumbuhan tersebut.

Di bawah Akta Perlindungan Varieti Baru Tumbuhan 2004, pembiak baka mempunyai hak untuk melakukan semua atau mana-mana perbuatan berikut secara komersial iaitu menghasil atau menghasilkan semula, menyesuaikan untuk tujuan pembiakan, menawarkan untuk jualan, memasarkan termasuk menjual, mengeksport, mengimport dan menyimpan bahan bagi maksud yang telah disebutkan tadi.

Pemberian hak harta intelek ini kepada pembiak baka akan menggalakkan mereka melaksanakan kegiatan-kegiatan inovatif iaitu sama seperti tujuan diwujudkan hak paten, hak cipta, hak reka bentuk dan jenama. Seperti lain-lain harta intelek, perlindungan varieti baru tumbuhan ialah harta persendirian yang boleh dipindah milik, diwariskan dan diwakilkan.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada memastikan hak pembiak baka tempatan mendapat perlindungan ke atas varieti-varieti baru yang telah dibangunkan, undang-undang ini juga membolehkan petani dan pengusaha tempatan menggunakan varieti-varieti baru dari negara luar dengan mudah dan lebih terjamin. Negara-negara luar juga mempunyai undang-undang perlindungan varieti baru tumbuhan mereka dan jika

perlindungan seperti ini tidak terdapat di Malaysia, negara-negara luar tidak akan mengeksport varieti-varieti baru tumbuhan mereka untuk tujuan komersial di negara kita.

Perlindungan varieti baru tumbuhan juga diperlukan untuk memenuhi obligasi Malaysia yang telah menandatangani perjanjian tentang aspek-aspek yang berhubungan dengan perdagangan bagi hak harta intelek atau dengan ringkasnya, TRIPS.

Di bawah Perkara 27.3(b) persetujuan tersebut, negara-negara ahli dikehendaki mewujudkan perlindungan varieti baru tumbuhan sama ada melalui sistem paten ataupun sistem '*sui generis*' ataupun kombinasi kedua-duanya sekali. Sebagai memenuhi obligasi tersebut, Malaysia telah memilih untuk mewujudkan perlindungan varieti tumbuhan berasaskan sistem '*sui generis*' seperti di bawah *International Union for the Protection of Varieties of Plant* atau dengan ringkasnya UPOV di mana isu-isu seperti hak keistimewaan petani dan masyarakat peribumi diberikan perhatian.

Tuan Yang di-Pertua, untuk melaksanakan akta ini nanti terdapat peruntukan berkaitan penubuhan dan pengurusan Lembaga Varieti Tumbuhan yang antara lain akan bertindak sebagai pendaftar varieti baru tumbuhan dan menyimpan dan menyenggara satu rekod varieti tumbuhan yang lain yang tidak didaftarkan dalam Daftar Varieti Baru Tumbuhan.

Dalam hubungan ini, bagi memastikan kelancaran tugas lembaga, jemaah menteri telah bersetuju supaya satu seksyen diwujudkan dalam Jabatan Pertanian yang akan dikenali sebagai Seksyen Perlindungan Varieti Tumbuhan. Seksyen ini akan berfungsi sebagai urusetia kepada lembaga dan akan melaksanakan segala urusan teknikal, pentadbiran dan melaksanakan akta tersebut.

Segala tata cara dan syarat-syarat bagi permohonan untuk pendaftaran varieti baru tumbuhan dan pemberian hak pembiak baka telah dijelaskan di bawah Bahagian III rang undang-undang ini. Ini termasuklah peruntukan berkaitan dengan orang yang boleh memohon, syarat-syarat pendaftaran, larangan pendaftaran, tarikh pemfailan, nama pengenalan varieti tumbuhan, pemeriksaan permulaan, pemeriksaan substantif dan lain-lain peruntukan yang berhubungan dengan hak, batasan dan kewajipan pemegang hak pembiak baka serta pelanggaran sesuatu hak pembiak baka.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.



**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Varieti durian yang dihidangkan tadi itu masuk jugakah Yang Berhormat?

**Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim:** Masuk.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Seorang penyokong?

**Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri [Dato' Zainal Abidin bin Osman]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu Akta untuk mengadakan peruntukan bagi perlindungan hak pembiak baka bagi varieti baru tumbuhan dan pengiktirafan serta perlindungan ke atas sumbangan yang dibuat oleh petani, masyarakat tempatan dan peribumi terhadap pengwujudan varieti baru tumbuhan untuk menggalakkan pelaburan dan pembangunan dalam pembiakbakaan varieti baru tumbuhan dalam sektor awam dan swasta dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang berhubungan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Ya, Yang Berhormat bagi Dungun. Yang Berhormat bagi Dungun kena tanya sama ada durian ais krim itu sudah dilindungi atau belum? Sila Yang Berhormat bagi Dungun.

**4.00 ptg.**

**Datuk Rosli bin Mat Hassan [Dungun]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertamanya, saya hendak rakamkan ucapan terima kasih dan tahniah kepada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani khususnya dan juga kepada kerajaan amnya kerana telah mengambil inisiatif untuk membentangkan Rang Undang-undang Perlindungan Varieti Baru Tumbuhan 2004 yang telah dibacakan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi.

Saya rasa, bagi pihak Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian pun, hendak mengucapkan terima kasih kepada kementerian yang memperkenalkan beberapa spesies ataupun baka-baka baru durian tadi. Ada durian dahulu terkenal dengan isinya durian gajah, yang terkenal. Tadi, Yang Berhormat Timbalan Menteri dan Setiausaha Parlimen memberi satu varieti baru, durian aiskrim. Tidak tahulah, gula saya mungkin naik, selepas makan durian tengah hari tadi.

Tuan Yang di-Pertua, saya merasakan bahawa rang undang-undang ini sudah kena pada masanya untuk diperkenalkan supaya, pembiak-pembiak baka diberi suatu gagasan baru untuk menguruskan ataupun menggalakkan mereka supaya di kalangan syarikat ataupun orang perseorangan yang berusaha untuk menjadi pembiak baka kepada tumbuh-tumbuhan di dalam negara kita, ini dapat kita adakan melalui suatu kaedah bagaimana supaya mereka dari segi jangka panjangnya dapat menguruskan *business* dengan izin, perusahaan mereka.

Saya rasa, sesuai sangat varieti baru tumbuhan ini diperkenalkan dengan sekatan-sekatan tertentu, supaya usahawan ataupun pembiak baka melalui kajian dan juga penyelidikan mereka ini, akan membantu mereka menguruskan perniagaan ini sebagai secara komersial dan secara bersungguh-sungguh. Bukan sahaja dalam bentuk kita meneroka baka-baka dan spesies yang ada di dalam negara kita, tetapi juga untuk mengimport baka-baka yang berada di luar negara untuk dijadikan dengan izin, *exotic species* yang untuk memperbanyakkan bentuk varieti yang ada di negara kita ini.

Di sesebuah negara Tuan Yang di-Pertua, mungkin berlainan dengan negara kita. Negara kita memang telah dikurniakan Allah S.W.T, dikurniakan Tuhan, sebagai sebuah negara yang mempunyai varieti ataupun jenis-jenis spesies tumbuhan yang sekecil-kecilnya sehinggalah sebesar-besarnya. Yang kecil, mungkin banyak di Gunung Jerai, ya Yang Berhormat. [*Memandang ke arah Yang Berhormat bagi Jerai*] Yang Berhormat, membaca tadi. Mungkin yang terbesar, yang baru kita jumpa minggu lepas, satu spesies '*Neobalanocarpus Heimii King*' dengan izin, iaitu bahasa saintifik iaitu pokok cengal yang tertinggi sekali di Malaysia, yang pernah ditemui minggu lepas, kebetulannya di kawasan Parlimen saya.

Saya tidak tahulah, mungkin Jabatan Perhutanan ataupun Jabatan Pertanian dapat menjadikan kawasan ini, yang terdapat pokok cengal yang tingginya mempunyai nilai pasaran. Sekiranya ditebang, jumlahnya melebihi daripada RM1 juta, besar. Saya pun belum pergi. Mungkin selepas habis Dewan ini, mungkin saya.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Jerai, Jerai.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin:** Saya hendak minta penjelasan. Yang Berhormat tidak tengok lagi pokok cengal itu, yang dikatakan besar. Jadi, macam mana Yang Berhormat boleh tahu nilai besarnya macam mana,

kekuatannya macam mana? Ini, Yang Berhormat kena beritahu betul-betullah. Yang ini, pasal kementerian hendak ambil catatan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Tuan Yang di-Pertua, di sini Yang Berhormat.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Ya, ya. Terima kasih. Ini, hendak minta penjelasan. Pokok cengal itu macam mana Yang Berhormat?

**Datuk Rosli bin Mat Hassan:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Jerai. Pokok itu saya tidak tengok lagi tetapi, saya sudah baca melalui akhbar, empat, lima hari yang lepas. Tuan Yang di-Pertua.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Tetapi, keladi itu tidak berapa betul Yang Berhormat. Keladi di kawasan saya, lagi besar.

**Datuk Rosli bin Mat Hassan:** Pokok apa itu?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Keladi, keladi.

**Datuk Rosli bin Mat Hassan:** Haa, kita di Dungun, di Terengganu, ia ada keladi gergasi, lagi besar yang ada di Sabah.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Yang Berhormat, benda yang besar ini memang ia seronok Yang Berhormat. *[Ketawa]* Tadi, Yang Berhormat kata pokok cengal yang besar dan Tuan Yang di-Pertua mengatakan pokok keladi besar. Jadi, kita boleh tanya Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain, apa ada jenis yang besar-besar, jadi kita bawa keluar hari ini di dalam Dewan, supaya kementerian boleh buat kajian.

Spesies yang mereka hendak tunjukkan, kementerian boleh buat kajian. Sudah ada dah benda besar, jadi ditambah lagi jadi besar. Ini kerana Yang Berhormat, saya tahu di sesetengah negara, bukan setakat ini, tomato di Malaysia, tomato sudah kecil dahulu, tetapi sekarang ini sudah besar dah. Cabai pun dahulu kecil, sekarang ini sudah besar dah. Jadi, apakah benda lagi pada pandangan Yang Berhormat, boleh kita perbesarkan yang hak kecil ini. Terima kasih.

**Datuk Rosli bin Mat Hassan:** Yang Berhormat bagi Jerai, ubat ada di dalam poket saya. Saya tidak mempunyai kemampuan untuk bercerita ataupun memaklumkan kepada Yang Berhormat bagi Jerai tentang perkara-perkara besar. Tetapi, izinkan saya menyambung perbahasan untuk menyokong rang undang-undang ini tentang bagaimana untuk mengadakan suatu pembiak baka yang hendak diuruskan

oleh negara kita, oleh kerajaan supaya komposisi ataupun jumlah baka-baka yang akan ada di negara kita ini, akan menjadi lebih banyak, sesuai dengan zaman kita ini.

Malah, akhir-akhir ini, negara kita sedang diledakkan dengan suatu pendekatan supaya masyarakat bersama-sama dalam suatu arus memahami tentang perkembangan *bio-diversity* dengan izin, supaya kita semua dapat melihat bagaimanakah kedudukan flora dan fauna di negara kita ini, dapat dimanfaatkan oleh negara dan rakyat kita.

Jadi, tidak salah pada hari ini, rang undang-undang ini disokong, supaya melalui proses sebagaimana yang dicadangkan oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, supaya satu Lembaga Varieti Tumbuhan diwujudkan. Saya rasa, kita kadang-kadang melihat bentuk hendak menguruskan pembiakbakaan ini, agak secara sempit sedikit, kerana mungkin Kementerian Pertanian melihat dalam aspek-aspek tertentu.

Saya ingin mencadangkan kepada kerajaan, supaya Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dapat berbincang bersama dengan beberapa jabatan lain, yang berkaitan dengan pembangunan botani, pembangunan tumbuh-tumbuhan. Mungkin Lembaga Varieti Tumbuhan boleh dicadangkan untuk ditukar. Bukan lagi kepada Lembaga Varieti Tumbuhan tetapi, mungkin kita boleh menamakan sebagai Lembaga Pembangunan Botani Negara, *whateverlah* dengan izin. Kadang-kadang, kita hanya terlampau spesifik, terlampau *detail*, sehingga kita tidak melihat keseluruhan.

Malah, masalah yang kita akan hadapi dalam proses kita hendak membangunkan ke proses pembiakbakaan ini, halangan-halangan yang saya nampak di sini ialah, bagaimanakah kedudukan beberapa akta dan enakmen di negeri-negeri, kerana kebanyakan baka-baka baru ini akan kita ketemui bukan sahaja di dalam bilik-bilik kajian kita *laboratories*, dengan izin, tetapi ianya berada di seluruh tempat, khususnya di kawasan hutan simpan di negara kita.

Kita mempunyai kawasan hutan simpan yang *digazettekan*, dengan izin, oleh kerajaan negeri dan kita juga mempunyai dasar perhutanan negara melalui Akta Perhutanan Negara dan kadang-kadang kita mempunyai masalah di dalam menyelesaikan beberapa perkara yang berkaitan dengan baka-baka yang telah kita bincangkan tadi. Sebagai contohnya Tuan Yang di-Pertua, hutan simpan memang dikelolakan ataupun diurus melalui enakmen kerajaan negeri.

Malah, ada kawasan-kawasan tertentu, walaupun kita letakkan mereka sebagai hutan simpan dan ianya berada di dalam kategori hutan lipur ataupun *recreation forest* dengan izin, ataupun hutan yang untuk dijadikan hutan untuk pembelajaran, untuk buat kajian, juga kadang-kadang bertentangan dengan apa yang ada di peringkat negara kita dan di peringkat kebangsaan.

Jadi, suatu penyusunan ini harus kita laksanakan sebaik mungkin supaya matlamat murni kita untuk melihatkan satu proses memperbanyakkan *varieti* ini akhirnya kerana beberapa kegagalan kita di dalam menguruskan hutan simpan kita di negeri-negeri tidak dapat kita pertahankan sehingga matlamat negara untuk menjadikan pembiak baka ini sebagai usahawan ataupun kumpulan alam perniagaan yang dapat kita pertahankan di samping di tempat yang sama, masalah hutan di negara kita ini tidak dapat kita kawal di peringkat negeri-negeri.

Saya mencadangkan kepada kerajaan oleh sebab kita berada di zaman IT, dengan izin, pada zaman yang kita melalui proses apa yang kita kenali sebagai proses untuk melahirkan hormon-hormon baru, malah ada negara-negara maju penemuan beberapa hormon-hormon baru juga menjadi tempat yang paling penting di dalam pasaran di peringkat antarabangsa sekarang ini, malah selain daripada Amerika, United Kingdom di Jepun dan Korea juga telah menemui hormon-hormon pertanian yang boleh melahirkan ataupun menceriakan ataupun menjadikan mutu baka-baka tumbuhan ini termasuklah yang dari kecil hendak jadi besar sebagaimana Yang Berhormat Jerai kata tadi, menyediakan hormon, saya baru teringat Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, saya berharap.....

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Penjelasan, Yang Berhormat .

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat kalau sudah selalu, berunding sajalah di kantin, fasal dekat.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Yang Berhormat, kalau berunding Dato' Setiausaha Parlimen tidak dapat, tidak tahu maksud saya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Sila teruskan, Yang Berhormat.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Jadi, Yang Berhormat, dari segi herba-herba Yang Berhormat cakap tadi, sekarang ini kita akan ada Taman Herba dan sebagainya, jadi apakah Yang Berhormat bersetuju dengan pandangan saya kerana di Pulau Langkawi, pulau legenda walaupun Ahli Parlimen Langkawi tidak ada, saya bagi

pihak dia hendak tanya Yang Berhormat, di sana dan di Gunung Jerai terkenal dengan pokok Tongkat Ali yang mana orang tua-tua pesan, Tuan Yang di-Pertua, hendak cabut pokok Tongkat Ali ini bukan boleh cabut sambil berdiri, dia kena cabut sambil bertingtung. Jadi, adakah Yang Berhormat bercadang supaya pihak kementerian juga boleh membuat kajian, membuat promosi barang-barang ini kerana kalau kita pergi ke luar negara, pergi Australia dia bagi *honey*, bila kita hendak balik di lapangan terbang dia jual *honey* ataupun madu. Kita cuba *introduce*kan herba-herba kita ini, campuran-campuran herba serta buat kajian oleh pihak kementerian untuk dijadikan satu *gift* ataupun belian balik pelancong-pelancong yang datang ke negara kita.

Sebenarnya, Tongkat Ali ialah untuk bagi perjalanan darah dalam badan ini berjalan dengan sempurna. Mungkin Yang Berhormat bagi Kepong bersetuju dengan saya kerana dia pakar kulit dan apabila darah itu berjalan dengan elok, kulit akan menjadi lembut, dia akan menjadi muda. Sebab itu, Tuan Yang di-Pertua, kambing ini, kalau kita tengok kulit kambing cukup elok fasal kambing makan.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Dia ada bulu tebal. Yang Berhormat.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin:** Bulu, Tuan Yang di-Pertua, bulunya halus. Kemudian kambing, Tuan Yang di-Pertua, tidak makan tua kerana sebelum tua orang sembelih buat kenduri. Jadi, adakah Yang Berhormat bersetuju? [Ketawa]

**Datuk Rosli bin Mat Hassan:** Terima kasih, Yang Berhormat. Berkenaan dengan herba, saya pun tidak berapa pakar, mungkin Yang Berhormat Setiausaha Parlimen boleh menerangkan kepada kita jenis gerakan untuk menanam herba. Tetapi saya dapat tahu bahawa memang perniagaan herba ini malah kepercayaan rakyat pun tentang, dengan izin, *anti-chemical product*, maknanya ada kumpulan kita oleh sebab kita terdedah dengan unsur-unsur kimia yang banyak dalam ubat-ubatan kita, malah ubat-ubatan yang berorientasikan kepada herba ini memang menjadi tarikan kita.

Saya teringat kepada bagaimana proses Tongkat Ali ini dalam satu minuman apabila lawatan saya dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri setahun yang lalu di Korea Selatan, dia menghadihkan kepada Perdana Menteri, rakyat Korea Selatan ini, dalam cermin sebesar paha saya satu Tongkat Ali yang dihadihkan kepada bekas Perdana Menteri kita Yang Amat Berhormat Tun Dr. Mahathir ketika itu

dan menceritakan bagaimana kilang di proses minuman Tongkat Ali di Korea Selatan. Saya tidak berkesempatan melawat tetapi saya berkesempatan meminum dalam *can* seperti *Coca-Cola* itu, dengan izin, malah usahawan dari Korea ini membuat tempahan Tongkat Ali ini daripada Malaysia, siapa pembekal saya tidak tahu, mungkin Kementerian Pertanian boleh *endorse* perkara ini dan malah Tongkat Ali ini diproses di Korea Selatan yang terkenal dengan ginsengnya dan rakyat di Korea Selatan mempercayai kebaikan Tongkat Ali ini untuk kesihatan beratus kali ganda lebih baik daripada ginseng yang dikeluarkan oleh Korea Selatan. Itulah keadaan Tongkat Ali. Tetapi sekarang ini harus ada penemuan-penemuan baru dalam baka-baka herba ini, Setiausaha Parlimen hendak penjelasan? Mestilah wakil wanita. *[Ketawa]*

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini masyarakat di kampung di luar bandar seperti saya ada menceritakan kepada saya malah perkara-perkara yang boleh membawa kesihatan ini harus dilihat dalam bentuk bagaimanakah hendak menguruskan herba-herba ini melalui satu proses teknologi yang baik.

Saya berharap kalau boleh tukarlah Lembaga Varieti Tumbuhan ini kepada Lembaga Pembangunan Botani yang akan melibatkan semua bentuk tumbuhan dalam negara kita Saya tidak tahulah ia akan bertindih dengan jabatan lain tetapi ia lebih luas mencakupi beberapa skop lain. Malah pokok-pokok herba ini bukan sahaja Tongkat Ali yang bagus, untuk wanita katanya Kacip Fatimah - itu bahasa kampunglah, saya tidak tahu bahasa saintifiknya, malah ada lagi penemuan-penemuan baru seperti - dengar ini, Yang Berhormat - seperti Kerbau Berlawan (*Buffalo's Fighting*), maknanya kalau gajah, *buffalo* ataupun Kerbau Berlawan ini memang lebih hebat daripada Tongkat Ali dan beberapa jenama-jenama baru yang saya tidak tahu dari segi nama saintifiknya dan saya berharap.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Sri Gading bangun, Yang Berhormat.

**Datuk Rosli bin Mat Hassan:** Okey.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Terima kasih. Herba ini ataupun ubat-ubatan tradisional dari akar-akar kayu memang banyak di negara kita, setengahnya tak dikenali. Yang Berhormat pernahkah diberitahu satu lagi jenis akar tetapi jarang diketahui, sama ada Kementerian Pertanian tahu atau tidak. Lalang memang jadi musuh kepada tanam-tanaman tetapi akar lalang mengikut cerita yang empunya cerita, akar lalang ini kalau diambil agak secekak, orang Johor kata 'secekak', segenggam,

dikumpulkan segenggam akar lalang ini, selepas itu direbus dengan tiga cawan atau tiga gelas air, rebus mendidih sehingga tinggal satu gelas, untuk diminum oleh lelaki maka kehebatannya sebab mengambil kekuatan akar lalang ini, satu pun boleh teguh. Satu pun apabila dia menjalar, rantai batu pun dia boleh tembus. Kalau dah batu pun tembus, betapa gagah dan kuatnya air akar lalang tetapi menggunakan kaedah macam itulah. Apakah saya juga berhak agaknya sebagai harta intelek yang didaftarkan dan yang lain-lain tak boleh? Tak tahu macam mana agaknya, adakah Yang Berhormat boleh buat sedikit penjelasan? Terima kasih.

**Datuk Rosli bin Mat Hassan:** Terima kasih, Yang Berhormat bagi Sri Gading, kita mintalah kementerian mengkaji pandangan-pandangan Yang Berhormat tadi. Lalang ini mungkin dilihat agak semak di kawasan semak. Saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat bahawa lalang ini akan tumbuh di mana-mana, walaupun di kawasan yang tidak berapa subur tanahnya dan saya tidak tahu sejauh mana impak dari segi untuk dijadikan ubat-ubatan. Malah lalang ini, suatu ketika dahulu saya terdengar cerita di kawasan lalang ini ada bentuk dipanggil bunga emas dalam pokok lalang itu, bunga emas.

Di satu kawasan di penjara Marang, saya lalu ini sudah berlaku tiga, empat tahun lepas, mungkin Yang Berhormat dari Terengganu boleh *endorse*, satu *highway*, satu kawasan jalan beratus orang berhenti kereta dan mengambil bunga emas dalam kawasan hidupan lalang ini. Lalang ini, bukan saya hendak tunjuk saya tahu, kalau untuk kajian pegawai-pegawai, '*imperatae cylindrical*', itu nama saintifiknya. *[Disampuk]* Betul ya? Ha! Betul.

Jadi, suatu ketika – boleh tahan Tuan Yang di-Pertua, tidak apa kita tahu lebih kurangnya. Lalang ini tumbuh depan rumah kita, harus dilihat secara komersial, harus dibuat kajian dan kita minta kementerian mengkaji cara ini dan sekarang ini sudah berhenti, katanya, ada satu bunga emas dalam tumbuhan lalang itu, boleh membawa kebaikan kepada kita. Saya tidak pasti dan kita minta kementerian kaji satu persatu tumbuhan kita.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua .....

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin:** *[Bangun]*



**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Jerai bangun, Yang Berhormat.

**Datuk Rosli bin Mat Hassan:** Dia tolak saya suruh duduk, Tuan Yang di-Pertua. Tidak adil Yang Berhormat bagi Jerai ini. *[Ketawa]*

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin:** Saya urut tangan dia. *[Ketawa]* Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik fasal berkenaan dengan herba ini, kerana FELDA pun sudah banyak hendak buat herba, taman herba dan sebagainya. Jadi, kita kena kaji. Macam saya hari ini, saya dapat satu jenis, kawan saya beri ubat tadi daripada Kanada. Ubat untuk kekuatan darah. Ini. *[Sambil menunjukkan ubat tersebut]*

Kemudian, saya baca apa dia ubat ini. Semua kandungan dia adalah herba termasuk *gorana*, *sopalamato*, macam-macamlah nama ini. *[Ketawa]* Ini bukan *sekeruk*, diimport daripada Kanada masuk ke Malaysia. Macam tadi Yang Berhormat bagi Sri Gading kata yang lalang. Jadi, maknanya bumi kita di Malaysia ini, Tuan Yang di-Pertua, adalah bumi yang paling subur yang Allah Taala beri. Di Malaysia ini kita tanam apa pun hidup, tanam orang mati sahaja tidak hidup balik. Ini betul Yang Berhormat, saya memang setuju.

Jadi, apakah pihak kementerian – sekarang ini kita nampak benda ini banyak, ia akan menguntungkan kita. Macam setengah orang kata, yang ini untuk lelaki, fasal lalang dan sebagainya, tetapi saya difahamkan untuk wanita, boleh makan sirih dicampur dengan daun pandan, sirih rebus dengan daun pandan, minum airnya, bagi wanita cukup baik. Balik kaum wanita cubalah, saya tidak mahulah cuba, fasal ini untuk wanita, tetapi untuk lelaki kita boleh guna macam-macam khasiat yang Tuhan beri pada kita.

Jadi, inilah peluang pihak kementerian kalau hendak tolong orang kampung, mengkaji benda-benda ini dan galakkan orang kampung menanam benda-benda ini - alternatif. Sekurang-kurangnya kalau kawasan saya, bendang, depa tunggu padi hendak tanam semula depa boleh tanam benda-benda macam ini, dan boleh hantar pasaran untuk mereka. Jadi, adakah Yang Berhormat bersetuju, benda daripada Kanada kita import masuk, laku, sekotak beratus ringgit, apakah Yang Berhormat boleh mencadangkan kepada pihak kementerian supaya kita buat kajian, lalang,

Tongkat Ali dan sebagainya – campur sekali semua, kita tengok macam mana, bagus atau tidak bagus. Sila.

**Datuk Rosli bin Mat Hassan:** Ya! Saya bersetuju supaya kementerian membuat kajian secara terperinci, sebab itu saya menyentuh tadi tentang Lembaga *Varieti* Tumbuhan itu mungkin kita melihat dalam sudut yang agak kecil sedikit. Saya berharap kerajaan dan Kementerian Pertanian benar-benar serius supaya .....

**Tuan Liow Tiong Lai:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Bentong bangun, Yang Berhormat.

**Tuan Liow Tiong Lai:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat bagi Dungun kerana bincang fasal herba. Saya hendak ambil kesempatan ini bincang fasal halia Bukit Tinggi kawasan Bentong ini. Ini herba juga. Kalau kita tengok dengan mendalam bahawa halia ini juga kuat dia punya khasiat. Khasiatnya cukup baik, kerana memang ramai wanita selepas melahirkan anak – bagi orang China memang kita gunakan halia untuk memulihkan, menjadikan dia sembuh dengan cepat.

Kita dapati bahawa halia-halia yang ditanam di kawasan kita itu cukup baik, bakanya cukup cantik, memang boleh dieksport ke luar negara. Kita takut apabila halia-halia kita sudah eksport ke luar negara, orang curi pula kita punya baka. Bagaimana kita hendak mempertahankan baka pembiakan tempatan kita ini agar kita dapat memastikan bahawa orang-orang di Hong Kong, di Jepun ataupun negara China tidak mencuri baka kita daripada Malaysia ini.

Saya rasa satu cara yang paling baik, Rang Undang-undang ini telah memastikan bahawa kita perlu mendaftar dan memastikan bahawa pendaftaran ini dapat pengiktirafan di peringkat antarabangsa dan kita dapat menjaga baka-baka pembiakan tempatan ini. Apa pandangan Yang Berhormat bagi Dungun?

**Datuk Rosli bin Mat Hassan:** Terima kasih Yang Berhormat dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebab itulah saya mencadangkan supaya sementara kita hendak meluluskan Rang Undang-undang Perlindungan Varieti Baru Tumbuhan ini supaya kerajaan mengkaji dengan secara serius. Bukan lagi kita membicarakan tentang varieti tumbuhan tetapi kita mencakupi skop yang lebih besar yang boleh sekira-kiranya ia mempunyai pertindihan dengan kementerian dan jabatan-jabatan lain,

kerana mahu tidak mahu spesies ataupun baka-baka yang akan diperolehi melalui produk perhutanan negara kita ini, malah kita mempunyai puluhan ribu spesies sebenarnya.

Kita hanya menemui tidak lebih daripada 5,000 spesies yang ada di dalam hutan simpan kita yang dikenali, dengan izin, dalam bahasa Inggerisnya, *Rain Forest Reserve*, hutan hujan di negara kita ini. Malah kalau kita kaji melalui beberapa negara yang mempunyai tumbuhan seperti negara-negara yang tidak mempunyai iklim seperti kita ini, malah tumbuhan mereka tidak mempunyai banyak spesies-spesies ataupun baka-baka tumbuhan seperti di negara kita.

Malah dari segi kedudukan negara kita, sepertilah beberapa negara di kawasan Amazon iaitu melalui garisan Khatulistiwa, yang mana jenis hutan kita ini mengeluarkan puluhan ribu spesies yang hanya kita menemui melalui kajian, dengan izin, *Forest Research Institute*, Institut Kajian Perhutanan Negara, tidak banyak mana, malah kalau di tempat kajian tanaman di Kepong.....

**Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy:** Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Cameron Highlands bangun.

**Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy:** Minta penjelasan daripada Yang Berhormat bagi Dungun. Di Cameron Highlands spesies benih tomato dibeli dari Holland, setiap seribu benih RM250, walaupun kajian dibuat untuk mencari benih sendiri, tetapi bila ditanam, bila ia besar, ia kuning, hanya yang dibeli daripada luar negara ini dapat tahan, jadi merah dan cantik. So, bila kita hendak cari spesies baru pula keluar spesies dahsyat daripada luar negara, seolah-olah kita kejar mereka. Apakah Yang Berhormat bagi Dungun setuju sekiranya kita tidak mempunyai kecanggihan kepakaran dalam menjaga varieti baru ini dan mencipta varieti baru ini, kita akan sentiasa kejar-mengejar dengan pihak yang lebih berjaya dan lebih berkemampuan.

**Datuk Rosli bin Mat Hassan:** Terima kasih pandangan dan celahan Yang Berhormat bagi Cameron Highlands, sebab itulah saya lebih menekankan kepada perkara ini kerana sama ada kita setuju atau tidak, pembangunan bio-teknologi di negara-negara maju jauh lebih baik daripada kita. Malah kita masih tidak rasa

terlambat kerana kerajaan sendiri menekankan tentang pembangunan bio-teknologi di negara kita. Sebab itu saya ingin membuat penekanan supaya baka-baka ataupun spesies yang ditemui di luar negara yang melalui proses pembangunan bio-teknologinya yang sudah begitu lama, sudah terkenal sehingga dapat mengeluarkan produk-produk yang jauh lebih baik daripada produk-produk daripada kita.

Malah, kalau kita kena cara dan penekanan kerajaan tentang membuat kajian secara bersungguh-sungguh, tentang pembangunan bio-teknologi tumbuhan ini, tentang produk buah-buahan, herba dan juga spesies-spesies lain untuk dijadikan landasan baru negara kita, supaya kita melihat aspek-aspek ini malah kita mempunyai puluhan ribu, berkemungkinan ratusan ribu spesies yang ada di negara kita ini untuk kita kaji.

Apa yang saya mahu, Tuan Yang di-Pertua, usul dan cadangan saya supaya Lembaga yang ingin ditubuhkan melalui rang undang-undang ini supaya lebih bersungguh-sungguh dan mempunyai jaringan yang baik dengan beberapa sektor ataupun beberapa rakan-rakan kita di universiti-universiti tempatan dan kolej-kolej yang berorientasikan kepada pertanian dan juga bekerjasama dengan semua agensi kerajaan yang tidak berada di dalam Kementerian Pertanian ini sendiri terutamanya seperti Kementerian Sumber Asli yang memang secara langsung mengurus pembangunan perhutanan di negara kita ini.

Sebab itulah, Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil peluang pada hari ini untuk mengucapkan tahniah dan malah kalau kita membicarakan tentang tumbuhan dan botani ini, ia akan mencakupi bukan sahaja dalam bentuk produk buah-buahan, produk herba dan sebagainya malah tadi Yang Berhormat bagi Cameron Highlands ada mengatakan tentang buah tomato daripada Holland malah di Holland sendiri terkenal dengan sebuah negara yang tiap-tiap tahunnya mempamerkan bunga-bunga yang terbesar sekali di seluruh dunia. Semua tahu, saya lupa *festival* yang dinamakannya. Saya sudah melawat sekali tahun lepas di Zurich, saya tidak berapa ingat tetapi sudah pergi beberapa hari bagaimanakah bentuknya malah bunga-bunga yang ada di negara itu dipamerkan, tidaklah seindah dan secantik mana kalau kita kaji dengan bunga-bunga yang ada di negara kita terutama sekali bunga-bunga yang berselerak di kawasan apa yang kita namakan di beberapa pergunungan di negara kita ini.

**Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Dungun. Tadi Yang Berhormat bagi Cameron Highlands mengatakan berkenaan dengan tomato daripada Holland. Mungkin kita di Malaysia ini kita selalu agung-agungkan barangan daripada luar negeri. Sebab apa kita hendak kejar mereka? Penyelidikan R&D mereka pun begitu lama. Sebenarnya kita di Malaysia pun memang sudah ada *gene pools*, dengan izin, yang sedia ada di Malaysia seperti MARDI dan institut-institut penyelidikan yang berkenaan, kuatkan *research* dan juga yang pentingnya ialah *market research*. Cara mana hendak memasarkan barangan ini dan buat satu benda yang tidak begitu indah pada sekarang, jadi benda yang begitu bagus dan mungkin seluruh dunia akan kejar pada barangan ini. Terima kasih.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

**Datuk Rosli bin Mat Hassan:** Ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya berterima kasih kepada Yang Berhormat bagi Arau. Dalam melihat spesies ataupun *variety* tumbuhan yang ada di negara kita pada hari ini harus dilihat dalam bentuk yang lebih luas, gerakan kita hendaklah bersepadu kerana sama ada kita bersetuju atau tidak bersetuju, kita agak ketinggalan dalam kajian-kajian kita tentang varieti tumbuhan dan juga pembangunan bio-teknologi kalau dibandingkan dengan beberapa negara lain.

Saya hendak mencadangkan pada hari ini kepada Lembaga Botani Malaysia kalau dipersetujui yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi tentang Lembaga Varieti Tumbuhan tadi, supaya memulakan konsep inkubator pembiak baka di negara kita supaya kita seragamkan atau membina jaringan dengan organisasi-organisasi yang berada dalam Kementerian Pertanian itu sendiri seperti RRI, MARDI dan sebagainya. Tetapi yang lebih penting juga supaya ada jaringan juga dengan institusi pengajian tinggi yang membuat kajian tentang pembangunan botani ini dengan beberapa universiti tempatan dan semua ini harus dilihat dalam bentuk yang positif kerana kita tahu bahawa pengkaji-pengkaji sains dan teknologi tentang varieti tumbuhan dan botani ini berkemungkinan bukan kumpulan usahawan, harus digabungkan dengan usahawan.....

**Tuan Liow Tiong Lai:** *[Bangun]*

**Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, ada yang bangun di belakang, dua orang bangun, hendak beri pada siapa?

**Datuk Rosli bin Mat Hassan:** Ya, ya, bagi Yang Berhormat bagi Bentong.

**Tuan Liow Tiong Lai:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Dungun. Saya amat bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat bagi Arau yang mengatakan bahawa kita perlu menghasilkan baka kita yang baik, menghasilkan varieti kita yang dapat menonjolkan kita di peringkat antarabangsa. Tetapi dari segi R&D yang kita buat sekarang ini, saya ingin menyatakan di sini bahawa peringkat penyelidikan kita masih lagi rendah. Contohnya di Amerika Syarikat apabila mereka menggunakan bio-teknologi menghasilkan *soya bean*, hasilnya 20 kali ganda menggunakan *genetic engineering*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Tetapi di Malaysia MARDI, peringkat kita, kita masih lagi menggunakan cara tradisional iaitu percantuman daripada satu spesies dengan satu spesies yang lain untuk menghasilkan minyak kelapa sawit yang lebih tinggi. Memang kita dapat menghasilkan minyak kelapa sawit lebih tinggi dengan hasil percantuman varieti-varieti yang baik. Tetapi hasil daripada percantuman kita lambat. Kalau kita gunakan *genetic engineering*, saya yakin ia dapat menghasilkan tumbuh-tumbuhan yang mendatangkan hasil yang lebih tinggi.

Oleh itu saya ingin dapatkan penjelasan daripada Yang Berhormat bagi Dungun, apa yang kita harus buat dengan MARDI ini kerana MARDI ini sepatutnya membantu petani-petani dan memberikan formula-formula yang baik. Saya pergi ke Cameron Highlands, kasihan saya tengok petani-petani di sana. Ahli-ahli penyelidik dari MARDI bukan pergi tolong petani-petani di Cameron Highlands tetapi mereka sekadar tidak dapat memberikan bantuan yang secukupnya. Adakah kita perlu mencadangkan bahawa kerajaan kita hantarlah pakar-pakar yang lebih *expert* ke Cameron Highlands untuk membantu petani-petani sana bagi menghasilkan baka-baka yang lebih baik. Minta penjelasan daripada Yang Berhormat bagi Dungun.

**Datuk Rosli bin Mat Hassan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Mungkin satu segi kita mengatakan MARDI, saya bukan hendak menjawab bagi pihak kementerian, mungkin Yang Berhormat Setiausaha Parlimen boleh memberikan jawapan yang lebih tepat, tetapi mengikut sedikit pengamatan saya tentang pembangunan di MARDI malah kita merupakan organisasi pertanian yang agak terulung kalau dibandingkan dengan banyak negara lain. Malah yang terakhir saya

dapat tahu kalau dapat mengeluarkan bentuk *stem sell*, dengan izin, malah kita jauh lebih canggih dengan penemuan-penemuan beberapa kajian berbanding dengan negara-negara lain.

Jadi saya berharap pandangan Yang Berhormat tadi akan diambil perhatian oleh kementerian malah MARDI sendiri merupakan organisasi yang mengungguli organisasi R&D yang berorientasikan pertanian yang telah baik. Tetapi halangan-halangan tertentu, negara dan kerajaan harus melihat R&D ini amat penting supaya dapat dimanfaatkan. Berkemungkinan MARDI tidak didedahkan kepada masyarakat luar bandar, pertanian secara *direct*, secara langsung.

**Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy:** Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan. Sebelum saya minta penjelasan Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Bentong kerana menyokong Cameron Highlands. Penjelasan saya ialah saya ingin tahu daripada Yang Berhormat bagi Dungun tentang MARDI. MARDI mungkin terlalu banyak memberi fokus kepada sektor-sektor pertanian yang besar seperti kelapa sawit, getah dan sebagainya. Mungkin MARDI belum tahu lagi potensi industri bunga-bunga dan sayur-sayuran kerana industri ini ataupun pertanian ini hanya memfokuskan kepada kawasan-kawasan tertentu dan saya rasa MARDI perlu lihat bukan kajian yang berdasarkan kepada satu *vision* ataupun satu pandangan kenegaraan yang begitu longgar.

Kalau kita tengok petani-petani daripada Cameron Highlands, mereka terlalu *market driven*. Mereka sendiri pergi ke Amerika, belajar teknologi mereka. Dia kembali dan melaburkan duit yang begitu banyak sekali untuk pastikan bahawa dia dapat *market product* dia dan ini dibuat setiap dua, tiga bulan, dia pergi cari seolah-olah ada satu kegilaan dan kehairahan kerana *profit driven*. Saya hendak tanya Yang Berhormat bagi Dungun, adakah MARDI mempunyai keupayaan dan stamina yang serupa itu untuk menjayakan R&D ke peringkat sebegitu?

**Datuk Rosli bin Mat Hassan:** Tuan Yang di-Pertua, saya boleh bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat bagi Cameron Highlands tentang pentingnya R&D ini dan supaya kita mengorientasikan kepada pemasaran, tetapi mana-mana tempat sekalipun *cost*, dengan izin, yang tinggi dalam penyelidikan memang tinggi dan tidak adil kepada pengguna terutama sekali dari kumpulan peladang ataupun kumpulan usahawan dan sebagainya. Saya berharap kerajaan dapat menjalankan kerja gabungan strategi di antara usahawan-usahawan kita yang mahu apa yang kita

namakan mencari kajian ataupun penyelidikan supaya membayar mana-mana penemuan yang dikehendaki oleh kakitangan ataupun pakar-pakar yang ada di organisasi MARDI ataupun di organisasi-organisasi kerajaan yang lain.

Adalah tidak adil saya merasakan bahawa untuk membuat kajian-kajian kepada produk-produk ataupun penemuan-penemuan baru di dalam MARDI ataupun organisasi lain akhirnya tidak diberikan bayaran yang setimpal oleh pengguna ataupun usahawan-usahawan. Kalau kita kaji bagaimanakah pembangunan ICT bioteknologi yang sedang kita bercakap sebagai ledakan baru dalam arus pembangunan masyarakat yang memang baru di negara kita tetapi telah berlaku begitu jauh sekali, begitu baik sekali seperti yang terakhir di gugusan kita ini ialah di Korea Selatan. Bagaimana sebuah syarikat pengeluar syarikat seperti LG umpamanya menggunakan ribuan ekarnya dengan mengendalikan kumpulan pakar yang berkelulusan Ph.D dalam bidang bioteknologi dan hormon ini lebih daripada 200-300 orang dengan *Masters degree* nya yang beribu-ribu orang dan pula mengajak pelajar-pelajar di tahun akhir atau graduan-graduan baru bergabung tenaga dengan mewujudkan suatu inkubator pembangunan yang harus diusahakan oleh kerajaan, kemudian dipakej dengan usahawan-usahawan ini.

Jadi, apabila.....

**Tuan Ronald Kiandee:** [*Bangun*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat bagi Beluran bangun.

**Datuk Rosli bin Mat Hassan:** Sekejap Tuan Yang di-Pertua, *point* itu habis nanti tidak tercerita. Jadi, saya amat memerhatikan bahawa pembangunan bioteknologi yang berorientasikan inkubator ini dengan menggabungkan usahawan yang berjaya dan menyediakan pakar-pakar mungkin di organisasi seperti MARDI, kemudian meminta mana-mana pedagang ataupun usahawan kita yang ingin mengeluarkan produk-produk baru melalui kajian ini harus dijalinan kerana kita tahu bahawa graduan-graduan kita yang baru *graduate* yang mempunyai ilmu tetapi mempunyai kekuatan dari segi pemikiran dan usahanya dan kaum pemodal harus membayar kos tertentu dan bergabung tenaga.

Dengan cara itulah, insya-Allah, kita akan dapat menjayakan apa yang kita namakan mempertahankan dan membangunkan varieti kita ini, insya-Allah. Sila

**Tuan Yang di-Pertua:** Beluran bangun Yang Berhormat. Ya, sila.



**Tuan Ronald Kiandee:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Dungun. Saya setuju bahawa MARDI perlu memfokuskan penyelidikan seperti Yang Berhormat Dungun katakan. Tetapi lebih kerap juga penyelidikan yang dilakukan oleh MARDI ini, kadang kala ianya tidak dapat diterjemahkan dalam konteks pengeluaran yang sebenarnya. Kita lihat umpamanya baka benih padi yang bermutu MR84, MR159 dan sebagainya. Yang dikatakan sebagai benih yang bermutu, yang mampu dari segi *production*, dari segi ketahanan penyakit dan sebagainya tetapi apabila benih ini diterjemahkan dalam *production* yang sebenarnya, kita tidak dapat mencapai matlamat yang hendak dicapai.

Kerana kita lihat umpamanya baka-baka keluaran MARDI tidak setanding dengan baka daripada luar negara yang lain umpamanya, Jasmine dan sebagainya baka padi daripada Sarawak seperti Bario tidak dapat *didevelop*, dibangunkan lebih besar seperti yang dikehendaki. Apa pendapat Yang Berhormat, adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa penyelidikan bukan sahaja memfokuskan kepada benih yang baik, baka yang baik tetapi penyelidikan yang dapat menterjemahkan pengeluaran yang baik, jika ianya dapat dilaksanakan dalam keadaan yang *real* seperti yang dikehendaki oleh negara dan sebagainya.

Jadi, adakah Yang Berhormat juga bersetuju bahawa fokus MARDI itu bukan sahaja kepada penyelidikan, tetapi penyelidikan yang mampu dijelmakan, terima kasih.

**Datuk Rosli bin Mat Hassan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju dengan Yang Berhormat. Malah sebab itulah saya katakan di peringkat awal tadi supaya organisasi-organisasi penyelidikan ini harus membina jaringan dan jalinan. Malah kalau di Bario pembangunan ICTnya memang walaupun kita terpaksa pergi dengan kapal terbang ataupun dengan amat jauh sekali di Bario malah mendapat pengiktirafan oleh Kerajaan Malaysia. Saya hendak mengucapkan tahniah kerana di Bario telah dianugerahkan, Anugerah Perdana Menteri baru-baru ini tentang pembangunan ICTnya, kerana sebelum itu di Terengganu mendapat anugerah yang pertama, mungkin tidak boleh dibuat dua kali, mungkin diberikan kepada Bario, saya hendak mengucapkan tahniah.

Sebab itu saya bersetuju sangat bukan sahaja MARDI malah organisasi-organisasi penyelidikan lain harus membina *networking* iaitu jaringan ini supaya kita tidak *specific*, dengan izin, hanya mengutamakan keupayaan secara kecil. Malah kita

harus membina *synergy* supaya kita dapat melihat bentuk penghasilan yang kita kaji dengan membuat penyelidikan ini dapat manfaat kepada semua pihak. Kerana pengkaji biasanya merupakan kumpulan yang mempunyai kepakaran ilmu tetapi akhirnya akan dilaksanakan oleh pengusaha-pengusaha dan usahawan-usahawan pertanian yang kita hendak katakan tadi dan bergabung pula dengan beberapa universiti kita supaya kita dapat membina suatu bentuk latihan.

Maknanya penyelidikan kita bukan lagi berorientasikan penyelidikan dalaman tetapi harus kita *expose*, dengan izin, supaya kita dapat membina jaringan ini kerana akhirnya matlamat kita untuk melahirkan mutu yang terbaik sekali untuk kita. Setiu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Yang Berhormat bagi Setiu.

**Tuan Mohd. Yusop bin Majid:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat bagi Dungun. Saya hendak bertanya Yang Berhormat, sedarkah kita di Terengganu terdapat bermacam-macam tumbuh-tumbuhan yang memberi kebaikan yang cukup banyak. Di Terengganu saya difahamkan bahawa ada seorang wanita daripada warga asing telah berkahwin dengan rakyat Terengganu, kerja beliau ini juga telah mengumpulkan daun-daun kering daripada kawasan pergunungan kemudian dihantar ke negara asalnya untuk penyelidikan bagi tujuan perubatan dan telah pun mendapat bayaran yang cukup lumayan dengan kerja-kerja seperti ini.

Adakah Yang Berhormat bagi Dungun bersetuju supaya pengeluaran produk daripada herba-herba negara ini untuk kajian ini dikawal supaya produk-produk ataupun tanaman-tanaman ini tidak begitu merugikan negara kita terutamanya di peringkat penyelidikan lagi kerana apa yang telah dibuat ini kita nampak manfaatnya telah banyak diperolehi oleh negara asing. Itu sahaja, terima kasih.

**Datuk Rosli bin Mat Hassan:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Setiu. Sebab itulah kita sedang membicarakan tentang penubuhan lembaga, saya tidak berapa sedap menyebutkan seperti yang dicadangkan oleh Setiausaha Parlimen tadi, supaya kita meluaskan skop kita ini yang akan bukan sahaja memberikan perlindungan kepada pembiak baka. Saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat bagi Setiu tadi malah di negara kita ini, dengan izin, *full utilization* iaitu penggunaan 100% produk ataupun hasil pertanian kita, hasil perhutanan kita memang tidak kita gunakan dengan sebaik mungkin.

Malah kalau boleh saya mencadangkan Yang Berhormat bersetuju supaya Lembaga Varieti Tumbuhan ini dapat kita tukarkan kepada Lembaga Botani Malaysia yang akan menyelaraskan perkara-perkara ini dengan membina bukan sahaja memberi perlindungan tetapi juga membina jaringan dan jalinan yang dalam kementerian mungkin lebih mudah seperti MARDI, RRI tidak tahu di bawah kementerian mana sekarang, tetapi juga dengan FRI dan kita bukan bercakap tentang produk buah-buahan daripada hasil baka ini malah kita boleh seperti daun kering tadi, malah daun getah sekarang ini telah dijadikan lukisan, hiasan. Sebenarnya banyak kita boleh menerokai daripada produk pertanian dan perhutanan ini.

Saya tidak mahu mengambil masa lebih panjang pada hari ini Tuan Yang di-Pertua, tetapi saya ingin merumuskan melalui rang undang-undang ini supaya kementerian dapat lebih strategi di dalam mengendalikan usaha-usaha untuk menubuhkan *variety* tumbuh-tumbuhan ini yang saya cadangkan ditukar menjadi Lembaga Botani Malaysia dan ianya harus lebih luas skopnya bukan sahaja melibatkan herba, *horticulture*, produk yang kering, akar yang di dalam tanah malah kepada perkara-perkara yang lebih kepada yang lain-lain, yang boleh memberi manfaat ekonomi kepada negara kita.

Keduanya supaya lembaga ini juga dapat membina jaringan bukan sahaja kepada usahawan-usahawan pembiak baka, tetapi juga kepada usahawan-usahawan lain yang mempunyai modal untuk mendapatkan hasilan kajian melalui organisasi-organisasi tertentu dengan melahirkan zuriat atau baka ini supaya masa hadapan negara kita yang harus menggunakan pendekatan baru iaitu bioteknologi ICT, yang sekarang ini sedang berlaku ledakan di Amerika Syarikat, Jepun, Korea Selatan dan juga di United Kingdom. Kalau kita tidak berada di dalam arus yang ada ini, ledakan ini, berkemungkinan kita akan meletakkan diri kita secara tradisional dan tidak mungkin produk kita akan *at par* dengan izin, dengan produk-produk pertanian yang sedang berlumba-lumba di peringkat antarabangsa. Sebab itulah Tuan Yang di-Pertua, saya merakamkan ucapan terima kasih kepada kementerian yang mengambil inisiatif yang agak baik pada hari ini, sesuai dengan zamannya tetapi pendekatan-pendekatan lebih strategi dan pandangan-pandangan, pencelahan oleh rakan-rakan saya tadi dapat diambil perhatian oleh kementerian. Semoga matlamat kementerian dan negara untuk mengawal, mengurus dan membina produk pembakaan ini secara

komersial dan pemasarannya untuk dieksport dan juga membuat kajian tentang *exotic species* untuk kita eksport, membina inkubator bagi graduan-graduan yang harus kita bantu melalui kewangan supaya masa hadapan pengurusan botani di negara kita dapat kita saksamakan, dapat kita jayakan sekurang-kurangnya dapat kita bina landasan baru ini moga-moga kita dengan izin, *competitive* dengan pembangunan botani di negara ini. Sekian, saya mohon mencadangkan.

#### 4.58 ptg.

**Tuan Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya kira rang undang-undang ini memberi tiga fokus utama. Yang pertamanya ialah perlindungan kepada hak pembiak baka baru. Ertinya tanpa perlindungan itu kita kira ia akan mendatangkan kerugian kepada daya cipta, daya keintelektualan, daya fikir individu-individu yang telah melakukan usaha R&D dan ini akan memberi satu kesan yang penting pula dari segi pendidikan negara.

Saya kira kita harus memikirkan dalam bentuk yang *systemic* bukan sahaja dalam bentuk Kementerian Pertanian sahaja, harus dilihat dalam konteks yang lebih menyeluruh agar dikaitkan juga dengan kepentingan-kepentingan pendidikan sama ada di peringkat sekolah asas mahupun di peringkat kolej ataupun di peringkat pendidikan tinggi agar kita menggalakkan dalam bidang *Research and Development* (R&D) terutamanya dalam skop yang sedang kita bincangkan sekarang ini. Dengan adanya *intellectual* ataupun *property* ini yang kita hargai, yang kita beri pengiktirafan ia akan membawa satu kejayaan yang besar.

Perkara yang kedua, fungsi akta ini ialah memberi pengiktirafan ertinya harus memikirkan satu cara dana khas untuk kita memberi pengiktirafan-pengiktirafan tertentu sama ada dalam bentuk *award*, sama ada dalam bentuk pengiktirafan untuk meneruskan kajian mereka, menawarkan biasiswa dalam bentuk itu ataupun cara-cara lain, harus disediakan satu peruntukan yang khas untuk pengiktirafan ini.

Fungsi yang ketiga ialah untuk memperluaskan ertinya sekarang ini kita harus melipatgandakan usaha, memperkasakan usaha-usaha kita dan saya kira ini amat cocok apabila kita hendak memperluaskan bidang ini kerana ia ada kaitannya dengan usaha-usaha kerajaan sekarang ini menjadikan pertanian sebagai enjin yang ketiga kepada pembangunan ekonomi negara - *The third engine for the national development*

*and the national economy.* Jadi, dalam konteks ini saya kira rang undang-undang ini ataupun akta yang sedang dibincangkan sekarang ini amat relevan sekali.

Seterusnya bila kita bercakap tentang pembiakan baka ini kita jangan lari daripada konsep asas yang telah dibawa oleh Mandle – *The Mandle 's Law of Heredity* yang merupakan asas kepada kerja buat yang sedang kita bicarakan ini, sebab inilah yang memulakan satu gerakan ke arah *plans breeding on a scientific basis* dan ini adalah merupakan titik tolak kepada kemajuan-kemajuan yang sedang kita bicarakan sekarang ini.

Selain daripada itu juga, kita kira petani-petani negara ini yang jumlahnya kira-kira sejuta orang itu akan mendapat satu manfaat yang besar daripada program ataupun penerimaan rang undang-undang ini. Sejumlah tanah yang besar juga sedang diusahakan untuk kegiatan-kegiatan pertanian yang hampir meliputi kira-kira 5.7 juta hektar ini yang boleh kita manfaatkan sebaik mungkin, kerana dengan penemuan-penemuan baru, dengan kita memberi perlindungan kepada hak pembiak ini juga ia akan menggalakkan saintis-saintis di bidang pertanian ini untuk menghasilkan jenama-jenama baru yang kebal, ertinya ada daya tahan daripada menghadapi serangan-serangan serangga yang biasa ataupun daripada ancaman-ancaman persekitaran. Ini adalah merupakan manfaat-manfaat yang boleh dicapai selain daripada *high productivity*, selain daripada boleh mendatangkan *profitability* yang besar. Saya kira ini adalah merupakan manfaat-manfaat yang besar.

Satu perkara lagi yang hendak saya timbulkan di sini secara ringkas sahaja Tuan Yang di-Pertua, iaitu tentang apakah kriteria-kriteria yang akan diberi oleh pihak kementerian ini untuk memastikan yang memberi idea dan yang mereka cipta penemuan-penemuan baru ini benar-benar mendapat pengiktirafan.

Kita perlu juga mengadakan hak dan juga penguatkuasaan, ada mekanisme-mekanisme tertentu untuk memastikan mereka yang telah menghasilkan produk-produk yang baru, ciptaan-ciptaan yang baru ini benar-benar dihargai dan mendapat tempat yang sewajarnya. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kepong.

**4.58 ptg.**

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam Rang Undang-Undang Perlindungan Varieti Baru

Tumbuhan 2004 ini, kerana ia merupakan satu rang undang-undang yang sangat penting bagi negara ini. Akibat daripada itu, usaha kita untuk memainkan peranan ataupun mendapat faedah daripada penyertaan sebagai anggota di dalam WTO, maka kita terpaksa mengadakan satu rang undang-undang di bawah apa yang disebutkan sebagai *trips*. Ia ada kena mengena dengan paten kita, tetapi rang undang-undang ini yang saya alami ialah bukan untuk memelihara petani ataupun komuniti petani di negara ini, tetapi nampaknya hendak melindungi hak-hak industri benih terutamanya industri benih antarabangsa.

Oleh sebab itulah saya akan memberi beberapa cadangan supaya rang undang-undang ini dapat disempurnakan untuk memelihara petani-petani dan komuniti petani. Ia memang satu perkara yang sangat penting dan di sini saya hendak petik satu cadangan dan pengalaman daripada seorang pakar yang biasa dengan isu-isu biodiversity - Ashis Kothari yang mewakili kaum Paprich Environmental Action Group, dengan izin daripada Puyun, India.

Di sinilah saya akan petikkan beberapa perkara. Yang pentingnya rang undang-undang ini berdasarkan kepada *The International Union for the Protection of New Varieties of Plants (UPOV)* dan di dalam UPOV ini kebanyakannya ditandatangani oleh negara-negara perindustrian. Peruntukan yang penting sekali Tuan Yang di-Pertua, ada sebelas, dengan izin:-

(i) *registration of new varieties of plants by their breeders provided they fulfilled the criteria of novelty distinctness, uniformity and stability;*

Tetapi di dalam rang undang-undang ini tidak ada.

(ii) *protection for registered varieties for period ranging from 15 to 18 years depending on the kind of plant variety, this protection will include the exclusive right to produce, sell, market, distribute import or export the variety or its propagating material and to liaison the person to do the same;*

(iii) *the position of some proceed of propagating material by the applicant with the government;*

(iv) *exclusion of plant varieties from being registered if such exclusion is necessary for public purposes or if the commercial utilization of such varieties will threaten human, animal or plant*

- life or the environment in general such exclusion could extend to entire general species;*
- (v) *right of researchers to use the registered varieties for experimentation;*
  - (vi) *right of farmers to save use, exchange, share or sell the produce of any registered varieties except selling for the purposes of reproduction under the commercial marketing arrangement;*
  - (vii) *revocation of protection if it is found that the breeder supplied incorrect or inadequate information at the time of application or did not provide the necessary seeds or propagating material or if the registration as found not in the public interest;*
  - (viii) *compulsory licensing in cases where the breeder is not making the seed public will available at reasonable price, quantity or regularity;*
  - (ix) *benefit sharing arrangement with those including farmers, claiming perhaps contributed genetic material to the registered variety;*
  - (x) *right of communities and person to claim significant contribution to a registered variety and to receive compensation if such a claim is upheld; and*
  - (xi) *a National Gene Funds built up with royalty fees from plant varieties rights holders, national and international contribution, etc, meant to be used for benefit sharing and compensation to farming communities and for conservation and sustainable used of genetic resources.*

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak nampak di dalam rang undang-undang ini ada mengandungi peruntukan-peruntukan sebelas yang saya sebutkan tadi dan termasuklah *National Gene Funds*. Kalau hendak ikut *TRIPS*, kita mesti mewujudkan dana atau satu *National Gene Funds*. Sebab itulah saya mencadangkan supaya pihak kementerian dengan serta-merta mewujudkan satu *National Gene Funds* untuk memenuhi syarat-syarat di dalam *TRIPS* ataupun di bawah WTO ini. Memang itu satu kelemahan di dalam rang undang-undang ini.

Saya tidak akan mengambil masa yang panjang, sebab kita ada perkara-perkara dan isu-isu yang penting selepas ini. Saya akan petik dengan secara ringkas apa yang kita perlu buat untuk membantu petani kita – komuniti petani. Komuniti tidak ada disebutkan.

Tuan Yang di-Pertua, yang pertama di dalam negara ini, kita tidak ada *National Biodiversity Register*. Kalau kita hendak memperlindungan para petani kita, kita mesti adakan satu *National Biodiversity Register*. Apa gunanya kita adakan rang undang-undang walhal kita tidak merujuk kepada pendaftaran dan juga dana yang diperlukan, diwajibkan, oleh pihak WTO.

Misalnya Tuan Yang di-Pertua, di dalam lembaga kita, kita mesti wujudkan satu lembaga untuk menguruskan semua ini. Di dalam lembaga ini kita ada pelantikan keanggotaan lembaga. Semuanya memang kita perlukan pakar-pakar belaka, semua Ketua Pengarah pelbagai institusi yang berkaitan dengan pertanian ataupun perladangan. Tetapi tidak ada seorang wakil pun daripada petani ataupun komuniti petani. Inilah masalah yang aneh binti hairan juga. Sebab apa, kita hendak memperlindungan petani-petani dan komunitinya tetapi tidak ada satu wakil pun.

Misalnya di Kedah, apa salahnya kita dapatkan wakil daripada kumpulan petani padi daripada Kedah. Nampaknya Menteri Parlimen pun tidak begitu peka kepada hal seperti ini. Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan supaya, pertama, kita adakan *National Gene Funds* dan kita juga mesti menggubalkan *System Benefit Sharing* – Perjanjian Pengagihan Keuntungan dan tadi saya kata kita mesti ada wakil pindakan rang undang-undang ini dan mengadakan satu atau lebih seorang wakil dari golongan petani.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, kerana kita hendak mematuhi kepada TRIPS yang memperlindungan industri benih yang besar, maka kita mestilah mengadakan peruntukan untuk satu sistem yang dapat mengesahkan ataupun mentafsirkan *variety* tumbuhan dari segi negara kita sendiri, bukan dari segi sistem atau forum-forum antarabangsa. Kita ikutkan definisi kita, ikutkan kriteria negara kita, sebagai sistem nasional kita bukan sistem antarabangsa. Ini memang perlu kerana kita punya definisi memang tidak serupa dengan definisi antarabangsa kerana kita hendak memperlindungan rakyat Malaysia kita.

TRIPS memang membenarkan setiap negara mewujudkan satu sistem dan sistem ini mengikut Sui Generis. Kita wujudkan satu Sistem Sui Generis Malaysia.



Apa gunanya kita hendak ikut Sui Generis orang lain? Jadi rakyat Malaysia memerlukan satu Sui Generis ala Malaysia untuk memperlindungan *variety* tumbuhan di negeri kita sendiri. Ia bukan menurut UPOV System sahaja kerana UPOV memperlindungan hak-hak negara-negara perindustrian. Kita perlu mengadakan satu *National Registration System* untuk *varieties*, untuk amalan, untuk pengetahuan di negara kita. Saya berharap Yang Berhormat dapat membincangkan dengan Menteri untuk mengadakan satu *National Registration System For Varieties*.

Tuan Yang di-Pertua, setiap *variety* tumbuhan baru terutamanya yang diimport daripada negara-negara lain, sebab di sini Tuan Yang di-Pertua, ada syarikat antarabangsa yang mewujudkan, menyelidik dan mengeluarkan benih-benih sama ada *genetically determine varieties* ataupun bukan, tetapi ia keluarkan benih yang tahan lasak, yang mengeluarkan hasil yang banyak dan sebagainya tetapi benih seumpama *variety* baru ini tidak semestinya sesuai untuk Malaysia.

Saya mencadangkan satu *Environmental Impact Assessment* – Penilaian Impak Alam Sekitar (EIA) untuk semua jenis baru. Tetapi nampaknya di dalam rang undang-undang tidak ada peruntukan seumpama ini seolah-olah kita terdedah kepada *varieties* baru belaka. Apa yang boleh merosakkan pertumbuhan Malaysia, *environment* Malaysia, kita terima dengan begitu sahaja. Saya berharaplah lain kali rang undang-undang seumpama ini kita mestilah memperlindungan orang-orang Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, kalau berlaku pertikaian di antara komuniti petani dengan pendaftar *variety* baru ini mengenai pengetahuan mereka kerana petani bukan petani semata-mata, kebanyakannya boleh menjadi penyelidik mereka sendiri kerana mereka tahu benih padi mana yang baik, sesuai untuk kawasan di Kedah dan sebagainya, memang dia buat penyelidikan sendiri. Kalau ada pertikaian, macam mana kita dapat selesaikan. Saya tidak nampak ada Tribunal pun di dalam rang undang-undang ini, macam mana kita boleh selesaikan. Cuma ada lembaga sahaja. Kalau ada pertikaian mengenai hak satu *variety* baru, kalau tidak ada Tribunal, macam mana kita hendak selesaikan. Sebab itu saya mencadangkan kita adakan bukan sahaja Lembaga Rayuan, tetapi kita ada satu Tribunal kerana kita perlukan pakar bukan sahaja Ketua Pengarah tetapi benar-benar orang yang pakar dalam bidang ini untuk mengetuai Tribunal bagi memastikan siapa yang berhak untuk *variety* baru yang saya sebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, jika varieti diambil dari pengetahuan petani atau komuniti, adakah kaedah untuk mendapatkan kebenaran penggunaan atau pengetahuan varieti ini melalui rang undang-undang? Saya rasa tidak, sebab tidak nampak ada salurannya. Ini merupakan satu kelemahan lagi yang diabaikan oleh pihak kementerian dan dengan ini Tuan Yang di-Pertua saya menyeru supaya pihak kementerian mengambil perhatian, dan menerima cadangan-cadangan yang bernas supaya kita dapat menyempurnakan rang undang-undang tersebut. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kubang Kerian.

**5.14 ptg.**

**Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dalam membincangkan tentang Rang Undang-undang Perlindungan Varieti Baru Tumbuhan 2004 ini, saya ringkas sahaja Tuan Yang di-Pertua, insya-Allah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Tuan Salahuddin bin Ayub:** Kita mengakui tentang perkembangan semasa dan sebagaimana sektor-sektor yang lain, sektor pertanian juga mengalami perkembangan-perkembangan yang dinamik dan sudah tentu negara kita memerlukan kementerian ataupun sektor pertanian ini melahirkan produk-produk baru yang sudah tentu memberikan sumbangan besar kepada ke arah ekonomi negara.

Satu perkara yang ingin saya ingatkan dalam Dewan yang mulia ini tentang rang undang-undang baru ini, kita mestilah mengambil kira tentang ancaman pertanian dan manusia ini di peringkat yang global. Ahli-ahli sains sebagai contoh telah memberikan pandangan mereka, iaitu mereka telah membahagikan *biodiversity* ini kepada empat kategori yang berbeza. Ini sangat penting apa juga produk, apa juga yang dikatakan *intellectual properties* ini, apa juga hasil yang akan kita laksanakan dapat memberi manfaat kepada manusia sejagat.

Yang pertama, *diversity species* ini iaitu yang merangkumi tumbuh-tumbuhan dan binatang.

Yang kedua *diversity* ekosistem iaitu tentang sistem semula jadi bumi seperti hutan, gurun dan lautan.

Yang ketiga tentang *diversity* genetik iaitu kepelbagaian genetik di antara spesies dan di antara spesies yang berbeza; dan

Yang keempat ialah *diversity* budaya iaitu tingkah laku manusia yang membenarkan manusia untuk menyesuaikan diri mereka dengan alam sekitar mereka.

Di sini Tuan Yang di-Pertua, satu pengalaman yang sangat berharga yang saya mengharapakan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani mengambil ini sebagai suatu iktibar dan menjadi rujukan. Saya mengharapakan adalah tentang sesuatu pengalaman yang pernah berlaku kepada industri koko di negara kita. Negara kita telah menyaksikan bagaimana industri koko ini memberikan sumbangan yang besar dalam era 70-an dan era 80-an.

Saya sendiri pernah berpengalaman dalam industri koko ini dengan menggunakan kesempatan ataupun teknologi percantuman baka ataupun klon genetik pada waktu itu. Negara masih lagi ingat tentang bagaimana berlakunya kemusnahan industri koko ini khususnya di sektor perladangan dan juga sektor pekebun kecil.

MARDI pada suatu waktu dahulu pernah mengeluarkan satu klon KKM1, KKM2 hingga KKM25. Hasil daripada penemuan ini, hampir semua estet dan pekebun kecil dalam negara kita termasuk saya sendiri pada waktu telah menggunakan klon ini dengan suatu harapan ia memberikan suatu pulangan hasil yang besar kepada sektor ini.

Tetapi malangnya pada akhir tahun 80-an yang mengikut satu kajian yang dibuat oleh Pertubuhan Pertanian di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, penemuan hasil-hasil klon ini telah menyebabkan kemasukan virus-virus yang membinasakan. Sebagaimana berlaku kecanggihan dalam teknologi maklumat pada hari ini di samping manusia seperti pencipta komputer seperti Bill Gates, di samping melahirkan *hardware* dan *software* yang memberikan manfaat kepada manusia tetapi mereka mencipta apa yang dinamakan virus-virus yang memusnahkan sistem komputer yang ada pada hari ini.

Oleh itu, ini juga berlaku kepada klon-klon ataupun spesies-spesies yang dicipta ini yang akhirnya, di akhir era 80-an kita menyaksikan kemusnahan iaitu, *it is a massive disaster* pada industri koko dalam negara kita, di mana kita melihat akhirnya Kementerian Pertanian telah mengarahkan semua penanam koko pada waktu itu menebang pohon-pohon koko ini dan terpaksa petani-petani menunggu dalam suatu jangka waktu selama dua hingga lima tahun untuk mencari baka yang lain ataupun pertanian ganti yang lain.

Saya mengharapkan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, walaupun saya menyokong tentang penemuan-penemuan baru di dalam rang undang-undang ini, kita mahukan lebih banyak penemuan yang memberikan manfaat kepada negara tetapi perlu juga menyelidik tentang mungkin pada fasa pemeriksaan *substantive* ini supaya setiap penemuan itu akan dipastikan keselamatan klon itu, keselamatan penemuan itu terhadap manusia dan juga terhadap alam sekitar. Sekian Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Pontian.

**5.20 ptg.**

**Ir. Hasni bin Haji Mohammad [Pontian]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertama saya juga ingin ucap tahniah kepada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Mungkin ini adalah jawapan kepada rancangan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk menjadikan pertanian ini sebagai penyumbang kepada pertumbuhan ekonomi yang penting. Mungkin dengan adanya akta atau Rang Undang-undang Perlindungan Varieti Baru Tumbuhan 2004 ini, ianya akan dapat menggalakkan lebih banyak varieti baru dalam pertumbuhan ini dapat diperkenalkan dalam industri pertanian kita.

Tuan Yang di-Pertua, tetapi dalam masa yang sama saya juga ingin membawa ataupun ingin menyarankan supaya Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani ini tidak terlepas pandangan. Kalau kita menghadiri mesyuarat agung sama ada koperasi pekebun-pekebun, kita hadir mesyuarat agung, agensi-agensi yang ada kaitan dengan pertanian ini kita dapat melihat ahli-ahli petani-petani dan pekebun-pekebun ini, apabila kerajaan menyebut soal bioteknologi sebagai contoh, rata-rata kita tengok kadang-kadang seolah-olah kita bercakap bahasa asing kepada mereka. Mereka seolah-olah tidak begitu jelas apa erti dan kesan serta impaknya kepada pengenalan bioteknologi ini sebagai contoh.

Maka kita juga perlu mengambil kira sekiranya usaha untuk memperkenalkan Rang undang-undang Perlindungan Varieti Baru Tumbuhan 2004 ini, saya melihat kita akan memberi tumpuan dan perlindungan yang lebih kepada pihak luar, oleh kerana kemungkinan MARDI yang sudah 15 tahun yang lalu sudah tiga kali kita meminda polisi pertanian ini, tetapi kesannya hasil daripada pindaan-pindaan yang dibuat kepada polisi pertanian ini masih lagi hendak kita tunggu apakah kesan dan hasil yang

sebenarnya daripada pindaan-pindaan tersebut. Maka kita hari ini perkenalkan satu rang undang-undang baru.

Penting sangat jangan sampai apabila pihak-pihak datang dari luar yang membuat kajian, yang meminta supaya hasil kajian mereka ini mendapat perlindungan, tetapi petani dan pekebun kita sama ada kepentingan mereka juga terlindung dari segi mendapatkan hasil daripada pengenalan varieti-varieti baru ini akan mengurangkan kos kepada mereka, akan secara langsung dapat memberi faedah kepada pekebun dan petani yang sedia ada ataupun rang undang-undang kita ini, ada rang undang-undang lain yang menjaga kepentingan pekebun dan petani kita supaya jangan adanya kedatangan atau kita membuka pintu untuk kemasukan lebih banyak varieti baru ini, petani-petani dan pekebun-pekebun kita bertambah ataupun menerima tanggungan bebanan yang lebih daripada biasa.

Usaha kerajaan memberi subsidi kepada pekebun dan petani jangan sampai nanti bila kita ada pengenalan varieti-varieti baru ini kerajaan terpaksa melipatgandakan jumlah subsidi yang diberi hendak dibantu kepada pekebun dan petani ini akhirnya jumlah yang patut menerima semakin hari semakin sedikit.

Tuan Yang di-Pertua, kita juga mengharapkan supaya dengan adanya Rang Undang-undang Perlindungan Varieti Baru Tumbuhan ini kalau juga getah termasuk dalam varieti baru, koko ataupun nanas atau kelapa, ubi kayu, ini semua merupakan tanaman-tanaman yang satu ketika menjadikan negara kita sebagai pengeluar utama kepada tanaman-tanaman itu. Maka saya menyarankan supaya kerajaan terus memberi tumpuan kepada jenis-jenis tanaman ini dalam kita menggalakkan kemasukan kajian dan juga penyelidikan berkaitan dengan varieti baru ini, supaya kegemilangan pertanian dalam tahun 1950-an hingga tahun 1970-an dahulu kita sebagai pengeluar getah yang begitu termasyhur sekali. Malah koko juga satu ketika kita menjadi yang ketiga ke atas sebagai pengeluar koko yang terbesar di dunia, tetapi hari ini industri itu sudah malap, sudah mula padam daripada sektor pertanian.

Tuan Yang di-Pertua, saya yakin dan percaya sebab itulah saya menyokong akan rang undang-undang ini bahawa ianya akan dapat membawa manfaat besar, kata rakan saya Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu tadi, membawa manfaat besar kepada warga petani dan pekebun, tetapi dalam masa yang sama kita mengharapkan supaya kementerian akan dapat mengawal kehadiran varieti-varieti baru daripada pihak-pihak luar yang datang memperkenalkan kepada keluarga petani

dan pekebun kita ini supaya dalam jangka masa panjangnya tidak menafikan akan peluang-peluang dan juga kebolehan-kebolehan yang sepatutnya ada, kerana kita bimbang MARDI termasuklah agensi-agensi lain yang terlibat dengan soal R&D untuk memperkenalkan varieti-varieti baru.

Saya datang dari kawasan yang boleh dipanggil lembah nanas, Pontian, boleh kata 90% daripada keluaran nanas negara kita ini datang daripada Pontian. Jadi, saya juga dapat melihat MARDI bersungguh-sungguh, MARDI stesen ini dalam soal hendak mencari varieti baru untuk memperkenalkan lebih banyak lagi jenis-jenis nanas di negara kita. Tetapi malangnya ia tidak menjadi sesuatu yang menjadi kebanggaan negara dengan hasil usaha MARDI yang begitu bersungguh-sungguh untuk hendak memperkenalkan varieti-varieti baru dalam satu produk nanas secara khusus. Jadi, ini mungkin Yang Berhormat Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani boleh juga meletakkan sedikit keistimewaan sekiranya varieti-varieti baru ini diperkenalkan oleh agensi atau pihak-pihak dari tempatan, bukan hanya kita mengambil kira dari segi aspek kalau ianya varieti tumbuhan yang baru kita bagi 20 tahun. Kalau 15 tahun untuk varieti tumbuhan baru tetapi berlainan, itu sahaja memberi tumpuan kita.

Tetapi sekiranya varieti ini juga datangnya daripada tempatan yang dihasilkan oleh pihak-pihak tempatan, ini juga sepatutnya rang undang-undang ini ataupun pengiktirafan ini diterjemahkan dengan jelas bahawa kelebihan, keutamaan akan diberi kepada mereka faedah-faedah yang lebih dapat diberikan kepada anak-anak tempatan dalam hendak memperkenalkan varieti baru ini. Jadi, terima kasih Tuan Yang di-Pertua di atas kesempatan ini. Dengan ini saya menyokong rang undang-undang yang dibentangkan. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ipoh Timur.

**5.29 ptg.**

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Di kebanyakan negara membangun pertanian merupakan mata pencarian untuk majoriti rakyat. Petani pula merupakan sumber utama biji-biji benih. Petani di negara-negara membangun memainkan peranan penting dalam membiakkan baka-baka baru. Keadaan ini akan berubah dengan drastik berikutan dengan munculnya WTO dan TRIPS sekiranya kelancaran yang secukupnya tidak dijaga semasa hak-hak petani digariskan.

Petani yang selama beberapa generasi telah mencipta sumber genetik yang kaya dan telah membantu memenuhi keperluan makanan populasi yang semakin meningkat dan menyembuhkan mereka yang sakit merupakan komuniti yang kini menjadi mangsa globalisasi.

Demi menjaga hak mereka inilah kita hari ini membahaskan rang undang-undang yang dicadangkan. Komuniti pertanian yang memainkan peranan sebagai penjaga sumber genetik berharga, sebagai penghasil pelbagai baka dan sebagai pengeluar makanan negara, mesti diberi hak pemilikan ke atas benih-benih yang dihasilkan dan makanan yang ditanam mereka. Jika hak tradisional mereka ini dinafikan sebagaimana yang hendak dilakukan oleh rejim hak harta intelektual yang baru, maka ia perkara yang tidak beretika dan tidak boleh dipertahankan.

Dengan memastikan bahawa petani diberikan hak pemilikan yang secukupnya akan membolehkan komuniti pertanian mengekalkan sesetengah kawalan mereka ke atas proses pengeluaran benih dan cara penggunaan yang dipraktikkan oleh mereka selama ini. Adalah penting bagi kerajaan untuk memberikan hak yang jelas kepada golongan petani dan bukan hanya membekalkan pengecualian yang terhad kepada mereka. Hak-hak golongan petani mesti diiktiraf memandangkan sumbangan mereka pada masa-masa lalu dan sekarang ke atas penjagaan pelbagai bio-agro serta peranan mereka sebagai penghasil pakar-pakar baru yang memastikan makanan secukupnya dibekalkan di seluruh dunia.

Kerajaan harus memberi ganjaran kepada para petani yang banyak menyumbang dalam kerja-kerja menjaga dan memajukan sumber genetik tanaman yang digunakan oleh pembiak baka untuk membangunkan jenis tanaman yang baru. Antara isu-isu yang harus ditekan adalah betapa pentingnya hak petani untuk menjual benih-benih. Dalam rang undang-undang ini jarang disebut aspek yang penting ini. Adalah sungguh penting sekali untuk para petani memiliki hak menjual bukan hanya untuk menyimpan, menukar tetapi juga menjual baka-baka tanaman mereka kerana sekiranya hak petani untuk menjual pakar-pakar tanaman mereka dirampas, ia akan merugikan mereka dengan serius sekali. Malah sekiranya petani tidak dibenarkan untuk menjual baka-baka tanaman mereka maka ia akan menghancurkan komuniti pertanian sama sekali.

Kita perlu faham bahawa sekiranya syarikat-syarikat besar diberi peluang untuk menguasai penghasilan baka-baka tanaman dengan mengambil alih semua syarikat-

syarikat baka-baka tanaman yang kecil, maka masa depan petani-petani biasa akan menjadi sungguh gelap sekali. Perkara yang dibincangkan ini sebenarnya merupakan satu sekatan yang langsung ke atas hak-hak asasi para petani iaitu kebebasan bertukar-tukar baka-baka tanaman dengan petani yang lain. Ini merupakan cara berurusan yang telah berjalan sejak sektor pertanian bermula di negara ini dan dijalankan secara berleluasa sekali.

Rang undang-undang ini akan menjadikan apa yang selama ini sah di sisi undang-undang sesuatu yang haram. Rang undang-undang ini juga nampaknya tidak memberikan perlindungan yang secukupnya kepada komuniti tempatan atau masyarakat orang asal. Nampaknya kekurangan peruntukan dalam rang undang-undang ini yang memastikan kepentingan golongan ini dijaga. Ia juga tidak menubuhkan tabung masyarakat yang dapat membantu para petani yang tidak lama lagi akan tertakluk kepada perundangan yang sungguh ketat ke atas hak mereka untuk mendapat akses kepada baka-baka tanaman pertukaran benih-benih dan sebagainya.

Perlu difahami bahawa sekiranya seseorang pembiak baka mendaftarkan baka biakannya maka beliau akan memiliki paten ke atas jenis baka berkenaan dan seterusnya satu monopoli diwujudkan. Para petani akan menghadapi lebih masalah sekiranya menghadapi musim menuai yang tidak memuaskan kerana kini mereka perlu membeli dan bukannya bertukar benih dengan petani yang lain. Para petani yang menghadapi musim menuai yang buruk pasti perlu menghadapi hutang yang besar.

Apa yang dikhuatirkan adalah sama ada para petani kecil akan berupaya untuk mematuhi segala peraturan baru yang ditetapkan dalam rang undang-undang ini. Satu tabung masyarakat yang bertujuan untuk membantu para petani yang menjadi mangsa sistem baru ini adalah amat penting. Malang sekali rang undang-undang ini tidak membekalkan mekanisme yang penting ini. Dokumentasi ilmu-ilmu tradisional harus dilakukan pada peringkat komuniti dan dibekalkan kepada Pejabat-pejabat Paten. Pendaftaran komuniti dan pendaftaran nasional harus ditubuhkan demi menjaga kepentingan komuniti tempatan. Semua pendaftar ini sepatutnya boleh digunakan bukan sahaja sebagai mekanisme pertahanan terhadap proses paten yang tidak wajar tetapi juga merupakan asas penting untuk memupuk kerja-kerja *conservation*, penggunaan dan pengedaran ilmu-ilmu tradisi.

Dari segi pandangan orang asal pula, kita perlu faham bahawa ilmu dan budaya warisan orang asal adalah diturunkan dari satu generasi ke satu generasi



menerusi usaha bersama masyarakat. Maka tidak seorang pun yang boleh mendakwa bahawa beliau mencipta atau menemui baka-baka perubatan, biji benih atau lain-lain benda hidup. Hak milik individu atas sesuatu ilmu atau inovasi hanya wujud pada zaman baru yang bukan merupakan sebahagian dari budaya orang asal.

Maka adalah jelas bahawa kerajaan perlu menekankan cara memelihara dan memajukan ilmu, cara serta sumber yang kini masih digunakan oleh masyarakat orang asal (*indigenous people*). Adalah penting bahawa berikutan dengan implementasi rang undang-undang ini, kerajaan menyedari tentang hak tradisi orang asal dan para petani untuk meneruskan praktik tradisi mereka dalam menimbang, berkongsi dan bertukar-tukar biji benih serta kebebasan dalam kerja-kerja memajukan, menanam dan menggunakan baka-baka perubatan. Adalah juga penting sekali bahawa baka-baka asal tanaman-tanaman perubatan dan pengetahuan dalam bidang ilmu berkenaan ini tidak dicuri, dicetak rompak atau dimonopoli oleh para penyelidik institusi akademik dan syarikat-syarikat besar. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Kementerian menjawab.

**5.36 ptg.**

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani [Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim]:** Saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian untuk membahas akta yang penting ini, di mana keseluruhannya saya mendengarkan bahawa semua kita memang memberi *confirmation*, dengan izin, bahawa betapa pentingnya akta ini dan oleh yang demikian kementerian memang menghargai segala teguran, segala pendapat, cadangan, nasihat daripada Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian yang mana saya tahu juga memang ada kepakaran sendiri dan juga pengalaman yang telah dialami yang boleh dikongsi bersama kementerian ini untuk kita kalau dapat memperbaiki lagi kalau ada kelemahan-kelemahan kepada akta ini.

Saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat bagi Dungun dengan celahan-celahan daripada Yang Berhormat bagi Jerai, Sri Gading, Bentong, Arau, Cameron Highlands, Beluran dan Setiu dan juga Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu, Kepong, Kubang Kerian, Pontian dan Ipoh Timor. Saya pergi terus

kepada beberapa perbahasan-perbahasan yang penting yang telah dicatit oleh pegawai-pegawai saya untuk kita kongsi bersama mengenai akta ini.

Mengenai penubuhan Lembaga Varieti Tumbuhan di mana dikatakan sama ada Lembaga ini meliputi jaringan-jaringan daripada mereka yang layak dan sepatutnya berada di dalam Lembaga ini. Untuk makluman Yang Berhormat, Lembaga ini dianggotai oleh semua ketua jabatan yang berhubung kait dengan bidang pertanian iaitu seramai 12 orang anggota iaitu Ketua Pengarah Jabatan Pertanian Semenanjung Malaysia yang dikehendaki menjadi Pengerusi, Ketua Pengarah, Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI), Ketua Pengarah Lembaga Getah Malaysia, Ketua Pengarah Lembaga Kelapa Sawit Malaysia, Ketua Pengarah Koko Malaysia, Ketua Pengarah Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia, Pengarah Pertanian Sabah, Pengarah Pertanian Sarawak, seorang wakil daripada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, seorang wakil daripada Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi, seorang wakil daripada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna dan seorang wakil daripada Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi dan seperti apa yang dicadangkan tadi oleh Yang Berhormat bagi Kepong, kami juga mengambil kira jadi wakil-wakil dari kepakaran atau kalangan komuniti petani akan *diincorporate*kan dari masa ke semasa untuk juga memberi pandangan untuk menganggotai lembaga ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga akta ini dengan izin *cut across* semua bidang komoditi, tumbuhan iaitu perlindungan *variety* baru tumbuhan, sebab itu kita menggunakan *general term*. Mengenai hormon-hormon baru yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Dungun ini adalah penggalak kepada pertumbuhan tumbuhan yang mana ciri-ciri *variety* yang tidak berubah di mana kita memerlukan pencirian *variety* berasaskan kepada kriteria seperti ia adalah berlainan atau *distinct*, seragam, *uniform* dan juga stabil.

Yang Berhormat bagi Dungun juga telah menyatakan mengenai *variety* tumbuhan, dia merujuk kepada semua tumbuhan seperti herba, bunga, pokok-pokok hutan, sayuran dan juga buah-buahan. Mengenai pertukaran nama iaitu Lembaga Botani atau Pembangunan Botani, buat masa ini Yang Berhormat nama ini masih kekal kepada nama Lembaga Variety Tumbuhan sebab ia adalah tepat dan merangkumi semua jenis tumbuhan yang sedia ada. Kalau botani itu lagi besar dia punya bidang Yang Berhormat ya.

Mengenai pokok-pokok herba yang ramai telah dalam celahan pun ada di sebut, jadi sebenarnya kajian memang ada dibuat oleh MARDI dan pihak UKM contohnya Tongkat Ali, Kacip Fatimah dan lain-lain yang sedang dijalankan bermakna ada sahaja herba-herba ini akan dijalankan kajian oleh pihak MARDI dan juga UKM.

Mengenai bagaimana keadaan beberapa akta lain kerana baka-baka itu ditemui dalam hutan simpan yang telah diwartakan oleh kerajaan negeri. Kementerian mengambil maklum bahawa hutan simpan terletak di bawah bidang kuasa kerajaan negeri. Rang Undang-Undang ini memperuntukkan bahawa mana-mana kerajaan yang telah menjalankan fungsi pembiak baka boleh mengemukakan permohonan pendaftaran bagi...

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Sri Gading bangun Yang Berhormat.

**Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim:** Sila.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Saya Tongkat Ali itu saya faham, tetapi Kacip Fatimah itu saya tidak pernah tengok. Apa sebenarnya? Akarkah, daunkah atau kacip betulkah? Kenapa pula dikaitkan dengan Fatimah? Tidak tahu saya, boleh agaknya Datuk Setiausaha Parlimen boleh jelaskan dan apakah kegunaannya? *[Ketawa]* Kacip Fatimah penggunaannya apa? Saya tak fahamlah. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat Setiausaha Parlimen teruskan.

**Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim:** Terima kasih, jadi saya pun membaca sedikit sebanyak yang saya faham apa itu Kacip Fatimah adalah juga sejenis herba. Jadi kalau Tongkat Ali itu untuk lelaki, Kacip Fatimah itu adalah untuk perempuan, sedikit sebanyak Yang Berhormat ya. Jadi nama itu menggambarkan khasiat herba. Tidak apa masih dibuat kajian oleh MARDI dan UKM, insya-Allah kalau ada penemuan itu nanti saya akan memberitahu juga kepada Yang Berhormat.

**Dr. Mohd Hayati bin Othman:** *[Bangun]*

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Pendang bangun Yang Berhormat.

**Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim:** *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Pendang, Pendang. Hendak beri yang mana? Jerai, Jerai Yang Berhormat, Setiausaha Parlimen hendak beri yang mana?

**Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim:** Jerai, Jerai.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Jerai.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin:** Jadi maksud Sri Gading tadi kacip itu apa makna kacip? Jadi dia kacip dia buat apa? *[Ketawa]* Ia menyepitkah, macam manakah? *[Ketawa]* Jadi nama itu Fatimah, jadi adakah Fatimah yang 'menyumpat' daun itu? Jadi macam mana, Yang Berhormat boleh terang supaya kita balik kita faham Yang Berhormat. Terima kasih.

**Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim:** Yang Berhormat kita bincang di luarlah Yang Berhormat. *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Pendang, Pendang, ya sila.

**Dr. Mohd Hayati bin Othman:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga Setiausaha Parlimen. Saya hendak menyentuh tadi tentang keanggotaan lembaga itu. Sebagaimana yang kita tahu ada satu lagi pusat yang membuat kajian tentang benih ataupun genetik tumbuhan ini iaitu PUSPATI, Pusat Atom Tun Dr. Ismail. Saya rasa dahulu ada dibuat tentang kelapa sawit dan juga orkid. Saya rasa mungkin keanggotaan anggota dari PUSPATI ini boleh kita masukkan dalam keanggotaan lembaga ini sebab ia juga penting dalam suasana sains dan teknologi yang maju sekarang ini. Sekian terima kasih.

**Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim:** Terima kasih Yang Berhormat. Kita akan ambil pandangan Yang Berhormat itu sebab kalau ia tidak termasuk di dalam mana-mana yang 12 tadi, jabatan-jabatan yang besar tadi, insya-Allah pegawai-pegawai saya juga ada bersama akan kita mengambil maklum tentang PUSPATI. Sebab tadi Yang Berhormat ada kata kelapa sawit, jadi mungkin sudah dimasukkan di dalam badan-badan ini tetapi tidak mengapa, terima kasih banyak Yang Berhormat.

Jadi mengenai sambungan saya tadi iaitu mengenai fungsi pembiak baka, sesiapa yang ada ini bolehlah mendaftar dan mengemukakan pendaftaran untuk *variety* baru tumbuhan. Ini walaupun di peringkat kerajaan negeri, oleh yang demikian jika baka-baka ditemui dalam mana-mana hutan simpan maka permohonan boleh

dibuat kepada pembiak baka atau mana-mana kerajaan yang menjalankan fungsi pembiak baka, bermakna kita ambil kira semua itu.

Yang Berhormat bagi Bentong dia mencelah mengenai halia Bentong. Jadi, mengenai halia Bentong ianya adalah satu *variety premium* yang dikeluarkan oleh petani-petani halia di kawasan Bentong tetapi *variety* halia Bentong ini merupakan *variety* yang lama dan dianggap dengan izin, *public domain* iaitu sudah menjadi hak milik umum. Jadi tidak dapat dimasukkan di dalam akta kita ini.

Mengenai celahan juga daripada Yang Berhormat bagi Cameron Highlands, iaitu mengenai benih tomato yang diimport dari Holland. Benih tomato yang diimport khas dari Holland ini adalah baka khas untuk ditanam di bawah sistem fetigasi atau di bawah struktur pelindung hutan. Setakat ini kita belum ada *variety* yang dapat menandingi *variety import*. Jadi ini adalah satu juga bidang yang insya-Alah kita akan memberi tumpuan untuk kita menjadi setanding dengan mereka yang ada di luar-luar negara.

Yang Berhormat bagi Dungun sekali lagi memberitahu apakah perhubungan kita dengan universiti-universiti tempatan dan juga dengan luar negara iaitu jaringan yang disebutkan sebagai *networking*. Dengan kelulusan Rang Undang-Undang ini, Malaysia akan memohon menjadi ahli UPOV yang telah saya sebutkan tadi ahli UPOV iaitu ahli *Union For The Protection of Varieties of Plants* iaitu untuk mengukuhkan lagi perhubungan antarabangsa dengan semua ahli UPOV. Sebab itulah langkah pertama kita mesti meluluskan ini dahulu, selepas kita luluskan di Dewan yang mulia ini, kita akan *confirm* atau kita akan mendaftar untuk menjadi bersama dengan ahli *International Union For The Protection of New Varieties of Plant*, sebab itulah nama itu mesti sama juga dengan yang ada di luar negara.

Yang Berhormat bagi Dungun juga memberi cadangan supaya Kementerian Sumber Asli terlibat dalam urusan *variety* tumbuhan bagi mengawal selia baka-baka yang ditemui di dalam hutan. Sukacita kementerian memaklumkan bahawa memang menjadi hasrat kementerian supaya pakar-pakar dalam bidang-bidang yang berkenaan turut sama terlibat dalam urusan *variety* baru tumbuhan.

Oleh yang demikian, menurut Fasal 5, Rang Undang-Undang ini Lembaga *Variety* Tumbuhan turut dianggotai oleh Ketua Pengarah Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia yang kini terletak di bawah Kementerian Sumber Asli dan Alam

Sekitar, seperti tadi Yang Berhormat tidak berapa pasti ia letak di mana, jadi itu jawapannya Yang Berhormat.

Celahan lagi Yang Berhormat bagi Cameron Highlands mengenai varieti-varieti yang dihasilkan daripada *genetic engineering*. Jadi, varieti *genetically modified organism* (GMO) boleh diberi perlindungan semasa sama ada di bawah akta sekarang ini sekiranya memenuhi kriteria berlainan, seragam dan juga stabil atau di bawah Akta Paten sekiranya varieti yang dihasilkan mempunyai *industrial application* atau kegunaan industri.

Yang Berhormat bagi Kepong telah bertanya dari segi faedah akta dan beberapa syarat yang dibangkitkan, yang mungkin tidak atau terlepas pandang oleh rang undang-undang ini. Jadi, untuk makluman Yang Berhormat bagi Kepong, faedah akta ialah memberi pertimbangan kepada kedua-dua pihak iaitu pembiak baka di bawah Fasal 14(1) dan juga kepada petani atau *local community* di bawah Fasal 14(2) dan syarat-syarat yang dibangkitkan telah dimasukkan dalam peruntukan-peruntukan akta ini.

Kami mengakuihlah, Yang Berhormat, kecuali *National Gene Fund*, tidak dimasukkan, jadi mungkin pihak pegawai juga boleh memberi pertimbangan di atas cadangan Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Kepong.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Bolehkah Yang Berhormat menjawab mengenai masalah, misalnya syarat-syarat yang termaktub di dalam rang undang-undang ini lebih memihak kepada pihak industri benih yang besar. Jika pihak petani atau komuniti petani ada aduan dan di dalam rang undang-undang ini kita ada bantuan diberi kepada petani, misalnya petani daripada Gerik ataupun daripada Kedah yang tidak puas hati, yang menganggap varieti baru ini datang daripada pihak mereka, apakah pihak Lembaga atau pihak kementerian akan buat? Adakah saluran atau kaedah untuk membantu petani ini yang tidak mempunyai untuk membuat ujian, mematuhi syarat-syarat yang termaktub di dalam rang undang-undang ini.

Memang kalau seseorang daripada korporat, dia memang mampu. Apa-apa ujian pun boleh buat. Tetapi bagi pihak petani, ujian apa yang mereka boleh buat dan

apakah kaedah yang diatitkan oleh pihak kementerian untuk membantu para petani yang tidak begitu berupaya untuk bersaing dengan industri benih yang besar?

**Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim:** Terima kasih Yang Berhormat. Di situlah sebabnya, Yang Berhormat, kita telah memasukkan di dalam keanggotaan Lembaga yang akan menjadi jurucakap-jurucakap kepada petani-petani ini yang tidak berkesempatan untuk *making their cost clear*. Jadi, sebab itulah Yang Berhormat, dari masa ke semasa – sebenarnya saya hendak masuk lagi ke dalam ini, kita juga akan membawa wakil-wakil petani untuk duduk bersama juga di dalam Lembaga ini untuk memastikan bahawa apa jua pembiak baka-pembiak baka itu hasil daripada mereka dan tidak jatuh kepada tangan-tangan orang yang ketiga yang akan mengambil hasil daripada titik peluh petani-petani ini.

Jadi, ada lagi Yang Berhormat, yang akan berkait dengan Yang Berhormat iaitu satu lagi...

**Dr. Tan Seng Giaw:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Kepong bangun lagi, Yang Berhormat. Yang Berhormat bagi Kepong bangun.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, penjelasan lagi. Daripada 12 anggota ini, saya tidak nampak, susah hendak nampak wakil bagi petani atau komuniti petani, tidak ada langsung. Wakil kementerian ada banyak, institut penyelidikan ada, pemerhati ada....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Cukup Yang Berhormat.

**Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim:** Yang Berhormat...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Dia jawab nanti.

**Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim:** ..Yang Berhormat, saya akan sampai ke situ. Sabar sedikit, Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Ooohh!

**Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim:** Yang Berhormat, sabar. Makan durian lebih sangat, sudah deras sangat pula Yang Berhormat ini. Yang Berhormat, sabar.

Sebelum situ, mengenai *National Biodiversity Register* tiada berkaitan dengan akta ini, akta ini hanya memberi perlindungan kerana varieti baru tumbuhan yang dicipta, jadi pengurusan biodiversiti terletak dengan Kementerian Sains, Teknologi dan

Inovasi, Yang Berhormat ya. Ha, ini sampai ke sini, Yang Berhormat. Yang Berhormat sabar sedikit, saya sampai, Yang Berhormat.

Mengenai tiada wakil petani dalam Lembaga, Fasal 8, Yang Berhormat – Yang Berhormat tengok Fasal 8 – Akta membenarkan Lembaga mengundang orang lain menghadiri mesyuarat dan ini termasuk wakil petani dan lain-lain. Ha, Yang Berhormat ya. Okey Yang Berhormat?

Jadi, mengenai akta ini adalah *Sui Generis* Malaysia...

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, ...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Kepong.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Mereka bukan anggota.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yalah, dia tidak hadir, Yang Berhormat, dia ikut ahli.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Bukan, bukan...

**Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim:** Oleh...

**Dr. Tan Seng Giaw:** ...bukan itu sahaja. Dia boleh mengundang, itu sahaja setakat...

**Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim:** Samalah Yang Berhormat. Yang pentingnya...

**Dr. Tan Seng Giaw:** Kalau tidak mengundang pun, biar begitu sahaja. Bukan wajib di dalam undang-undang ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Cukup, Yang Berhormat.

**Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim:** Yang Berhormat, saya tadi sudah memberitahu bahawa anggota yang 12 itu kan suara. Suara mewakili petani-petani pada masa yang sama. Tetapi kalau didapati bahawa mereka ini harus hadir sendiri, kita ada Fasal 8, Yang Berhormat ya.

Akta ini juga Yang Berhormat, adalah *Sui Generis* Malaysia dan tidak meniru sistem lain di mana-mana negara. Ini adalah *sui generis* kita. Jadi, mengenai varieti-varieti yang menjejaskan moral dan ketenteraman awam dan menimbulkan kesan negatif kepada negara, diperuntukkan dalam Fasal 15 iaitu melarang pendaftaran jika kegunaan varieti tumbuhan itu boleh mengakibatkan sesuatu kesan negatif terhadap alam sekitar. Bermakna sudah diambil kira.



Yang Berhormat bagi Kepong juga membangkitkan cerita tribunal. Jadi, telah diperuntukkan dalam Fasal 45 iaitu penubuhan Lembaga Rayuan untuk menyelesaikan apa-apa ketidakpuasan dengan keputusan Lembaga Varieti Tumbuhan. Jadi, itu kira macam-macam tribunal jugalah fungsinya iaitu Lembaga Rayuan.

Yang Berhormat bagi Kepong juga telah mengatakan tiada peruntukan berkenaan tribunal sekiranya berlaku pertelingkahan bantahan ke atas keputusan Pendaftar. Dalam rang undang-undang, tiada peruntukan berkenaan tribunal. Walau bagaimanapun, apa-apa rayuan terhadap keputusan Pendaftar boleh dirujuk kepada Lembaga Rayuan yang diperuntukkan dalam Fasal 45 rang undang-undang dan Fasal 44, 45 dan 46 memperuntukkan prosedur rayuan terhadap keputusan Pendaftar.

Yang Berhormat bagi Kepong juga mencadangkan diwujudkan *national registration system*. Dengan tertubuhnya satu Lembaga Varieti Tumbuhan, maka suatu sistem pendaftaran kebangsaan diwujudkan. Tatacara pendaftaran diperuntukkan dengan jelas dalam rang undang-undang ini. Lembaga akan menyimpan dan menyenggara sesuatu daftar yang dinamakan Daftar Varieti Baru Tumbuhan yang merupakan suatu *national registration system*, dengan izin, iaitu dalam Fasal 29.

Yang Berhormat bagi Kubang Kerian menyebutkan tentang industri koko negara. Janganlah terjadi macam industri koko negara di mana klon KKM1 sehingga klon KKM25 *disaster*, dengan izin, kepada industri koko. Jadi, ingin diperjelaskan bahawa sebenarnya Yang Berhormat, tidak ada penyakit virus yang memusnahkan industri koko di Malaysia.

Sebenarnya industri koko negara dijejaskan dengan ulat pengorek buah koko, ulat ya, yang telah menambahkan kos pengeluaran dalam kawalan ulat tersebut. Jadi, serangan ulat pengorek buah koko tidak berkaitan, hanya dengan klon KKM. Di sebaliknya ulat ini menyerang semua jenis baka dan klon di seluruh dunia.

Yang Berhormat bagi Pontian telah menyebutkan dari segi kepentingan petani kecil, di jaga di bawah akta ini, iaitu di mana sebenarnya memang dilindungi, petani-petani kecil tidak perlu membayar royalti dan ianya ada terjelas atau petani-petani kecil ini sebenarnya dilindungi di bawah Peruntukan Fasal 31(1) (a), (d), (e) dan (f) di mana petani-petani ini tidak perlu membayar royalti.

Jika di bawah Fasal 31(1)(a) kegunaan persendirian yang tidak dikomersialkan;

Fasal 31(1)(d) apa-apa perbuatan pembiakan oleh petani-petani kecil yang menggunakan bahan tuaian varieti tumbuhan berdaftar yang ditanam di tanah mereka sendiri;

Fasal 31(1)(e) apa-apa pertumbuhan bahan pembiakan dalam amaun yang munasabah di kalangan petani-petani kecil; dan

Fasal 31(1)(f) penjualan biji benih dari ladang sendiri dalam keadaan petani kecil tidak dapat menggunakan biji benih dari ladang sendiri di atas tanahnya sendiri, akibat bencana alam atau kecemasan atau apa-apa faktor di luar kawalan petani kecil itu, jika amaun yang dijual tidak melebihi apa yang diperlukan untuk tanahnya sendiri.

Ini bermakna, insya-Allah, akta ini juga melindungi petani-petani kecil.

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Santubong bangun.

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya saya hendak bercakap tadi, tetapi tengok kawan-kawannya agak ramai, jadi saya tak jadi bercakap, sedikit sahaja. Saya hendak tanya petani kecil itu. Apabila petani kecil ini, terminologi ia tidak ada, mengatakan berapa besar, berapa ekar, berapa hektar petani kecil. Tetapi, kementerian ataupun Menteri berhak untuk menentukan siapakah petani kecil, berapa saiznya berlandaskan istilah yang disebut di dalam muka surat tujuh.

Jadi, apabila istilah ini dibuat nanti, saya berharap pihak kementerian berhati-hati kerana kita bimbang, apa yang dikatakan oleh petani kecil ini nanti, yang terkeluar daripada apa yang tidak dikatakan petani kecil itu tadi, sebenarnya orang yang petani kecil. Jadi, yang kecil itu sepatutnya memang jangan merangkumi yang betul-betul kecil tetapi jangan terkeluar daripada yang dikatakan besar itu, setelah dirangkum dalam undang-undang ini. Terima kasih.

**Datuk Paduka Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim:** Terima kasih Yang Berhormat atas peringatan tersebut dan saya berharap pegawai-pegawai saya akan mengambil nota, perhatian atas cadangan itu, iaitu dari segi mendefinisikan petani kecil yang mungkin tidak begitu terang di muka surat tujuh. Terima kasih Yang Berhormat.

Yang Berhormat bagi Pontian, varieti-varieti yang dihasilkan oleh agensi-agensi tempatan seperti MARDI, ada disebutkan. Akta memberi perlindungan kepada varieti-varieti tempatan, yang mana telah dirangkumi di dalam Fasal 14(1) dan juga 14(2) akta

tersebut. Yang Berhormat bagi Ipoh Timur telah menyebutkan mengenai tiada peruntukan berkenaan hak menjual pembiak baka.

Untuk makluman Yang Berhormat, Fasal 30 rang undang-undang memperuntukkan hak pembiak baka. Fasal ini menyatakan bahawa, seseorang pembiak baka berdaftar berhak untuk menawarkan varieti tumbuhan berdaftar untuk jualan.

Selain itu, Fasal 30 ini juga memberi hak kepada pembiak baka untuk menghasilkan atau menghasilkan semula, menyesuaikan untuk tujuan pembiakan, memasarkan termasuk menjual, mengeksport, mengimport dan menyimpan bagi maksud-maksud tersebut di atas. Ini bermakna Yang Berhormat, ada dimasukkan dalam ruang lingkup hak pembiak baka.

Yang Berhormat bagi Ipoh Timur juga memberitahu tiada perlindungan kepada orang asal. Rang undang-undang ini bertujuan juga untuk memberi pengiktirafan dan perlindungan ke atas sumbangan yang dibuat oleh petani, masyarakat tempatan dan peribumi. Ini jelas menurut Fasal 14(2) yang mengenakan syarat tumbuhan itu baru, berlainan dan dapat dikenal pasti. Malaysia juga telah memilih sistem '*sui generis*' di bawah UPOV supaya hak keistimewaan petani dan masyarakat peribumi diberi perhatian.

Jadi, secara keseluruhannya Yang Berhormat-Yang Berhormat telah dengan begitu tegas sekali memberi cadangan yang begitu bernas. Kami di kementerian, sangat menghargai segala nasihat, pandangan, teguran yang telah dibahaskan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian dan untuk makluman, bahawa varieti baru tumbuhan diperlukan. Sebenarnya akta ini untuk memenuhi permintaan pengguna yang kian berubah dan mempertahankan daya saing sektor pertanian.

Pelaburan yang khusus dalam bentuk masa, kewangan, tenaga serta pengetahuan dan teknologi diperlukan dalam usaha membiak varieti-varieti baru. Pelaburan tersebut menghadapi risiko yang tinggi kerana varieti baru yang dicipta, mudah dieksploitasikan oleh pihak ketiga. Sebagai *signatory* kepada perjanjian TRIPS atau WTO, Malaysia mempunyai obligasi antarabangsa untuk memberi perlindungan hak intelek kepada tumbuh-tumbuhan.

Pelaksanaan akta ini dijangka memberi impak yang positif kepada pembangunan sektor pertanian negara dan pelaksanaan akta ini, bukan sahaja akan

merangsangkan aktiviti pembiakbakaan tempatan, bahkan akan menggalakkan pengimportan varieti-varieti baru yang berkualiti dari luar negara.

Akta ini, selain daripada melindungi varieti baru yang dicipta, juga mempunyai peruntukan khas untuk melindungi varieti-varieti tempatan, *indigenous varieties* yang akan muncul dari masa ke semasa dan negara-negara Asia yang mempunyai akta ini, adalah terdiri daripada negara-negara Jepun, China, India, Indonesia, Thailand, Vietnam dan Philippines. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

***Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.***

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) ***mempengerusikan Jawatankuasa***]

**Fasal 1 hingga 60** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**USUL MENTERI KEWANGAN****AKTA KASTAM 1967:**

- (vii) **Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.6) 2003**  
- (P.U.(A) 369 bertarikh 25.9.2003)
- (viii) **Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.7) 2003**  
- (P.U. (A) 456 bertarikh 18.12.2003)
- (ix) **Perintah Duti Kastam (Barang-Barang Berasal Dari Negeri-Negeri ASEAN) (Tarif Keutamaan Sama Rata) (Pindaan) (No.2) 2003**  
- (P.U. (A) 457 bertarikh 18.12.2003 )
- (x) **Perintah Duti Kastam (Barang-Barang Berasal Dari Negeri-Negeri ASEAN) (Tarif Keutamaan Sama Rata) (Pindaan) (No.3) 2003**  
- (P.U. (A) 471 bertarikh 30.12.2003)
- (xi) **Perintah Duti Kastam (Pindaan) 2004**  
- (P.U. (A) 3 bertarikh 1.1.2004)
- (xii) **Perintah Duti Kastam (Barang-Barang Berasal Dari Negeri-Negeri ASEAN) (Tatanama Tarif Berharmonis ASEAN Dan Tarif Keutamaan Sama Rata) 2004**  
- (P.U. (A) 1 bertarikh 1.1.2004)

**6.10 ptg.**

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Ng Yen Yen]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa yang diletakkan oleh Subseksyen (2) Seksyen 11, Akta Kastam Tahun 67 supaya perintah-perintah berikut:

- (i) **Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.6) 2003**  
- (P.U.(A) 369 bertarikh 25.9.2003)
- (ii) **Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.7) 2003**  
- (P.U. (A) 456 bertarikh 18.12.2003)
- (iii) **Perintah Duti Kastam (Barang-Barang Berasal Dari Negeri-Negeri ASEAN) (Tarif Keutamaan Sama Rata) (Pindaan) (No.2) 2003**  
- (P.U. (A) 457 bertarikh 18.12.2003 )

- (iv) Perintah Duti Kastam (Barang-Barang Berasal Dari Negeri-Negeri ASEAN) (Tarif Keutamaan Sama Rata) (Pindaan) (No.3) 2003
  - (P.U. (A) 471 bertarikh 30.12.2003)
- (v) Perintah Duti Kastam (Pindaan) 2004
  - (P.U. (A) 3 bertarikh 1.1.2004)
- (vi) Perintah Duti Kastam (Barang-Barang Berasal Dari Negeri-Negeri ASEAN) (Tatanama Tarif Berharmonis ASEAN Dan Tarif Keutamaan Sama Rata) 2004
  - (P.U. (A) 1 bertarikh 1.1.2004)
- (vii) Perintah Duti Kastam (Barang-Barang Berasal Dari Negeri-Negeri ASEAN) (Tatanama Tarif Berharmonis ASEAN Dan Tarif Keutamaan Sama Rata) (Pindaan) 2004
  - (P.U. (A) 4 bertarikh 1.1.2004)

yang dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai kertas-kertas statut bil: ST. 72 hingga ST. 76 dan ST. 79 tahun 2004 disahkan.”

Tuan Yang di-Pertua, Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.6) 2003 P.U.(A) 369 bertarikh 25.9.2003. Perintah ini bertujuan untuk menguatkuasakan keputusan supaya duti ke atas beberapa lagi jenis perabot dan komponen perabot dimansuhkan. Pemansuhan duti import ke atas beberapa lagi jenis perabot ini adalah bertujuan untuk meningkatkan daya saing perabot tempatan khususnya di luar negara. Manakala pemansuhan duti import atas komponen adalah bagi mengurangkan kos pengeluaran perabot tempatan agar dapat berdaya saing dengan perabot yang import yang tidak tertakluk kepada duti import.

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.7) 2003 P.U. (A) 426 bertarikh 18.12.2003

- Perintah ini bertujuan untuk mewujudkan tarif lain yang tersendiri ‘*act out*’ bagi dagangan yang dulunya telah digabungkan semasa pindaan harmonis sistem dan telah dikuatkuasakan pada 1.1.2002 supaya dagangan yang mempunyai WTO *bound rate* yang berbeza tidak dicantumkan menjadi satu kadar duti yang lebih rendah, perintah ini juga bertujuan untuk membetulkan berapa kesilapan dalam Perintah Duti

Kastam tahun 1996 yang berlaku sewaktu pindaan harmoni sistem 2002 yang telah diwartakan pada 1.3.2002.

Perintah Duti Kastam (Barang-Barang Berasal Dari Negeri-Negeri ASEAN) (Tarif Keutamaan Sama Rata) (Pindaan) (No.2) 2003 - P.U. (A) 457 bertarikh 18.12.2003 - Perintah ini adalah merupakan pindaan susulan atau *consequential amendment* dengan izin, akibat daripada Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.7) 2003 yang bertujuan mewujudkan tarif lain yang tersendiri bagi dagangan yang dulunya telah digabungkan semasa pindaan harmonis sistem yang telah dikuatkuasakan pada 1.1.2002.

Perintah Duti Kastam (Barang-Barang Berasal Dari Negeri-Negeri ASEAN) (Tarif Keutamaan Sama Rata) (Pindaan) (No.3) 2003 – P.U. (A) 471 bertarikh 30.12.2003 - Perintah ini bertujuan untuk memasukkan produk-produk pertanian belum diproses seperti *tobacco, tobacco product, bamboo, rattan, .... wine, ..... plant, tropical fruits, rose sugar* dengan izin, ke dalam skim *common effective preferential tariff* atau CEPT serta mewujudkan jadual penurunan kadar duti import sehingga tahun 2010 bagi produk tembakau. Pindaan ini adalah bagi memenuhi komitmen Malaysia di bawah *Protokol on Special Arrangement for the Sensitive And Highly Sensitive Product* yang ditangani oleh negara-negara ASEAN bagi tujuan penurunan cukai.

Perintah Duti Kastam (Pindaan) 2004 - P.U. (A) 3, bertarikh 1.1.2004 - Perintah ini disediakan bagi tujuan menurunkan kadar duti import berikutan pengenaan duti eksais dikenakan ke atas kenderaan penumpang motosikal, rokok dan produk tembakau, minuman keras, daun terup dan jubin mahjong diimport selaras dengan pelaksanaan struktur cukai baru yang berkuat kuasa 1.1.2004.

Perintah Duti Kastam (Barang-barang Berasal Dari Negeri-Negeri ASEAN) (Tatanama Tarif Berharmonis ASEAN dan Tarif Keutamaan Sama Rata) 2004 – P.U. (A) 1, bertarikh 30.12.2003 - Perintah ini disediakan bertujuan melaksanakan Sistem Tarif Berharmonis ASEAN atau ASEAN Harmonize ..... AHTN iaitu sistem di mana pengelasan barangan di kalangan negara ASEAN diterangkan di bawah sistem kod tarif lapan digit. Sistem ini diwujudkan bagi meningkatkan ketelusan dalam proses pengelasan barangan dengan tujuan mempertingkatkan lagi perdagangan di kalangan negara-negara ASEAN.

Perintah Duti Kastam (Barang-Barang Berasal Dari Negeri-Negeri ASEAN) (Tatanama Tarif Berharmonis dan Tarif Keutamaan Sama Rata) (Pindaan) 2004 – P.U. (A) 4, bertarikh 1.1.2004 - Perintah ini disediakan bagi tujuan meminda kadar duti import di bawah tatanama tarif berharmonis dan tarif keutamaan sama rata AHTN bagi kenderaan penumpang, motosikal, rokok dan pengeluaran tembakau, daun terup dan jubin mahjong selepas kerajaan mengenakan duti eksais ke atas barangan-barangan berkenaan yang diimport berkuat kuasa mulai 1.1.2004.

Tuan Yang di-Pertua saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri Pelajaran [Dato' Hon Choo Kim]:** Sokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ahli-ahli Yang Berhormat masalah sekarang ini di buka untuk di bahas. Kepong.

**6.18 ptg.**

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk membahaskan usul ini kerana melibatkan duti import duti kastam dan jumlah duti kastam setiap tahun adalah RM30 bilion RM 40 bilion sebahagian besar daripada hasil negara. Walaupun ahli-ahli termasuk Jerai tidak berminat kerana tidak peka kepada hasil negara dan perbelanjaan awam maka tidak berminat di dalam perdebatan ini. Walau bagaimanapun, majoriti 90 peratus tidak semestinya kita boleh mengabaikan jimat cermat atau perbelanjaan hemah untuk wang rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, yang pertama mengenai perabot, duti import kurang atau dimansuhkan kerana hendak memberi peluang kepada kilang-kilang perabot di negara ini untuk bersaing. Di sini saya hendak menanya mengenai besi kerana perabot besi banyak di negara ini tetapi kilang-kilang ini kebanyakan ditutup, tutup kerana ada duti import. Kilang besi, yang 'aneh binti hairan' dia hendak cari peraturan, macam mana hendak cari peraturan P.U.(A) 5, 1.1.2004.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Point of order.

**Tuan Yang di-Pertua:** Nombor berapa Yang Berhormat?

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Dia tidak menghormati Tuan Yang di-Pertua, kerana bercakap melihat kepada saya tetapi bukan Tuan Yang di-Pertua, ini point of order.



**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya! Nombor berapa Yang Berhormat?

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Dia tidak menghormati Tuan Yang di-Pertua, kerana bercakap melihat kepada saya, Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]* Ini *Point of Order*, Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Macam Yang Berhormat jugalah kadang-kadang. *[Ketawa]* Teruskan Yang Berhormat bagi Kepong.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Saya suka kepada Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua, tetapi kadang kala kita berubah juga, varieti kepelbagaian, itulah masalah. Tadi kita baru membincangkan *bio-diversity* dan sebagainya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Teruskan Yang Berhormat kepada perbahasan.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Ya, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak bertanya Yang Berhormat, apakah terjadi dengan import, kerana kita hendak tolong kilang perabot kita, hendak dia ada daya saing kepada mereka, tetapi sementara itu ada bahan-bahan seperti besi, apabila harga besi antarabangsa rendah, kita bayar besi dengan harga yang tinggi kerana ada duti import.

Apabila harga besi antarabangsa turun, kita bayar lebih lagi. Sebab apa harga besi dibenarkan melambung? Hendak melindungi kilang-kilang besi di negara ini, Malayawater dan sebagainya, Perwaja termasuklah. Ini masalah kita sekarang. Apakah terjadi dengan besi untuk perabot kita, saya hendak tanya, dan jenis-jenis bahan yang dikecualikan duti import ataupun dikurangkan duti import yang disebutkan di dalam PUA 369 ini.

Dan seterusnya mengenai PUA 456, saya dengar sahaja, itu untuk WTO '*bounce rate*', tetapi tidak sebutkanlah apa bahan-bahan yang disebutkan. Saya ada baca sedikit, '*asitamino*' benzoic asid dan sebagainya. Ini memang rumitlah, saya pun tidak minta Yang Berhormat Timbalan Menteri menerangkan semua, cuma satu dua contoh beri tahu pihak kami di sini.

Seterusnya mengenai PUA 471 dan sebagainya untuk bahan pertanian, tembakau dan produk-produk sensitif dan *hyper*-sensitif sekarang. Tidak tahulah apa sensitif, Jerai sensitifkah, apa sensitif, *hyper*-sensitifkah. Ini di bawah berharmonis

pula, apa yang dikatakan harmonis pun saya tidak tahu, hendak *harmonize* duti import atau sebagainya dan juga di CEPT, langkah ini memang perlu kita ambil kerana di CEPT kita hendak menggalakkan perdagangan di antara anggota ASEAN dan juga kita hendak tubuhkan AFTA pula, sebab inilah kita perlu buat untuk CEPT tetapi bolehkah Yang Berhormat terangkan apa yang disebutkan sebagai sensitif dan kurang sensitif ini.

Dan juga 903 dan sebagainya – di dalam itu saya sudah nampak ada ‘*rice wine*’ pula. Adakah ini bermakna pihak sudah menggubal dasar mengenai misalnya ‘*rice wine*’ ini? Adakah ini bermakna ‘*rice wine*’ daripada misalnya Indonesia masuk ke negara ini tanpa duti ataupun daripada Thailand tanpa duti. Saya tertarik kepada apa yang disebutkan kenderaan. Kenderaan, penumpang, majung, rokok, ini memang menarik pada saya. Rokok apa dan jenis daripada Indonesia.....

**Dato’ Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin:** Penjelasan, Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Jerai bangun.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Keretek itu adalah garamlah.

**Dato’ Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin:** Gudang Garam.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Udang Garam.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Hendak beri jalan Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Jerai.

**Dato’ Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin:** Saya tertarik tentang Yang Berhormat bagi Kepong, bila datang tang mahjung, dia cukup seronok. Adakah Yang Berhormat juga orang yang suka main mahjung? *[Ketawa]*

**Dr. Tan Seng Giaw:** Saya seorang yang tidak suka dengan judi. Saya pun tidak faham juga, tetapi ..... *[Disampuk]* Tidak kamil juga. *[Ketawa]* Di dalam dunia kita termasuk di dalam Dewan yang mulia ini, walaupun begitu mulia setiap ahli .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Berbahas Yang Berhormat, jangan berbual.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Kita bukan berbual, Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]* Ini memang perbahasan yang bernas, kerana bukan satu insan pun begitu kamil. Hal nilai sejagat kita mesti kita tahu, sama ada kita membincangkan duti import atau eksaisnya.

Mengenai kenderaan penumpang, kerana kita mesti menumpukan perhatian kepada kenderaan kerana saya diberitahu bahawa pihak Thailand hendak menuntut pampasan. Sebab dia hendak menuntut pampasan kerana komponen-komponen kenderaan kereta kita ini, kerana kita minta ASEAN menundakan pelaksanaan CEPT untuk komponen-komponen kereta, kerana hendak melindungi Proton kita dan Modenas dan sebagainya.

Dengan sedemikian, pihak Thailand hendak minta pampasan kerana kenderaan mereka tidak boleh masuk ke Malaysia tanpa membayar duti import dan dia dapat pampasan. Di sinilah saya hendak tanya, apakah terjadi dengan permintaan pihak Malaysia untuk mengenakan duti import kepada kenderaan ataupun komponen kenderaannya. Kita mesti tahu kerana kita bayar pampasan di bawah Akta CEPT kita.

Mengenai mahjung, saya tidak tahulah. Saya ada dengar mahjung tadi dan rokok pula, ini bermakna rokok keretek itu masa depan tidak ada penyeludupan kerana tidak ada duti import. Apakah ini bermakna penyeludupan keretek 'udang garam' .....

**Seorang ahli:** Bukan

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, kalau tidak pasti tidak payah cakap..

**Dr. Tan Seng Giaw:** Hah!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Kalau tidak pasti, tidak payah cakap.

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin:** Gudang Garam, Yang Berhormat. Rokok Gudang Garam. Yang Berhormat .....

**Dr. Tan Seng Giaw:** Saya tidak hisap, rokok pun tidak hisab.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Cukuplah Yang Berhormat. Kalau Yang Berhormat .....

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tidak hisap, tetapi saya hendak cadangkan bukan saya sebutkan rokok keretek di sini, sama ada penyeludupan masih berlaku kerana berjuta-juta ringgit di seludup kepada negara kita, kerana ada duti import. Sekarang dengan CEPT nampak ada termasuk rokok. Adakah ini bermakna penyeludupan keretek ini akan berakhir. Tetapi saya hendak cadangkan kalau Ahli-ahli Parlimen tidak menghisap mungkin kita boleh abaikan masalah penyeludupan seumpama ini.

Di dalam Dewan kita yang berhawa dingin pun hendak hisap rokok. Macam mana pula, saya mencadangkan supaya pihak Dewan ini mengambil tindakan yang tegas terutamanya kepada Yang Berhormat bagi Sri Gading yang merokok dengan kuat. Dia beritahu saya, sehari dia hisap satu batang sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Tidak apa Yang Berhormat, dia bayar duti import juga. *[Ketawa]*

**Dr. Tan Seng Giaw:** Kalau duti import tidak payah dibayar, tidak ada penyeludupan, mungkin Ahli-ahli Parlimen – bukan semualah, saya tahu Johor Bahru tidak hisap, baik, tetapi Yang Berhormat bagi Sri Gading, jangan kita hisap lagilah, kesian kepada kesihatan semua ahli di sini, kerana *second hand smoker* pun tidak baik juga.

Baik, dan saya berharaplah Yang Berhormat Timbalan Menteri dapat menjawab soalan-soalan saya, sama-sama kita hendak kutipan RM30 bilion, kalau tidak silap saya ataupun lebih untuk negara ini. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Sudah, Yang Berhormat bagi Sri Gading hendak cakap?

**6.30 ptg.**

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Ng Yen Yen]:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Kepong. Yang pertama, komponen-komponen perabot, jikalau ada kaitan dengan pembuatan perabot, memang ia di bawah *list* yang tidak dapat import *duty* tidak kira apa-apa komponen walaupun isinya jika ada kaitan dengan pembuatan sejenis perabot, katakan *wheel* atau *seating* dia, mesti digunakan besi yang di bawah komponen perabot.

Yang kedua *harmony system*, memang *ASEAN Harmonized Tariff Nomenclature* adalah sesuatu isu dan bukan MP biasa yang faham sebab ini memang sangat *complicated* dan *complex*. *ASEAN Harmonized Tariff Nomenclature* ada sesuatu untuk mempercepatkan perniagaan di antara ASEAN dan juga menentukan ASEAN menjadi satu pasaran yang besar kepada seluruh dunia. Sebab itu semua negara di Asia mesti ada satu *nomenclature* yang sama. Jikalau tidak, negara di Asean akan ada banyak masalah yang akan timbul. Sebab itu di *ASEAN Harmonized Tariff Nomenclature*, nombor kodnya adalah sembilan nombor. Pertama, nombor enam adalah untuk WCO – World Custom Organization, nombor daftar ketujuh dan

kelapan adalah untuk ASEAN dan nombor kesembilan adalah untuk Malaysia, Indonesia dan negara lain. Oleh itu kita mesti ada satu ASEAN *Harmonized Tariff Nomenclature* dan di bawah sistem ini, semua negara di Asia bersetuju, apa produk, di mana dan di bawah apa *nomenclature*. Sebab itu kita mesti mengubah *nomenclature* kita sendiri untuk disesuaikan dengan isu ini.

Yang ketiga, sensitif. Semua negara di ASEAN sudah menentukan ada 75 produk adalah di bawah *highly sensitive list*. Itu adalah berkaitan dengan makanan; daging, telur, buah-buahan dan juga sayur-sayuran serta getah. Ini adalah di bawah sensitif sebab ia berkaitan dengan kehidupan sebuah negara. Jikalau sesebuah negara itu mengatakan bahawa makanan itu tidak boleh dimasukkan *nomenclature* ini, jadi ia adalah satu *sourcefully sensitive*. Di bawah ASEAN, semua sudah bersetuju 75 produk adalah di bawah *highly sensitive*. Itu termasuk juga dengan ASEAN *heritage building* dan apa-apa yang berkaitan dengan keselamatan adalah di bawah *highly sensitive*.

Untuk makluman Yang Berhormat bagi Kepong tentang alkohol. Alkohol adalah sesuatu yang saya akan bangkitkan di bawah *Excise Duty*. Bila kita habiskan perkara ini, saya akan masuk ke *Excise Duty*, saya akan menerangkan masalah alkohol. Sekian.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, tidak ada lagi mengenai kenderaan, komponen kenderaan penumpang, rokok keretek dan sebagainya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Cukuplah Yang Berhormat, dia sudah jawab tadi.

**Dato' Dr. Ng Yen Yen:** Terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat bagi Kepong. Malaysia sebagai satu *signatory* kepada ASEAN adalah komitmen untuk sama-sama membatalkan import duti automobil-automobil, keretek dan tembakau serta perkara-perkara lain di situ. Kita sudah janji, kita sudah komited sebab itu pada masa sekarang pada awal lagi kita buat kajian dan pindaan untuk industri kita sendiri peka supaya bila kita masuk tahun 2005 tahun hadapan, kita mesti sediakan apa yang kita komited, bab itu kita akan ikut. Tetapi untuk komponen-komponen automobil kereta, kita boleh menyusun dengan *Excise Duty* yang saya akan timbulkan nanti. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan. Masalahnya ialah

bahawa usul Yang Berhormat Menteri Kewangan seperti yang tertera di dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini di bawah Perkara 5 yang telah dibentangkan sebagai Kertas-kertas Statut Bil. 72 hingga 77 dan 79 Tahun 2004 disahkan, hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui.

Diputuskan,

“Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa yang diletakkan oleh subseksyen (2) Seksyen 11, Akta Kastam 1967 supaya Perintah-Perintah berikut:

- (i) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.6) 2003 (ST.72)
  - (P.U. (A) 369 bertarikh 25 September 2003)
- (ii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.7) 2003 (ST.73)
  - (P.U. (A) 456 bertarikh 18 Disember 2003)
- (iii) Perintah Duti Kastam (Barang-Barang Berasal Dari Negeri-Negeri ASEAN) (Tarif Keutamaan Sama Rata) (Pindaan) (No.2) 2003 (ST.74)
  - (P.U. (A) 457 bertarikh 18 Disember 2003)
- (iv) Perintah Duti Kastam (Barang-Barang Berasal Dari Negeri-Negeri ASEAN) (Tarif Keutamaan Sama Rata) (Pindaan) (No.3) 2003 (ST.75)
  - (P.U. (A) 471 bertarikh 30 Disember 2003)
- (v) Perintah Duti Kastam (Pindaan) 2004 (ST.76)
  - (P.U. (A) 3 bertarikh 1 Januari 2004)
- (vi) Perintah Duti Kastam (Barang-Barang Berasal Dari Negeri-Negeri ASEAN) (Tatanama Tarif Berharmoni ASEAN dan Tarif Keutamaan Sama Rata) 2004 (ST.77)
  - (P.U. (A) 1 bertarikh 1 Januari 2004)
- (vii) Perintah Duti Kastam (Barang-Barang Berasal Dari Negeri-Negeri ASEAN) (Tatanama Tarif Berharmoni ASEAN dan Taraf Keutamaan Sama Rata) (Pindaan) 2004 (ST.79)
  - (P.U. (A) 4 bertarikh 1 Januari 2004)

Yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas-kertas Statut Bil. ST.72 hingga ST.77 dan ST. 79 Tahun 2004 disahkan.”

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) *mempengerusikan Mesyuarat*]

#### AKTA EKSAIS 1976

- (iv) **Perintah Duti Eksais 2004 (ST.80)**
  - (P.U. (A) 5 bertarikh 1 Januari 2004)
- (v) **Perintah Duti Eksais (Kenderaan Bermotor) (Bayaran) 2004 (ST.81)**
  - (P.U. (A) 6 bertarikh 1 Januari 2004)
- (vi) **Perintah Duti Eksais (Pindaan) 2004 (ST.114)**
  - (P.U. (A) 92 bertarikh 1 Mac 2004)

**Dato' Dr. Ng Yen Yen:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa yang diletakkan oleh subseksyen (2) Seksyen 11, Akta Eksais 1976 Perintah-perintah berikut:

- (i) Perintah Duti Eksais 2004 (ST.80)
  - (P.U. (A) 5 bertarikh 1 Januari 2004)
- (ii) Perintah Duti Eksais (Kenderaan Bermotor) (Bayaran) 2004 (ST.81)
  - (P.U. (A) 6 bertarikh 1 Januari 2004)
- (iii) Perintah Duti Eksais (Pindaan) 2004 (ST.114)
  - (P.U. (A) 92 bertarikh 1 Mac 2004)

Yang dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas-kertas Statut Bil. ST.80, ST.81 dan ST.114 Tahun 2004 disahkan.”

Tuan Yang di-Pertua, Kertas Perintah Duti Eksais 2004 (P.U. (A) 5 bertarikh 1 Januari 2004 – Perintah ini bertujuan untuk melaksanakan keputusan kerajaan untuk mengenakan Duti Eksais di bawah struktur cukai baru ke atas kereta penumpang, motosikal, motor dan produk tembakau, minuman keras, daun terup dan mahjong tempatan dan yang diimport berkuat kuasa pada 1 Januari 2004.

Perintah Duti Eksais (Kenderaan Bermotor) (Bayaran) 2004 - (P.U. (A) 6 bertarikh 30 Disember 2003 – Perintah ini adalah bertujuan untuk membenarkan bayaran tertanggung Duti Eksais ke atas kenderaan penumpang yang dikilang dalam negara. Kenderaan sedemikian yang dilepaskan dari kilang dipasangkan di bilik pameran sebelum ia didaftarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan dibenarkan dipamerkan tanpa dikenakan Duti Eksais untuk tempoh maksimum selama empat tahun.

Layanan ini sebenarnya telah wujud di bawah Perintah Duti Eksais sedia ada tetapi dengan keputusan kerajaan membenarkan Duti Eksais ke atas kenderaan import, Perintah yang berasingan ini disediakan bagi memudahkan pentadbiran di mana kemudahan sedemikian hanya diberikan kepada kenderaan yang dikeluarkan dalam negara sahaja.

Perintah Duti Eksais (Pindaan) 2004 - (P.U (A) 92 bertarikh 1 Mac 2004 – Perintah ini bertujuan untuk memansuhkan Duti Eksais ke atas produk *de-natured ethyl alcohol* yang terletak di bawah Kod Tarif 2207-201-00. Pemansuhan ini bertujuan mengurangkan kos pengeluaran barangan siap yang menggunakan bahan berkenaan sebagai bahan mentah dan juga pihak lain yang menggunakan sebagai ejen pembersihan seperti kilang-kilang elektronik, hospital dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri Pelajaran [Dato' Hon Choon Kim]:** Saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah sekarang ini terbuka untuk dibahas. Kepong.

### **6.39 ptg.**

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi hendak membincangkan masalah Perintah Duti Eksais ini kerana ini memang penting sekali kerana kita mansuhkan eksais ini, ini bermakna hasil negara memang kurang.

Yang Berhormat bagi Jerai mesti mengambil perhatian, kita kurang hasil, bukan main. Adakah ini termasuk kenderaan yang dipasang di sini, bukan di PROTON, bukan Modenas yang ditagihkan oleh Jerai tetapi jenis-jenis yang lain yang dipasang di negara ini? Adakah apabila dipasang di negara ini sama ada daripada Toyota, KIA



ataupun syarikat-syarikat yang lain dipasang di sini sahaja, dikecualikan daripada Duti Eksais apabila hendak eksport?

Dengan sedemikian saya pun bingung jugalah begitu banyak di sini, misalnya P.U.(A) 6, bagi maksud perkara ini kenderaan bermotor ertinya kenderaan bermotor yang berikut yang terdapat di bawah Kepala Perintah Duti Eksais 2004 daripada 8703.21 kepada 333 itu memang banyak lagi dan saya hendak bertanya daripada cara pembayaran bagi pemindahan kenderaan bermotor dari tempat pengilang kenderaan bermotor ini termasuk syarikat-syarikat bukan PROTON atau Modenas dan sebagainya.

Seterusnya mengenai P.U.(A) 92 itu tadi saya tidak begitu faham apa yang disebutkan kerana di sini di dalamnya kita nampak dan boleh dinamakan Perintah Duti Eksais (Pindaan) 2004 tetapi tidak disebutkan apa butir-butir yang berhubungan dengan Kepala tersebut. Cuma ini sahaja nama dan penguat kuasa, apa yang dikuatkuasakan? Apa yang dikuatkuasakan - tidak nampak di sini. Saya berharap, Yang Berhormat, P.U.(A) 92 bagi saya susahlah hendak mengetahui apa yang dimaksudkan di dalam Perintah Duti Eksais (Pindaan) 2004 ini.

Bolehkah Yang Berhormat terangkan dengan adanya P.U.(A) 5 dan P.U.(A) 6 ini adakah ini bermakna kita akan hilang hasil, kalau kita akan hilang hasil berapakah yang dianggarkan oleh pihak kementerian, kehilangan hasil kerana tidak mengutip Duti Eksais ini. Sekian terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri jawab, sila.

**Dato' Dr. Ng Yen Yen:** Terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Kepong. Semasa kita membuat sekali kita punya struktur duti di kenderaan penumpang, kita memang ada membezakannya apa dari ASEAN dan mana bukan ASEAN sebab ini adalah termasuk AFTA. Jadi, apa yang kita turunkan Duti Import kita naikkan dari Duti Eksais. Jadi, memang kita tidak menghapus Duti Eksais di sini sahaja untuk *ethyl alcohol*.

Jadi, saya berharap Yang Berhormat boleh membaca dengan terangnya, sekarang bagi kereta penumpang kita mengurangkan Duti Import dengan *spirit* AFTA. Tetapi apa yang dikurangkan dengan import kita naikkan Duti Eksais.

Jadi, pada masa sekarang kita nampak kereta itu tidak berapa turun harga. Jadi, apa yang kita hasilkan itu kita dapat juga daripada Duti Eksais.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Ini bermakna pihak Thailand misalnya, pihak GM dan juga FORD sudah melabur dengan berbilion-bilion ringgit di Thailand untuk mengeluarkan kereta di Thailand. Dengan sedemikian kena eksport ke Malaysia juga dan kalau kita menukarkan corak percukaian daripada Duti Eksport kepada Duti Eksais, adakah ini bermakna pihak kerajaan Thailand akan mengambil tindakan terhadap kita. Apakah jumlah pampasan yang telah kita bayar kerana ada pengenaan Duti Eksais atau Duti Import ini. Memang satu perkara yang penting bagi semua orang di sini. Kita jangan menganggap ini satu perkara yang remeh-temeh kerana kita terpaksa membayar pampasan kepada negara-negara ASEAN kerana pengenaan duti seumpama ini.

**Dato' Dr. Ng Yen Yen:** Memang kita faham apa masalah yang timbul, tetapi untuk Malaysia kita ada satu seksyen, dengan izin, *the granting of this exemption is undertaken to administrative measures as provided for under the Excise Act 1976*. Maknanya kita sendiri ada mempunyai Excise Act yang memberikan satu keputusan yang jikalau itu adalah strategi untuk pembangunan negara kita. Jadi, dengan izin, apa yang kita buat *it's to meet the overriding socioeconomic objective of the National Development Plan of the country*. Walaupun di AFTA kita ada satu *clause* yang memberikan kita kuasa jikalau sesuatu adalah berkaitan dengan pembangunan sosioekonomi kita. Sekian.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Sudah habis Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa usul Yang Berhormat Menteri Kewangan seperti yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini di bawah Perkara 6 yang telah dibentangkan sebagai Kertas-kertas Statut Bil. 80, 81 dan 114 Tahun 2004 hendaklah disahkan dan hendaklah dipersetujukan.

Usul dikemuka bagi diputuskan; dan dipersetujukan.

Diputuskan,

“Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa yang diletakkan oleh subseksyen (2) seksyen 11, Akta Eksais 1976 Perintah berikut”.

- (i) Perintah Duti Eksais 2004 (ST.80)
  - (P.U.(A) 5 bertarikh 1 Januari 2004)

- (ii) Perintah Duti Eksais (Kenderaan Bermotor)(Bayaran) 2004 (ST.81)
  - (P.U. (A) 6 bertarikh 1 Januari 2004)
- (iii) Perintah Duti Eksais (Pindaan) 2004 (ST.114)
  - (P.U.(A) 92 bertarikh 1 Mac 2004)

yang dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas-Kertas Statut Bil. ST.80. ST.81 dan ST.114 Tahun 2004 disahkan.

#### **USUL DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 44(8)**

#### **Kenyataan Mengenai Angkat Sumpah Oleh Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor di Dewan Rakyat pada 17 Mei 2004 – Pertimbangan Dirujuk kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan**

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Menteri.

**6.46 ptg.**

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul**

**Aziz]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:-

“BAHAWA, pada 17 Mei, 2004 Yang Berhormat Ahli dari kawasan Bukit Gelugor telah bangun mencelah semasa ahli-ahli lain mengangkat sumpah menjadi ahli dalam Dewan Rakyat dengan membuat teguran mengatakan, sumpah ahli-ahli yang tidak mengangkat tangan ketika mengangkat sumpah itu tidak sah mengikut Statutory Declarations Act, 1960.

DAN BAHAWA Yang di-Pertua Dewan telah menyemak Akta itu dan didapati tidak satu pun provisi dalam Akta itu yang menyatakan sumpah dengan tidak mengangkat tangan itu adalah tidak sah. Oleh itu Yang di Pertua pada 1 Jun, 2004 telah menulis kepada ahli itu meminta penerangan darinya mengapa dia membuat celahan dari kenyataan itu.

DAN BAHAWA pada 3 Jun, 2004 ahli itu telah membuat satu kenyataan dalam akhbar mengatakan dia tidak mahu menjawab surat Yang di-Pertua itu, sebaliknya menyalahkan dan menyerang peribadi Yang di-Pertua. Semasa itu ahli itu telah menyatakan dalam akhbar itu dia telah tersilap menyebutkan Akta Statutory Declarations itu dan seterusnya menyatakan Akta yang betul adalah Oaths and Affirmations Act, 1949.

DAN BAHAWA pada 7 Jun, 2004 sekali lagi ahli itu membuat kenyataan dalam Dewan ini dengan menegaskan Akta yang betul adalah Akta Oaths and Affirmations 1949 itu dan telah membaca seksyen 9 undang-undang itu.

DAN BAHAWA sekarang ini Dewan hendaklah menentukan kenyataan Ahli dari Bukit Gelugor itu yang menyatakan sumpah dengan tidak mengangkat tangan itu sah di bawah Oaths and Affirmations Act, 1949 atau tidak.

Oleh yang demikian saya memohon membuat usul di bawah Peraturan Mesyuarat 44(8) iaitu perkara ini hendaklah dirujuk kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan Dewan untuk membuat penentuan sama ada kenyataan yang dibuat oleh Ahli Bukit Gelugor dalam Dewan itu palsu atau tidak dengan mengkaji provisi-provisi Akta Oaths and Affirmations dan lain-lain undang-undang dan mengambil apa-apa keterangan yang difikirkan perlu dan lepas itu Jawatankuasa ini hendaklah membentangkan satu penyata dalam Dewan untuk pertimbangan Dewan yang akan datang dan jika Jawatankuasa ini mendapati Ahli Bukit Gelugor itu telah membuat kenyataan palsu dan telah memesongkan Dewan yang mulia ini, Jawatankuasa ini hendaklah membuat syor dalam penyata itu apa jenis hukuman yang setimpal yang patut Dewan kenakan ke atas Yang Berhormat itu.”

**Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri [Dato' Haji Noh bin Haji Omar]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah satu usul yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri di bawah Peraturan Mesyuarat 44 (8) itu tadi terbuka untuk dibahas. Bukit Gelugor.

**6.50 ptg.**

**Tuan R. Karpal Singh: [Bukit Gelugor]:** Terima kasih Tuan Speaker. Tuan Speaker, sebagai peguam, tiap kali dalam mahkamah saya jadi peguam bela tetapi pada hari ini dalam Dewan ini saya jadi sasaran. Saya jadi tertuduh, bakal tertuduh kerana apa yang dibentangkan hari ini, usul ini adalah untuk merujuk kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan apa yang dikatakan kesalahan saya.

Tuan Speaker, dalam tahun 1984, kerusi Jelutong pada masa itu dan tidak ada perbezaan di Bukit Gelugor dan Jelutong kerana Bukit Gelugor dalam satu masa adalah satu bahagian besar dalam Jelutong.

Dalam tahun 1984, khasnya dalam bulan Oktober, satu usul lebih serius daripada usul ini ada dibentang dalam Dewan ini oleh Timbalan Menteri Dalam Negeri pada masa itu. Itu adalah mengenai apa yang saya suarakan dalam Dewan yang mulia ini iaitu kelakuan Yang di-Pertuan Agong pada masa itu. Saya dipecat daripada Dewan ini dan satu syarat yang ada diletak, dan syarat itu adalah saya minta maaf daripada Yang di-Pertuan Agong untuk kembali kepada Dewan, tetapi atas prinsip saya ingat tidak ada apa-apa, saya minta maaf daripada Yang di-Pertuan Agong, kerana prinsip di mana ada prinsip seorang yang ada maruah untuk mempertahankan diri. Itu adalah prinsip ke atas mana DAP ada wujud selepas kelahiran sehingga ke hari ini.

Dan atas prinsip rakan saya dari Ipoh Timur baru-baru ini ada menyatakan mengenai *Islamic State*. Dia menyatakan tidak ada apa-apa peruntukan dalam Perlembagaan yang menunjukkan negara Malaysia adalah satu negara Islam. Apa yang dikatakan oleh dia adalah benar kerana peruntukan Perkara 3 (1) Perlembagaan Malaysia menyatakan "*Islam is the religion of the Federation but other religions may be practised in peace and harmony in any part of the Federation.*" Setakat itu sahaja ada peruntukan dalam Perlembagaan kita.

Di Pakistan, Perlembagaan Pakistan, Perkara 2 menyatakan Islam adalah "*The State Religion*", Agama Rasmi tetapi apa yang penting dalam Perlembagaan Pakistan adalah Perkara 1, *Article 1* yang menyatakan "*Pakistan shall be an Islamic Republic*". Oleh itu kerana Perkara 1 mengisytiharkan Pakistan sebagai *an Islamic Republic* oleh kerana itu jadi negara Islam. Kami tidak ada. Tidak ada Artikel 1 sama dengan Artikel 1 yang ada di Pakistan itu. Di atas prinsip yang disuarakan adalah mempertahankan Perlembagaan. Itu ada dibuat oleh rakan saya daripada Ipoh Timur.

Tuan Speaker, hari ini pun jadi satu perkara prinsip dan dalam perkara ini saya merayu kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini untuk menggunakan *conscience*. Saya harap, dengan izin, *the writ will be withdrawn* untuk membolehkan semua Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini untuk *act according to their conscience* apabila mengambil keputusan ke atas usul ini.

Apa yang adil ada dalam usul? Asas dalam usul kita petang ini adalah perbuatan saya yang dikatakan perbuatan oleh Tuan Speaker, bukan Tuan Speaker sendiri tetapi Tun Speaker iaitu saya ada "salah arahkan" (*misdirected*) Dewan ini dan tidak menggunakan *misleading* tetapi bermakna sama. Bagi seorang peguam dan

bagi seorang profesional dan bagi seorang manusia apabila pertuduhan seperti ini dilemparkan kepada dia jadi maruah dia dijualkan.

Apa perbuatan saya, Tuan Speaker? Pada 17 Mei saya ada di kerusi sini. Tiga belas Ahli Yang Berhormat, ada mengambil sumpah dan di antaranya ada yang tidak angkat tangan. Bukan semua tiga belas tetapi apabila nombor 13 tidak buat apa yang perlu dibuat, saya mencelah. Angka 13 - *unlucky number*. Oleh itu saya ada sekarang dalam kandang tertuduh. Tetapi mudah untuk keluar daripada kandang itu oleh kerana saya ada pembela yang boleh diterima dan saya harap pembela itu boleh diterima.

Apa kesalahan saya apabila saya mencelah? Tuan Speaker, adakah saya *deliberately, misled* - salah arahkan Dewan ini dan bagi *misdirection*, salah arahan, *misleading*? Apa yang penting, Tuan Speaker adalah *intention*. *It must be intentional* dan apa yang perlu dipertimbangkan adalah keadaan dalam mana saya berdiri di sini untuk mencelah. Tidak ada apa-apa *deliberation*.

Tiga belas orang yang mengambil sumpah *spontaneous* kerana dalam ingatan saya pada masa itu adalah *The Statutory Declarations Act*. Apa saya menyatakan yang akibatkan saya berdiri di sini hari ini untuk mempertahankan diri saya?

Tuan Yang di-Pertua, saya merujuk kepada *Hansard* – Penyata Rasmi Parlimen bertarikh 17 Mei 2004 khasnya di muka surat 7. *[Memakai cermin mata]* Minta maaf kerana menggunakan ini sekarang. *But there is still fire in the belly*.

**Beberapa Ahli:** Ya, ya.

**Tuan R. Karpal Singh:** Iaitu ada lebih daripada dahulu apabila muda.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Makin kuat, ya.

**Tuan R. Karpal Singh:** Saya teruskan. Muka surat ke-7,

*“13 Yang Berhormat Dato' Azmi bin Khalid*

*[Giliran Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein mengangkat sumpah], - tetapi dia belum.*

**Tuan R. Karpal Singh:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Tuan R. Karpal Singh:** *Yang Berhormat Menteri tidak angkat tangan tidak bermakna sumpah. Ini bermakna sumpah itu tidak sah. Ada beberapa Yang Berhormat yang tidak angkat tangan tadi.”*

Tidak ada apa-apa yang boleh salahkan saya.

**“Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, itu terpulang kepada saya, Yang Berhormat tidak....

**Tuan R. Karpal Singh:** Bukan kena kepada Tuan Speaker.”

Ini penting Tuan Yang di-Pertua -

*“Ini mengikut undang-undang, jika sumpah tidak sah, itu bermakna tidak ada tempat di dalam Dewan untuk sepanjang persidangan ini.”*

Selepas itu *point of law*.

**“Tuan R. Karpal Singh:** Tuan Speaker, bahawa *the Statutory Declarations Act*, satu keperluan untuk angkat tangan.”

Tetapi sudah ada dinyatakan proviso atau peruntukan dalam *Statutory Declarations Act*. Satu keperluan.

Di muka surat ke-8 -

**“Tuan R. Karpal Singh:** Tuan Speaker, bahawa *The Statutory Declarations Act*, satu keperluan untuk angkat tangan.”

Dua kali saya menggunakan perkataan “satu keperluan”.

**“Tuan Yang di-Pertua:** Saya *overrule* Yang Berhormat. Pada *ruling* saya, itu sah.”

Dan selepas itu -

**“Dato’ Hishamuddin bin Tun Hussein:** Saya angkat tangan.”

Beliau angkat tangan mengangkat sumpah. Di mana? Di mana ada dalam apa yang saya nyatakan salahkan sesiapa, di mana ada *misleading*? Tuan Speaker, ini biasa.

Besok Tuan Speaker boleh pergi ke satu Pesuruhjaya Sumpah, nyatakan hendak buat satu *Statutory Declaration*. Satu keperluan untuk angkat tangan. Dan dalam *the Oaths and Affirmations Act*, Seksyen 9, peruntukan yang sama. Seksyen 9 menyatakan *the Rules Committee* tidak membuat apa-apa, *the practice before 1949 with regards to the formalities of taking oath apply*.

Saya ada buat semakan, Tuan Speaker. Saya ada berbincang dengan beberapa orang pegawai di mahkamah. Dan ini adalah praktis yang ada diterima sebagai undang-undang memasuki dalam peruntukan Seksyen 9.

Tuan Speaker menjadi peguam dengan pengalaman yang luas. Tuan Speaker, apabila saya menjadi *lawyer* dalam tahun 1969, saya daripada Pulau Pinang, bukan

daripada Kedah. Bila dapat kerja di Pulau Pinang, berhijrah ke Kedah. Di sana kawan baik saya adalah Zahir sekarang Tun. Apa habuan saya masa itu akan hijrah ke Alor Setar Kedah dan menang kerusi Bandar Alor Setar bagi DAP. Itu perkara lain.

Tuan Speaker, dalam konteks apa yang terjadi, ini adalah diakibatkan oleh Tuan Speaker sendiri. Saya rujuk kepada apa yang ada dikeluarkan oleh Tuan Speaker sendiri. Saya merujuk kepada surat bertarikh 8 April tahun ini dan ini ada ditandatangani oleh Setiausaha Dewan Rakyat Parlimen Malaysia. Ini adalah atas arahan Tuan Speaker.

Apa yang penting adalah ini. Surat ini diedarkan kepada semua Ahli Yang Berhormat yang menghadiri persidangan Dewan ini pada 17 haribulan. Apa isi kandungannya? Di antara lain adalah ini, Tuan Speaker. Tarikh-tarikh mesyuarat - Isnin, 17 Mei 2004. Ini penting. Sila lihat Lampiran 1 mengenai Aturan Mengangkat Sumpah. *Digress* di sini, Tuan Speaker. Saya merujuk kepada Perkara 59 Perlembagaan kita, bahagian pertama, dengan izin:-

*“59. (1) Every member of either House of Parliament shall before taking his seat take and subscribe before the person presiding in the House an oath in the form set out in the Sixth Schedule.”*

Tuan Speaker, tidak ada mana-mana di sini bagi Perlembagaan untuk interpretasi Perlembagaan Perkara 160(1) terpakai iaitu berbunyi:-

*“160. (1) The Interpretation and General Clauses Ordinance 1948 [M.U. 7 of 1948], as in force immediately before Merdeka Day shall, to the extent specified in the Eleventh Schedule, apply for the interpretation of this Constitution.”*

*Eleventh Schedule, General Clauses 1948.* Dalam *Schedule* itu, Tuan Speaker, tidak ada apa-apa yang ditafsirkan akan menjadi *oath* apa sumpah itu. Siapa beri interpretasi bagi Perkara 59 (1) baca dengan *Eleventh Schedule*? Tuan Speaker sendiri.

Dalam surat itu Lampiran ‘A’ berbunyi begini, Tuan Speaker. Saya rujuk kepada Lampiran ‘A’. Ini adalah dinyatakan oleh Tuan Speaker sendiri:-



*“Peraturan yang hendak diikuti ialah seperti berikut:-*

*Pada masa yang sesuai Setiausaha akan memanggil nama Ahli-ahli Yang Berhormat satu lepas satu. Apabila seseorang ahli itu dipanggil, maka beliau hendaklah pergi ke meja Setiausaha, tunduk hormat kepada Tuan Yang di-Pertua, mengangkat sumpah/berikrar dengan membaca ayat-ayat sumpah dalam ikrar daripada Buku Sumpah seraya mengangkat tangan kanannya.”*

Siapa salah arahkan Dewan ini?

Tidakkah kewajipan Tuan Speaker apabila saya berdiri di sini dan menyatakan adalah satu keperluan bahawa *the Statutory Declarations Act* untuk angkat tangan untuk terus menyatakan: *“Yang Berhormat, itu tidak betul. Apa yang betul adalah dalam Lampiran ‘A’. Saya yang membuat peraturan itu, itu harus diikuti”*. Tetapi apa yang dibuat oleh Tuan Speaker? Langsung tidak menyentuh kepada surat ini, kenapa? *Why did he mislead the House?*

Kenapa Tuan Speaker tidak dengan ikhlas menyatakan bahawa arahan saya adalah untuk mengangkat tangan. Kenapa? Kenapa *overruled* saya? Kenapa awak *overruled* diri sendiri? Kenapa *overruled*? Tuan Speaker dalam 10 Parlimen, bertambah sehingga 10. Tuan Speaker ini ada pengalaman yang luas. Pengalaman sebagai Tuan Speaker untuk 22 tahun. Dia harus di dalam kandang tertuduh, bukan saya.

Dia yang mengelirukan dan salah arahkan, yang mesti *misled this House*. Itu apa yang jadi? Itu apa yang kenyataan. Itu apa yang benar dan saya pegang keras dengan kebenaran, Tuan Speaker. Dan unsur-unsur *deliberate misleading*. Di mana apa yang saya buat adalah *misleading*. Jika saya ada salah arahkan *mislead this House*. Pada 17 hari bulan, hari itu Tuan Speaker boleh terus menyoal saya dan tidak berbuat demikian. Apa yang dia buat adalah ini, dua minggu selepas 17 Mei, sepucuk surat 1 Jun tahun ini.

*“Yang Berhormat Tuan Karpal Singh. Saya merujuk kepada celahan yang .....”*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, depan, depan.

**Tuan R. Karpal Singh:** Baru pakai oleh itu sudah lupa. *“Saya merujuk kepada celahan Yang Berhormat dalam Dewan Rakyat pada 17 Mei, Yang Berhormat telah bangun dan berkata seperti berikut:*

*“Tuan Speaker, bahawa the Statutory Declarations Act, satu keperluan untuk angkat tangan. Adakah susah untuk angkat tangan.”*

Satu keperluan, dia pun mengaku. Saya menyatakan perkataan ‘satu keperluan’.

*“Seterusnya Yang Berhormat berkata adakah perkara-perkara yang silap dibuat oleh Menteri-menteri yang tidak angkat tangan itu tidak sah. Oleh itu tidak sah untuk dia ada di Dewan yang mulia ini.*

*Saya telah menyemak Statutory Declarations Act 1960. Saya tidak dapat berjumpa sebuah proviso yang mensyaratkan seseorang kena mengangkat tangan semasa mengangkat sumpah atau ikrar dan jika orang itu tidak mengangkat tangan semasa bersumpah/ikrar, perbuatannya itu tidak sah.*

*Haraplah Yang Berhormat membuat satu penerangan di atas celahan Yang Berhormat itu kepada saya dengan segera. Kita tidak boleh membenarkan mana-mana ahli memesongkan (misdirecting) Dewan dalam apa-apa perkara.*

Langsung tidak menyebut arahan dia sendiri yang terkandung dalam surat bertarikh 8 April yang dihantar kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat.

Tuan Speaker mudah untuk saya jawab surat itu. Tidak ada masalah tetapi ini adalah satu perkara prinsip. Bolehkah seorang Speaker dua minggu selepas apa yang terjadi? Dan hari itu Tuan Speaker apabila ahli dari Kinabatangan telah bangun dan merayu kepada Tuan Speaker untuk mengambil tindakan ke atas saya mengenai perkataan binatang yang saya menggunakan atas dia pagi itu. Tuan Speaker ada mengatakan tidak boleh kerana itu pada masa tidak buat apa-apa habis. Bolehkah Tuan Speaker selepas dua minggu selepas kejadian hantar satu surat. Ini adalah apa harus dipertimbangkan. Siapa salah? Saya salah atau Tuan Speaker?

Ahli Yang Berhormat, apa yang harus dibuat adalah untuk *objectively* kerana apa yang terjadi kepada saya boleh terjadi kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat di sini. Boleh jadi. Oleh itu apa yang harus dibuat adalah mempertimbangkan keadaan di mana saya ada menyatakan apa yang jadi pertuduhan ke atas saya. Ini adalah

terpulang kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat. Jangan dengarkan, jangan dengarkan DAP, atau Barisan Nasional atau KeADILan atau PAS. Ini adalah bagi semua kami, semua kita sebagai Ahli Yang Berhormat tidak kira parti. Saya merayu kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat di sini untuk mengambil satu keputusan yang berani dan menolak usul ini kerana usul ini adalah remeh. Tidak ada apa-apa asas. Itu adalah terpulang kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ipoh Timur.

**5.15 ptg**

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ini persidangan Parlimen baru kali yang pertama dan apabila Parlimen bermula, kita semua harap, rakyat pun berharap bahawa ia akan menandakan satu bab yang baru iaitu Parlimen boleh ambil langkah-langkah untuk menjadikan Parlimen Malaysia sebagai *first world reform parliament* dengan izin, di mana kita akan menumpukan masa, tenaga, perbincangan terhadap isu-isu yang penting kepada rakyat jelata dan tanah air yang kita cintai.

Sekarang kita mahu bahas usul di hadapan kita. Apa reaksi rakyat jelata sama ada Parlimen yang mulia ini serius menunaikan tanggungjawab khasnya kerajaan baru di bawah Perdana Menteri yang baru, membawa negara kita kepada satu tahap *first world infrastructure first world mentality*, ataulah kita nampaknya mahu bincang, mahu putus satu perkara yang remeh-temeh? *After this prevail, after this frivolous* dengan izin *after this prevail, after this frivolous*. Kita boleh ambil satu pendekatan. Kita menghadapi usul ini dengan izin *strictly on party lines* kita boleh *party lines*. Oleh kerana inilah satu usul yang dikemukakan oleh Kerajaan, semua Barisan Nasional 198 – 100% sokong tidak kira sama betul atau tidak betul, tidak kira baik atau tidak baik.

Kita boleh ambil satu tindakan atau pendirian semacam ini atau pihak pembangkang kita kata tidak kira apa hujah-hujah kita bantah. Saya rela berdiri di sini kata, saya harap bahawa kita semua di sini tidak kira DAP, PAS, KeADILan atau Barisan Nasional ambil satu sikap kita buat keputusan sebagai Parliamenterian Malaysia. Sebagai *Malaysian Parliamentarian* bukan sebagai MP BA MP BN, MP DAP, adakah kita boleh faham konsep ini?

Kemungkinan ini bolehkah, mungkin daripada reaksi kita tahulah jawapan, tetapi saya masih harap dengan izin, *so long as there is hope I still hope that you can*

*get in the mind of MP's that such a thing as a Parliamentarian.* Ada masa kita anggap isu parti lain, *yes*. Parti lain. Oleh kerana dasar parti itulah kita ikut. Tetapi ada masa mengatasi, *above* parti lain dan perkara *privilege* Ahli Parlimen sama ada melanggar *privilege* atau tidak melanggar *privilege* bukan satu isu parti lain. Bukan satu isu seorang itu Barisan Nasional, PAS, DAP, KeADILan tetapi sama ada sebagai Ahli Parlimen beliau sudah melanggar hak keistimewaan Ahli Parlimen. Itulah *approach* yang kita perlu ambil dalam perkara ini.

Saya rela, terbuka kepada hujah-hujah kenapa Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor patutlah dirujuk kepada Jawatankuasa Hak dan Keistimewaan. Saya rela dengar. Saya rela *diconvince*. Saya rela buka fikiran saya apa sebab, adakah kita semua rela ada *approach* semacam ini. Atau *kangaroo court* atau sikap *kangaroo court*, tidak kira betul atau tidak betul itulah hantar dia, rujuk dia kepada *Committee of Privileges*, hantar dia kepada *Coventry*. Ya! Dengar itu. Ya! *Don't care* lah. Tak kisahlah.

Saya tahu ada orang semacam itu. Soalannya ialah berapa peratus. Berapa orang Ahli Parlimen ada sikap itu, tak kiralah. Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor salah tidak salah hantar kepada *Committee of Privileges* – 50%, 80%, 90% atau 100% semua Ahli Parlimen Barisan Nasional, saya tidak tahu. Saya harap bahawa masih ada orang sungguhpun kita ada perbezaan parti-parti politik, masih ada itu konsep keadilan, *the right and the wrong*, masih ada kita boleh membezakan betul atau tidak betul, putih atau hitam, adakah, saya tidak tahu. Mungkin saya, dengan izin, *being unreal*, itu satu mimpi. Saya sedia mimpi bahawa kita boleh sampai satu tahap daripada menjadi *cynic* bahawa *it is impossible. Everybody is a condemned case.*

Saya tidak mahu ambil satu sikap bahawa semua Ahli Parlimen *condemned*. Saya berharap kita semua boleh diselamatkan, *that we can be saved*, bukan sahaja Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional, Ahli-ahli Parlimen pembangkang pun ada isu-isu sebagai *parliamentarian*. Itulah *introduction* saya. Apa *approach*!

Kedua, adakah isu ini satu isu yang *substantive* yang perlu dengan izin, *seize the attention of the House* yang lebih penting daripada isu-isu yang lain. Dalam Dewan yang mulia ini kita ada banyak isu yang mustahak banyak masa untuk bincang – Laporan SUHAKAM (SUHAKAM Report). Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri kata boleh bahas, ada peluang, *supplementary estimate*, tidak ada, langsung tidak ada. Bukankah masa itu, yang kita sekarang mahu bincang Usul ini lebih penting

untuk digunakan untuk bincang SUHAKAM Report. Dalam SUHAKAM Report, hak asasi dan banyak isu yang begitu penting yang boleh menentukan sama ada Malaysia boleh menjadi *first world nation*, *first world infrastructure* dan *first world mentality* atau sebaliknya.

Sama ada isu mengenai kebebasan kehakiman, isu kenapa kita perlu menangani dalam tiga minggu, satu bulan. Semalam saya ada buat satu cadangan, mungkin kita perlu satu *royal commission Inquiry Independence of Judiciary*, bukan *Royal Commission of Inquiry*, satu *Royal, Royal Commission of Inquiry*. Kenapa *Royal, Royal Commission of Inquiry*. Oleh kerana pada hari Khamis, Sultan Perak, bekas *Lord President* pun ada buat ucapan mengenai keprihatinan beliau mengenai *winning influence, confidence independence of judiciary*. Mungkin lebih baik beliau mengetuai satu *Commission of Inquiry, Royal Commission of Inquiry* dan beliau sendiri Pengerusi, sebab itu *Royal, Royal Commission of Inquiry*, bukankah perkara ini lebih penting daripada apa yang ada di hadapan kita sekarang. Sama ada kita perlu ada satu *Royal, Royal Commission of Inquiry* untuk memenangi, untuk mendapat balik keyakinan sama ada rakyat Malaysia atau dunia mengenai, dengan izin, *truly independent judiciary and a just rule of law*.

Bukankah ini isu yang lebih besar daripada angkat tangan atau tidak angkat tangan. Angkat tangan atau tidak angkat tangan apa lebih mustahak. Apa mustahak *Royal, Royal Commission of Inquiry* atau angkat tangan atau tidak angkat tangan. Bukan sahaja *Royal, Royal Commission of Inquiry*, bukan sahaja itu, banyak perkara. Hari ini kita baca dalam surat khabar, apa dalam surat khabar? Lagi satu mangsa (*victim*) mangsa *snatch thief*. Kerani Nanyang Siang Pau, Chong See Cheng diragut, *victim*, mangsa ragut sekarang, *brain dead*, sudah meninggal dunia. Bukankah itu lebih mustahak daripada angkat atau tidak angkat tangan.

Bagaimana kita boleh meyakinkan orang ramai kepada 25 juta rakyat Malaysia bahawa kita bertanggungjawab, kita ikhlas, kita serius sebagai anggota *first world parliament*, adakah kita *10<sup>th</sup> world parliament*, adakah kita *kindergarten parliament*?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, cukuplah.

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Cukuplah Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya, saya boleh beri contoh, seratus contoh oleh kerana sekurang-kurangnya ada seratus contoh yang menunjukkan lebih penting daripada apa yang kita bincang.

**Beberapa Ahli:** [*Menyampuk*]

**Tuan Lim Kit Siang:** Mahu dengar, mahu dengar? Saya tahu tidak boleh dengar, sakit hati mereka. Mereka rasa malu. Sekurang-kurangnya mereka boleh rasa malu. *There is the hope*, masih ada harapan, *not totally condemned*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Cukuplah Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang di-Pertua, tadi sebenarnya dalam satu *exchange* dengan Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri, rang undang-undang mengenai maritim, betul Barisan Nasional dapat kejayaan yang cemerlang dalam *election* ini, lebih daripada 90% kerusi, tetapi *exercise* dengan bertanggungjawab. Sebab itu ada kata bahawa mustahak ialah mungkin kita perlu apa yang Lord Acton yang kata, "*Power tends to corrupt and absolute power corrupts absolutely.*"

Kalau kita tidak mahu tunjuk, tidak mahu memberi bukti yang menunjukkan bahawa Lord Acton benar tidak patutlah, kita perlu merela, kita patut rela untuk bincang Usul ini dari segi *parliamentarian*, bukan BN *parliamentarian* atau apa-apa.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita mahu seorang yang mungkin – Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor yang kata dia ada buat rujukan kepada undang-undang yang silap, tetapi bukan sahaja dia silap, Tuan Yang di-Pertua pun ada silap yang mengikut arahan beliau sendiri yang dikeluarkan kepada semua Ahli Parlimen untuk Mengangkat Sumpah bahawa itulah perlu angkat tangan. Kenapa sekarang menimbulkan isu ini, kalau Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor oleh kerana timbul perkara itu ada memesongkan Dewan yang mulia ini - silap, Tuan Yang di-Pertua pun silap, dia pun mahu memesongkan Dewan yang mulia ini. Kalau begitu, kalau kita mahu adil kita patutlah merujuk kedua-dua kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan, kedua-dua pergi kita tengok siapa silap dan silap besar atau kurang besar atau apa. Tetapi sekurang-kurangnya kita yang adil dan sebab itu saya akan kemukakan satu pindaan kepada Usul di hadapan kita yang tidak perlu notis di bawah Peraturan 26, 27, 30 yang ada berbunyi;

"Bahawa memasuki selepas perenggan kelima Usul yang asal perenggan yang berikut. Bahawa Dewan ini hendaklah menentukan

sama ada Yang di-Pertua Dewan telah memesongkan Dewan dengan memutuskan pada 17 Mei 2004 bahawa prosedur Mengangkat Sumpah tidak melibatkan peraturan mengangkat tangan kanan sebagaimana yang ditetapkan dalam lampiran A, notis kepada para Ahli Parlimen yang bertarikh pada 8 April 2004 yang dikeluarkan di bawah nama Setiausaha Dewan Rakyat dan ayat berikut selepas ayat terakhir perenggan terakhir Usul asal yang berbunyi:

Bersama-sama itu Jawatankuasa ini juga diminta jika didapati keputusan Yang di-Pertua Dewan memesongkan Dewan dengan memutuskan bahawa prosedur Mengangkat Sumpah tidak melibatkan peraturan mengangkat tangan kanan bertentangan langsung dengan notis yang diterima oleh semua Ahli Parlimen, Jawatankuasa ini hendaklah membuat syor dalam penyata yang sesuai mengenai perkara ini.”

Saya akhiri ucapan saya akan dengan rasmi kemukakan pindaan Usul ini, dan saya kemukakan satu Usul yang mengikut Peraturan tidak perlu notis.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, perkara ini atas Peraturan Mesyuarat yang mana satu?

**Tuan Lim Kit Siang:** Peraturan sendiri. *[Ketawa]* Belum belajar *Chapter 12, Lesson 12. [Meneliti buku Peraturan Mesyuarat]* Peraturan Mesyuarat 26(1) – “*Unless Standing Orders otherwise provide, notice shall be given of any motion which it is proposed to move with the exception of the following:*

- (a) *a motion by way of amendment to a question already proposed from the Chair”.*

Tidak payah memberi notis.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, saya ingin merujuk kepada Peraturan Mesyuarat 30.

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Maka saya ingin memutuskan ini bukan atas cadangan untuk membuat pindaan sebaliknya ia adalah sebagai satu tambahan, bukan cadangan pindaan-pindaan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Pindaan, pindaan kepada Usul itu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Bukan. Ini sebagai satu bahan tambahan bukan pindaan di bawah Peraturan Mesyuarat 30, dan saya putuskan ini tidak dapat diterima.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang di-Pertua belum betul-betul semak Usul itu, belum baca sudah tolak? Begitu cepat! Wah!! *At lightning speed.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Kalau Yang Berhormat bacakan tadi, Yang Berhormat sudah bacakan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Waah!! Sangat *lightning speed.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Saya sudah rujuk kepada Peraturan Mesyuarat 30. Yang Berhormat sendiri sudah bacakan, Yang Berhormat sendiri sudah baca tadi, sudah bacakan pindaan-pindaan sebagai pindaan. Saya anggap ini bukan pindaan, ia hanya sebagai satu cadangan tambahan kepada Usul, bukan pindaan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Bukan pindaan?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ini satu Usul baru.

**Tuan Lim Kit Siang:** Bukan Usul baru? Ini Usul untuk meminda apa yang ada di hadapan saya dan bukan saya, dengan izin, terperanjat dengan keputusan, bukan saya terperanjat dan saya rasa tiada sesiapa pun terperanjat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang:** Yang sebenarnya kalau kita mahu kemukakan dan bahas untuk menegakkan hak keistimewaan Dewan yang mulia ini, pagi ini saya ada kemukakan satu Usul, beri notis kepada Setiausaha dan Usul ini yang berbunyi:

“Bahawa Dewan ini merujuk *BERNAMA* dan *Utusan Malaysia* ke Jawatankuasa Hak dan Kebebasan supaya menyiasat sama ada kedua-dua telah memesongkan apa yang telah diperkatakan oleh Ketua Pembangkang dan Ahli Parlimen bagi kawasan Ipoh Timur di Parlimen pada 9 Jun 2004 dalam dua laporan utama, di muka depan di *Utusan Malaysia* iaitu pada 10 Jun 2004 di bawah tajuk, “Kit Siang persoal negara Islam. Ketua Pembangkang juga pertikaikan mengapa ketua kerajaan harus orang Melayu Islam”. Dan pada 11 Jun 2004 di bawah tajuk, “Jangan bermain api, Kit Siang harus henti soal Malaysia negara Islam – Hishamuddin”. Saya bacakan Usul ini. [*Dewan riuh*]



**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Ipoh Timur, adakah Usul ini ...

**Tuan Lim Kit Siang:** Ada bersangkutan-paut? Yes. Biar saya habiskan baca Usul ini dan saya akan tunjuk. [*Dewan riuh*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, itu lain.

**Tuan Lim Kit Siang:** Mengenai hak keistimewaan, bagaimana kita mengendali usul-usul hak keistimewaan dan Usul ini .... akhir ayat itu ialah ..

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Usul dibacakan Yang Berhormat ....

**Tuan Lim Kit Siang:** ...

“ Bahawa jangan cuba melabelkan Yang Berhormat Lim Kit Siang sebagai menentang Melayu dan menentang Islam menerusi laporan palsu mereka, bahawa beliau mencabar hakikat bahawa orang Islam yang menjadi Perdana Menteri dan mencadangkan tindakan sewajarnya yang harus diambil terhadap kedua-duanya itu”.

Kalau begitu, kalau usul *privileges*, dengan izin, perlu disegerakan maka kedua-dua usul ini patut dibahas.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, itu Usul yang berlainan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Bukan berlainan tetapi hak keistimewaan – *privileges* yang bersabit dengan keistimewaan Dewan yang mulia ini. Kenapa, Usul ini boleh dibahas, tetapi Usul ini tidak boleh dibahas?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang:** Kenapa pindaan tidak boleh diterima? Itulah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat boleh kemukakan Usul itu.

**Tuan Lim Kit Siang:** Hari ini saya kemukakan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Tetapi hari ini kita sedang bincangkan Usul yang berlainan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya tahu, ini menunjukkan *double-standard*, ini menunjukkan *double-standard* dan *double-standard* ini sentiasa ada dan kita harap dengan Dewan yang mulia ini, Parlimen yang mulia ini, *double-standard* diberhentikan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baik Yang Berhormat, cukuplah.

**Tuan Lim Kit Siang:** Kita tidak mahu keadaan di mana usul keistimewaan pihak kerajaan untuk merujuk ahli pembangkang boleh dibahas, boleh diputuskan tetapi *Privileges Committee* yang dikemukakan oleh pihak pembangkang tidak boleh dibahaskan. Apa ini? *Double-standard*, bukan? Bukankah ini *double-standard*?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Cukuplah Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya cukup, *double-standard* sehari pun cukup.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Cukuplah, cukuplah.

**Tuan Lim Kit Siang:** Harapan pun boleh cukup dan kalaulah apa yang berlaku kepada Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor itulah memesongkan Dewan yang mulia ini, bukan satu perkara yang begitu berat sehingga perjalanan Dewan dihalang. Kalau apa yang boleh disifatkan sebagai memesongkan Dewan ini boleh, patut dirujuk kepada Jawatankuasa Hak Keistimewaan, saya rasa mungkin majoriti di sini patutlah dirujuk kepada *Committee of Privileges*, termasuk Yang Berhormat Menteri sendiri.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri juga patut dirujuk kepada *Privileges Committee*. Kenapa? Oleh sebab apabila beliau menjawab dalam perbahasan *Royal Address* mengenai isu 18 *high-profile corruption cases* dia buat satu jawapan yang memesongkan Dewan yang mulia ini. Dia kata bahawa 18 *high-profile cases* tidak termasuk Eric Cheah, tidak termasuk Kasitah Gadam tetapi sangat nyata bahawa apabila Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim sebut mengenai 18 *high profile cases* ialah selepas Eric Cheah, selepas Kasitah Gadam didakwa dalam mahkamah, bukan sebelum tetapi selepas. Bukan sahaja 18 *high-profile cases* Yang Berhormat Menteri ada kata, Yang Berhormat Menteri juga kata antara 18 cases itu, 12 sudah dibawa ke mahkamah yang terdiri daripada dua orang bekas anggota EXCO, dua orang bekas Ahli Parlimen, dua orang dari Permodalan Nasional Berhad, seorang daripada Amanah Ikhtiar Malaysia, seorang *General Manager* Telekom, seorang *Municipal President*, Kangar dan seorang EXCO Perak.

Yang terbanyak ialah sebelum Dr. Rais Yatim membuat kenyataan itu, yang menunjukkan bahawa jawapan itu tidak benar, dan juga menunjukkan ada cubaan untuk *cover-up*, memesongkan Dewan yang mulia ini. Lagi satu contoh, bukti Yang Berhormat Menteri memesongkan Dewan yang mulia ini ialah kenyataan dalam Berita

Harian, Utusan Malaysia bertarikh 28 Mei 2004, satu minggu selepas jawapan Yang Berhormat Menteri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat, cukuplah.

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya, ya, itu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Hari ini kita bincangkan perkara berkaitan apa yang berlaku pada 17 Mei 2004. *[Disampuk]*

**Tuan Lim Kit Siang:** Bukan, ya, memesong, memesong. Kalau Yang Berhormat Menteri boleh memesongkan, kenapa kita mahu rujuk kepada Jawatankuasa.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat boleh cari satu peluang yang sesuai untuk membawa Usul.

**Tuan Lim Kit Siang:** Bukan, bukan. Ini peluang yang sesuai, ini peluang yang sesuai. *[Disampuk]* Dan saya mahu mengakhiri bahagian ini dengan memetik laporan Berita Harian yang menyatakan, "Bintulu. Badan Pencegah Rasuah sudah menyerahkan hasil siasatan ke atas 18 kes berprofil tinggi kepada Jabatan Peguam Negara. Ketua Pengarahnya, Dato' Zulkifli Md. Nor berkata, "Ini terpulang kepada Jabatan Peguam Negara untuk membuat pendakwaan berdasarkan bukti yang dikumpul oleh BPR atau sebaliknya".

Ini menunjukkan dengan jelas bahawa Yang Berhormat Menteri telah memesongkan Dewan yang mulia ini. Mungkin dia diberi maklumat yang silap dan kita tidak kata dia patut diheret ke *Privileges Committee*. Kita gentlemen, kita *gentlemen*, kita tahu kita boleh buat kesilapan tetapi kenapa begitu *vindictive* dan begitu *petty* yang mahu mengheret Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor kepada *Committee of Privileges*? Kalau dia patut pergi, Yang Berhormat sendiri mungkin akan mengakui sendiri yang dia akan pergi, sendiri pergi ke *Committee of Privileges* untuk menjawab "kenapa ada *cover-up* 18 kes *high-profile corruption*."

Bukan itu kes, banyak kes yang saya boleh sebut mengenai sisa-sisa toksik di Simpang Renggam. Yang Berhormat Timbalan Menteri bagi Port Dickson pun memesongkan Dewan yang mulia ini dengan kata, "tidak bahaya, tidak *hazardous*". Yang Berhormat bagi Batu Gajah, Yang Berhormat bagi Bandar Kuching telah pergi ke sana dan mendapati adalah jelas bahawa dia telah memesongkan Dewan yang mulia ini. Dia kata, "Semua peraturan sudah dibuat untuk menjaga tempat itu, tetapi tidak

ada orang yang menjaga tempat itu". Memesong, itu contoh, contoh. Bukan sahaja itu, banyak, nanti habiskan isu memesongkan ini. Saya buat satu contoh yang terakhir ...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya, satu contoh yang terakhir.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang:** Ini soal hak, hak-hak seorang Ahli Parlimen begitu penting.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Cukup Yang Berhormat, Yang Berhormat sudah banyak kemukakan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, cukuplah Yang Berhormat Ipoh Timur.

**Tuan Lim Kit Siang:** Akhir, akhir. Akhir contoh, akhir contoh ialah apa yang ada disebut jawapan di dalam Dewan yang mulia ini?

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Tuan Lim Kit Siang:** Jawapan di dalam Dewan yang mulia ini di mana Perdana Menteri, di mana Perdana Menteri? Memesong bukan dia sengaja bikin....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat. Cukuplah hanya contoh, sebagai contoh, contoh...

**Tuan Lim Kit Siang:** Mengenai Anwar Ibrahim, bahawa tidak ada buat laporan, kenapa tidak ada ambil, tidak ambil jawapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 31hb Mei? Kenapa, kenapa tidak ada ambil *statement* polis daripada beliau? Dia kata oleh kerana dia tidak ada buat polis *report*, ini menunjukkan Yang Berhormat daripada Seputeh, soalan dia, dia ada tulis surat kepada Perdana Menteri kata, ini tidak benar. Kita boleh kata ini memesongkan Dewan yang mulia ini. Kita boleh kata, patut mengheret Yang Amat Berhormat kepada *Committee of Privileges* - kita tidak. Bukan kita mahu cadang bawa menteri-menteri, bawa ke *Committee of Privileges* - jangan takut, jangan takut, jangan khuatir, kita tidak buat cadangan itu.

**Seorang Ahli:** *[Menyampuk]*

**Dato' Haji Noh bin Haji Omar:** *[Bangun]*

**Tuan Lim Kit Siang:** Boleh, boleh.

**Dato' Haji Noh bin Haji Omar:** Tuan Speaker, isu dia pendek sahaja. Saya hendak tanya Yang Berhormat sama ada waktu angkat sumpah, sesiapa yang tidak angkat tangan sah atau tidak angkat sumpahnya? Kesannya jauh, kalau tidak angkat tangan tidak sah angkat sumpah, maka dia tidak sah menjadi Ahli Parlimen, itu kesannya Yang Berhormat pergi jauh-jauh ini pasal apa? Isu dia, itu sahaja.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang di-Pertua sudah buat satu keputusan, bukan Tuan Yang di-Pertua tidak buat keputusan, kenapa mahu korek balik isu ini? Bukankah ada perkara dan isu yang lebih penting dalam tanah air kita?

**Beberapa Ahli:** [*Menyampuk*] Ya, ya.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Tidakkah? Ini *only thing that we can think about*, yang maha mustahak dalam Malaysia pada hari ini, pada masa ini pada kerajaan baru Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, adakah ini sebenarnya satu malu. Bukan sahaja kepada Dewan, kepada kerajaan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. *Mockery!* Dahulu Yang Berhormat daripada Batu Gajah *suspended*, gantung 6 bulan tanpa elaun, adakah Parlimen rasa bangga, adakah negara bangga dengan *autocratic, high-handed, undemocratic* tindakan semacam ini? Malu, di IPU malu di CPA, bukan di dunia kenapa kita begitu '*party vindictive*'. Mahukah kita lagi mulakan 11 Parlimen, mula dengan bab semacam ini?

Saya haraplah, saya harap bahawa kita mungkinlah ini sia-sia sahaja. Nasihat ini sia-sia sahaja, nasihat bahawa kita rela bertindak sebagai *parliamentarian*. Ada konsep *parliamentary convention*, ada konsep *parliamentary tradition* yang berbeza dan oleh kerana yang tersabit di sini bukanlah parti politik, bukan parti politik? Soalannya kita tidak mahu setiap perkara demi parti politik untuk buat keputusan, kalau kita buat keputusan untuk merujuk kepada *Committee of Privileges*, akhirnya untuk memangsakan Yang Berhormat dari Bukit Gelugor, ini adalah *great shame* kepada Parlimen, *great shame* kepada kerajaan ini, *great shame* kepada negara kita yang kita cinta.

Saya harap bahawa sama ada Yang Berhormat Menteri boleh atau tidak boleh tarik balik, saya tidak tahulah? Saya percaya mungkin suara begitu lantang oleh kerana mereka tahu dalam hati mereka ini adalah salah, *guilty conscience speaking*. Begitu banyak suara oleh kerana mereka tahu dalam hati ini salah, tidak betul, tidak baik untuk negara sebab itu mereka mahu *cover-up their conscience and yelling and shouting away*.

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Tuan Lim Kit Siang:** Tetapi kalau kita mahu *Committee of Privileges*, kita ada satu proses yang adil. Kita mengadakan satu *open public hearing Committee of Privileges*, oleh kerana semua *proceeding* dalam hak-hak asasi keistimewaan akhirnya perlulah dilaporkan kepada Dewan ini sebagai *verbatim report*. Kita ada *Standing Committee, PAC, House Committee, Standing Orders Committee*, patutlah semua *verbatim report* dikemukakan dalam Dewan ini. Kita perlu reformasi ialah *public hearing, public proceeding* untuk semua *Standing Committee* termasuk PAC (*Public Accounts Committee*), termasuk *Committee of Privileges*, termasuk *Standing Orders Committee*, tunjuk Parlimen *transparent, terbuka, open*, adakah kita rela?

Saya rasa ini bukan satu bab yang kita boleh rasa bangga, kita patut rasa malu. Sekian terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Johor Bahru.

**Tuan R. Karpal Singh:** *[Bercakap tanpa pembesar suara]* Bolehkah itu diputuskan, kita rujuk kepada...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat mahu ada Peraturan Mesyuarat ya?

**Tuan R. Karpal Singh:** Saya rujuk kepada Peraturan Mesyuarat 26 (1) khasnya ...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** 26?

**Tuan R. Karpal Singh:**

“26. (1) *Unless Standing Orders otherwise provide, notice shall be given of any motion which it is proposed to move with the exception of the following*”:

dan (p) menyatakan:

“(p) *a motion relating to a matter of privilege;*”

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat, 26?

**Tuan R. Karpal Singh:** 26 (1) (p) for Pulau Pinang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** (p)?

**Tuan R. Karpal Singh:**

“26.(1)(p) *a motion relating to a matter of privilege;*”

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Panjang?

**Tuan R. Karpal Singh:** Berdasarkan dengan peruntukan itu Tuan Speaker, adakah apa yang dicadangkan oleh rakan saya sebagai pindaan diterima?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Saya anggap ini bukan satu pindaan terhadap usul yang kita bincangkan.

**Tuan R. Karpal Singh:** *A motion relating to a matter of privilege?*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ini saya...

**Tuan R. Karpal Singh:** Ini bukan *privilege*? *A motion relating to a matter of privilege*, ini adalah pindaan kepada *motion* itu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ini kepada orang yang tidak sama, yang berlainan.

**Tuan R. Karpal Singh:** Hah?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat ini kepada saya, ini bukan pindaan terhadap Usul yang dibentangkan oleh Menteri sebentar tadi.

**Tuan R. Karpal Singh:** Ini adalah pindaan kepada Usul itu? Tuan Speaker pun terlibat bagaimana yang saya utarakan tadi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Pada saya tidak kena, pada saya ini bukan satu pindaan terhadap Usul yang dibentangkan oleh Menteri.

**Tuan R. Karpal Singh:** Terpulang kepada Tuan Speaker, tetapi dalam pandangan saya, *it comes - within 26(1) ...*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ini keputusan sayalah, keputusan saya. Yang Berhormat Johor Bahru.

#### **7.49 mlm.**

**Dato' Shahrir Abdul Samad [Johor Bahru]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil bahagian dalam membahaskan tentang Usul yang telah dibawa oleh Perdana Menteri berhubung dengan peristiwa yang telah berlaku pada 17 Mei yang lalu. Sebenarnya kalau saya fikirkan kembali kepada hari itu selepas saya 14 tahun keluar Dewan. Saya agak terperanjat apabila melihat atau mendengar suara yang lantang, yang dikeluarkan menegur tentang soal angkat tangan dan tidak angkat tangan ketika Ahli-ahli Yang Berhormat sedang mengangkat sumpah mereka.

Rasa saya tentulah soal itu satu soal yang remeh dan temeh sehinggakan saya pelik mengapa seorang Ahli Parlimen, Ahli Dewan Rakyat yang begitu *senior* bukan sahaja dari segi pengalamannya dalam Dewan tetapi juga sebagai seorang peguam yang terkenal dan masyhur, sudi pula untuk bangun mencelah, menggertak dan pada saya mengugut Dewan, kita semua Ahli Parlimen menunggu giliran untuk mengangkat sumpah. Soalnya, angkat tangan, tidak angkat tangan.

Mengapa, saya pun tidak faham. Perkara yang begitu enteng seperti angkat tangan boleh membuatkan seorang Ahli Parlimen yang saya percaya mempunyai minat yang tinggi, kesayangan yang mendalam kepada soal demokrasi, kepada soal Parlimen, kepada soal undang-undang, saya hairan mengapa tergamak hendak mencelah, hendak menggugat dan hendak mengugut sebenarnya, hendak mengugut!

Proses mengangkat sumpah, itu yang remeh dan temeh. Bukan apa yang kita bincangkan hari ini yang remeh dan temeh. Yang remeh dan temeh, saya rasa ialah mengapa dalam keadaan ketika itu, belum pun kita duduk dalam sebagai sebuah Dewan yang terbentuk, yang tersusun, yang sempurna, masa angkat sumpah itu pun hendak dikacau dan hendak diganggu-gugat.

Mungkin saya 14 tahun di luar Dewan, mungkin saya lebih '*cool*'lah berbanding dengan Ahli Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor yang hanya satu tempoh sahaja di luar Dewan. Mungkin kerana saya pun bukan seorang peguam, sebab itu saya tidak cepat melenting kerana lambat sedikit memikirkan tentang undang-undang atau akta yang hendak saya lemparkan sebagai hujah saya, hendak mencelah ketika itu. Saya bukan seorang peguam, bukan seperti Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor ataupun Yang Berhormat bagi Ipoh Timur, jurusan saya hanya perangkaan, yang remeh-temeh yang saya lihat, yang saya campur-campurkan jadi perangkaan, itulah bidang pengkhususan saya di peringkat universiti.

Oleh sebab itu mungkin saya merasakan pelik mengapa satu perkara yang remeh dan temeh, soal angkat tangan ini hendak diperbesarkan sehingga bangun menggemparkan Dewan di hadapan semua Ahli Parlimen, di hadapan semua dif-dif kehormat, semua jemputan, dengan televisyen dan dengan *cameraman*. Kalau saya ini berniat jahat, buat sangkaan jahat, ini cari publisiti murah sahaja. [*Tepuk*] Jangan tepuk!

Tetapi saya tidak ada sangkaan jahat dan saya rasa bukan untuk mencari publisiti kerana Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor sudah terkenal dan tidak perlu dia



mencari publisiti murahan. Tetapi mungkin kerana dia sayangkan undang-undang, dia rasa ada benda yang tidak betul tetapi malangnya seperti Ahli Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor, saya pun sama juga, saya pun tidak baca surat 8 April yang dikatakan dalam lampirannya angkat tangan kalau hendak mengangkat sumpah.

Jadi, sepatutnya kalau kita ini hendak bertindak atas fakta semasa kita mencelah, kita bangunlah atau hantar nota, "Tuan Yang di-Pertua, ikut lampiran kepada surat 8 April, semua mesti angkat tangan". Ini tidak, kita sebut, "Eh, *Statutory Declarations Act*, alamak! Saya ini orang tidak belajar undang-undang, terperanjat juga. Ini tentu perkara yang besar ini.

Tetapi dalam apa yang saya tahu, soal hendak angkat tangan, tidak angkat tangan sebenarnya tidak penting, memang betul, enteng, remeh-temeh dan kita menggunakan masa tambahan Dewan ini bukan kita bincangkan soal angkat tangan, kita membincangkan sebenarnya mengapa harus kita tidak meneruskan hubungan kebiasaan. Mengapa tidak dalam soal kita hendak menjadi orang dunia pertama ini, apabila orang tulis surat, kita jawab surat, kalau kita silap, kita minta maaf. *[Disampuk]* Habis, habis! *[Ketawa]*

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Dato' Shahrir Abdul Samad:** Mengapa, mengapa tidak? Ini dunia pertama kalau hendak dikatakan dunia pertama. Soal prinsip, soal ini kadang-kadang kita pun tidak tahulah apa benda prinsip-prinsip ini, prinsip apa ini? Semuanya prinsip. Tetapi apabila di dalam membincangkan sesuatu perkara itu, ditambahkan perkara lain, ditambahkan itu, ditambahkan ini, sampai makan pun sakit perut. *[Ketawa]*

Takkanlah tidak boleh kita jangan buang masa yang lain, Tuan Yang di-Pertua, kita tumpukan kepada soal. Saya sebenarnya bersetuju perkara ini tidak payah sampai ke sini. Jawab surat sahaja! Jawab surat. *[Disampuk]* Apa *problemnya?* Adakah semata-mata supaya hendak ditimbulkan kononnya satu prinsip yang begitu penting bahawa kita ini tidak boleh dirujuk kepada Jawatankuasa Hak dan Keistimewaan kerana perkara ini enteng, kita ada banyak lagi perkara hendak dibincangkan, tentang Iraq, tentang *nuclear war*, tentang pelbagai perkara.

Memanglah, tugas kita akan berterusan, tanggungjawab kita akan berterusan, insya-Allah, kalau boleh kita hendak selesaikan semua masalah negara dan dunia dalam tempoh sesi yang lima tahun ini, kalau boleh. Tetapi masalah tetap akan berterusan. Malangnya kita buang masa pada hari ini, membahaskan tentang satu

keadaan di mana seorang rakan kita ini tidak suka hendak tulis surat. Dia lebih suka hendak jawab dalam akhbar. Kalau tidak kita ini sudah balik ke kawasan. *[Disampuk]*

Sebenarnya, kalau sayalah, pada sayalah, saya tidak hendak banyak cakap dari segi fakta ini, dari segi fakta itu, dari segi Perlembagaan, peraturan, ini dari segi manusia. Kita buat kesilapan, tetap buat kesilapan. *[Disampuk]* Betul!

**Puan Chong Eng:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam.

**Puan Chong Eng:** Tuan Yang di-Pertua, biasanya dalam Dewan ini kalau ada sesiapa yang buat silap, Tuan Speaker datang ke Dewan ini dan beritahu Yang Berhormat berkenaan bahawa itu adalah silap dan meminta supaya ditarik balik ataupun meminta maaf. Mengapa Tuan Speaker tidak buat macam itu? *[Disampuk]* Tulis surat itu adalah bukan perkara yang biasa berlaku di dalam Dewan ini seperti Yang Berhormat Timbalan Menteri hari itu, dia sendiri minta maaf kerana dia *mislead the House*.

Saya rasa kalau Tun Speaker ada masuk ke Dewan ini dan meminta Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor bahawa Yang Berhormat telah membuat satu kesilapan sama ada dia minta maaf ataupun tarik balik, saya rasa dia akan buat. *[Disampuk]* Mengapa hendak tulis surat pula?

**Dato' Shahrir Abdul Samad:** Inilah, kita akan berhujah seperti ini. Betul, saya tahu Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri dia meminta maaf kepada Ketua Pembangkang bila dia buat silap, *simple!* Ini orang akan buat silap. Tetapi proses pertama, mengakulah kesilapannya. Kedua, ...

**Tuan R. Karpal Singh:** Tidakkah Tun Speaker sendiri buat silap?

**Puan Chong Eng:** *[Menyampuk]*

**Tuan R. Karpal Singh:** Bila saya mencelah, bukankah kewajipan dia untuk merujuk kepada surat dia sendiri, bukan *over rule* sendiri, apa yang dia buat dia *over rule*, apa yang dia arahkan? Siapa silap dan siapa harus meminta maaf? Saya atau dia? *[Dewan gamat seketika]*

**Beberapa Ahli:** *Bising]*

**Dato' Shahrir Abdul Samad:** Saya nampak betullah, kita ini tidak hendak mengaku kita silap.

**Beberapa Ahli:** Ya.

**Dato' Shahrir Abdul Samad:** Kita manusia biasa. Saya pun pernah buat silap, saya minta maaf. Kalau tidak hendak buat silap pun, saya.....

**Seorang Ahli:** *[Menyampuk]*

**Tuan R. Karpal Singh:** Rela untuk minta maaf?

**Dato' Shahrir Abdul Samad:** Tanya dialah.

**Tuan R. Karpal Singh:** Jika dia minta maaf atas kesilapan dia. Saya rela untuk minta maaf atas kesilapan saya. Habis. *[Tepuk]*

**Beberapa Ahli:** Ya.

**Dato' Shahrir Abdul Samad:** Tuan Yang di-Pertua, .....

**Tuan R. Karpal Singh:** Sekarang boleh?

**Dato' Shahrir Abdul Samad:** Tuan Yang di-Pertua, .....

**Tuan R. Karpal Singh:** Boleh selesai perkara ini sekarang?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat, .....

**Tuan R. Karpal Singh:** Tidak ada masalah. *[Dewan gamat seketika]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, .....

**Tuan R. Karpal Singh:** Saya ingat, Jerai pun bersetuju.

**Dato' Shahrir Abdul Samad:** Teruskan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Teruskan Yang Berhormat bagi Johor Bahru.

**Tuan R. Karpal Singh:** Jika perkara ini perkara kecil, ini boleh diselesaikan di sini. Kesilapan saya, kecil sahaja.

**Puan Chong Eng:** Dia sudah akui. *[Menyampuk]*

**Tuan R. Karpal Singh:** Kesilapan Tun Speaker besar. Kerana dia *over rule* bukan diri sendiri. Dia *over rule* semua Speaker yang ada mengarahkan, seperti mana dia mengarahkan.

**Seorang Ahli:** Panggil Tun, panggil Tun, dia ada di sini.

**Tuan R. Karpal Singh:** Sekarang boleh? Boleh selesai? *[Dewan gamat seketika]*

**Dato' Shahrir Abdul Samad:** Ini yang.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, .....

**Tuan R. Karpal Singh:** *[Masih menyampuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, ...

**Dato' Shahrir Abdul Samad:** Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua, .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Sila, sila.

**Dato' Shahrir Abdul Samad:** Ini yang sedap. Masa kita bangun mencelah, kita tidak tahu pasal surat 8 April. Patut kalau kita tahu, kita bangun. "Eh, ini Tuan Speaker, surat 8 April, yang itu, bukan *Statutory Declarations Act*.

**Tuan R. Karpal Singh:** Jika saya lupa mengenai surat itu, bolehkah dia lupa? *[Pembesar suara dipadamkan]* Bolehkah dia yang mengarahkan penghantaran surat itu kepada bukan seorang saya sahaja, 219 Ahli-ahli Yang Berhormat, yang dia mengarahkan untuk buat apa yang ada di dalam Lampiran H. Siapa? Di mana kesilapan besar? Pengalaman 22 tahun sebagai Speaker, pengalaman sebagai hakim saya ingat lebih kurang sembilan tahun. Pengalaman sebagai peguam lebih kurang 15 tahun. Mana dia sekarang? Dia berani, dia keluar. Boleh, kami selesaikan di sini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat, Yang Berhormat, .....*[Cuba menenteramkan Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor]*

**Dato' Shahrir Abdul Samad:** Inilah. Tuan Yang di-Pertua, saya tidak nampak suasana ini membantu. Saya fikirkan, bahawa kalau kita ini buat kesilapan, kita minta maaf.

**Seorang Ahli:** Minta maaf. Haa, itu saja.

**Dato' Shahrir Abdul Samad:** Janganlah pula, haa ini.....

**Puan Chong Eng:** *[Bangun]*

**Dato' Shahrir Abdul Samad:** Bagi *chancelah*, saya tidak akan menjerit-jeritlah kalau Yang Berhormat bercakap nanti. Saya tidak menjerit, sabar. Kalau minta maaf. Saya ini, kalau dengar suara wanita ini, saya takut sedikit. Jadi, mengganggu. Jadi, .....*[Ketawa]*

**Puan Chong Eng:** Ini, *sexy* di sini. *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Seputeh.

**Seorang Ahli:** Tidak hendak balik ini.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Johor Bahru. Tadi, Yang Berhormat berkata perkara yang senang sekali adalah untuk menjawab surat daripada Speaker. Saya sebenarnya, seperti apa yang ditunjukkan oleh Ketua Pembangkang tadi, bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga telah *misleading* Dewan ini dengan jawapan yang diberi kepada saya.

Saya sudah tulis surat aduan kepada dia dan juga saya tidak buat macam apa yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat merujuk kepada Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor ke *Privileges Committee* dan saya masih tunggu jawapannya. Tetapi sampai sekarang, saya pun tidak terima jawapan daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Bukankah ini satu contoh yang buruk kepada kita semua ini? Jadi, dengan *standard* macam itu, dan Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor tidak patut jawab surat kepada Speaker.

**Dato' Shahrir Abdul Samad:** Huh? Apa logik itu? *[Ketawa]* *[Dewan gamat seketika]* Saya kadang-kadang ini, susah hendak faham logik itu sebab saya selalu bergaduh dengan isteri saya di rumah. *[Ketawa]* Saya minta maaf. Tetapi, soalnya yang di hadapan kita ialah soal Ahli Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor. Saya teringat keadaan dan suasana ketika mengangkat sumpah. Saya masih ingat.

**Tuan R. Karpal Singh:** Saya ingat keadaan pada 17 Mei, apabila angkat sumpah. Adakah ingat mengenai keadaan di antara 17 Mei sehingga 1 Jun, kenapa Tun Speaker senyap, tidak buat apa-apa? Tidak dapat penjelasan daripada saya secara lisan atau menulis surat. Kenapa dia tulis surat dua minggu selepas itu? Dalam dua minggu ini, saya ada di Dewan ini mengkritik dia kerana dia mendapat *legal advice*, mendapat nasihat mengenai usul yang dibawa oleh Ahli Yang Berhormat bagi Ipoh Timur.

Usul mengenai ketidakpercayaan dalam Pengerusi Suruhanjaya Pilihan Raya, Tan Sri Abdul Rashid, tiada kritik dia kerana dia tidak ada hak untuk mendapat penjelasan atau nasihat kepada eksekutif. Peguam Negara adalah penasihat kepada eksekutif di bawah Perkara 145, Bahagian Ketiga. Ini Parlimen, malu. Malu, dia dapat nasihat daripada eksekutif. Ini *legislature, separation of power, legislature, executive* dan *judiciary*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat, perkara itu telah pun diputuskan.....

**Tuan R. Karpal Singh:** Bukan itu, bukan itu. Adakah Tuan Speaker itu motif, yang dihadapi, kerana saya hentam dia. Oleh itu, selepas saya mengkritik dia, baru dia bangun, dia bangun selepas dua minggu, ingat dia orang tua, harus dia bersara. Kenapa tidak dengan serta-merta aniaya saya pada 17 Mei. Orang itu sudah tua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, .....

**Tuan R. Karpal Singh:** Harus bersara.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat....

**Tuan R. Karpal Singh:** Barangkali Jerai boleh mengambil alih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat, .....

**Tuan R. Karpal Singh:** Tuan Speaker, .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Tidak eloklah Yang Berhormat.

**Tuan R. Karpal Singh:** *No*, saya mahu dapat penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, .....

**Tuan R. Karpal Singh:** Bukan tidak elok, ini fakta. Ini, apa yang benar. Jika tidak layak, dan hari itu apabila Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong bertitah, saya nampak Tuan Speaker di sana, dia tidur.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, .....

**Tuan R. Karpal Singh:** Orang.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, .....

**Tuan R. Karpal Singh:** .... yang tidak layak, lebih baik letak jawatan bersara.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, ....

**Tuan R. Karpal Singh:** Hormati maruah sendiri.

**Dato' Shahrir Abdul Samad:** Bersabarlah!

**Seorang Ahli:** Ya.

**Dato' Shahrir Abdul Samad:** Mengapalah kita ini sudah jadi peribadi sangat ini?

**Beberapa Ahli:** Ya.

**Dato' Shahrir Abdul Samad:** Sabarlah. Kata orang tua-tua.....

**Tuan R. Karpal Singh:** *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

**Dato' Shahrir Abdul Samad:** Kenapa? Janganlah marah sangat.

**Tuan R. Karpal Singh:** *[Menyampuk] [Bercakap tanpa pembesar suara]*

**Beberapa Ahli:** Alah!....

**Dato' Shahrir Abdul Samad:** *[Ketawa] [Dewan gamat seketika]*

**Tuan R. Karpal Singh:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Cukuplah Yang Berhormat.

**Dato' Shahrir Abdul Samad:** Saya tidak beri laluan. Jangan main-main, saya tidak beri laluan. Duduk.

**Tuan R. Karpal Singh:** [*Masih bangun*]

**Seorang Ahli:** Duduk!

**Dato' Shahrir Abdul Samad:** Duduk!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor.....

**Beberapa Ahli:** Duduk! [*Dewan riuh-rendah*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat, .....

**Dato' Shahrir Abdul Samad:** Saya minta maaf. Saya tidak bagi laluan.

**Tuan R. Karpal Singh:** [*Bercakap tanpa pembesar suara*]

**Seorang Ahli:** Apa ini? He is a lawyer ....

**Dato' Shahrir Abdul Samad:** Betul.

**Dato' Shahrir Abdul Samad:** Saya, kalau saya mengundi.....

**Tuan R. Karpal Singh:** [*Menyampuk*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, ....

**Dato' Shahrir Abdul Samad:** ....dan menyokong, saya tidak ada masalah dengan *conscience* saya fasal saya nampak, saya dengar, apa. Ooh, itulah pula. *You are my judge whether I have a conscience or not? You judge, you decide...*

**Tuan R. Karpal Singh:** [*Menyampuk*] [*Bercakap tanpa pembesar suara*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, ....

**Dato' Shahrir Abdul Samad:** Minta maaf Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan R. Karpal Singh:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor.

**Dato' Shahrir Abdul Samad:** Tuan Yang di-Pertua, minta maaf.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat....

**Seorang Ahli:** Duduklah.

**Dato' Shahrir Abdul Samad:** Manalah Ahli Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor boleh tahu sama ada saya ada *conscience* atau tidak?

**Beberapa Ahli:** [*Menyampuk*]

**Dato' Shahrir Abdul Samad:** Kalau saya tidak sokong dia, saya tidak ada *conscience*.

**Beberapa Ahli:** Haa. [*Ketawa*]

**Dato' Shahrir Abdul Samad:** Dia seorang sahaja ada *conscience*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, ....

**Tuan R. Karpal Singh:** [*Bangun*]

**Dato' Shahrir Abdul Samad:** Minta maaf, duduk!

**Beberapa Ahli:** Duduklah! [*Dewan gamat seketika*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat, .....

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Duduklah! Apa ini?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Bukit Gelugor.

**Beberapa Ahli:** [*Menyampuk*] [*Dewan gamat seketika*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, .....

**Dato' Shahrir Abdul Samad:** Siapa makan ludah sendiri? Siapa makan ludah sendiri? Siapa makan ludah sendiri?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat.....

**Tuan R. Karpal Singh:** Siapa lompat?

**Dato' Shahrir Abdul Samad:** Siapa lompat?

**Tuan R. Karpal Singh:** [*Menyampuk*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Cukup, cukup Yang Berhormat.

**Seorang Ahli:** [*Menyampuk*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Duduk!

**Beberapa Ahli:** Duduk, duduk.

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** ***Hai duduklah Gelugor!*** [*Dewan gamat seketika*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat.....

**Dato' Shahrir Abdul Samad:** Saya.....

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Kacau Dewan sahajalah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat....

**Dato' Shahrir Abdul Samad:** Tuan Yang di-Pertua, ....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baik.



**Dato' Shahrir Abdul Samad:** Saya rasa, kita mempunyai seorang yang *historical*.

**Beberapa Ahli:** Ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, perlu mematuhi Peraturan Mesyuarat.

**Dato' Shahrir Abdul Samad:** Semasa Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor berucap, saya tidak kacau. Tidak ada siapa yang kacau.

**Seorang Ahli:** Betul.

**Dato' Shahrir Abdul Samad:** Ini, kalau sedikit semua hendak kacau, macam mana?

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Bila hendak selesai?

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Dato' Shahrir Abdul Samad:** Kenapa? Bila kita hendak selesai?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat.....

**Dato' Shahrir Abdul Samad:**....daripada satu perkara, daripada mengatakan orang ini tua, patut pencen yang itu, dengan sindiran peribadi....

**Tuan R. Karpal Singh:** *[Bercakap tanpa pembesar suara] [Menyampuk]*

**Dato' Shahrir Abdul Samad:** Apa benda?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, ada Peraturan Mesyuarat.

**Dato' Shahrir Abdul Samad:** Apa benda?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Peraturan Mesyuarat. Yang Berhormat, Yang Berhormat., ....

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Peraturan Mesyuarat duduklah! Bukit Gelugor, duduk.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Peraturan Mesyuarat, Johor Bahru, Bukit Gelugor, ya, kedua-dua duduk.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Apakah Bukit Gelugor?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Hah, duduk. Peraturan Mesyuarat.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Saya hendak rujuk Peraturan Mesyuarat 36(4) ataupun mana-mana yang boleh diguna pakai *[Ketawa]*, menggunakan bahasa yang kurang sopan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, cukup, cukup Yang Berhormat. Bukit Gelugor ....

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Menggunakan perkataan orang tua .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Hah, cukup, cukup.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Saya minta Bukit Gelugor tarik balik!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Cukuplah Yang Berhormat.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Tarik balik!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Larut cukup, sila duduk.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Hah, tarik baliklah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Larut, sila duduk.

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Minta tarik balik, sungguh kurang sopan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Larut, cukup.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Saya minta Bukit Gelugor mematuhi sebagai seorang Ahli Parlimen yang berpengalaman dan *lawyer*, peguam yang begitu lama, Peraturan Mesyuarat sila dipatuhi. Yang Berhormat, bila Yang Berhormat bagi Johor Bahru tidak beri laluan Yang Berhormat perlu duduklah.

**Tuan R. Karpal Singh:** Tak masalah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Semasa saya membuat teguran, Yang Berhormat perlu duduk juga, jadi saya mintalah supaya mesyuarat kita dapat berjalan dengan sempurna, sila duduklah, terima kasihlah, sila duduk. Johor Bahru sambung.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Tidak tarik baliklah?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Cukuplah Larut, cukuplah, cukup.

**Dato' Shahrir Abdul Samad:** Tuan Yang di-Pertua, inilah sebenarnya sebabnya kita melihat perkara yang remeh temeh tentang angkat tangan ini, dijadikan

satu isu yang besar semata-mata kerana emosi, emosi, keangkuhan, kalau kita lihat kepada Amerika Syarikat memanglah dia negara besar, dia buat kesilapan dia tidak minta maaf dan kita kata dia angkuh. Inilah sebabnya kalau kita angkuh, kita tidak mahupun mengaku salah, kita kata orang lain lebih salah daripada kita kalau orang tidak sokong kita, orang itu tidak ada *conscience*, macam mana? Inilah *standard* yang hendak kita ikut.

Saya sebenarnya pada mulanya rasa ada simpati sikitlah kepada rakan saya daripada Bukit Gelugor tetapi setelah melihat dan mendengar emosinya yang begitu kuat, mengaitkan semualah kalau boleh, kalau dia hendak jatuh ke longkang dia hendak tarik semua orang kalau boleh. Saya rasa bukan cara begitu sepatutnya sebagai peguam yang berpengalaman, yang *senior* dan saya tahu tentang soal kemahirannya dalam mahkamah, Dewan bukan mahkamah, Dewan ialah tempat di mana kita memajukan kepentingan ramai, bukan kita hendak mengambil kesempatan untuk mencaci orang ini kerana dia tua, mencaci orang itu kerana kononnya ikut tafsiran politiknya dia melompatlah itu dan sebagainya. Buat apa?

Jadi kalau awalnya saya rasa adanya simpati apabila saya sudah dituduh dan dikatakan saya tidak mempunyai *conscience* lagi, saya hendak beri jaminan kepada Yang Berhormatlah daripada Bukit Gelugor bahawa *conscience* saya tetap *clear*, [*Tepuk*] tetap, [*berasa terharu*] saya minta maafah kepada Yang Berhormat daripada Bukit Gelugor kerana biasanya saya tidak kata orang, orang lebih tua daripada saya dengan begitu kasar tetapi saya pun sama muda sikitlah saya daripada Yang Berhormat daripada Bukit Gelugor.

Tetapi sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, tidak ada siapa yang boleh mengatakan bahawa dialah yang memiliki dan menjaga *conscience* pihak lain. Kita tahu apa yang kita lakukan dan saya lihat apa yang telah berlaku dan sebagai manusia biasa saya menerima hakikat kita ada buat silap *and it takes a brave man to say that you are wrong and say sorry, takes a brave man*. Soal takut hendak dirujuk untuk *suspension* ke apa ke tak menjadi hal dan memanglah lebih mudah kalau kita mengatakan, "Oh! saya memang salah, tetapi yang itu pun salah, patut juga dibawa ...," dikaitkan semua orang tetapi yang pokoknya isu yang di hadapan kita ialah isu yang telah berlaku pada 17 Mei 2004 yang mana saya saksikan dan saya rasa kalau satu ketika saya hendak dengar sahaja, kalau dengar sahaja ucapan minta maaf

daripada Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor kita tutup cerita ini. Saya hendak pun cakap tidak ulangkanlah.

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya cuma hendak minta penjelasan, apakah dengan merendahkan diri akan tinggi darjat seseorang itu atau rendahnya sikap seseorang itu kalau menyuarkan suaranya, terima kasih.

**Dato' Shahrir Abdul Samad:** Tuan Yang di-Pertua, malangnya saya rasa sukar untuk kita memperkenalkan apa-apa falsafah kepada rakan kita di sebelah sana, memanglah saya mengakui bahawa lebih berani ya, begitu berani seseorang itu kalau dia menghadapi tindakan daripada pihak jawatankuasa dan sebagainya. Tetapi keberanian yang lebih ialah apabila kita mengaku bahawa kita silap dan kita minta maaf, ya Yang Berhormat.

**Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri [Dato' Haji Noh bin Haji Omar]:** Saya hendak betulkan kenyataan Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam, waktu saya bangun minta maaf kepada Ketua Pembangkang pada masa itu tidak ada siapa pun arah saya untuk minta maaf. Speaker pun tidak suruh saya minta maaf, tetapi bila saya sudah sedar, saya tersilap jawab, saya berasa tidak ada ruginya saya meminta maaf kerana saya sedar saya sudah tersilap cakap, saya minta maaf.

Jadi tidak perlu kita harap Speaker arah kita minta maaf, ataupun mesti orang lain arah kita baru kita minta maaf.

Saya percaya sebagai manusia biasa kita ada kelemahan, apa salah, kalau kita minta maaf, kalau kita tidak ada sikap bongkak dan sombong, terima kasih.

**Dato' Shahrir Abdul Samad:** Tuan Yang di-Pertua, apabila kita menganggap diri kita sebagai mempunyai *conscience*, saya sudah beri tandingan, kalau boleh tidak, .....

**Tuan R. Karpal Singh:** [*Bangun*]

**Seorang Ahli:** Tidak payahlah. Sudahlah. [*Dewan riuh*]

**Dato' Shahrir Abdul Samad:** Nanti di luar Dewanlah, di luar Dewan.

**Beberapa Ahli:** Ya, di luar Dewan. Duduklah.

**Dato' Shahrir Abdul Samad:** Minta maaf, minta maaf, senang sahaja saya minta maaf, minta maaf. Tuan Yang di-Pertua, ....

**Tuan R. Karpal Singh:** [*Masih berdiri*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Cukuplah Yang Berhormat. Dia tidak benarkan.

**Seorang Ahli:** Sudahlah! Duduklah!

**Dato' Shahrir Abdul Samad:** Tuan Yang di-Pertua, ...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baik.

**Dato' Shahrir Abdul Samad:** Inilah yang masalah, pokok masalahnya ialah bahawa sebenarnya kita rasakan kita ini mempunyai kelebihan, keistimewaan kita sahaja yang betul, ini yang susah hendak kata *I am sorry*, saya minta maaf, saya tersilap, benda ini adalah satu perkara yang mudah, kerana soal angkat tangan memang remeh temah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam.

**Dato' Shahrir bin Abdul Samad:** Saya tidak bagi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Tidak beri.

**Dato' Shahrir Abdul Samad:** Saya rasa ada rakan-rakan lain yang akan berucap dan Yang Berhormat dari Bukit Mertajam akan dapat mencelah. *One last time*, bolehkah? *[Ketawa]* Semua geleng kepala, minta maaf.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Cukuplah, cukup.

**Dato' Shahrir Abdul Samad:** Bagaimana saya sayangkan Yang Berhormat Bukit Mertajam pun tetapi saya terpaksa minta maaf, masa itu saya lebih. Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baik, sudah habis.

**Dato' Shahrir Abdul Samad:** Saya nak habiskan ucapan saya ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baik-baik, teruskan.

**Dato' Shahrir Abdul Samad:** Saya hendak habiskan ucapan saya, saya memang hendak merujuk kepada apa yang Yang Berhormat Timbalan Menteri baru menyatakan sebentar tadi, bahawa sebenarnya saya pun kagum Timbalan Menteri, seorang Timbalan Menteri boleh bangun minta maaf kepada Ketua Pembangkang. *[Tepuk]* Kerana ini memang sebenarnya bukan soal Barisan Nasional, bukan soal DAP, bukan soal PAS – bukan. Ini soal kita sebagai Ahli Parlimen, menteri pun tidak ada ini. Ah! seorang menteri dari Jabatan Perdana Menteri, pun kita tidak takut, kita semua sebenarnya membincangkan tentang soal diri kita sebagai Ahli Parlimen iaitu

kalau kita sudah silap, bangun, minta maaf, ini kaitkan isu ini, kaitkan isu sana, kata orang itu tua, patut pencen. Ehh!

Bagaimana kita ini kalau sebagai seorang Ahli Parlimen kita menghina lagi. Kita menghina. Betullah, dia sudah tua, siapa tidak tahu dia tua? Saya tahu Tuan Yang di-Pertua pun tua. Saya pun tahu yang Ahli Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor pun tua, tetapi itu tidak menjadi masalah kepada saya, saya tetap menghormatinya.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, kalau hendak memudahkan perkara ini, kita ini menyelesaikan di peringkat kita sebagai Ahli Parlimen, bukan soal DAP, bukan soal Barisan Nasional, tetapi soal sebagai Ahli Dewan Rakyat, tidak payah seperti mana Yang Berhormat bagi Ipoh Timur bawa cerita yang lain-lain itu, ini, hendak mengajar orang dan sebagainya, hendak kait, banyak lagi perkara yang besar dan sebagainya.

Eh! Ini satu sahaja, sebagai Ahli Parlimen, bangun, minta maaf. Saya ingat kita pun habis cerita, kita boleh balik rumah. Sekian, kita jumpa lagi. Tuan Yang di-Pertua, Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ramai lagi. Sebelum saya minta Menteri jawab, saya benarkan seorang lagi. Yang Berhormat bagi Muar.

**8.22 mlm.**

**Tuan Razali bin Ibrahim [Muar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya menyambung apa yang diperkatakan oleh Yang Berhormat bagi Johor Bharu, *relax*, kita sama-sama muda, kita sudah dengar orang yang lebih dewasa bercakap. Selaku orang muda saya pun hendak beri pandangan, saya hendak minta maaf sebelum saya memulakan ucapan saya. *And I'm so sorry my conscience is clear.* Diminta tadi untuk kita memikirkan tentang tanggungjawab, disebut berulang-ulang kali dalam persidangan Dewan, sejak daripada mula, tiga minggu sudah, dikatakan tentang *first world Parliament, first world infrastructure, first world mentality.*

Sebagai orang muda, saya melihat kelaku yang dipertontonkan ada yang seronok, ada yang baik untuk kita ikuti. Saya ingin melibatkan diri dalam usul yang dibawa oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang dikemukakan di hadapan kita, dan saya bersetuju dengan Yang Berhormat bagi Johor Bahru, merupakan satu perkara yang remeh kalau kita mengambil sikap bahawa perkara itu remeh.

Benda ini jadi berat sebab dia mempersoalkan integriti seseorang Ahli Parlimen sama ada sah atau tidak kedudukan mereka dalam Dewan, itu yang menjadi masalah

sampai kita terpaksa duduk di sini sehingga jam 8.30 ini, kerana kalau betul apa yang didakwa oleh Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor, maka sepanjang tiga minggu kita ada masalah dari segi *legality*nya, sebab itu yang dibawa, dikemukakan kepada kita tentang tidak sah angkat sumpah mengikut *Statutory Declarations*, ini kronologi.

Dalam Akta ini, sebab tadi Yang Berhormat bagi Johor Bahru memberi peluang untuk kita menyelesaikan perkara ini tanpa merujuk ataupun menyusahkan diri merujuk kepada mana-mana akta, tetapi sebab ruang telah diberi, tidak disambut, saya hendak sentuh tentang *Statutory Declarations Act 1960* yang ada lima fasal sahaja. Bukan fasal angkat sumpah secara lisan, fasal angkat sumpah bila kita jumpa *Commissioner for Oath*.

Sebab itu agaknya, Tuan Yang di-Pertua pada ketika itu dengan bersahaja mengatakan bahawa tidak ada perlakuan angkat sumpah perlu angkat tangan atau tidak. Saya ingin merujuk, kalau kita hendak rujuk kepada fakta dalam Perkara 5 (1) Peraturan Mesyuarat, dengan jelas mengatakan bahawa angkat sumpah selaku Ahli Parlimen seperti yang dikemukakan dalam Perlembagaan Persekutuan juga, dengan melafazkan sumpah dan menandatangani dalam buku. Itu telah dikira sebagai sah, tetapi Yang Berhormat bagi Tasek Gelugor bangun kata, bertentangan .....

**Seorang Ahli:** Bukit Gelugor.

**Tuan Razali bin Ibrahim:** Bukit Gelugor, minta maaf.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baik, Yang Berhormat, Bukit Gelugor.

**Tuan Razali bin Ibrahim:** Ya. Kata tidak sah. Perkataan 'tidak sah' berat tuduhan itu. Sedangkan kita sebagai Ahli Parlimen, yang ketika itu kalau diberi kuasa dalam Perlembagaan Persekutuan, sebelum Angkat Sumpah kita dibenarkan memilih Tuan Yang di-Pertua sahaja. Kita pun belum angkat sumpah, tetapi kita telah bangun, saya sebagai orang baru yang bersiap untuk datang ke Dewan, rasa cukup berat tugas yang dibebankan untuk Angkat Sumpah.

Kerana tanggungjawab itu saya rasakan berat, saya tunggu daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sehinggalah ruang saya, satu persatu, pakai pun lawa-lawa, hendak Angkat Sumpah, tiba-tiba bangkit kata, tidak sah. Saya pun faham dalam Lampiran 'A' dikatakan, "seraya mengangkat tangan kanan". Saya pun hendak tahu juga di mana yang kata kalau kita angkat sumpah tidak angkat tangan ini menjadi tidak sah, kerana dalam Peraturan Mesyuarat Perkara 5 (1) dan dalam Fasal 59 (1)

Perlembagaan Persekutuan menyatakan bahawa Angkat Sumpah sebagai Ahli Parlimen (Ahli Dewan Rakyat) memadai dengan lafaz Jadual Keenam dan dengan menurunkan tandatangan dalam sebuah buku. Cukup! Sah sudah.

Jadi, isu tadi, saya rasakan usul yang dibawa oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tentang Peraturan Mesyuarat 44 (8) tentang kenyataan itu cukup jelas, sama ada palsu atau tidak perkara yang dibawa oleh Yang Berhormat berkenaan, selepas *Statutory Declarations* diakui tidak mengandungi perkara-perkara yang melibatkan sah atau tidak mengangkat sumpah dirujuk pula dengan Seksyen 9, Akta Sumpah dan Ikrar, yang dengan jelas juga menunjukkan bahawa Seksyen 9, kalau saya boleh baca, sebab saya Tuan Yang di-Pertua orang muda, jadi kita bila cakap kita selalu hendak rujuk kepada apa yang ada.

Perkara 9 – Sumpah dan Ikrar yang dibuat di bawah Seksyen 6 pula yang tidak dibaca ketika itu, dia cuma rujuk Seksyen 9 sahaja. Seksyen 6 tertakluk kepada Seksyen 7 – ada pula seksyen lain, tetapi yang saya hendak sebut dalam Seksyen 6 Akta ini mengatakan bahawa sumpah hendaklah diangkat oleh orang yang berikut: Saksi, Juru Bahasa, Penterjemah, dan Ahli Juri, tidak sebut Ahli Parlimen (Ahli Dewan Rakyat)

Jadi, pada saya, akta ini nombor satu, tidak mengkategorikan Ahli Parlimen atau Ahli Dewan Rakyat itu sebagai orang-orang yang tertakluk kepada Akta ini. Walau bagaimanapun, Seksyen 9, Sumpah dan Ikrar yang dibuat di bawah Seksyen 6 tadi atau Seksyen 7 hendaklah dikendalikan mengikut apa-apa bentuk dan apa-apa formaliti, sebagaimana yang ditetapkan oleh kaedah-kaedah yang dibuat oleh Jawatankuasa Kaedah-Kaedah.

Ini akta yang diluluskan di Parlimen yang memberi kuasa kepada satu jawatankuasa untuk menetapkan kaedah. Dan, setahu saya tidak ada kaedah pun yang dikemukakan tentang Angkat Sumpah kena angkat tangan kanan atau tangan kiri atau dua-dua tangan. Jadi, pada saya peluang-peluang yang diberikan oleh Yang Berhormat bagi Johor Bahru tentang perkara ini remeh dan boleh kita selesaikan dengan mudah telah pun berlalu, dan *my conscience is clear*. Kalau inilah kelaku yang ditunjukkan, saya tidak teragak-agak untuk memberi sokongan kepada usul ini untuk membawa kepada Yang Berhormat yang jelas memesongkan kerana persoalan yang ditimbulkan tentang sah atau tidak seorang Ahli Dewan Rakyat untuk menduduki Dewan ini.



Jadi, saya mengharapkan .....

**Tuan M. Kula Segaran:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Ipoh Barat.

**Tuan M. Kula Segaran:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Bolehkah saya mendapat sedikit penjelasan, apakah pandangan Yang Berhormat bagi Muar mengenai surat bertarikh 8 April yang di Lampiran 'A' itu. Adakah kami Ahli Parlimen terikat kepada itu atau tidak, dan kalau tidak, bermakna apa-apa surat yang dihantar oleh Parlimen itu bermakna kita tidak terikatlah?

**Tuan Razali bin Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, sebagai Ahli Parlimen saya rasa begitu ramai Ahli Dewan Rakyat yang menjalankan tugas dan tanggungjawab merujuk kepada keistimewaan itu tadi. Pada saya perkara yang dapat memberi petunjuk kepada seseorang Ahli Dewan Rakyat jelas dibukukan dalam Perlembagaan Persekutuan dan juga dalam Peraturan Mesyuarat, yang kita sendiri pun tidak pernah bincang tentang bagaimana kaedah untuk melafazkan sumpah.

Yang saya rujuk adalah Perkara 5 (1), iaitu melafazkan perenggan yang dikemukakan dalam Jadual 6 dan menurunkan tandatangan saya kerana ada juga satu seksyen lain, dalam Perkara 5, yang mengatakan kita boleh mengemukakan dengan cara ikrar, iaitu secara bertulis.

Jadi ini yang saya ikuti dan saya rasa apa yang dikemukakan oleh Setiausaha Dewan Rakyat adalah merupakan satu panduan dan Tuan Yang di-Pertua pada ketika itu menggunakan kuasa beliau yang jelas dalam Peraturan Mesyuarat yang kita persetujui Perkara 99 tentang memberi penafsiran kerana yang dibangkitkan pada hari tersebut, 17 Mei bukan mengenai Lampiran 'A', mengenai *Statutory Declarations Act* 1960 maka Tuan Yang di-Pertua pada ketika itu membuat tafsiran bahawa perkara itu sah.

Perkara mungkin berbeza jika dibangkitkan pada hari itu tentang Lampiran 'A'. Mungkin Tuan Yang di-Pertua akan memberi pandangan yang berbeza tetapi kuasa yang kita persetujui, yang kita berikan kepada Tuan Yang di-Pertua, Perkara 99 adalah muktamad. Jadi, saya rasa saya hanya mematuhi garis panduan yang dikenakan kepada seorang ahli Dewan Rakyat seperti yang terkandung dalam Perlembagaan Persekutuan dan juga Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat.

Jadi, saya rasa apa yang kita perengarkan hari ini mempunyai asas dan saya juga sekali lagi mengulangi bahawa apa yang diberi ruang kepada Ahli Yang Berhormat berkaitan telah pun berlalu dan saya mohon untuk menyokong usul yang dikemukakan. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Menteri.

**8.35 mlm.**

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]:** Tuan Yang di-Pertua, pertamanya saya ingin menyatakan di sini iaitu bahawa Tun Speaker tidak berada di dalam Dewan ini bukan kerana dia sakit tetapi disabitkan oleh kerana dia menghormati peraturan kita kerana dia mempunyai kepentingan dalam hal ini, maka kalau dia duduk di atas sebagai Tuan Speaker, maka ini akan dianggapkan sebagai "*Justice is not only being done but not seen to be done*". Jadi janganlah kita melemparkan perkataan bahawa dia takut untuk berhadapan dengan perkara yang dibangkitkan dalam Dewan pada hari ini.

Keduanya, jelas nampak bahawa ada pertelingkahan di antara Yang Berhormat bagi Ipoh Timur dan Bukit Gelugor sendiri iaitu seorang mengatakan perkara ini penting; seorang lagi mengatakan perkara ini tidak penting. Jadi sebab itu saya pun agak *confuse* tentang perkara ini namun saya hendak menyebutkan di sini bahawa perkara ini sudah pun menjadi penting apabila ia telah pun dibawa ke medan *public* menerusi surat khabar. Sebab itu dalam hal ini kita mengadakan usul kerana ia sudah menjadi satu perkara yang penting. Apatah lagi apabila Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor mengatakan di sini bahawa ia mencelah setelah 13 Ahli Parlimen mengangkat sumpah dan ada di kalangan mereka yang tidak angkat tangan dan mereka yang 13 ke atas itu semuanya Menteri-menteri, Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri.

Sebab itu kalau perkara ini sudah dibangkitkan, waktu dia mencelah, dia tidak membuat apa-apa masalah sebab ia memberikan pandangannya di dalam Dewan ini. Tetapi perkara ini menjadi melarat apabila ia dibangkitkan dan saya ingin mempertahankan di sini kalau Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor mengatakan bahawa mengapa Tun Speaker memakan masa yang begitu lama iaitu daripada 17 hari bulan, kemudian pada 1 Jun baru tulis surat berkenaan dengan perkara ini. Saya percaya Tun Speaker mesti meneliti perkara ini sebelum dia membuat suatu keputusan untuk menghantar surat dan kesannya itu adalah mendalam, maka dia mesti membuat

penyiasatan terlebih dahulu sama ada apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor itu adalah betul atau tidak.

Kita faham bahawa dalam soal angkat sumpah ini, banyak peraturan sebenarnya yang ada yang tidak boleh dikatakan satu akta itu mengesahkan tentang sah atau tidak sah angkat sumpah ini. Sebab itu dia terpaksa membuat kajian dan dia meneliti. Oleh kerana itu, masa yang berjalan daripada 17 Mei hingga sekarang ini, pada 1 Jun dia hantar surat supaya jangan ada tuduhan yang mengatakan bahawa dia buat satu keputusan itu dengan melulu. Sebab itu selepas dia puas hati bahawa tidak ada peraturan ataupun undang-undang yang boleh mengawal secara penuh tentang hal angkat sumpah ini, maka oleh kerana itu barulah dia menghantar surat kepada Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya dalam soal ini, apabila kita membangkitkan soal angkat sumpah, saya percaya macam Bukit Gelugor dan juga Ipoh Timur mempersoalkan tentang negara Islam ini kerana ini soal agama adalah kepentingan masing-masing. Jadi, dalam soal angkat sumpah ini juga kita ada kepercayaan kita masing-masing. Ada yang mengatakan angkat sumpah dengan mengangkat tangan itu tidak sesuai dengan agama dia. Jadi kita kena menghormati sebenarnya cara untuk kita angkat sumpah. Apa yang penting ialah untuk kita melafazkan. Setelah kita lafaz, kita tandatangan, itu yang penting, menunjukkan bahawa kita bersetuju dengan lafaz itu yang kita lafaz, dan sebagai bukti bahawa kita setuju, kita turunkan tandatangan.

Soal kita angkat tangan, ada yang angkat tangan letak dekat hati, ada yang turun tangan, sebenarnya tidak ada apa-apa tentang perkara ini. Jadi sebab itu saya empat kali angkat sumpah; sebagai Ahli Dewan Negara tahun 1990, saya angkat tangan, itu ada gambar. Kemudian saya masih ingat pada tahun 1995 masa angkat sumpah, tidak angkat tangan, tahun 1999 pun tidak angkat tangan, sekarang ini tahun .....

**Tuan R. Karpal Singh:** *[Bangun]*

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Nanti sekejap, nanti sekejap, sabarlah. Tahun 2004, saya angkat tangan. Jadi perkara ini sebenarnya *by convention*, ia bukan mengawal kita punya kesahihan angkat sumpah itu. Beberapa tahun perkara ini berlaku, ia tidak langsung menyebabkan menjadikan kita sebagai ahli yang tidak sah. Jadi sebab itu kepada saya, soal angkat sumpah sama ada angkat

tangan atau tidak, ini soal peribadi, ini soal yang berkaitan dengan fahaman keagamaan sendiri dan soal peribadi dan tidak perlu kita pertikaikan sama ada ia sah ataupun tidak sah.

**Tuan R. Karpal Singh:** Saya minta penjelasan. Ungkapan yang disuarakan oleh Yang Berhormat tadi boleh diterima. Kenapa Tuan Speaker dalam Lampiran 'A' menyatakan, peraturan yang hendak diikuti adalah seperti berikut, dan ini adalah ditujukan kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat, tidak mengira agama. Kenapa? Apa yang dikatakan di sini adalah peraturan yang hendak diikuti adalah seperti berikut. Antara lain dalam perkara itu adalah mengangkat tangan apabila bersumpah.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, apabila kita mengadakan majlis mengangkat sumpah, ada peraturan-peraturan yang kita hantar; caranya angkat tangan dan ada caranya tidak ada angkat tangan. Ini merupakan surat pentadbirannya, saya kirakan surat ini telah pun dihantar bertahun-tahun tetapi ia tidak mengikat kita tentang bahawa kita baru sah bila angkat tangan. Ia tidak mengikat kita, tidak ada undang-undang yang mengikat kita. Cuma sebagai *decorum* di dalam Dewan, nampak manis sedikit, nampak *sombre* sedikit, *solemn* sedikit, angkatlah tangan. Tetapi kalau kita tidak angkat sekalipun, ia tidak akan menjejaskan kesahihan kita sebagai Ahli Dewan Rakyat.

**Tan Sri Dato' Seri Diraja Ramli bin Ngah Talib:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Pasir Salak bangun.

**Tan Sri Dato' Seri Diraja Ramli bin Ngah Talib [Pasir Salak]:** Terima kasih Yang Berhormat. Dari segi perundangan, saya ingin memberi ungkapan sedikit bahawa apa yang telah didakwa oleh Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor adalah kerana ketiadaan mengangkat sumpah oleh sebahagian daripada ahli-ahli pada 17 Mei itu, maka mengikut undang-undang mereka adalah tidak sah sebagai ahli. Ini adalah mustahak, penting dan sebagai inti dakwaan beliau terhadap ahli-ahli itu dan terhadap kemuliaan Dewan ini.

Jelas didapati bahawa dalam *Statutory Declarations Act*, dengan izin, tidak ada mana-mana peruntukan yang mengatakan bahawa mesti bila mengangkat sumpah, diangkat dengan tangan sendiri semasa dilafazkan, tidak ada peruntukan yang sedemikian.

Ini sudah diakui oleh Yang Berhormat sendiri, bermakna beliau sudah menarik balik dakwaan itu, tetapi tidak mahu mengalah dan beliau pula menyebutkan satu akta yang lain bahawa ini bukan dalam *Statutory Declarations Act* yang dikatakan ditarik balik, tetapi ada peruntukan dalam Akta Sumpah dan Ikrar tahun 1949 yang menghendaki bahawa bila mengangkat sumpah dan melafazkan sumpah maka mesti ada mengangkat tangan.

Di sini juga tidak ada, tidak ada mana-mana peruntukan langsung dalam Akta Sumpah dan Ikrar 1949 ini yang mengatakan mesti..

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, adakah Yang Berhormat hendak meminta penjelasan daripada Menteri.

**Tan Sri Dato' Seri DiRaja Ramli bin Ngah Talib:** Ini saya memberikan penjelasan, selepas itu. Saya berikan pendapat dahulu dan meminta penjelasan beliau selepas itu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Saya minta ringkaskan.

**Tan Sri Dato' Seri DiRaja Ramli bin Ngah Talib:** Ya. Bahawa tidak ada peruntukan langsung mengangkat tangan sama ada angkat tangan bawah, atas, atas sekali ataupun di dada atau di mana-mana di tempat lain, tidak ada peruntukan langsung. Apa yang diperuntukkan di sini, malah Ahli-ahli Dewan ini tidak ada termasuk langsung dalam kategori untuk mengangkat sumpah dalam Dewan Akta ini, yang diperlukan mengangkat sumpah ada saksi, jurubahasa, penterjemah dan ahli-ahli juri, orang lain tidak ada.

Jadi, di sini menunjukkan bahawa asas beliau mengatakan mengangkat sumpah dengan tangan dua Akta ini, satu Akta tidak jadi, mengambil Akta ini juga tidak ada, itulah disebabkan kita berpendapat bahawa beliau sudah memesongkan Dewan ini *for the merry go-round*, ditarik keliling....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Sudahlah Yang Berhormat

**Tan Sri Dato' Seri DiRaja Ramli bin Ngah Talib:** ...minta maaf dan ini dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Ipoh Barat oh! ini bukan perkara *substantive*, ini perkara-perkara remeh-temeh, ....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Sudahlah Yang Berhormat

**Tan Sri Dato' Seri DiRaja Ramli bin Ngah Talib:** .. maaf ini perkara kedaulatan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Sudahlah Yang Berhormat, Yang Berhormat hanya diberikan untuk meminta penjelasan.

**Tan Sri Dato' Seri DiRaja Ramli bin Ngah Talib:** ...berkaitan dengan kedaulatan orang ramai. Bahawa kalau ia tidak sah maka Dewan ini tidak sah, bermakna ahli-ahli yang telah dipilih oleh orang ramai tidak sah bermakna kedaulatan orang ramai telah tercabul,...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baiklah Yang Berhormat.

**Tan Sri Dato' Seri DiRaja Ramli bin Ngah Talib:** .. telah tergugat. Ini perkara penting, ini perkara *substantive* bukan..

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Peraturan Mesyuarat..

**Tan Sri Dato' Seri DiRaja Ramli bin Ngah Talib:** ....perkara remeh-temeh ya.

**Beberapa Ahli:** Betul!

**Tan Sri Dato' Seri DiRaja Ramli bin Ngah Talib:** Ini perkara penting dan *substantive*. Kalau tidak ada perkara ini kedaulatan orang ramai diketepikan mana pula kita hendak mengatakan bahawa kita hendakkan *world class* itu, *world class* ini. Kalau perkara kedaulatan orang ramai, asas kepada kehidupan kita di sini. Kita berdiri di sini tidak diketepikan, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baik-baik, cukuplah Yang Berhormat .

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya apa yang disebut oleh Yang Berhormat itu betul, sebab kita mengangkat sumpah ini *by convention* kita tidak kira sama ada angkat tangankah atau letak tangankah, *by convention* maknanya kalau kita membuat sesuatu dan tidak ada *sanction* ataupun larangan selepas itu, maka diamalkan tahun demi tahun. Ini yang ke-11 sudah, sebab itu tidak berbangkit soal kita kena mengangkat tangan dan kalau Yang Berhormat menyebut surat 18 April, saya percaya Yang Berhormat itu sendiri berkata bahawa dia terlupa surat itu ada, sebab itu dia tidak mengingatkan kepada Speaker, sudah tentulah kalau dia 64 tahun dia lupa, apa tah lagi kalau Tun Zahir lebih umur, lebih tua dia mungkin juga lupa.

Jadi, kita kenalah kalau kita boleh melepaskan diri kita, kita lupa mengapa Tun Speaker juga, dia juga boleh lupa. Jadi, kita sama-samalah memperingatkan satu sama lain. Yang Berhormat ..

**Seorang Ahli:** *[Bangun]*

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat ada dua yang bangun.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Jerai, Jerai saya tertarik kepada Yang Berhormat Menteri. Pertamanya ini sebagai rakan dalam Parlimen Yang Berhormat Bukit Gelugor tadi mengatakan bahawa telah kenal lama kepada Yang Berhormat Tun Speaker, kenal daripada Alor Setar sampai sekarang. Tetapi Yang Berhormat juga apabila emosional mengatakan dia tua, dia tertidur, adakah ini Yang Berhormat sedar Yang Berhormat tadi sendiri mengatakan Yang Berhormat tua apabila Yang Berhormat mengambil cermin mata dan pakai tadi.

Jadi, tua dan muda ini kita kena hormat-menghormati 'pumpchei' 'pumchei' penjelasan Yang Berhormat sebagai manusia kalau kita hendak orang menghormati kita, kita kena menghormati orang. Itu sebagai manusia.

**Seorang Ahli:** Budaya Malaysia!

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Itu budaya Malaysia, kalau saya menghormati Yang Berhormat Bukit Gelugor, Yang Berhormat kena juga menghormati saya. Ini caranya tetapi saya merasa sayu dan sedih apabila Yang Berhormat begitu lantang, adakah Menteri bersetuju begitu lantang mengatakan sesuatu kepada Yang Berhormat Tun Speaker yang begitu lama. Bagi saya sebagai bapa, saya ingat kepada Yang Berhormat Bukit Gelugor kalau diibaratkan sebagai abang...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat cukup Yang Berhormat, Yang Berhormat tidak mahu balikkah malam ini.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Tidak mahu balik Alor Setar? Cukuplah.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** *[Bercakap dalam bahasa Cina]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Apa cakap!

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:**

Balik besok. *[Ketawa]* Jadi, saya berharap Yang Berhormat Bukit Gelugor dalam kes ini sebagai menghormati kawan dan menghormati sebagai bapa kepada

Dewan ini yang berkhidmat kepada beberapa orang Perdana Menteri, yang begitu banyak pengalaman, kita harus menghormati beliau dan menyanjungi beliau sebagai seorang yang berpengalaman dan sabar dalam menjalankan tugas. Adakah Yang Berhormat Menteri bersetuju dan Yang Berhormat Bukit Gelugor boleh menerima teguran saya sebagai rakan.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Saya setuju tetapi saya hendak memberitahu di sini bahawa berkenaan dengan Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor ini saya lebih menghormati dia sebagai seorang peguam daripada sebagai Ahli Parlimen. Jadi, bila saya menghormati dia sebagai seorang peguam dia seorang profesional, dia ada *professionalism* dan *professionalism* ini bermakna bahawa kalau orang menghantar surat kena jawablah. Jadi, saya hendak membezakan sedikit dengan Yang Berhormat bagi Seputeh, dia telah menyebut bahawa dia hendak menyamakan Perdana Menteri tidak menjawab surat.

Saya hendak beritahu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri datang satu hari menjawab di sini. Selepas itu dia pergi ke China, ke Jepun, kemudian dia pergi ke San Francisco, dia tidak mempunyai masa buat ketika ini, tetapi saya akan memaklumkan kepada dia tentang surat Yang Berhormat bagi Seputeh itu. Jadi, jangan samakan dengan tidak menjawab surat daripada Bukit Gelugor kepada Tuan Speaker. Saya rasa Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor ini soal *professionalism I think*, menjawab surat itu soal biasa sahaja, dia bukan surat untuk hendak menyatakan kita salahkah apa? Cuma memberitahu ini pandangan saya, ini jawapan. Macam saya kena *show cause letter* dahululah saya jawab habis cerita.

Mula-mula memang saya lawan selepas itu kena nasihat suruh jawab, saya jawab habis cerita. Jadi, sebab itu saya hendak menasihatkan kepada..

**Tuan M. Kula Segaran:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Ipoh Barat.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Ipoh Timur tidak mengapalah saya hendak bercakap tentang Bukit Gelugor ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ipoh Barat bukan Ipoh Timur.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Yang Berhormat bagi Ipoh Barat, tidak mengapa. Jadi, saya rasa perkara ini berbangkit disabitkan oleh kerana dianya



telah dibuat laporan dalam akhbar semua. *I will not reply* ya. Jadi, bila begitu nampak seperti tidak menghormati proses Dewan ini yang mana surat yang seperti itu sepatutnya hanya dijawab secara peribadi sahaja dan tidak perlu diberikan publisiti yang meluas seperti yang telah berlaku. Jadi, sebab itu saya rasa kalau surat ini telah pun dijawab, saya rasa benda ini pun tidak akan *dipursue* tetapi ianya *dipursue* kerana..

**Tuan M. Kula Segaran:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Ipoh Barat

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** ...kerana perkara ini sudah menjadi serius tidak mahu dilihat sebagai mana-mana ahli memesongkan Dewan yang boleh implikasinya orang di bawah membaca akhbar kerana dia dilaporkan dalam akhbar. Sebab orang membaca akhbar perkara ini tidak selesai akan menyatakan bahawa Ahli Parlimen yang mengangkat sumpah itu tidak sah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor.

**Tuan R. Karpal Singh:** Mengenai surat bertarikh 1 Jun yang dihantar oleh Tuan Speaker kepada saya. Soalan yang pertama adalah, adakah seseorang Speaker walaupun dalam 14 hari atau dua tiga hari tidak kira itu. Adakah dia berusaha untuk menghantar satu surat mengenai apa yang terjadi di dalam Dewan. Apa yang terjadi di dalam Dewan harus diselesaikan dalam Dewan. Saya tidak menjawab kerana jika saya jawab itu menjadi satu *precedent*, dalam masa hadapan jika pegawai mendapat surat dalam dua minggu, dua bulan, barangkali dua tiga tahun beri penjelasan. Oleh itu saya tidak menjawab, mudah untuk menjawab tidak ada apa-apa tetapi satu perkara *precedent*, *precedent* yang boleh *dicreated*. Oleh itu saya tidak jawab, saya ada sebab, bukan saya langsung tidak peduli apa yang dihantar oleh Tuan Speaker kepada saya.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Kadangkala kita menggunakan *wisdom*. Adalah lebih baik perkara itu tidak dijadikan pertikaian yang boleh membawa kepada kekeruhan yang kita lihat pada hari ini. Sebab itu untuk menenangkan keadaan adalah lebih baik perkara-perkara ini dia tulis surat. Itu jauh lebih baik daripada berlaku pertikaian, pertikaman lidah di antara Bukit Gelugor dengan dia. Tidak eloklah. Dua-dua pun sudah tua. Jadi, sebab itu saya merasakan dia tidak ada salahnya iaitu apa-apa soal dalam Dewan itu dijawab bertulis sebab kadangkala

soalan pun tanya pada saya, kalau tidak dapat jawab, saya jawab bertulis. *That is normal*. Bukannya satu *precedent* yang baru. Semua kita bercakap di sini. Tidak cukup masa - yang mana saya tidak jawab saya jawab bertulis. *That is normal*.

Oleh sebab itu saya merasakan sebenarnya tidak ada asas di sebalik Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor tidak mahu menjawab surat yang dihantar oleh Tuan Speaker.

**Tuan R. Karpal Singh:** Yang perlu dilihat perkataan yang digunakan oleh Tuan Speaker, khasnya perenggan yang terakhir itu - "*Haraplah Yang Berhormat membuat satu penerangan di atas celaan Yang Berhormat itu kepada saya dengan segera*". Itu tidak apa, saya boleh terima itu. "*Kita tidak boleh membenarkan mana-mana Ahli memesongkan (misdirecting) Dewan dalam apa-apa perkara ini.*" Mereka menggunakan perkataan-perkataan seperti *misdirected*. Itu bukan satu cara yang elok untuk mendapatkan satu penjelasan daripada seseorang yang lain.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, itulah kebijaksanaannya Tuan Speaker. Dalam pandangan dia, *this is a misdirection*, jadi sebab itu dia hendak perkara ini interaksinya berlaku di antara Yang Berhormat dengan dia. Sebab itu kalau Yang Berhormat jawab surat ini kami tidak tahu pun bahawa perkara ini berlaku, tetapi oleh kerana Yang Berhormat Tuan Speaker mahu perkara ini *privy*, jangan dimaklumkan kepada semua Ahli Dewan Rakyat bahawa seolah-olah berlaku pertikaian dengan menggunakan perkataan "*mis*"...saya bersetuju mungkin Yang Berhormat kata "*misdirecting*" itu satu perkataan yang agak kuatlah, sebab itu benda ini dilakukan dengan sulit, sebab itu dia menulis surat, sebab itu dia tidak bercakap berhadapan dalam Dewan ini. Kalau bercakap hadapan kita semua tahu dan mungkin memalukan Yang Berhormat sendiri.

Jadi, sebab itu saya rasa perkara ini adalah betul apa yang Tuan Speaker buat, tetapi ia sudah menjadi besar disabitkan oleh kerana publisiti yang dilakukan oleh Yang Berhormat Bukit Gelugor sendiri. Oleh sebab itu saya rasa dalam soal ini kita tidak boleh salahkan Tuan Speaker. Saya rasa kalau Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor telah menjawab surat ini, kita di sini pun tidak tahu pun tentang cerita perkataan "*misdirection*", "*misdirecting*" yang tidak dipersetujui oleh Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor.

Jadi, sebab itu Tuan Yang di-Pertua, saya mohon perkara ini masih lagi boleh kita selesaikan, kalau sekiranya surat itu dijawab dan saya rasa sebagai seorang

profesional, saya kenal Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor - saya tahu dia seorang peguam yang bagus, walaupun dalam Dewan saya berkelahi dengan dia tetapi dia seorang yang profesional. Jadi, janganlah mengurangkan profesionalismenya....

**Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Kubang Kerian bangun.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:**... dengan membuat satu perkara yang saya anggap sungguh keanak-anakan kerana perkara ini seperti sahaja budak yang degil tidak mahu akur semata-mata kerana maruah. Ini bukan soal marah, ini soal profesionalisme.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Kubang Kerian bangun.

**Tuan Salahuddin bin Ayub:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya lihat di akhir ucapan Yang Berhormat Menteri itu ada sedikit kebijaksanaan yang boleh kita, saya rasa selesaikan perkara ini. Kalau saya minta penjelasan Yang Berhormat Menteri boleh tidak bagi satu jaminan dengan satu kata "maaf" daripada Yang Berhormat Bukit Gelugor, Yang Berhormat Menteri tarik balik dan perkara ini selesai, insya-Allah. Ini saya rasa dengan satu kata "maaf" - selesai. Yang Berhormat Menteri tarik balik dan saya rasa Dewan yang mulia ini akan menyaksikan satu sejarah *world class parliament* akan wujud insya-Allah. Saya cadang.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Saya rasa dalam hal ini ialah soal prosedur yang kita hendak ikut. Walau bagaimanapun, oleh kerana usul telah pun dikeluarkan dan pada saya kalau sekalipun kita rujuk kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan Ahli Dewan, kalau di sana pun kalau dipanggil oleh jawatankuasa ini dan dapat diselesaikan di sana kembali balik kita boleh selesai.

Jadi, saya rasa perkara ini bolehlah kita serah kepada Ahli untuk membuat keputusan sama ada untuk hendak meneruskan ataupun tidak dengan usul ini.

**Tuan Salahuddin bin Ayub:** Saya minta sekali lagi jasa baik. Yalah, kalau hendak bawa terus kepada jawatankuasa ini, bermakna perkara ini telah pergi terlalu jauh. Apa salahnya Yang Berhormat Menteri bertanya kepada Yang Berhormat Bukit Gelugor, kalau dia tarik balik - selesai. Ini saya rasa penjelasan yang terbaik. Saya rasa Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor bersedia.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Sudah habis?

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan.

Masalahnya ialah bahawa usul seperti yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri itu tadi hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

“BAHAWA, pada 17 Mei, 2004 Yang Berhormat Ahli dari kawasan Bukit Gelugor telah bangun mencelah semasa ahli-ahli lain mengangkat sumpah menjadi ahli dalam Dewan Rakyat dengan membuat teguran mengatakan, sumpah ahli-ahli yang tidak mengangkat tangan ketika mengangkat sumpah itu tidak sah mengikut Statutory Declarations Act, 1960.

DAN BAHAWA Yang di-Pertua Dewan telah menyemak Akta itu dan didapati tidak satu pun provisi dalam Akta itu yang menyatakan sumpah dengan tidak mengangkat tangan itu adalah tidak sah. Oleh itu Yang di Pertua pada 1 Jun, 2004 telah menulis kepada ahli itu meminta penerangan darinya mengapa dia membuat celahan dari kenyataan itu.

DAN BAHAWA pada 3 Jun, 2004 ahli itu telah membuat satu kenyataan dalam akhbar mengatakan dia tidak mahu menjawab surat Yang di-Pertua itu, sebaliknya menyalahkan dan menyerang peribadi Yang di-Pertua. Semasa itu ahli itu telah menyatakan dalam akhbar itu dia telah tersilap menyebutkan Akta Statutory Declarations itu dan seterusnya menyatakan Akta yang betul adalah Oaths and Affirmations Act, 1949.

DAN BAHAWA pada 7 Jun, 2004 sekali lagi ahli itu membuat kenyataan dalam Dewan ini dengan menegaskan Akta yang betul adalah Akta Oaths and Affirmations 1949 itu dan telah membaca seksyen 9 undang-undang itu.

DAN BAHAWA sekarang ini Dewan hendaklah menentukan kenyataan Ahli dari Bukit Gelugor itu yang menyatakan sumpah dengan tidak mengangkat tangan itu sah di bawah Oaths and Affirmations Act, 1949 atau tidak.

Oleh yang demikian saya memohon membuat usul di bawah Peraturan Mesyuarat 44(8) iaitu perkara ini hendaklah dirujuk kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan Dewan untuk membuat penentuan sama ada kenyataan yang dibuat oleh Ahli Bukit Gelugor dalam Dewan itu palsu atau tidak dengan mengkaji provisi-provisi Akta Oaths and Affirmations dan lain-lain undang-undang dan mengambil apa-apa keterangan yang difikirkan perlu dan lepas itu Jawatankuasa ini hendaklah membentangkan satu penyata dalam Dewan untuk pertimbangan Dewan yang akan datang dan jika Jawatankuasa ini mendapati Ahli Bukit Gelugor itu telah membuat

kenyataan palsu dan telah memesongkan Dewan yang mulia ini, Jawatankuasa ini hendaklah membuat syor dalam penyata itu apa jenis hukuman yang setimpal yang patut Dewan kenakan ke atas Yang Berhormat itu.”

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, selesailah urusan mesyuarat kita pada hari ini. Saya bagi pihak Tuan Speaker dan rakan saya Timbalan Speaker ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah dapat memberikan kerjasama kepada kami bagi memastikan Persidangan Dewan pada kali ini dapat berjalan dengan licin dan sempurna.

Kepada pegawai-pegawai kerajaan yang telah dapat memberikan bantuan mereka di sepanjang Persidangan Dewan berjalan, saya juga mengucapkan ribuan terima kasih kepada mereka. Saya yakin selepas ini semua Ahli Yang Berhormat akan balik ke kawasan masing-masing, maka dengan ini saya mengucapkan selamat pulang ke kawasan masing-masing dan akan berjumpa lagi.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan yang mulia ini akan ditangguhkan sekarang sehingga satu tarikh yang akan ditetapkan. Sekian.

***Dewan ditangguhkan pada pukul 8.58 malam.***